

Bil. 67

Rabu
20 September 2006



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman 20)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 2007	(Halaman 20)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 44/106)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.J.N., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:

16. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO

29. Yang Berhormat Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA

69. Yang Berhormat Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. " Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP

109. Yang Berhormat Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. " Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. " Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. " Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Azanariah binti Mohd Yunan
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****RABU, 20 September 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) adakah terdapat sasaran tertentu dalam bilangan usahawan tani yang ingin diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan; dan
- (b) apakah insentif-insentif khusus yang ditawarkan untuk meningkatkan bilangan petani komersial dari kelompok petani tradisional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagai makluman iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menasaskan untuk membangunkan 10,000 usahawan khususnya usahawan industri asas tani yang meliputi 8,956 orang usahawan di bawah subsektor tanaman, 95 orang usahawan di bawah subsektor ternakan, 1,015 orang usahawan di bawah subsektor perikanan dan 77 orang usahawan di bawah subsektor padi beras.

Melalui Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani ini, usahawan yang akan dibangunkan ini juga disasarkan mempunyai pendapatan minimum berjumlah RM2,000 bersih sebulan dan berkeupayaan meningkatkan kualiti produk ke tahap pasaran global yang menepati persijilan antarabangsa bagi sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah usahawan tani yang akan dibangunkan.

Bagi menjawab soalan,

- (b) Pelbagai insentif sama ada insentif berbentuk fiskal atau bukan fiskal telah disediakan oleh kementerian serta jabatan dan agensi di bawah kementerian ini bagi meningkatkan pembangunan usahawan tani. Bagi insentif fiskal yang disediakan ialah melibatkan pengecualian cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 selama sepuluh tahun mulai projek tersebut mendapat keuntungan bagi projek-projek pengeluaran makanan yang diluluskan seperti projek tanaman iaitu buah-buahan dan sayur-sayuran, penternakan lembu, kambing dan biri-biri, penternakan ayam secara reban tertutup, akuakultur, perikanan laut dalam, projek integrasi serta projek-projek industri berasaskan pertanian.

Bagi insentif bukan fiskal yang disediakan ialah seperti khidmat nasihat, rundingan teknikal, bantuan peralatan, khidmat pemindahan teknologi, khidmat pemasaran, pembiayaan serta latihan dan kursus yang berkaitan dalam aspek-aspek persijilan, penjenamaan, pembangunan produk, pembangunan perniagaan, keusahawanan, inkubator dan sebagainya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia Kesembilan yang bermula daripada tahun 2006 hingga 2010 akan menjadi penggerak ke arah mengubah hala tuju sektor pertanian dan industri asas tani negara ini ke peringkat berteknologi tinggi dan yang mempunyai nilai tambah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyarankan agar Malaysia menambah bilangan saintis, ahli ekonomi dan usahawan dalam bidang-bidang pertanian berorientasikan bioteknologi malah ini turut tersirat di dalam Bajet 2007. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah pelan tindakan Kementerian untuk menggalakkan, menarik dan sekali gus menambah usahawan tani yang berorientasikan bioteknologi dan bolehkah Kementerian menyatakan halangan dan kelemahan yang bakal dihadapi bagi mempertingkatkan bilangan usahawan tani dan petani komersial. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat dari segi soalan tadi. Memanglah hasrat khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang mempunyai satu sasaran yang begitu tinggi terhadap bidang pertanian, di mana untuk makluman iaitu pelancaran Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Nasional telah diadakan pada 17 Ogos di Sik, Kedah oleh beliau sendiri dan di situlah timbul hasrat supaya kita betul-betul menjanakan supaya dapat mensasarkan dan sasaran kita tetapkan kepada 10,000 usahawan menjelang tahun 2010. Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat tadi, iaitu dari segi bagaimana caranya kita hendak menarik dan juga menambah usahawan tani, khasnya dalam bidang yang terkini iaitu biotek dan halangan serta kelemahan.

Yang Berhormat, kita telah mensasarkan dan bukan 10,000 usahawan ini sekali gus kita sasarkan, tetapi kita telah menjuruskan supaya ia dilakukan peringkat demi peringkat iaitu bermula pada tahun ini iaitu:

TAHUN	BILANGAN USAHAWAN
2006	500
2007	2,000
2008	3,500
2009	3,000
2010	1,000
JUMLAH	10,000

Sememangnya dari segi untuk kita mendapatkan mereka yang betul-betul berminat di dalam bidang usahawan ini kita telah menjuruskan satu syarat yang akan dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian untuk menentukan bahawa mereka yang dipilih ini memang betul-betul yang berpotensi, yang dapat kita komersialkan iaitu dari segi pengeluaran di mana kita menjuruskan iaitu daripada ladang ke meja. Itu moto yang kita ambil, dan juga menggunakan pendekatan bahawa pertanian ini adalah perniagaan.

Jadi halangan-halangan dia memang ada Yang Berhormat. Satu daripada halangannya iaitu kita mungkin mendapati mereka ini yang bukan seperti kita kehendaki. Sebab itu kita memastikan kepada agensi dan jabatan untuk memilih usahawan-usahawan yang mempunyai jati diri, mempunyai semangat itu memang sudah ada di dalam diri masing-masing untuk berjaya dan ingin menjadi usahawan tani dan bukan mereka ini dipaksa untuk menjadi usahawan tani. Itu kriteria yang paling penting. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan daripada SUPAR hebat dan kalau tengok Yang Berhormat Menteri dia pun hebat, dan kita tahu pertanian ini kita sudah tinggalkan sekian tahun tetapi malangnya pemain-pemain di peringkat kampung dan daerah, pelakon lama yang sudah tidak ada semangat. Pengarah, penerbit pun, peralatan dia pun yang lama Pak. Modal ada tetapi pemainnya lama.

Saya berharap kalau hendak cita-cita murni yang disebutkan oleh kerajaan, Rancangan Malaysia Kesembilan ini hendak memperkasa pertanian, mesti *overhaul* Kementerian Pertanian dalam segi pegawainya, apatah lagi di daerah-daerah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalnya Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Soalnya Tuan Yang di-Pertua. Cita-cita besar, nafsu besar, tenaga tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Pertanian di peringkat daerah, pegawainya masih pelakon yang lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu belum soalan lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Soalan dia, yang diuar-uarkan yang tiga ribu Pegawai Perkembangan yang akan dilantik oleh Kementerian Pertanian, saya hendak tahu setakat mana ini? Di Jasin masih lagi pelakon lama.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk]* Pakai lembing.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Janganlah Raja... *[Ketawa]* Yang lama Tuan Yang di-Pertua. Jadi, setakat mana pada hari ini kita hendak tahu Pegawai-Pegawai Perkembangan yang kami di peringkat daerah, di peringkat Parlimen sedang menunggu untuk mengubah nasib peladang-peladang, petani-petani kita di kampung. Terima kasih SUPAR. Senyum dah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: *[Ketawa]* Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi itulah satu daripada halangan yang kita hadapi juga.

Terima kasih, dan pada masa yang sama memanglah hari itu kita telah memohon tiga ribu jawatan-jawatan yang harus diisi, dan daripada jawatan ini memanglah jawatan yang kritikal. Sebab betul Yang Berhormat, saya pun memang bersetuju dengan Yang Berhormat. Rancangan memang begini cantik, tetapi kalau tidak ada pelaksana yang sama-sama dengan kita untuk meningkatkan dari segi program ini memanglah susah, tetapi untuk makluman, tiga ribu jawatan ini dalam proses pengambilan dan pada masa yang sama, pegawai-pegawai yang sedia ada memang dihantar untuk berkursus. Mulai tahun ini, memang telah diadakan kursus-kursus untuk menambahkan lagi kecekapan sealiran dengan era sekarang ini... *[Disampuk]*

[Ketawa] Jadi, oleh yang demikian, memang Yang Berhormat kita pun kadang-kadang-kadang ada juga..., kesabaran kita pun mungkin ada ini juga dan untuk makluman juga, semalam Yang Berhormat Menteri juga telah menerangkan dari segi modal insan di dalam kementerian dan jabatan dan agensi memang harus kita tingkatkan, dan pada masa yang sama, kita juga berharap bahawa kerajaan-kerajaan negeri juga turut selari dan selaras dengan kehendak kementerian sebab Yang Berhormat, pertanian ini ada satu keistimewaannya, iaitu penglibatan kedua-dua peringkat di peringkat Persekutuan dan juga negeri. Sebab itu, di dalam perbincangan dipastikan juga bukan sahaja perjawatan di peringkat *Federal*, Persekutuan diisi, tetapi juga yang ada di peringkat negeri. Terima kasih.

2. Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kementerian membantu Majlis-Majlis Bandaran dan Daerah di Sarawak. Jikalau ada, sila beri senarai mengikut Majlis Bandaran dan Daerah yang menerima, jikalau tidak kenapa dan sila beri penjelasan terperinci.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu KPKT, sentiasa membantu pihak berkuasa tempatan atau PBT, di seluruh negara termasuk PBT di negeri Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM92,672,759.27 telah diberikan kepada PBT di negeri Sarawak, iaitu dalam bentuk projek-projek kecil sebanyak RM78,791,716.02, program kebersihan sebanyak RM1,538,029.25. Manakala, sebanyak RM12,000,343,014 pula untuk pengurusan sisa pepejal.

Bagi tahun 2006 pula, setakat ini Yang Berhormat, sebanyak RM16,185,402 telah disalurkan dalam bentuk projek-projek kecil, program kebersihan dan pengurusan sisa pepejal kepada PBT di negeri Sarawak melalui Jabatan Kerajaan Tempatan. Jumlah mengikut PBT adalah, *list* dia ini terlalu panjang, kalau izinkan, kalau setuju dari Yang Berhormat bagi Santubong, saya akan hantar itu secara bertulislah kepada Yang Berhormat, kalau setuju. Kalau tidak setuju saya baca. Okey. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah. Yang pertama, bukan sahaja bersetuju, saya minta Yang Berhormat Menteri beri tiap-tiap Ahli Parlimen di Sarawak, diberi satu senarai supaya dia orang tahu, apa dalam daerah dia bantuan yang telah diberi oleh Kementerian, kerana RM16 juta ini Tuan Yang di-Pertua, kalau dibagi dengan semua daerah di Sarawak itu, mungkin dapat RM2 ribu seoranglah.... [*Ketawa*]. Terima kasih.

Soalan dia itu, kalau dipandang dari segi *ratio*, bukanlah hendak kita membuat satu perbandingan yang itu, di pandang majlis-majlis daerah di Sarawak dan di Sabah, dengan bantuan diberi kepada majlis daerah-majlis daerah di negeri-negeri di Semenanjung, bolehkah Yang Berhormat memberi sebagai *ratio* dia, pemberian tersebut. Adakah perbezaan yang jauh ketara, kerana pada tahun 2006 saya sendiri memohon kepada Kementerian, ada RM50 juta untuk bantuan kerana Majlis Bandar Kuching Utara atau DBKU, *short* RM50 juta daripada bajet yang dilulus oleh kerajaan negeri pada tahun lepas. Jadi, berkemungkinan pada tahun ini kalau tidak ada bantuan, DBKU akan mengalami lebih parah lagi bahkan kawasannya makin besar.

Jadi, persoalannya, apakah bajet yang diterima daripada Kementerian mengikut garis panduan ataupun selaras dengan cadangan yang telah dibuat oleh majlis-majlis daerah di seluruh Sarawak dan berapakah permohonan daripada Majlis-Majlis Daerah seluruh Sarawak, *the total* nya dan berapa *ratio* yang bakal diluluskan. Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat, sahabat saya bagi Santubong. Untuk maklumat Yang Berhormat, tentunya peruntukan di bawah tahun 2006 bagi Dewan Bandaraya Kuching Utara iaitu, saya difahamkan itu di dalam kawasan Yang Berhormat bagi Santubong ialah RM902 ribu sahaja, tetapi tentang soalan lain kah, ini *ratio* nya saya minta bertulis kerana saya tidak ada maklumat sini.

Kalau ditimbang peruntukan yang diberi kepada PBT di Semenanjung dan PBT di Sabah dan Sarawak, oleh Kementerian saya contohnya untuk projek-projek kecil, projek kebersihan dan projek pelupusan sisa pepejal, tidak beza banyak, hanya satu iaitu geran tahunan. Ini kerana semua PBT di Semenanjung di bawah guna pakai Akta Kerajaan Tempatan atau Akta 171 tetapi Sabah dan Sarawak hanya pakai *Ordinance Local Government* masing-masing, dengan izin, supaya mereka sebelum mendapat, terima geran tahunan.

Saya difahamkan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak, mereka boleh memohon geran atau peruntukan khas dari *Treasury*. Saya difahamkan pun banyak akan dihantar ke negeri-negeri. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di dalam peruntukan sisa pepejal ini, apakah bentuk yang diberi, untuk aktiviti? Adakah untuk membina tapak pelupusan sampah ataupun untuk mengutip sampah dari rumah ke rumah? Atau pun untuk pentadbiran pengurusan sampah? Mohon jawapan, Yang Berhormat.

Dato' Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong. Dia ini pakar *environment* atau keceriaan, di mana dia memang memberi perhatian tentang sisa pepejal. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan untuk menguruskan sisa pepejal, contohnya di Semenanjung, beberapa PBT telah memohon bantuan dari Kementerian saya untuk membina tempat menguruskan sisa pepejal. Tambahan pula mereka pun minta bantuan untuk membayar hutangnya kepada kontraktor. Ini mungkin kerana ada PBT pendapatannya kurang cukup, so ada hutang kepada kontraktornya. Jawapan saya, geran ini bukan hanya untuk membenar, kalau sesebuah PBT, dia kurang peruntukan, dia boleh minta untuk menguruskan sisa pepejal. Sekian, terima kasih.

3. Tuan Raime bin Unggi [Tenom] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah kewajaran dan keberkesanan dalam usaha kerajaan untuk mendaftarkan telefon-telefon mudah alih pra bayar.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan pendaftaran pengguna telefon pra bayar, bermula di negeri Melaka dan Pulau Pinang mulai 1 Oktober 2005 dan seterusnya di seluruh negara mulai 1 Januari 2006. Kewajaran atau rasional keputusan ini dibuat ialah untuk membolehkan kawal selia yang berkesan ke atas perkhidmatan telefon pra bayar.

Langkah ini akan dapat membantu agensi penguatkuasaan undang-undang menjalankan siasatan ke atas kes-kes penyalahgunaan telefon *cellular* seperti penyebaran fitnah, mesej lucah, ugutan melalui telefon *cellular* untuk memudahkan tindakan undang-undang diambil mengikut seksyen 233 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta 588. Pendaftaran ini juga akan melindungi pengguna daripada ancaman-ancaman yang berkaitan dengan penyalahgunaan telefon pra bayar.

Pendaftaran dijangka tidak memberi implikasi negatif kepada pengguna kerana ia merupakan urusan, dengan izin, *one-off*. Namun demikian, ia mempunyai implikasi kepada pemberi perkhidmatan bagi membangunkan dan melaksanakan sistem pendaftaran. Kos pelaksanaan bagi membangunkan dan melaksanakan sistem pendaftaran telefon pra bayar oleh pemberi perkhidmatan berjumlah RM104.5 juta keseluruhannya meliputi kos pengiklanan, kos sumber manusia, kos pembangunan sistem serta kos agensi perhubungan awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari sudut keberkesanan, program pendaftaran ini masih belum boleh dinilai sepenuhnya kerana ia belum selesai. Sehingga 5 September 2006, sejumlah RM7,276,858 juta atau 44% daripada jumlah pelanggan perkhidmatan pra bayar telah berdaftar dengan pemberi perkhidmatan masing-masing. Walaupun bilangan pelanggan yang telah berdaftar masih rendah, pelbagai usaha yang gigih sedang dilakukan oleh semua pemberi perkhidmatan *cellular* terlibat untuk meningkatkan tahap pendaftaran.

Kementerian ini yakin usaha-usaha yang sedang dijalankan akan menampakkan hasilnya dalam beberapa bulan yang akan datang sebelum tempoh pendaftaran yang ditetapkan berakhir pada 15 Disember 2006 ini. Terima kasih.

Tuan Raime bin Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, adakah pendaftaran telefon mudah alih ini melibatkan kos kepada pengguna-pengguna, kepada pemegang telefon itu sendiri?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tenom. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, tidak ada kos tambahan kepada pengguna untuk mendaftar telefon mudah alih ini. Cuma suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa setelah 15 Disember nanti, sesiapa yang tidak mendaftarkan telefon, mereka tidak akan dapat menggunakan telefon mereka untuk membuat panggilan luar. Mereka cuma boleh menerima panggilan masuk selama 14 hari dan boleh membuat panggilan-panggilan kecemasan tetapi selepas 14 hari dari 15 Disember, mereka tidak akan boleh membuat panggilan luar dan mereka juga tidak boleh menerima panggilan masuk ke telefon mereka. Ini akan menyebabkan *sim card* mereka itu tidak berfungsi lagi dan membolehkan nilai di dalam *sim card* itu hapus segala-galanya. Ini yang harus disedari oleh semua pengguna-pengguna telefon. Apabila setelah 14 hari dari tarikh tamat tempoh 15 Disember yang akan datang. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu kos untuk membangunkan sistem pendaftaran ini RM104.5 juta. Jadi, apakah kos RM1 juta lebih ini akan di pungut pula oleh syarikat-syarikat TELCO ini melalui caj yang digunakan oleh pemilik kad pra bayar ini di dalam mereka membuat panggilan. Apakah ada perjanjian supaya syarikat-syarikat ini tidak mengenakan caj yang lebih kepada pengguna-pengguna setelah pengguna mendaftar sebagai pengguna yang berdaftar sebelum bulan Disember ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kos RM104.5, kebanyakan kos ini sebagaimana yang saya katakan tadi adalah merupakan kos dari segi pengiklanan, kos sumber manusia dan kos pembangunan sistem dan ini adalah satu kos *one-off*. Pada hari ini tidak ada perjanjian antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan juga pihak TELCO atau CELCO untuk membenarkan mereka mengenakan caj tambahan apabila sistem ini beroperasi ataupun setelah tamat tempoh pendaftarannya pada 15 Disember yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk] Ini kerana soalan ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Penyalahgunaan telefon pra bayar ini sudah menjadi isu terbuka. Saya minta penjelasan daripada kementerian, sejauh manakah sebenarnya kesungguhan syarikat-syarikat TELCO ini melaksanakan arahan kementerian, terutama dalam mendaftarkan telefon-telefon mudah alih pra bayar ini.

Saya rasa sehingga hari ini kementerian tidak mempunyai laporan terkini berhubung dengan peratus pendapatan yang disumbangkan oleh telefon mudah alih secara prabayar ini berbanding dengan *post paid* ataupun telefon yang berdaftar. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kementerian menyatakan:

- (i) tarikh ataupun tarikh tamat ataupun *deadline* kepada semua syarikat-syarikat *Telco*, syarikat-syarikat telekomunikasi di negara ini untuk melaksanakan arahan supaya semua telefon mudah alih prabayar didaftarkan. *The deadline* dengan izin;
- (ii) berapa peratuskah pendapatan yang disumbangkan kepada syarikat-syarikat *Telco* daripada telefon mudah alih prabayar tersebut.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan perkara ini sebenarnya kementerian memang bersungguh-sungguh untuk memastikan semua *Telco*, untuk memastikan semua pengguna-pengguna telefon prabayar untuk mendaftarkan telefon *prepaid* mereka. Sebab itu kita menetapkan 15 Disember merupakan tarikh terakhir. Saya ulang, 15 Disember merupakan tarikh terakhir kerana salah satu sebabnya ialah cadangan-cadangan pendaftaran telefon prabayar ini juga datangnya dari rakan-rakan Ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat yang meminta dalam tahun sudah yang meminta supaya kementerian ini mendaftarkan telefon prabayar ini.

Maka kementerian ini memandangkan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini dengan serius maka kita menetapkan 15 Disember ini sebagai tarikh terakhir sebagaimana yang telah saya katakan tadi setelah 15 Disember kita hanya beri 14 hari bagi mereka untuk menerima panggilan-panggilan tetapi tidak membenarkan mereka membuat panggilan keluar. Cuma mereka boleh buat panggilan-panggilan *emergency* selepas 14 hari maka panggilan keluar pun tidak boleh, panggilan masuk pun tidak boleh dan mungkin akan nilai dalam *sim card* itu akan hilang kerana *sim card* itu tidak ada lagi dalam sistem yang dimiliki oleh *Telco*. Ini persetujuan yang telah dilakukan antara pihak *Telco* dan juga pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Berhubung dengan peratus, saya tidak ada angka itu dengan tepat pada hari ini, jadi saya jumpa Yang Berhormat bagi Labuan di luar nanti, saya maklumkanlah, insya-Allah. Terima kasih.

4. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Perdana Menteri menyatakan, cadangan Pembangunan Ekonomi Selatan Johor. Sila nyatakan jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan untuk pembangunan ini dan jelaskan kaedah yang akan digunakan oleh kerajaan untuk mentadbir kawasan pembangunan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM10.2 bilion telah diperuntukkan untuk pembangunan di negeri Johor.

Daripada jumlah tersebut, Pembangunan Wilayah Ekonomi Johor Selatan atau *Southern Johore Economic Region* diperuntukkan sebanyak RM1 bilion. Di samping itu beberapa projek lain khususnya yang berkaitan dengan infrastruktur dan kemudahan awam yang bernilai RM1.498 bilion juga akan dilaksanakan di bawah kawasan ini ataupun *Southern Johore Economic Region*. Peruntukan yang diberikan ini adalah meliputi berbagai-bagai projek pembangunan bagi kawasan *Southern Johore Economic Region* seperti:

- (i) pembinaan lebuhraya pesisir pantai;
- (ii) projek keselamatan;
- (iii) menaik taraf jalan;
- (iv) penjajaran jalan;
- (v) persimpangan bertingkat;
- (vi) pembersihan sungai;
- (vii) sistem pemetungan berpusat; dan
- (viii) projek saliran bagi pusat bandar.

Beberapa mekanisme pentadbiran sedang dirangka untuk digunakan ataupun untuk diguna pakai dalam pentadbiran *Southern Johore Economic Region* yang pembangunannya diterajui oleh Khazanah Nasional. Antaranya ialah dengan menggunakan perundangan dan agensi pelaksana sedia ada di peringkat negeri dan persekutuan.

Di samping itu terdapat juga cadangan supaya ditubuhkan Lembaga Johor Selatan atau *South Johore Authority* atau SJA sebagai pihak berkuasa perancangan di kawasan ini. Bagi tujuan tersebut, Khazanah Nasional bersama-sama dengan kerajaan negeri Johor dan Jabatan Peguam Negara akan mengkaji semula proses dan keperluan semasa dengan menyusun dan meminda proses sedia ada ataupun menurunkan kuasa kelulusan kepada Lembaga Johor Selatan yang dicadangkan itu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bagi pihak pengundi pula ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengurniakan projek pembangunan ini yang memang kena tepat pada sasaran untuk meningkatkan ekonomi selatan Johor untuk menyaingi Singapura.

Walau bagaimanapun, saya ingin melahirkan kebimbangan mengenai pelaksanaan projek ini yang disebabkan oleh kerenah birokrasi. Rintihan yang sering didengar oleh para pelabur di negara ini adalah mengenai kelambatan kelulusan penanaman modal dari FIC dan juga penukaran syarat tanah daripada pejabat tanah negeri. Soalan saya, adakah *South Johore Authority* ini akan diberikan peranan dan kuasa yang sama seperti *one-stop-agency* untuk melicinkan proses birokrasi dalam pelaksanaan projek yang disebutkan ini. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak dapat memberi satu jawapan yang jelas kerana dari segi mekanisme seperti yang saya sebutkan tadi, ia masih di peringkat perundingan di antara Khazanah Nasional, kerajaan negeri dan juga bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara. Sebab itu perkara ini saya tidak dapat beri penjelasan kepada Yang Berhormat.

Akan tetapi walau bagaimanapun, masalah FIC seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tidak akan timbul seperti mana yang saya jawab dalam Dewan yang lalu iaitu kita sekarang telah menurunkan had kelulusan sehingga kepada sepuluh hari bekerja. Jika semuanya berjalan dengan elok, sudah tentulah apa yang kita sebutkan ini terpaksa dilaksanakan oleh pihak pentadbiran kerajaan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita mendengar bahawa rancangan *Southern Johore Economic Region* ini lebih kepada soal membangunkan infrastruktur, menyediakan kemudahan-kemudahan dan ditambah pula dengan hasrat untuk bersaing dengan Singapura. Bagaimana dengan keadaan dan nasib pengusaha-pengusaha bumiputera?

Sebagai contoh, di kawasan Yang Berhormat bagi Pulau ada Pasar Rabu, bangunannya indah tersergam, tak ada satu pun pengusaha di situ kerana tidak dapat untuk membayar sewa berdasarkan kepada bentuk perniagaan mereka dan banyak lagi pengusaha-pengusaha bumiputera yang akan terlibat di dalam rancangan *Southern Johore Economic Region* ini. Bagaimana kerajaan merancang untuk mengambil kira kepentingan golongan-golongan peniaga yang sedia ada dalam perancangan *economic region* ini. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatian kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tetapi saya ingin menyatakan bahawa sebab itulah untuk memastikan bahawa pelaksanaan pembangunan di kawasan ini berjalan seperti mana yang kita hasratkan dan sebab itu ia diberikan kepada Khazanah Nasional untuk mengepalai pembangunan bagi kawasan ini.

Sebab itu jugalah apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi mengenai FIC ini, kita sentiasa memantau supaya ia tidak terkeluar daripada landasan matlamat pembangunan ekonomi negara kita khususnya agenda bumiputera seperti mana yang kita harapkan dalam rancangan Malaysia yang seterusnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan, pendek, ringkas, kalau dengan keizinan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak mengapalah Yang Berhormat. Boleh tanya Yang Berhormat di luar nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pembangunan Johor Selatan ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak mengapalah Yang Berhormat, nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tadi telefon pun boleh tiga Tuan Yang di-Pertua. Takkan ini pun tidak boleh tiga... [*Dewan riuh*] Pasal ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak minta sedikit, satu... satu sebenarnya amaran...

5. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan setiap kenderaan persendirian yang menjangkau usia lima ataupun sepuluh tahun untuk diwajibkan menjalani pemeriksaan PUSPAKOM serta rasionalnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong yang telah mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan kenderaan persendirian yang menjangkau usia lima tahun ataupun sepuluh tahun untuk menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM. Ini adalah disebabkan cadangan tersebut memerlukan suatu kajian yang terperinci sebelum ia boleh dilaksanakan bagi mengelakkan keraguan di kalangan orang ramai dan bebanan kepada mereka. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Alor Star dahulu ya.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Sabar sahajalah.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tak apalah nanti sahabat saya akan dapat peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nampak Alor Setar dahulu Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya memandangkan jumlah kenderaan di negara ini kian meningkat dengan begitu pantas sebab hari ini kita dapat melihat jumlah kenderaan di negara ini tidak kurang daripada 15 juta buah kenderaan. Maka adakah kerajaan mempunyai satu strategi ataupun kajian yang cukup teliti mengenai nisbah kenderaan dan jumlah jalan yang kita ada dan sama ada mulai dari sekarang hingga lima tahun lepas ini, masalah seperti kesesakan jalan di kota-kota besar, kesesakan jalan di *highway*, di jalan bertol, masalah seumpama ini. Sama ada MOT mempunyai satu kajian yang teliti mengenai ini. Macam mana kita nak menangani masalah kesesakan di kota-kota? Macam mana kita nak... takkan kita nak setiap kali melebarkan lagi *highway-highway* yang kita ada? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan kenderaan tadi iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak kementerian. Macam apa yang telah saya jawab tadi, iaitu berkaitan dengan sama ada kita akan meminta mereka membuat pemeriksaan kepada kenderaan-kenderaan ini. Ini masih lagi dikaji dan Menteri Pengangkutan sendiri memikirkan pada ketika ini belum sampai masanya untuk kita melaksanakan cadangan tersebut.

Berkaitan dengan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Alor Star tadi, memang sepanjang masa kita telah membuat pemantauan dan laporan-laporan ini telah dikemukakan kepada kementerian. Dan kita juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Kerja Raya iaitu dalam sesuatu pemantauan yang kita buat, yang mana kita melihat dan boleh dikatakan kesesakan lalu lintas ini yang selalunya berlaku terutamanya di kawasan-kawasan tol ini sentiasa kita memandang berat, melihatkan keadaan kereta yang bertambah lebih kurang satu juta lebih setahun.

Jangka masa dalam lima hingga ke sepuluh tahun ini, memang kita akan mengambil satu perhatian yang serius di atas perkembangan ini apabila kita juga melihatkan keadaan *accident* dengan izin, yang berlaku di jalan raya ataupun *highway-highway* kita. Yang Berhormat percayalah bahawasanya kita di Kementerian Pengangkutan ini amat sentiasa mengikuti perkembangan dalam segi kesesakan lalu lintas yang berlaku di dalam negara kita ini pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya bersetuju dengan jawapan Timbalan Menteri tadi. Buat masa ini memang tak payahlah... [*Beberapa Ahli ketawa*]

Soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempertingkatkan tahap ketelusan dan kewibawaan PUSPAKOM? Kerana yang pertama, tuan punya kenderaan perdagangan ini, dia tak pergi dan selalunya ada pihak ketiga. Yang kedua, di JPJ mereka hanya terima VR1 ataupun B2 sehelai kertas tanpa melihat kenderaan-kenderaan tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya sendiri telah melawat beberapa *center* PUSPAKOM ini dan saya rasa mereka telah menjalani pemeriksaan ini dengan begitu teratur, tersusun dan baik. Bahkan dulu pun saya kemungkinan termakan dengan berbagai-bagai dakwaan terhadap PUSPAKOM ini. Katalah di Wangsa Maju yang saya pernah lawati, setakat yang saya nampak pada ketika itu, sesuatu pemeriksaan telah dibuat dengan cara yang teratur dan *detail*. Laporan-laporannya, amat saya rasa mengikuti segala peraturan yang kita tetapkan atau ditetapkan oleh pihak JPJ. Bahkan di Wangsa Maju itu sendiri tidak kurang daripada seribu kenderaan yang diperiksa pada tiap-tiap hari. Sama juga di tempat-tempat lain.

Jadi saya rasa dakwaan Yang Berhormat tadi kemungkinan rasa saya tidak begitu tepat kerana saya sentiasa mengikuti perkembangan dan pemeriksaan yang dilakukan oleh PUSPAKOM di beberapa *center* di seluruh negara ini. Kalau ada sesuatu bukti yang kukuh yang boleh Yang Berhormat kemukakan bahawasanya pemeriksaan ini tidak dibuat dengan cara yang teratur dan tersusun, sila kemukakan kepada saya. Terima kasih.

6. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, sejauh mana keberkesanan penggunaan laman web semakan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kemasukan ke IPTA telah dilaksanakan melalui aplikasi dalam talian laman web secara berperingkat mulai sesi akademik 2002/2003. Melalui sesi akademik 2005/2006, aplikasi dalam talian laman web dilaksanakan sepenuhnya bagi permohonan kemasukan ke IPTA untuk program lepasan STPM dan setaraf. Manakala bagi program pengajian lepasan SPM dan setaraf, masih menggunakan dua kaedah iaitu melalui borang permohonan dan aplikasi dalam talian laman web. Pada dasarnya, aplikasi dalam talian laman web menjimatkan kos yang dikenakan kepada pemohon berbanding kos pemohon untuk pelajar lepasan SPM setaraf yang menggunakan kaedah borang permohonan adalah sebanyak RM21.60. Manakala permohonan melalui aplikasi dalam talian laman web hanyalah sebanyak RM10.60.

Kedua, penggunaan aplikasi dalam talian laman web juga akan dapat mengelakkan sebarang penipuan oleh pemohon kerana wujudnya jalinan kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara dalam mengesahkan maklumat peribadi pemohon.

Ketiga, aplikasi dalam talian web membenarkan pemohon membuat pengemaskinian maklumat permohonan kemasukan IPTA sebanyak tiga kali tanpa sebarang kos tambahan berbanding dengan penggunaan borang yang tidak membenarkan sebarang bentuk pengemaskinian maklumat. Dengan ini, jumlah kesilapan maklumat yang dimasukkan oleh pemohon akan dapat dikurangkan.

Keempat, pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan bagi membantu pemohon mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA seperti menyediakan kemudahan semakan status keputusan permohonan melalui laman web bagi membantu pemohon mengetahui status berjaya atau gagal mereka dengan lebih cepat. Permohonan yang berjaya boleh mencetak surat tawaran melalui laman web dan mendaftar di IPTA. Manakala bagi pemohon yang gagal, mereka boleh terus mengemukakan rayuan kemasukan ke IPTA melalui aplikasi dalam talian e-rayuan. Kaedah ini banyak membantu pemohon sebenarnya untuk membuat persediaan awal untuk mendapatkan kemudahan bantuan pinjaman PTPTN yang boleh dipohon dengan menggunakan surat tawaran yang telah dicetak melalui laman web.

Namun demikian kementerian akan terus meletakkan sistem aplikasi dalam laman *web* supaya kadar capaian dan *accessibility* akan dapat dipercepatkan agar tidak berlaku kesesakan *server*. Kementerian akan menambah bilangan *server* yang dikhaskan untuk aplikasi dalam talian *web* tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, oleh kerana ini melibatkan pelajar-pelajar IPT, saya sebelum itu hendak tanyalah dan ingin tahu keadaan pelajar-pelajar kita di Thailand, khususnya di Bangkok berhubung dengan rampasan kuasa di sana kerana ini membimbangkan keselamatan ibu bapa. Saya ambil kesempatan ini, mungkin kementerian ada buat pemantauan kerana ini melibatkan pelajar-pelajar kita. Mungkin ada juga daripada Sabah dan Sarawak. Mungkin ada program pertukaran.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat, saya ikuti jawapan Yang Berhormat tadi tetapi tentang laman *web* ini ialah satu, kadang-kadang walaupun sudah keluar dalam laman *web*, lambat sampai surat tawaran. Kedua, tidak sampai langsung... [Disampuk] Eh, betul! Ini jangan main-main, mungkin sampai ke Sabah dan Sarawak di kawasan luar bandar. Saya terpaksa bawa perkara ini. Kadang-kadang hilang, Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk] Ya! Walaupun kita ada kecanggihan laman *web*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalnya, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini soalnya, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian tidak sampai langsung, salah alamat. Yang paling penting, salah tawaran. Mungkin dalam laman *web*, kursus yang ditawarkan ialah perubatan, macam Tuan Yang di-Pertualah, tetapi surat sampai dalam bidang sukan, kalau ada, contohnya ataupun dalam bidang yang lain, kejuruteraan.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Soalanlah ini, soalan. Ini boleh mematahkan semangat pelajar. Apakah tidak ada penyelarasan di antara fakulti dengan pentadbiran? Ini amat menghampakan sebab kita bercakap pasal *delivery system*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah itu, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dan saya ingin bertanya, adakah sah laku surat tawaran dalam laman *web* itu untuk dibawa terus apabila surat tawaran diterima atau yang mana satu hendak dipakai atau kedua-duanya sekali, dalam laman *web* yang boleh dicetak atau surat yang diterima kemudian atau kedua-duanya sekali. Mana satu? Ini mengelirukan, hak laman *web* satu yang dicetak atau surat tawaran yang diterima atau kedua-duanya sekali. Ini amat penting kerana kita bimbang pelajar-pelajar yang di luar bandar kadang-kadang terpaksa pergi ke bandar... [Disampuk] Yang Berhormat bagi Sri Gading okeylah, sudah ada kemudahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak payah ulaslah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, saya tidak ulas.

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ingin juga minta supaya kalau bolehlah setelah ada laman *web* ini untuk menentukan pengambilan pelajar kita ada, bagus, saya ingin juga bertanya apakah sudah tiba masanya surat-surat selain daripada surat tawaran ini, kalau dapat laman *web* ini diupdatekan lagi, dengan izin, tentang permohonan biasiswa dan pinjaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kadang-kadang pelajar kita pergi ke luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pelajar pun sudah keluar Yang Berhormat... [Memandang ke arah galeri awam]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hah! Dia pergi ke luar negara, dia ingin tahu. Jadi saya mintalah supaya sistem yang ada ini dapat diupdatekan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian, untuk soalan pertama, sentiasa memantau keadaan yang berlaku di luar negara, lebih-lebih lagi jika terdapat ramai pelajar kita menuntut di sana. Di Thailand, mengikut rekod kementerian terdapat sebilangan kecil pelajar kita menuntut di Universiti Chulalongkorn dan Universiti Kasetsart dalam program Ph.D. Pemantauan di buat oleh Pengurusan Kebajikan Pelajar, Jabatan Penuntut Malaysia. Walaupun tiada Jabatan Penuntut Malaysia di Thailand, pihak kementerian dalam kes di Thailand dewasa ini kita telah pun menghubungi pihak Kedutaan Malaysia di sana dan memberi maklumat tentang pelajar di Malaysia menuntut di Thailand sama ada ditaja ataupun secara persendirian mengikut yang kita ada. Antara langkah yang kita akan ambil ialah membawa pelajar pulang dengan selamat sekiranya keadaan bertambah buruk.

Untuk soalan yang kedua Yang Berhormat, kita akui bahawa dalam proses mendidik pelanggan kita iaitu pelajar-pelajar kita untuk menerima cara permohonan melalui laman *web* ini, kita akan menghadapi pelbagai masalah. Walau bagaimanapun, Kementerian sedar pada tahun 2007/2008 ini kemasukan akan guna sepenuhnya dan ini kita perlukan sepenuhnya kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga sekolah-sekolah dan membuat persediaan rapi agar perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat seperti maklumat yang salah, tersalah hantar tawaran, tidak sampai, kita akan ambil kira.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan laman web di mana keputusan yang dikeluarkan ini sebenarnya membantu pelajar dengan lebih baik kerana kita membenarkan pelajar mencetak dan membawa cetakan tersebut ke IPTA dan di situ pengesahan dibuat dan mereka boleh mendaftar. Berbanding dengan dahulu di mana tawaran rasmi di pos kepada pelajar-pelajar dan ini menyukarkan pelajar-pelajar kerana kemungkinan lewat sampai. Hari ini mereka boleh bawa surat tawaran yang dicetak melalui *web* dan di situ surat tawaran rasmi akan diberi semasa permohonan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya sokong apa yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa melalui laman *web* kita akan menjimatkan kos dan juga memudahkan pelajar-pelajar tertentu mengenai permohonan mereka di dalam IPTA tetapi dalam masa yang sama, saya hendak tanya mengapa sewaktu permohonan ataupun rayuan, *websitenya* selalu tidak berfungsi begitu berkesan. Tadi sudah dinyatakan bahawa akan *upgrade*, dengan izin, *websitenya*.

Soalan tambahan saya ialah adakah Kementerian bercadang untuk membuat ataupun menubuhkan satu *website* yang *mirror* ataupun *website* sokongan *in case website* utama rosak atau tidak berfungsi, *so website mirror* ini dapat diambil alih fungsi ini. Soalan yang kedua ialah bagi saya, kalau pemohon-pemohon daripada kawasan saya, Puchong, saya tidak ada masalah. Bagaimana dengan pemohon-pemohon daripada kawasan luar bandar, Sabah Sarawak yang tidak ada kemudahan laman *web* ataupun *internet facilities* ini, orang dari Kelantan ataupun Terengganu ini.

So bagaimana Kementerian dapat menolong pelajar-pelajar daripada kawasan luar bandar ini untuk mereka memohon permohonan mereka dalam laman *web* ini, seterusnya memberikan perkhidmatan yang sama dan adil kepada mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengambil maklum bahawa terdapat kes-kes di mana kesesakan berlaku semasa permohonan dan rayuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan dari segi teknikal dalam pelaksanaan sistem aplikasi dalam talian bagi permohonan dan semakan keputusan untuk kemasukan ke IPTA sesi 2006 sebelum ini diuruskan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Pengajian Tinggi akan mengambil alih sepenuhnya mulai Sesi Akademik 2007/2008. Langkah-langkah yang diambil untuk memantapkan lagi sistem aplikasi dalam talian ini, kita akan mengurangkan bebanan *server* daripada berlaku semasa permohonan dengan menggunakan enam *server* khusus yang baru yang terancang untuk sistem aplikasi kemasukan ke IPTA sahaja. Kita akan menggunakan teknologi *load balancing* bagi memastikan bebanan *server* dibahagi sama rata bagi mengelakkan kesesakan pada mana-mana *server*.

Ini akan memastikan perkakasan dan perisian yang diperlukan bagi pelaksanaan sistem aplikasi sentiasa dalam keadaan baik dan berteknologi terkini. Untuk kekurangan prasarana di luar bandar dalam aplikasi melalui laman *web*, Kementerian mengambil perhatian mengenai ini dan data menunjukkan bahawa untuk makluman Yang Berhormat, lepasan SPM yang telah memohon melalui laman *web*; bandar 46%, luar bandar 53.1%. Untuk lepasan STPM dan setaraf, bandar telah memohon 50%, luar bandar 50% daripada 74,967 pelajar lepasan STPM.

Maknanya di luar bandar kita akui sekarang mereka lebih menggunakan talian *web* kerana cepat dan munasabah dan kita akan mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif dengan mengadakan penyelarasan bahagian sekolah, jabatan pelajaran negeri, pengurusan politeknik, kolej komuniti dan akan menyediakan *help desk* bagi permohonan kemasukan ke IPTA secara *online*. Kalau mereka datang ke kementerian kita beri percuma sahaja untuk kemasukan dan kita minta supaya para kaunselor di sekolah mendapatkan maklumat lebih cepat untuk tahun-tahun akan datang supaya maklumat disampaikan kepada pelajar dengan lebih terkini. Terima kasih.

7. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sama ada kementerian sedar bot nelayan pukut harimau yang sentiasa mencerobohi perairan yang cetek di negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Adakah sebarang perundingan dengan polis marin dilakukan memandangkan piha polis marin kelihatan seperti berkawan baik dengan nelayan pukut harimau ini.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, zon yang dibenarkan untuk *vessel* pukut harimau atau pukut tunda beroperasi iaitu zon 'B' iaitu atas lima batu nautika. Adalah menjadi satu kesalahan jika *vessel-vesse*l pukut harimau ini menjalankan aktiviti penangkapan ikan di zon 'A' iaitu di bawah lima batu nautika. Zon 'A' merupakan kawasan perairan yang dikhususkan kepada aktiviti penangkapan ikan menggunakan peralatan tradisional. Pengusaha *vessel* pukut harimau yang ditangkap kerana mencerobohi zon 'A' boleh dituduh di bawah seksyen 8B Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar apa-apa syarat dalam lesen yang dibenarkan.

Bagi menangani isu ini Jabatan Perikanan telah mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan secara rondaan berkala atau operasi mengejut berdasarkan maklumat yang diperolehi. Jabatan Perikanan Malaysia tidak mengadakan perundingan secara terus dengan Polis Marin Malaysia tetapi bermesyuarat secara berjadual setiap tiga bulan sekali bersama agensi-agensi penguat kuasa perundangan maritim yang lain di bawah Jawatankuasa Bertindak Operasi Malaysia (JBOM).

Jawatankuasa Bertindak Operasi Malaysia yang diwujudkan oleh pusat penyelarasan penguatkuasaan maritim Malaysia dianggotai oleh semua agensi yang terlibat di dalam penguatkuasaan perundangan maritim negara. Agensi-agensi JBOM adalah seperti berikut, Wisma Putra, Polis Diraja Malaysia atau Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Pusat penyelarasan penguatkuasaan maritim Malaysia jabatan Perdana Menteri menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan antara agensi-agensi tersebut dan bertindak sebagai koordinasi dalam penglibatan bersama agensi dalam suatu operasi khas. Operasi yang dikenali sebagai 'Operasi Samudera Gagah' digerakkan secara berkala bagi memastikan perairan negara tidak dicerobohi oleh *vessel-vesse*l nelayan asing dan pencerobohan zon oleh *vessel-vesse*l nelayan tempatan. Berasaskan rekod yang diterima oleh kementerian ini pihak Polis Marin sehingga 14 Ogos 2006 telah melakukan tangkapan 116 buah *vessel* tempatan dan empat buah *vessel* asing yang melakukan kesalahan seksyen 8(b), Akta Perikanan 1985. Justeru itu, tuduhan mengatakan polis marin dikatakan berkawan baik dengan nelayan pukut harimau adalah tidak wajar. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Walaupun ada segala-gala mekanisme untuk menguatkuasakan undang-undang tetapi mata pencarian nelayan-nelayan laut cetek terus terjejas akibat pencerobohan nelayan pukut harimau ini. Sekiranya ada sesiapa nampak terdapat pencerobohan zon misalan kata pukut harimau ini masuk ke zon 'A' apa nelayan itu perlu buat. Sila beri satu panduan sekiranya ada nampak dia mencerobohi zon 'A' apa dia perlu buat kerana sekiranya diberitahu ada rondaan berkala itu tidak berkesan langsung. Soalannya, apa dia perlu buat. Sila beritahu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Dia harus melaporkan kepada Jabatan Perikanan atau kepada wakil-wakil rakyat. Laporkah kepada wakil rakyat sebab saya banyak juga menerima laporan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tengah malam?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tengah malam pun Yang Berhormat lapor tapi tengah malam itu Yang Berhormat satulah, kita cuba untuk mengadakan pengawalan yang sebaik mungkin tetapi apa yang harus dilakukan memang melapor dan Yang Berhormat kita memang bersimpati bukan tidak bersimpati dan kita pun memang hendak menjaga kebajikan bagi mereka di dalam zon 'A', tetapi memang pencerobohan ini berlaku dan betul Yang Berhormat katakan dia menceroboh bukan siang hari, dia menceroboh jauh-jauh malam. Kita tidur dia bekerja tetapi mesti kita ada gembelngkan satu tenaga di kalangan nelayan-nelayan itu sendiri dan memang satu daripadanya hanyalah melapor Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada nelayan, Bandar Kuching juga ada nelayan. Setujukah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen masalah pencerobohan ini berasal daripada *foreign charter vessel* dan penguat kuasa marin kita sangat lemah dan tidak dapat dengan efisiennya untuk mengelakkan pencerobohan ini. Oleh itu, masalah asalnya berpunca daripada *foreign charter vessel* dan kenapa Kementerian Yang Berhormat sehingga sekarang di perairan Sarawak masih membenarkan *foreign charter vessel* dilanjutkan. Semasa Kementerian Yang Berhormat benar-benar sedar tentang masalah ini saya fikir hasil lautan kita semua sudah habis. Tidak ada untuk nelayan lagi. Apakah cadangan Yang Berhormat tentang *foreign charter vessel* ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi pencerobohan ini Yang Berhormat bukan sahaja *foreign charter vessel* atau yang asing tetapi sebenarnya juga termasuk juga yang tempatan. Sebab Yang Berhormat sebenarnya semula jadi di zon 'A' ini memang ikannya baik-baik belaka. Ikannya yang kita kata *table fish*. Jadi di sinilah di mana memang bukan sahaja yang *foreign* yang tempatan pun memang suka. Tetapi memandangkan kita ada peraturan sebab itulah kita ada zon-zon tetapi Yang Berhormat memanglah saya kata kita tidak *seperfect* yang kita kehendaki. Sebab lautan kita ini memang luas jadi memang kadang dia tahu pula itu di mana tempat rondaan dia tidak pergi di situ. Dia pun ada operasi juga Yang Berhormat.

Jadi bukan sahaja *foreign*, bukanlah saya hendak melindungi *foreign* tapi tempat ini memang ramai yang sukalah sebab ikan-ikan di zon 'A' tempat ikan berlindung dan ikan membiak. Sebab itulah ikan-ikannya cantik-cantik dan ikan ini pun bukan di atas air di tengah-tengah air. Jadi di zon 'A' ini memanglah tempat ikan yang terbaik. Jadi Yang Berhormat mengenai *charter vessel* di Sarawak itu memang kita sudah kurangkan setakat ini dan kalau ikut Jun tahun 2006 tidak ada lagi *foreign charter vessel* tapi yang mana masih ada bekerjasama dengan nelayan atau usahawan tempatan jadi kita teruskan tapi *under review*. Terima kasih.

8. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, kesan kehadiran Setiausaha Negara Amerika dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-39 di Kuala Lumpur baru-baru ini. Sejauh mana pandangan ASEAN terhadap beberapa isu seperti isu Myanmar, Korea Utara, Israel-Palestine dan Israel-Lubnan diambil perhatian oleh Setiausaha Negara Amerika berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabey Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Beluran atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, kehadiran Setiausaha Negara Amerika Syarikat Condoleezza Rice pada bukan Julai lalu atas kapasiti beliau sebagai wakil negara yang menjadi rakan dialog ASEAN di mesyuarat PMM, PMC dan ERF. Malaysia dan negara-negara ASEAN telah mengambil kesempatan atas kehadiran beliau untuk mengetengahkan pendirian ASEAN terhadap isu-isu seperti isu Myanmar, Korea Utara dan konflik di Timur Tengah terutamanya berkaitan dengan tindakan keganasan rejim Israel terhadap Lubnan dan Palestin baru-baru ini.

Oleh yang demikian saya berpandangan bahawa kehadiran Rice telah mendatangkan kesan yang positif sekali. ASEAN telah menyuarakan pandangan secara langsung kepada Rice mengenai pelbagai isu yang disebut oleh Yang Berhormat dalam soalan itu serta bantahan ASEAN berhubung sokongan pihak Amerika Syarikat di atas tindakan Israel di Lubnan.

Hasilnya mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN, Persidangan Pasca Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN dan forum serantau ASEAN telah mengeluarkan beberapa resolusi dan pernyataan yang mengutuk tindakan tersebut. Pertemuan ini secara tidak langsung telah dapat mempengaruhi lima negara yang membentuk ahli tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu *T-Five*, dengan izin, untuk mengeluarkan Resolusi 1701, yang membolehkan gencatan senjata sementara dikuatkuasakan di Lubnan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada jawapan Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, dunia tahu hakikat bahawa Bush gagal di Iraq dan tidak juga berjaya di Afghanistan. Saya merujuk kepada pertemuan Perdana Menteri dengan Bush sehari yang lalu dan harapan kita agar pertemuan itu bukan semata-mata untuk mengaburi dunia terhadap kegagalan Amerika di Afganistan dan Iraq.

Soalan saya, sejauh mana harapan ASEAN, OIC dalam isu-isu yang dinyatakan ini? Termasuk juga isu tahanan Guantanamo Bay dan isu terorisme yang mengikut sudut pandangan USA, Amerika akan diambil perhatian oleh Bush sendiri dalam pertemuan yang diadakan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Bush baru-baru ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Beluran walaupun soalan asal berkaitan dengan pertemuan Setiausaha Negara Condoleezza Rice, tetapi soalan tambahan berkenaan dengan Bush, pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Bush saya kira ada kaitan kerana ia adalah lanjutan daripada pertemuan yang diadakan di Kuala Lumpur pada baru-baru ini.

Pertemuan yang diadakan selama 55 minit, saya difahamkan adalah pertemuan yang dilanjutkan pada tempoh asalnya yang saya difahamkan hanya sekadar 30 minit diperuntukkan. Ini bermakna satu pandangan yang positif dan penerimaan yang positif ditunjukkan oleh Presiden negara Amerika terhadap kewibawaan negara kita Malaysia iaitu kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan kewibawaan kita sebagai Pengerusi OIC. Dalam tempoh masa yang begitu singkat, banyak perkara yang telah diutarakan, tetapi yang paling besar, perkara yang mendominasi perbincangan tersebut ialah yang berkaitan dengan soal keamanan sejagat.

Kita menyentuh tentang soal isu Timur Tengah khususnya dalam pernyataan kita mengenai pendirian kita dan meminta sokongan daripada Amerika Syarikat tentang isu Kerajaan Perpaduan Nasional di Palestin, tentang rancangan kita untuk menghantar pasukan pengaman kita di Lubnan, mengenai perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dan Amerika, mengenai zon perdagangan bebas FTA yang kita mengharapkan ianya tidak akan mendatangkan sesuatu yang negatif kepada negara kita. Dan yang lebih penting sekali dalam perbincangan tersebut, kita telah membincangkan tentang soal pendirian kita supaya jangan ada lagi salah faham tentang isu yang berkaitan dengan soal Islam dan keganasan dan sebab itu lah Perdana Menteri kita juga turut menyatakan kesalnya dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Pope Benedict yang ke-16 baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin ucap setinggi tahniah kepada pihak Wisma Putra yang dapat mengatur kunjung hormat Perdana Menteri kita dengan pihak Presiden Bush. Itu saya rasa satu usaha yang baik sekali dan berkaitan dengan itu juga berkaitan dengan maksud saya dengan beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran dan Rice saya tidak nampak apa kesannya kita dengan pihak Rice, satu.

Dan sehubungan dengan itu, sebagai ahli ASEAN, apakah pendirian pihak Malaysia terhadap kerajaan baru yang akan di tubuh di Thailand. Adakah kita akan beri pengiktirafan kepada kerajaan baru yang baru sahaja akan mengambil alih daripada Thaksin.

Dan saya tahu kita tidak akan campuri hal ehwal dalam negeri Thailand tetapi apakah sekiranya kita diminta untuk sama ada mengiktiraf atau pun tidak. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang saya rasa jauh tersimpang pada soalan asal tetapi kalau lah dikaitkan dengan tidak ada kesan dengan kehadiran Setiausaha Negara Amerika itu dalam konteks hubungan kita dengan ASEAN adalah tidak benar sama sekali. Perkara ini telah saya jelaskan tadi bahawa ASEAN memerlukan rakan kongsinya dan antara rakan kongsi yang terbesar ialah Amerika Syarikat tersebut kerana ia adalah merupakan pelabur dan rakan perdagangan yang terbesar bukan sahaja untuk Malaysia tetapi juga untuk negara-negara yang lain.

Selain itu, saya jelaskan juga lagi di atas pertemuan tersebut, kita telah mengutarakan banyak isu-isu khususnya berkaitan dengan keamanan sejagat, soal Timur Tengah yang ternyata mendatangkan kesan yang begitu positif sekali selepas pertemuan tersebut. Berkaitan dengan isu yang terbaru, yang dikaitkan dengan soal rampasan kuasa tentera yang terbaru di Thailand, sukar untuk kita hari ini mengeluarkan satu kenyataan kita terus mengiktiraf kerajaan tersebut kerana saya kira dalam mana-mana kerajaan mudah untuk menggulingkan sesebuah kerajaan, tetapi perkara yang paling penting ialah bagaimana untuk mendapat legitimasi atau kesahan bagi sebuah kerajaan yang baru.

Legitimasi dikaitkan dengan soal penerimaan rakyat, legitimasi dikaitkan dengan soal perlembagaan, legitimasi dikaitkan dengan soal perundangan. Ini perkara yang tidak mudah untuk kita putuskan pada hari ini dan kita menunggu lagi dan kita melihat apakah perkembangan yang berterusan daripada isu rampasan kuasa tentera di Thailand. Terima kasih.

9. Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah cadangan untuk mengatasi lambakan kereta-kereta terpakai di Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tawau yang dijangka akan dijawab pada 20 November 2006 dan Yang Berhormat bagi Padang Serai pada 30 November tahun ini kerana ia menyentuh perkara yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Yang di-Pertua, semasa menjawab soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jerai dan Jasin pada 30 Ogos 2006 di Dewan yang mulia ini, telah dinyatakan faktor-faktor yang menyebabkan lambakan kereta nasional dan kereta terpakai sekarang. Ia termasuklah penurunan harga kereta baru telah mengakibatkan penurunan nilai kereta terpakai dan nilai *trade-in* dengan izin, untuk pembelian kereta baru. Pembiayaan kewangan oleh institusi-institusi kewangan yang lebih ketat, kenaikan kadar faedah daripada purata dua peratus kepada 4.1 peratus dan pengurangan margin pembiayaan daripada 90 hingga 100 peratus kepada 75 sehingga 80 peratus sahaja.

Sikap dan persepsi pengguna yang masih beranggapan bahawa harga kereta akan terus menurun, kesan kenaikan harga minyak dan pertumbuhan jualan kereta yang tinggi di dalam tahun 2004 iaitu sebanyak 11.9 peratus dan pada tahun 2005, sebanyak 21.2 peratus juga menyumbang terhadap penurunan jumlah jualan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklum balas dari pihak industri, situasi lebihan stok kereta setakat Januari hingga Jun 2006 hanyalah dalam lingkungan 70,000 unit dan bukanlah sebanyak 200,000 unit seperti yang didakwa. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia telah diarahkan untuk merangka langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk memesatkan jualan kereta nasional. Antara langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan seperti dipermudahkan terma dan syarat-syarat bagi kemudahan pembiayaan kereta. Menggalakkan sewa beli bagi syarikat dan meningkatkan promosi eksport. Kerajaan juga telah membekukan segala permohonan kelulusan bagi pengilang atau pemasang kenderaan baru. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pertamanya hendak tanya soal lambakan kereta ini dari segi nisbah dia. Banyak lambakan kereta terpakai ini yang dibuat daripada luar negarakah ataupun lambakan kereta terpakai yang buatan dalam negeri, nisbahnya. Mana yang lebih banyak? Yang pertama.

Yang keduanya, di mana-mana sahaja, kalau misalnya lambakan kereta terpakai, buatan dalam negeri, saya ingat ini pun kita kena kaji pula kenapa benda ini berlaku sebab mungkin dari segi mutu dan sebagainya pakai dua, tiga bulan dah dijual sebagai kereta terpakai. Kalau misalnya buatan luar negara, saya ingat kita kena kurangkan pula AP supaya lambakan kereta ini tidak menjadi masalah kepada negara kita. Jadi itu soalan saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Ng Lip Hong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Saya tidak ada angka-angka yang tepat tetapi kalau kita tengok dari segi pengeluaran kereta nasional dalam tahun 2005, lebih dari setengah juta unit dan AP yang kita peruntukan 10% sahaja. Dan kalau kita tengok nisbah itu, kebanyakannya kereta terpakai adalah kereta nasional. Saya sudah lupa soalan nombor dua.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya pun hampir lupa juga soalan nombor dua... [*Ketawa*] Walau bagaimanapun, kalaulah misalnya nisbah tadi banyak memihak kepada lambakan kereta terpakai buatan dalam negeri, jadi soalan saya apakah langkah-langkah supaya nisbah tadi dapat dikurangkan? Sebab mungkin dari segi mutu misalnya. Macam yang saya sebut tadi, dua, tiga bulan pakai dah dijual sebagai kereta terpakai. Jadi kena diperbaiki. Jadi soalan saya, apakah program ataupun rancangan pihak kementerian untuk hendak mengatasi masalah lambakan itu tadi?

Tuan Ng Lip Hong: Maaf Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, kualiti PROTON bukan oleh sebab mutu kereta nasional ini tetapi ini terpulang kepada pengguna. Tadi, saya sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sudah jawab tadi, Yang Berhormat ya.

Tuan Ng Lip Hong: Tadi saya sudah senaraikan sebab-sebab penjualan sudah turun. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kereta-kereta terpakai terutama sekali kereta-kereta mewah yang dibawa masuk daripada luar negara. Kebanyakannya berusia 10 hingga 15 tahun dan keadaan kereta ini tidak teruji dari segi teknikalnya.

Adakah pihak kementerian mengenakan syarat tertentu kepada pengimport-pengimport kereta terpakai untuk melalui proses kelulusan atau ujian oleh Kementerian Pengangkutan misalnya? Oleh JPJ atau oleh PUSPAKAOM bagi memastikan kereta-kereta yang dibawa masuk ini dalam keadaan yang baik atau dalam keadaan *road worthy* yang bagus dengan izin, dan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Lip Hong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Kereta-kereta yang diimport ini, kereta mewah yang diimport kebanyakan dari negara-negara maju dan banyak yang terpakai. Oleh sebab itu dalam Dasar Automotif Negara kita, kita telah menentukan dari 1 Januari tahun 2010 kita tidak akan membenarkan import-import kenderaan terpakai lagi dan, adakah rancangan untuk memeriksa dari segi keselamatan dan sebagainya? Saya juga ingin memberitahu, selepas kita menghapuskan AP pada 1 Januari 2011, kita akan mengadakan spesifikasi di mana kita akan menentukan import-import kenderaan.

10. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, adakah telah ada ataupun akan diadakan satu badan yang menyelaras kerja-kerja khususnya kerja-kerja pengorekan jalan-jalan raya yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat Tenaga Nasional Berhad, Telekom dan syarikat-syarikat bekalan air.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat, semua permohonan pengorekan oleh syarikat utiliti dalam jalan-jalan Persekutuan dan jalan negeri perlu dimajukan kepada Pengarah Kerja Raya negeri berkenaan. Jabatan Kerja Raya di peringkat negeri akan mengenakan syarat-syarat tertentu sebelum meluluskan setiap permohonan. Secara umumnya kerja-kerja yang melibatkan pengorekan dalam rizab jalan akan dipantau oleh JKR daerah berdasarkan syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan.

Namun demikian dari masa ke semasa JKR sememangnya mendapati terdapat kekurangan dari segi pelaksanaan pengorekan utiliti. Sebagai contoh, kontraktor yang menjalankan kerja-kerja tersebut tidak menyediakan kawalan trafik yang baik atau kerja-kerja penembusan semula tidak dilaksanakan dengan sempurna. Walau bagaimanapun masalah-masalah ini dapat diselesaikan oleh JKR melalui prosedur yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat, ICU, Jabatan Perdana Menteri ada menyediakan garis panduan yang perlu diguna pakai oleh syarikat-syarikat utiliti yang mahu melaksanakan kerja-kerja pengorekan di jalan raya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Ini merupakan satu masalah yang telah sekian lama kita dapati telah berlaku dan telah menjadi rungutan kepada orang ramai. Ini juga menunjukkan bahawa ketidakseragaman dalam perancangan serta sesuatu yang boleh membazirkan sama ada dari segi kewangan ataupun masa serta keselesaan orang ramai. Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah yang paling berkesan yang akan dibawa ataupun diambil oleh pihak kementerian dalam memastikan pihak setempat, *local authority*, dengan izin, dapat menjamin supaya benda ini tidak berlaku dan dapat diatasi, sekurang-kurangnya dapat dikurangkan daripada dia berterusan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Usaha untuk menambah baik prosedur pelaksanaan kerja-kerja supaya masalah-masalah pengalihan utiliti ini dapat dijalankan dengan sempurna di tapak bina. Sebenarnya pihak ICU, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, *Implementation Coordination Unit* daripada JPM telah pun mengeluarkan garis panduan tatacara kerja pelaksanaan dengan arahan teknikalnya yang telah pun bermula awal daripada tahun 1996 tetapi tanggungjawab yang utama telah pun dibagi kepada Jabatan Kerja Raya sebagai *the lead agency*, dengan izin juga, *empowerment* penurunan kuasa telah dibagi kepada Pengarah-pengarah JKR negeri.

Saya yakin pengarah-pengarah JKR negeri telah menurunkan kuasa di peringkat jurutera-jurutera dan merekalah sebagai satu agensi yang melakukan koordinasi supaya kesulitan pengguna dapat dikurangkan dengan seminimum mungkin tetapi kadang-kadang segala prosedur yang ada yang telah pun ditetapkan masalah yang paling besar ialah perkara yang berhubung kait tentang kemanusiaan. Kalau perkara itu sepatutnya tidak ada, sebagai contoh saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sudah lama sudah kita tidak mengizinkan dengan izin, *open trenching* secara terbuka ini dibuat. Kalau hendak ada yang melintasi jalan pun kita suruh '*by do the pipe jacking*' dan juga perkara-perkara yang berhubung tentang *road deserve* kita tidak beri dia buat dengan izin, tetapi sudah jauh sangat dekat dengan *road deserve* yang itu boleh dibuat.

Kemudian dengan cara *the backfillings* sepatutnya kena taruh pasir dan *compact* dengan betul-betul tetapi yang itu tidak dilakukan dengan sempurna tetapi apabila dibuat sudah kering tanah itu masuk ke dalam, prosedur sudah ada, semua sudah ditetapkan.

Jadi kalau Yang Berhormat kata, adakah badan Yang Berhormat atau jawapannya ada, adakah penurunan kuasa, ada tetapi apa masalahnya? Masalah kawal selia di peringkat di tapak bina tetapi kalau Yang Berhormat ada perkara-perkara yang spesifik, Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya dan saya akan ambil tindakan mengikut apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat.

11. Brid. Gen (B) Datuk Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, usaha kerajaan bagi menyediakan graduan yang mempunyai semangat patriotik serta mampu mempertahankan negara daripada serangan pemikiran luar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam usaha untuk menyediakan graduan yang mempunyai semangat patriotik tinggi sekali gus mampu mempertahankan negara kita, kementerian telah memberi fokus penetapan dari aspek kurikulum dan ko-kurikulum di IPTA tempatan.

Sehubungan dengan itu bagi memastikan ianya menjadi cita-cita unggul seluruh rakyat Malaysia amnya pihak kementerian telah menetapkan agar Kelab Rukun Negara dan Kelab Perpaduan diwujudkan di semua IPTA. Kelab tersebut menjadi penganjur dan penyelaras bagi program dan aktiviti yang bersifat pengukuhan jati diri di kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

Aktiviti-aktiviti penghayatan dan memperkasa semangat patriotik ini bertambah bilangannya menjelang Bulan Kemerdekaan di mana sambutan kemerdekaan dilangsungkan di semua IPT sebagai kemuncak kepada semangat patriotik. Pelbagai acara yang menitik beratkan penglibatan seluruh warga IPT tanpa mengira status, tanpa mengira pangkat dan kaum diadakan. Selain itu perlu ditegaskan di sini bahawa penerapan semangat patriotik ini dilaksanakan di pelbagai aspek dan peringkat. Antara matlamat utama penubuhan persatuan dan kelab di IPT yang berdaftar di IPT juga ialah untuk memperkasa semangat patriotik di kalangan ahlinya, contohnya unit-unit beruniform seperti PALAPES iaitu tentera, SUKSIS - polis, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Silat, Persatuan Pengakap Kelana, Bomba dan JPA(2) dan melalui keahlian dalam persatuan seperti inilah semangat patriotik dapat dipupuk dan dipertingkatkan dan seterusnya mampu mempertahankan negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa soal jawab sudah tamat, sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu Tanya kenapa Timbalan Menteri tidak ada di sini? Mana dia pergi, adakah dia diharamkan datang ke sini, oleh kerana tindakan tatatertib, oleh kerana perkara dua sekolah SRJK di Muar ketirisan, adakah ia diharamkan? Mengapa Timbalan Menteri tidak ada di sini? Adakah *disciplinary action*, sepatutnya Kabinet patut minta maaf... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah. Setiausaha, setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." *[19 September 2006]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Di minta Menteri Sumber Manusia sambung jawapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia pun susah dan susah ada ketirisan kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat, cuba tengok Peraturan Mesyuarat 66, kalau tidak silap semalam Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua sendiri mengumumkan pertukaran pergiliran antara 10 dan 11....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak, tidak hanya 10 dan 27 Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hah? 27?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat silap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya silap, ya oleh kerana kenapa lompat dari 27 ke 10?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada permohonan Yang Berhormat kita sudah luluskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada diberikan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Timbalan Menteri.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sambung yang semalam, syak wasangka betul.

11.35 pagi.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Semalam saya sudah bincangkan berkaitan dengan isu-isu latihan kemahiran kepada pekerja. Bagi usaha meningkatkan latihan kemahiran kepada pekerja Kementerian juga melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan telah memperkenalkan Sistem Latihan Dual, ada *Dual Training System* sebagai satu sistem latihan utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Sistem ini merupakan satu konsep latihan yang melibatkan latihan yang dijalankan di dua tempat latihan iaitu 70% latihan di industri manakala 30% dijalankan di institusi latihan. Pendekatan sistem latihan ini amat bertepatan keperluan industri kerana latihan yang dijalankan berasaskan kehendak industri semasa berasaskan dengan kepada perubahan teknologi masa kini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Tangga Batu.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Nanti dahulu. Kementerian ini juga selalu mengadakan sesi dialog dan perbincangan dengan majikan-majikan serta mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara Kementerian dengan majikan serta mengenal pasti keperluan industri supaya kualiti keluaran graduan dapat ditingkatkan dan diterima oleh industri terutamanya syarikat-syarikat antarabangsa. Kebanyakan syarikat ini terlibat dalam *software development* dan memerlukan tenaga kerja berkemahiran di bidang seperti informasi, teknologi dan *computer application*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang dapat lihat banyak sistem-sistem atau skim-skim latihan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian bagi memenuhi keperluan kemahiran negara pada ketika ini. Yang Berhormat Menteri saya dapat lihat program-program latihan yang disediakan oleh Kementerian Yang Berhormat menjurus kepada yang bakal dilaksanakan oleh agensi-agensi di peringkat Persekutuan.

Adakah Yang Berhormat bersedia untuk menyediakan satu ruang kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai minat yang tinggi di dalam melatih graduan-graduan ataupun melatih belia-belia, pemuda-pemuda kita untuk kemahiran ini di mana mereka juga mempunyai pendekatan yang lebih kurang serupa dengan pendekatan kerajaan Pusat ini. Adakah pihak Kementerian bersedia untuk bersama-sama kerajaan negeri dalam hal ini memandangkan kerajaan negeri berada lebih dekat dengan sasaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih atas pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kementerian Sumber Manusia bukan sahaja sanggup bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam usaha untuk memperluaskan skim-skim latihan. Kita akan terus memberi bantuan kalau diperlukan supaya *scope of work*, pusat-pusat latihan kemudahan yang diperlukan semua ini disediakan dengan lengkap. Dalam konteks ini saya alu-alukan usaha Kerajaan Negeri Melaka dalam konteks ini dan kita akan terus bekerjasama dengan lebih rapi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Putatan dan Yang Berhormat bagi Labuan telah membangkitkan isu berkenaan sistem *fair and fire* terhadap pekerja yang mempunyai prestasi kerja yang kurang baik atau tidak hadir bekerja. Bagi makluman Dewan yang mulia ini setiap pekerja mempunyai hak ke atas mata pencarian mereka atau *rights to livelihood*, dengan izin. Oleh hal yang demikian majikan tidak boleh sewenang-wenangnya memberhentikan seseorang pekerja tanpa justifikasi atau sebab yang sebab yang munasabah, walaupun setelah memberi notis kepada pekerja.

Sekiranya majikan mendapati pekerja tersebut perlu diberhentikan kerana prestasi yang tidak memuaskan, majikan perlulah mengambil langkah-langkah ataupun prosedur yang betul terlebih dahulu sebelum tindakan memberhentikan pekerja tersebut diambil. Prosedur yang diperlukan diambil oleh majikan adalah dengan membuat penilaian prestasi terhadap pekerja tersebut bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada pada pekerja itu.

Pihak majikan bertanggungjawab untuk memberitahu dan membincang dengan pekerja tersebut bagaimana boleh memperbaiki kelemahan tersebut. Bagi pekerja yang didapati melakukan salah laku...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Majikan perlu memberi surat tunjuk sebab kepada pekerja tersebut agar pekerja diberi peluang untuk menjelaskan mengenai perbuatan tersebut. Sekiranya majikan tidak puas hati dengan penjelasan yang diberikan, majikan perlu menjalankan siasatan dalaman ke atas pekerja tersebut. Keputusan dari panel siasatan dalaman ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Akan menentukan bentuk hukuman yang boleh diambil terhadap pekerja tersebut. Peraturan ini termaktub dalam seksyen 14 Akta Kerja 55.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Saya bertanya bukan sebagai hubung kait pekerja sosial, tetapi sebagai *academician* ataupun penyelidik. Banyak *academia* dan juga *analyst-analyst* mengatakan bahawa kalau regim satu-satu labour force dalam mana-mana negara itu begitu *rigid* menekankan kepada pihak majikan, akhirnya produktiviti akan tergugat. Walaupun gaji seorang pekerja di naikkan, tetapi produktivitinya tidak akan meningkat oleh kerana *restriction* kepada majikan untuk bertindak berlaku.

Berlandaskan ini, fleksibiliti mesti dibuat berlandaskan pengajian yang telah dibuat, melihat *Silicone Valley* umpamanya, kenapa dia punya *business activity* begitu *vibrant* oleh kerana dengan izin, oleh kerana dia punya *labour regim* itu *flexible*, mirip kepada produktiviti dan inovasi tetapi, dalam *regim* yang berlaku di Grenoble, France, dia tidak berlaku, dia gagal mencontohi *Silicone Valley* oleh kerana *regim labour force dia* adalah *rigid*, tidak membolehkan majikan bertindak apabila berlakunya kekurangan dan *lack off* kreativiti dan inovasi dan juga akhirnya menurunkan produktiviti walaupun gaji ditingkatkan. Jadi macam mana pendirian kita dalam soalan ini?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat bagi Santubong. Memang tidak boleh dinafikan, kita perlukan dalam konteks globalisasi ini kita perlukan satu dengan izin *buy-system* yang lebih fleksibel untuk membolehkan syarikat-syarikat kita bersaing dalam konteks antarabangsa. Dalam konteks ini, Kementerian saya dengan persetujuan MTUC dan juga pihak majikan, telah memperluaskan penerimaan produktiviti *link wage system*, dengan izin, yang boleh diterima oleh semua pihak. Dalam konteks ini, Kementerian Sumber Manusia akan terus ada lebih dialog dengan pihak Kesatuan Sekerja, supaya konsep ini dapat diterima demi untuk kebaikan kita semua. Kementerian Sumber Manusia juga dalam kita sekarang ada kajian terhadap perubahan yang perlu dibuat kepada Akta Kerja supaya kita boleh wujudkan dalam negara kita satu suasana kerja yang lebih sesuai dalam konteks masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga dakwaan terhadap Mahkamah Perusahaan, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat ini, bagi kes-kes yang telah dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan untuk dibicarakan, ianya akan dibicarakan berpandukan kepada prinsip undang-undang keadilan asasi sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh mahkamah Sivil...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Apabila merumuskan kes-kes yang dibicarakan, Mahkamah Perusahaan dengan izin, *shall act according to equity, good conscience and substantial merits of the case*. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, daripada 381 kes telah melibatkan perbicaraan penuh pada tahun 2005, didapati 229 *award* atau 60%...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Memihak kepada pekerja dan 152 *award* iaitu 40%, memihak kepada majikan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebelum Yang Berhormat lebih lanjut tentang Mahkamah Perusahaan ini, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat kerana timbul kekeliruan sebab baru-baru ini pihak Mahkamah Persekutuan ada memutuskan bahawa seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan ini mesti berlatar belakangkan undang-undang ataupun guaman tetapi, sama ada sebagai peguam bela ataupun peguam cara tetapi, tindakan yang telah diambil atas 20 Pengerusi yang dilantik saya difahamkan, tidak ada asas-asas yang telah saya sebutkan tadi bagi memutuskan sebarang *dispute*, dengan izin, oleh pekerja dengan majikan dan yang ingin saya bangkitkan penasihat sini ialah tentang *award-award* ataupun apa juga keputusan yang telah dibuat adakah ini sah ataupun tidak ke atas apa juga yang telah dibicarakan, kerana kalau ikutkan ia memerlukan mereka ini mempunyai latar belakang undang-undang.

Saya ingin juga tanya kepada Yang Berhormat, kalau perkara ini timbul, apakah mereka boleh mencabar sebarang keputusan ini di mahkamah lain oleh kerana asas-asas yang telah disebutkan tadi tidak dimiliki oleh Pengerusi-Pengerusi Mahkamah Perusahaan ini dan barangkali saya tidak tahulah apakah satu kesilapan yang telah dilakukan dan sama ada pihak Yang Berhormat telah merujuk perkara ini kepada pihak Peguam Negara, SPA ataupun JPA, kerana ini boleh menjejaskan imej kementerian ataupun kerajaan. Jadi, apakah kalau ini berlaku, pihak Yang Berhormat akan menggunakan *surchage*, dengan izin, ke atas mereka yang terlibat dan juga akan melihat supaya perkara ini dirujuk balik kepada penasihat undang-undang dan sebagainya kerana kalau diikuti seorang Tuan Pengerusi Mahkamah Perusahaan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Memerlukan latar belakang undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, apakah ini perlu dilakukan tindakan yang lebih segera, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama, sekali gus boleh dilayani. Kenapa pelantikan dibuat di mana tanpa tujuh tahun yang perlu yang diwajibkan, aktif praktis dan kenapa ini dibuat, adakah tanpa nasihat dan persetujuan Peguam Negara dan adakah ini dibuat atas keputusan budi bicara Yang Berhormat Menteri ini, kalau begitu inilah menunjukkan kecuaiannya yang besar Yang Berhormat Menteri sehingga pun mungkin perlu letak jawatan oleh kerana kecuaiannya itu, oleh kerana *industrial justice* yang diketepikan dan kedua berapa orang lagi lain yang menjadi Pengerusi Mahkamah Perusahaan pun tidak ada kelayakan ini dan bukannya ini akan timbul masalah oleh kerana keputusan-keputusan mereka tidak diberi perlindungan semacam keputusan yang ada pergi mahkamah, di mana mahkamah kata bahawa keputusan-keputusan yang tersabit terus sah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berkaitan. Baru-baru ini bila, selain daripada keputusan Mahkamah Persekutuan, iaitu dengan Rajasegaran di mana dikatakan tidak ada aktif praktis tujuh tahun, itu satu. Nombor dua adalah baru-baru ini Jumaat dahulu, seminggu dahulu di mana seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan Encik Hariraman di mana telah dipaksa untuk meletakkan jawatan kerana beliau tidak ada aktif praktis tujuh tahun. Yang menjadi masalah sekarang ialah saya ingat secara dasar Yang Berhormat Menteri tahu. Nombor satu, kenapa keputusan dibuat untuk melantik orang-orang yang tidak ada aktif praktis tujuh tahun, nombor dua dalam kes Rajasegaran, kita ada satu keputusan Mahkamah Persekutuan di mana mengatakan semua kes yang dia mengendalikan Mahkamah Perusahaan itu dan *status quo* itu di *maintain*, sah.

Akan tetapi macam mana dengan Encik Hariraman di mana dia lantik tetapi telah meletakkan jawatan atas desakan Presiden Mahkamah Perusahaan. Apakah akan terjadi kepada kes-kes tersebut? Apakah satu situasi di mana *rehearing* dalam kes dan kedua-dua ini dapat dielakkan jikalau ada Yang Berhormat sendiri tahu tanggungjawab bahawa sekurang-kurangnya dari segi undang-undang tidak pernah sebelum ini, Menteri-menteri tidak pernah terjadi macam ini. Di mana seorang dilantik menerajui jawatan tersebut yang pengalamannya kurang dari tujuh tahun dari segi undang-undang.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan pengalaman Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Sebenarnya calon-calon tersebut dilantik pada masa ketika di mana ada banyak *bad law* dan juga dalam undang-undang tidak jelas mengenai keperluan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut seksyen 23(a)(i), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, syarat yang ditetapkan ialah seseorang adalah layak untuk dilantik sebagai presiden di bawah seksyen 21(a) dan sebagai pengerusi di bawah seksyen 23(ii). Jika tujuh tahun sebelum pelantikan itu, dia adalah seorang peguam bela dan peguam cara dalam pengertian Akta Profesion Undang-undang 1997 atau seorang ahli perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan, atau perkhidmatan perundangan negeri atau kadang-kadang salah satu daripadanya.

Jadi dengan tafsiran tersebut, saya diberi nasihat oleh Peguam Negara bahawa pelantikan tersebut adalah sesuai. Jadi dengan nasihat tersebut barulah kita membuat pelantikan. Dan bila dia dirujuk kepada mahkamah, di peringkat pertama Mahkamah Tinggi telah putuskan calon tersebut tidak layak tetapi di peringkat kedua *Court of Appeal* dan *Court of Appeal* juga putuskan keputusan, keputusan saya adalah wajar iaitu dia layak untuk memegang jawatan Pengerusi Mahkamah Perusahaan tetapi akhirnya sampai peringkat *Federal Court*, diputuskan bahawa tafsiran tujuh tahun itu mestilah merupakan bukan sahaja ahli peguam tetapi merupakan *active practice*. Jadi Kementerian Sumber Manusia memang kita terima keputusan tersebut sebagai keputusan terakhir dan calon-calon yang tidak mempunyai syarat tersebut memang telah diberi nasihat supaya mereka tidak boleh terus menjadi sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan.

Dalam keputusan *Federal Court* tersebut juga telah diputuskan bahawa sungguhpun dia tidak layak, tetapi semua keputusan dan semua *award* yang telah dibuat oleh calon-calon tersebut masih layak diberi perlindungan dan boleh dikuatkuasakan. Dengan itu, saya rasa kepentingan masyarakat awam telah diambil kira. Dalam konteks itu selain dari Rajasegaran, ada seorang pengerusi yang lain itu tidak layak. Jadi kita juga memberi nasihat supaya dia tidak bolehlah teruskan sebagai seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ada membawa perkara mengenai Hariraman yang baru dilucutkan jawatan dua minggu dahulu.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Apa dia?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Seorang bernama Hariraman...

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Di mana beliau juga Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Di mana dia telah membuat keputusan, saya difahamkan lebih kurang 200 kes. Dan apakah akan terjadi kepada kes-kes tersebut memandangkan beliau tidak layak dari segi undang-undang untuk menerajui jawatan tersebut. *What will happen to him? Will the ministry assist parties* yang terlibat atau *status quo* akan di *maintain*. Ini adalah beza di antara kes Rajasegaran dan kes Hariraman dan juga dengan...

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dalam kes-kes tersebut, memang mengikut keputusan *Federal Court* diberi perlindungan. Izinkan saya sebut keputusan, "*As far as legality of this act is concerned, it matters not how his appointment was made, it is sufficient if it is clothed with the insignia of the office and exercise its power and function. His official acts are recognized as valid on ground of public policy and for the protection of those having official business transact.*" Jadi dengan keputusan tersebut, keputusan yang telah dibuat oleh Pengerusi Mahkamah Perusahaan tersebut memang kita boleh kuatkuasakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat. Supaya lebih jelas, bererti mereka tidak boleh mencabar lagi di mana-mana Mahkamah Persekutuan?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, keputusan yang telah dibuat, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih supaya pembangkang faham, Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Boleh saya dapat tahu berapa kekosongan yang sedia ada di Mahkamah Perusahaan dan adakah pelantikan akan dibuat?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Apa dia?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berapa kekosongan jawatan untuk Pengerusi Mahkamah Perusahaan?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Memang sekarang...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, masa sekarang.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Memang kita ada jawatan kosong. Tiga jawatan kosong dan saya berhasrat untuk mengisi kekosongan tersebut dengan izin *practicing lawyers* supaya kita boleh dapat pengerusi-pengerusi daripada *career service* tetapi saya rasa penting juga kita ada seimbangan daripada *practicing lawyers* dan juga *judiciary officers*. Jadi saya akan terus bincang dengan Bar Council supaya kita bolehlah dapat *respond* yang lebih elok daripada peguam-peguam yang mempunyai pengalaman yang luas untuk dilantik sebagai pengerusi...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan bangun.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Okey. Cukuplah, berpanjangan kepada soalan saya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini berasas daripada soalan saya, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Oh, ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Oleh kerana dicelah oleh yang lain. Minta penjelasan. Kepada penggal yang *hire and fire* itu. Yang Berhormat Menteri, kita kini ke arah pembangunan modal insan. Ke arah teras minda kelas pertama. Jadi saya rasa kalau kita terlalu tertumpu kepada kebudayaan barat yang mana kita nampak dan kita lihat dalam pandangan kita, kesatuan-kesatuan sekerja di negara-negara barat ini agak kuat. Jadi negara kita tidak ada *balance*, di mana pihak *employees* dan *employers* ini agak tidak seimbang. Kalau kita tengok negara Jepun Yang Berhormat Menteri, kesetiaan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soalan ini. Mahu pergi soalan. Nanti dia tidak faham soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana tahu? Yang Berhormat Menteri mesti tahu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, dia mesti faham saya punya soalan. Dia punya asas usul soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sepatutnya minta penjelasan kepada perkara yang tadi dibangkit, jadi tidak payah tambah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini berpanjangan kepada penjelasan untuk soalan yang pertama, asal usul soalan saya. Jadi kita lihat Jepun, jadi adakah di negara kita, kementerian ini tengok perkara ini dan cari mekanisme yang mana pihak pekerja kita taat setia kepada majikan. Jadi apa usaha-usaha kementerian untuk menjurus kepada ke arah kelas minda pertama dan pembangunan modal insan ini?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tadi Yang Berhormat, seperti yang saya terangkan tadi memang dalam konteks isu *hire and fire* itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Akta Kerja ini memang mengambil satu sikap *balance* yang menjaga kepentingan pihak-pihak majikan dan juga pihak pekerja. Sebelum seorang pekerja boleh diberhentikan, pihak majikan perlulah ada mengikut prosedur untuk menjalankan siasatan dalaman dan untuk memberitahu kepada para pekerja supaya para pekerja boleh dapat respons dan diberi peluang untuk memperbaiki kelemahan dia. Dan selepas semua prosedur itu telah dipenuhi, barulah sesuatu tindakan boleh diambil.

Ahli Yang Berhormat bagi Alor Star telah membangkitkan isu mengenai negara kita yang masih menghadapi kekurangan tenaga mahir dalam beberapa bidang atau usaha yang dijalankan untuk menarik ramai tenaga profesional warga Malaysia yang bermastautin di luar negara untuk kembali. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran, yang bekerja di luar negara pulang bekerja di Malaysia yang berkuat kuasa sejak 2001. Sebanyak 430 permohonan telah diluluskan dan kebanyakan mereka telah kembali kepada Malaysia. Taburan kelulusan mengikut bidang adalah seperti berikut:

Bidang	Bilangan (orang)
Perubatan dan kesihatan	140
Teknologi maklumat	101
Perakaunan dan kewangan	69
Industri	66
Sains dan teknologi	21
Lain-lain	35

Taburan kelulusan mengikut negara asal tempat bekerja pula adalah seperti berikut:

Negara	Bilangan (orang)
UK	136
Amerika Syarikat	79
Singapura	51
Brunei	28
Australia	26
Jepun	24

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Yang lain itu adalah pulang daripada Taiwan, Hong Kong, Kanada, negara China dan lain-lain.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya memang tertarik dengan angka yang diberi 430 permohonan dengan insentif di dalam lima tahun kita dapat 430 permohonan, memang menakjubkanlah. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan ini selepas kajian Kementerian Sumber Manusia setiap tahun berapa warga Malaysia terutamanya termasuklah yang menerima biasiswa JPA dan sebagainya, yang dapat Ph.D dan sebagainya yang bila dia keluar daripada Malaysia dia enggan kembali. Berapa orang setiap tahun dan jumlah orang Malaysia terutamanya yang mempunyai kelayakan tinggi yang masih di luar negara kerana memanglah setiap tahun beribu-ribu keluar dan di dalam tempoh lima tahun ini hanya 430 yang memohon ini bukan kesalahan Yang Berhormat.

Berapa yang keluar setiap tahun berapa yang kembali? Ini bukan satu fenomena di Malaysia sahaja, ini di seluruh dunia penghijrahan manusia termasuk dari Arau ke Kuala Lumpur dan sebagainya. Soalan itu banyak berapakah saya berharaplah Yang Berhormat dapat memberi angka ini setiap tahun supaya kita tahu macam mana kita galakkan orang kembali ke Malaysia.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang memohon adalah 931, jumlah yang telah diluluskan ialah 432. Saya ingin terangkan bahawa ini adalah mereka yang pulang di bawah program ini, memang ada ramai yang pulang sendiri. *JPA's scholar* dia pulang dia berkhidmat dengan kerajaan tanpa galakan. Ini adalah insentif yang kita beri sahaja. Jadi memang saya akui bahawa kita harap ada lebih ramai yang dapat pulang melalui program ini tetapi cabaran yang kita hadapi ialah sistem kerja yang tidak ada di sini dalam banyak bidang. Tidak setanding dengan sistem yang ada di Amerika Syarikat, di UK dan sebagainya di mana tidak boleh dinafikan, R&D *center's*, *innovation* dan sebagainya adalah lebih maju tetapi kitalah mesti galakkan mereka balik supaya kita boleh mengemaskinikan keadaan yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, angka 432 yang balik yang mohon yang balik berapa yang tinggal selepas lima tahun ini berapa yang tinggal. Bukankah angka yang tinggal yang sangat kecil majoriti keluar negara lagi dan akhirnya ialah bahawa mereka tidak rasa mereka dihargai di negara ini *they are unappreciated* di negara ini dan apa langkah yang diambil oleh kerajaan supaya semua rakyat tidak kira apa-apa kaum mengikut kebolehan mereka dihargai sebagai warga negara untuk boleh membuat sumbangan terhadap pembangunan negara. Ini pun satu faktor yang utama kenapa ada *brain drain*. Kenapa ada *brain drain* mereka tidak di *appreciated*, orang yang mahu balik tetapi pun rasa tidak di *appreciated*.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri tahu dalam perkara ini. Kalau tidak tahu baca blog saya ada pelajar-pelajar kita atau profesional-profesional kita di luar negara yang ada menulis, kenapa mereka mahu balik tetapi oleh sebab rasa tidak di *appreciated* di negara kita mereka ada halangan yang terbesar. Ini bukan berlaku hari ini beberapa tahun, kenapa ini tidak boleh diatasi?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang keadaan adalah sebaliknya untuk pakar-pakar yang pulang kepada negara kita senang sahaja mereka menjadi tokoh dalam bidang-bidang tersebut dan mereka memang dihargai oleh negara kita. Misalannya banyak yang pulang telah dijadikan sebagai profesor di bidang perubatan telah dijadikan sebagai doktor kenamaan di pusat-pusat perubatan swasta dan sebagainya memang mereka dihargai. Yang malangnya selalu mereka dipengaruhi oleh apa yang ditulis oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor di...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa angka, apa angka 432 saya ada tanya itu.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ini sudah ada baik tetapi di sini dia keadaan sebaliknya.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita tulis supaya memberi *contribution* supaya Yang Berhormat Menteri sedar, supaya kerajaan sedar rakyat tidak rasa dihargai. Patutlah ucap terima kasih kepada kita supaya *highlight* masalah tetapi sekarang takut untuk menghadapi cabaran, takut bahawa itulah masalah kenapa kita tidak ubah dasar-dasar dan mahu salahkan kita. Ini bukan satu '*act of chauvinist*', '*an act of unprincipled chauvinist*,' patutlah bawa kes ke kabinet tukar semua pendekatan supaya semua rasa *appreciated*. Jangan main itu oleh sebab ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup-cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan sahaja dia tidak cakap tetapi pun pengecut.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Bukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Angka saya tanya 432 yang ada balik, berapa yang tinggal selepas lima tahun berapa yang tinggal?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Kebanyakan mereka tinggal di sini dan mereka dijadikan yang telah berjaya dijadikan sebagai pensyarah-pensyarah kanan, profesor-profesor universiti tempatan. Saya sendiri ada kenal beberapa yang sekarang ini dibuat Ketua Jabatan atau dibuat seorang profesor kenamaan di bidang-bidang tersebut sebagai radiologi dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krai telah membangkitkan isu mengenai Skim Latihan Graduan untuk graduan memperoleh pengetahuan, pengalaman sebelum mereka diserap oleh syarikat. Sebagai usaha menangani masalah graduan menganggur kerajaan telah melaksanakan Skim Latihan Graduan yang bertujuan membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para graduan yang masih menganggur, terutama dalam usaha menguasai Bahasa Inggeris bagi memperluaskan peluang mereka mendapat pekerjaan.

Dalam menguasai bahasa berkenaan, mereka boleh berkomunikasi dan menyampaikan memberikan dengan baik. Skim Latihan Graduan ini mula-mulanya dilancarkan pada 25 November 2001 dengan peruntukan RM70 juta dan diikuti Skim Latihan Graduan 2 pada Ogos 2003 dengan peruntukan sebanyak RM70 juta...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Skim ini dibuka sekali lagi pada Ogos 2005 yang lalu dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Sejak dilaksanakan pada tahun 2001 sehingga September 2006, seramai 38,124 graduan telah diluluskan untuk mengikuti latihan di bawah skim ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat amalan yang dibuat oleh Malaysia tidak ubah apa yang dibuat oleh Amerika semasa Presiden Bill Clinton membuat latihan dan *placement* kepada *graduate* yang tidak dapat mencari pekerjaan. Ternyata sekali selepas dibuat lima tahun, didapati *exercise* yang dibuat oleh Bill Clinton dengan Al Gore pada tahun mereka menjadi presiden gagal mencapai matlamat yang dikhususkan tetapi negara lain macam negara Nordic umpamanya yang menggunakan pendekatan yang lain.

Apabila habis persekolahan di peringkat *high school* anak-anak ini di *place* di mana-mana industri dan tempat pekerjaan dan sebagainya untuk memilih cita rasa mereka yang mana satu pilihan mereka dan didapati bahawa ini lebih berkesan lagi kerana mereka akan memilih apa jurusan yang akan dibuat masuk ke universiti bukan sudah mendapat *qualification* di universiti dan dipesongkan pula untuk mencari kerja. Pada ketika itu kelulusannya sudah diterima makna dia kelulusan yang didapati tidak sejajar dengan nafsu dan naluri mereka sendiri dan akhirnya dia sudah di universiti buang masa empat tahun ke tiga tahun. Jadi pendekatan yang dibuat Nordic Country termasuk Norway dan sebagainya adalah di serapkan dahulu ke dalam industri cuba mereka memilih mana satu pilihan untuk masuk ke universiti akan dipilih.

Apabila mereka sesuai dalam sesuatu bidang baru diserap masuk dalam disiplin universiti dan dilatih mendapati ijazah dan kembali mereka keluar dari universiti dan baru masuk pekerjaan yang tersebut ataupun berniaga dalam jurusan yang dipilih selepas *high school* ini. Jadi kenapa kita tidak mencontohi ini dan adakah kajian yang dibuat yang mana satu yang boleh kita *adopt* supaya kita jangan membuang berbilion-bilion untuk latihan selepas graduan ini berlaku dan tidak dibuat sebelum pelajar ini masuk ke universiti. Terima kasih

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ahli Yang Berhormat Santubong atas pandangan tersebutlah tadi saya telah terangkan Kementerian Sumber Manusia telah laksanakan dua *training* sistem di mana kita bagikan tempoh latihan di mana 70% itu adalah dikenal pasti dari industri dan hanya 30% dalam latihan secara *theoretical*.

Kementerian Sumber Manusia juga telah bincang dengan Kementerian Pengajian Tinggi supaya kita boleh mengikut sistem-sistem yang telah dikenal pasti di Australia di mana siswazah itu mengikut pelajaran mereka di universiti tetapi dalam masa *weekend* mereka mengikut kursus vokasional di *college* dan sebagainya dan selepas mereka keluar dari universiti sama ada dalam sastera atau apa tetapi sekurang-kurangnya dia mempunyai satu kelayakan dalam bidang vokasional dan yang akan membantu dia mencari kerja. Jadi dengan cara tersebut dia boleh mengikut minat dia di bidang akademik tetapi dengan adanya kualifikasi tersebut dia boleh dapat kerja.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya pun tahu Australia bahkan tahun 2005 John Howard mengatakan berhenti pergi universiti *drop out* sebelum masuk universiti ambil pelajaran *skill* supaya diberi latihan *skill* tidak payah ambil universiti kata John Howard pada tahun 2005. John Howard melaksanakan dasar *hybrid* daripada Amerika buat dan Nordic buat tetapi persoalannya bolehkah kita mencontohi Australia kerana Australia apabila seseorang telah memilih *skill* yang dia hendak buat dia sampai *delivery system* dia ikut sekali kalau seseorang itu hendak buat jadi *carpenter* umpamanya diberi *tool* untuk *carpentry* diberi sekali kerajaan yang bagi. Jadi bolehkah kita mencontohi ini kerana sumber kewangan diperlu adalah begitu besar sekali. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua pandangan Yang Berhormat akan diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Sabak Bernam

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Saya inginkan habiskan izinkan saya habiskan cepat sikit Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Temerloh telah bangkitkan isu mengenai *blueprint* keperluan negara tenaga kerja

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Menteri sebelum pergi tempat lain boleh tanya tentang siswazah menganggur, Sabak Bernam sikit sahaja, yang siswazah menganggur tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri saya lihat daripada penelitian dari 2001 hingga 2006 kita telah memperuntukkan ataupun diperuntukkan RM240 juta untuk memberikan latihan tambahan kepada siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan.

Jadi dalam konteks ini seharusnya pada pandangan Yang Berhormat bagi Santubong ini saya ingat kita harus mengambil kira modul-modul yang berjaya dan kurang berjaya daripada luar negeri ini untuk membentuk modul Malaysia. Saya ingin bertanya dalam konteks ROI iaitu *return on investment* ini. Kita sudah memanfaatkan RM240 juta. Jadi siswazah-siswazah yang terlatih ini adakah mereka telah mendapat pekerjaan yang selaras dengan *investment*, dengan izin yang telah kita laksanakan. Maksud saya ialah apakah kita mengenakan bayaran kembali kepada mereka yang telah mendapat latihan daripada peruntukkan RM240 juta ini.

Kalau tidak saya menganggap ini sebagai satu pembaziran kerana setelah 3-4 tahun dilatih di universiti mereka masih lagi menggunakan wang sebanyak RM240 juta ini. Apa penjelasan dari Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Yang Berhormat. Seramai 38,000 graduan telah dapat hasil daripada peruntukkan ini dan mengikut kajian sebahagian besar iaitu lebih dari 75% telah dapat kerja sesuai dengan kelayakan mereka. Jadi saya anggap itu sebagai satu skim yang amat membawa manfaat.

Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh telah bangkitkan mengenai isu *blueprint* untuk keperluan tenaga kerja serta mencadangkan supaya kerajaan menimbang keperluan untuk mengambil *outside brain* demi pembangunan negara seperti yang diamalkan oleh negara maju. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini melalui Institut Latihan Perindustrian telah pun mengambil *outside brain* sejak tahun 1990-an. Ini dilaksanakan dengan mengambil *senior volunteer* khususnya dari Jepun dalam beberapa bidang berkaitan dan mereka ditempatkan di Institut Latihan Perindustrian yang terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelak dan mengurangkan masalah pengangguran khususnya di kalangan siswazah Kementerian Sumber Manusia sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain khususnya Unit Perancang Ekonomi, Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memberi input dan maklumat serta mengadakan perbincangan khususnya mengenai permintaan dan penawaran tenaga kerja negara. Tuan Yang di-Pertua ahli Yang Berhormat bagi Muar meminta Kementerian Sumber manusia membuat kajian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Dan melihat peluang-peluang kerjaya yang amat diperlukan oleh negara bagi mengurangkan kadar pengangguran dan memberi manfaat kepada ekonomi negara. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka setiap individu mempunyai kebebasan untuk memilih pekerjaan di dalam mahupun di luar negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun. Hendak berikan laluan kah?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Cepatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta jugalah sebab masa memang kita menghadapi masalah sebab banyak kementerian lagi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih bagi saya ini persoalan yang terakhir dari saya Tuan Yang di-Pertua dan menteri saya dengar tadi dari segi kerjasama dari kementerian ini tidak disebut pun kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan. Yang sebenarnya mempunyai pangkalan data belia yang sangat ramai tidak ada pekerjaan. Yang Berhormat Menteri, belia ini kalau lama tidak mempunyai pekerjaan impaknya ialah mereka ini tidak ada pengisian masa yang bermakna akan mudah terjebak dalam gejala sosial.

Oleh kerana itu saya ingin bertanya setakat manakah kerjasama kementerian ini dengan Kementerian Belia dan Sukan khususnya dalam konteks Jabatan Tenaga Kerja yang ada di kebanyakan negeri-negeri ini dan saya lihat Jabatan Tenaga Kerja ini dibandingkan dengan agensi swasta saya tengok agensi swasta ini lebih berkesan. Saya mengambil contoh beberapa belia yang jumpa saya apabila berjumpa atau berdaftar dengan Jabatan Buruh atau sekarang ini Jabatan Tenaga Kerja setelah tiga hingga empat bulan tidak dipanggil pun tetapi dengan agensi swasta dalam tempoh dua hingga tiga hari mereka akan dipanggil dan dalam tempoh seminggu mereka boleh mendapatkan pekerjaan. Apa penjelasan Yang Berhormat Menteri terhadap isu ini? Terima kasih .

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua saya berharap ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam jangan silap kerana kita memang bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Keusahawanan dalam konteks kita menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk graduan-graduan yang menghadapi masalah tersebut. Dan kita akan cuba memperluaskan skop *Work Electronic Labor Exchange* supaya kita akan letakkan ia di *kiosk* di *shopping mall* dan sebagainya supaya lebih ramai yang perlukan perkhidmatan dapat akses

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagi sebab ada lagi 18 kementerian belum menjawab.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamal..., untuk mengatasi sebarang kekurangan tenaga kerja yang serius, kementerian telah mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah tersebut di antaranya ialah melalui *Job Clearing System*, *Electronic Labour Exchange* di mana permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan dan didaftarkan oleh syarikat-syarikat swasta atau melalui pejabat-pejabat tenaga kerja. Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai langkah untuk membantu golongan penganggur seperti berikut:

- (i) mengadakan kerjasama dan dialog dengan majikan dan industri;

- (ii) melaksanakan program latihan graduan seperti yang saya telah terangkan; dan
- (iii) mengadakan program-program pesta pekerjaan atau *job fair* yang di mana kita ada *open interview* untuk pencari kerja dan sebagainya...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah membangkitkan isu *true wages* dan *real wages*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rembau, bangun.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Beliau juga cadangkan pekerja dibayar *true wages* dan *real wages* mengikut minggu seperti yang diamalkan di Australia, New Zealand dan England. Beliau juga membangkitkan isu gaji minimum. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembayaran gaji secara bulanan adalah lebih teratur dan dibuat melalui perjanjian bersama yang dipersetujui oleh majikan dan pekerja. Kebanyakan majikan di negara ini mengamalkan pembayaran gaji pekerja mengikut gaji bulanan. Tidak dinafikan juga majikan membayar gaji pekerja mengikut harian. Berdasarkan produktiviti dan juga berdasarkan bilangan kerja yang diselesaikan. Undang-undang negara kita tidak menghalang cara pembayaran gaji bulanan seperti yang diamalkan ini. Oleh itu persoalan bahawa pekerja di Malaysia hanya dibayar gaji 48 minggu setahun, sedangkan mereka bekerja selama 52 minggu setahun tidak timbul...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Penjelasan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Izinkan saya habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rembau punya masalah adakah berkaitan dengan...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *Job fair*.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kalau you tanya, nanti Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tanya lagi dan susahlah saya. Izinkan saya habislah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh memberikan laluan, Yang Berhormat juga boleh pilih tidak memberikan laluan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Satu sahaja, tentang *job fair* tadi, saya difahamkan sambutannya menggalakkan, jadi soalan saya adakah program ini akan diadakan berterusan sepanjang tahun dan yang keduanya berapa ramaikah para belia yang mendapat pekerjaan melalui *job fair*? Sekian terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kita akan teruskan pesta kerja tersebut di setiap negeri dan memang kita akan juga memperluaskan skopnya supaya lebih belia mendapat hasil daripada *job fair* tersebut...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu peraturan mesyuarat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 36(12), sebut mengenai 36(1B) oleh sebab Yang Berhormat Menteri melanggar 36(12) mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan, adalah disifatkan menghina Majlis. Oleh sebab tadi Yang Berhormat ada jawab mengenai rakyat Malaysia profesional yang balik, dia kata ada lebih daripada permohonan 900 lebih, 432 di lulus, dan apabila saya tanya berapa orang tinggal, dia kata majoriti tinggal, ini tidak benar. Oleh sebab mengikut hansard dalam jawapan Yang Berhormat Menteri masa perbahasan 23 Mei 2003, inilah perkara yang sama ada di timbul, di mana Yang Berhormat ada juga kata dalam Dewan Negara, di mana beliau ada kata bahawa angka ini.

Bagi maklumat Dewan yang mulia, dalam Dewan Negara, sejak berkuat kuasa program ini ialah Program Brain Gain mulai 1 Januari 2001, sejumlah 940 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut seramai 434 pemohon telah diluluskan, ada sedikit perbezaan, tidak apa, itu bukan mustahak, apa yang mustahak ada di sini. Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini seramai 280 orang pemohon telah kembali. Baru 280 orang kembali ke Malaysia, mereka kata bahawa majoriti yang tinggal daripada 400 lebih itu, semua pemohon yang di lulus di bawah program khas ini adalah terikat untuk berkhidmat di Malaysia selama lima tahun sehingga kini belum ada lagi maklumat yang menunjukkan mereka telah kembali ke luar negara.

Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri tidak jelas, tidak tahu atau mahu tipu Dewan yang mulia ini, tidak beri angka yang betul, yang bercanggah dengan apa yang beliau kata dalam Dewan Parlimen, Dewan Negara atau Dewan Rakyat. Adakah dia cuai, tidak faham, atau sengaja tidak mahu beri maklumat yang sebenar dan inilah melanggar 36(12) yang baru dipinda. Sebab itu saya mahu merujuk dia kepada Dewan yang hak keistimewaan di bawah peraturan 26(1)(p) oleh sebab ini berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu jawapan diberikan pada....

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Jangan dibuang masa lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa yang buang masa, tidak hormat Tuan Yang di-Pertua pun, belum keputusan dibuat dia kata Tuan Yang di-Pertua buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua-dua duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampaknya *lost control* di sini, Yang Berhormat Menteri pun tidak..., *lost control* semua..., tidak hormat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan itu diberikan pada tahun....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan bila keputusan dibuat, maka kita semua duduk, dengar.

Seorang Ahli: Sokong, sokong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini jawapan, kalau tidak silap tadi Yang Berhormat kata ini jawapan diberikan pada tahun 2003.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mei 2006, baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi ini angka, saya fikir ini tidak payah dijadikan satu isu. Memang kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membetulkan angka, cukuplah. Jadi Yang Berhormat Menteri teruskan jawapanlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akan tetapi dia mesti *master his fact* lah, dia orang profesor sendiri, bukan datang sini sebagai *half past six*..., menteri *half past six*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kesilapan boleh dibuat jugalah.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *You* langsung tidak faham dengan isu ini tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat lagi dua minit boleh selesai kah?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya. Sukacita saya ingin memaklumkan pada masa ini sungguhpun kita tidak ada satu minimum *wage* secara am tetapi kerajaan sedang dan telah menubuhkan tujuh Majlis Penetapan Gaji...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Meliputi bidang-bidang di mana pekerja-pekerja dianggar '*wonderable*' tidak mekanisme untuk menentukan gaji tersebut.

Sekarang ini tujuh Majlis Penetapan Gaji adalah kawal keselamatan swasta, pembantu klinik swasta di semenanjung Malaysia, pengawal keselamatan swasta untuk membantu klinik swasta, dan pekerja am di kebun kecil di Sabah dan pengawal keselamatan swasta dan pekerja am....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Bolehkah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, soalan yang terakhirlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai gaji bulanan dan gaji mingguan, saya telah bangkitkan perkara itu dulu, itu satu penukaran. Saya rasa itu adalah satu penukaran dasar yang sangat mustahak di mana seperti yang telah diputar belitkan oleh Menteri bahawa jika ada kehendak pekerja itu akan diberi, tetapi yang saya utamakan adalah kenapa seseorang pekerja perlu bekerja 52 minggu setahun, walhal dia hanya dibayar gaji 42 minggu, itu nombor satu.

Nombor dua bukankah ini satu dasar yang telah guna pakai di negara-negara yang maju dan negara-negara yang *neighbours* di negara ini, bukan ini satu dasar yang patut diguna pakai, patut diberi galakan kepada semua, termasuk kerajaan. Supaya pekerja-pekerja kerajaan dapat gaji memadai kepada kerja-kerja yang mereka betul-betul buat dari segi Akta Pekerja. Di mana definisi gaji atau *wages* adalah merangkumi perkataan-perkataan seperti *true earning wages*, *real wages* dan sebagainya. Bukankah masa sudah tiba supaya mengada satu dasar yang baik, supaya kita akan menguntungkan semua pekerja dalam hal ini.

Yang kedua, adalah mengenai gaji minimum. Tuan Yang di-Pertua ini satu perkara yang mustahak, saya rasa di mana, lebih kurang empat juta pekerja-pekerja di negara ini adalah dari golongan bawahan yang mendapat pendapatan kurang dari RM600 di mana mereka perlu *safeguards* yang tertentu. Di antaranya adalah menggubal satu undang-undang berkaitan dengan *minimum wage* supaya bukan sahaja kita akan menghadapi satu situasi di mana bila ada globalisasi dengan negara-negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa itu cukup? Ada lagi beberapa faktor...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dan juga macam mana kita dapat memperkasa pekerja-pekerja ini. Bukankah kewajipan kerajaan supaya pihak-pihak yang tidak ada *bargaining power* mereka diberi pertolongan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Yang boleh diberi oleh kerajaan. Kenapa kita malu? Kenapa kita gagal untuk memberi pertolongan kepada golongan yang miskin ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah berucaplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dan juga *enhancement of power*, *bargaining power* dan pendapatan mereka *and also International Labour Organisation (ILO)* telah memberitahu pandangan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah berucap. Tidak payah berucap. Menteri boleh jawab. Cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, ini adalah berkaitan dengan *minimum wage* di mana dikatakan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh lagi sedikit ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin, sudah cukup. Saya akan menggunakan kuasa di bawah peraturan mesyuarat 37(2). Tidak payah minta lagi. Teruskan jawapan, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya. Okey. Terima kasihlah. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jawapannya mana? Soalan yang saya bangkitkan?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi, yang dikemukakan oleh...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Asas ini, mengenai *weekly wage and ...*

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Oh, isu itukah? Saya ingin terangkan bahawa sejak dahulu kita telah mengamalkan sistem *monthly wage* di negara kita ini. *Monthly wage* ertinya kita membuat bayaran sekali sebulan tetapi kita juga ada *daily rated wages*. Jadi di negara kita, jarang kita dengar ada yang mengamalkan *weekly wages*. Namun demikian di pihak swasta, terpulanglah kepada mereka. Kalau kilang-kilang mengandaikan bahawa sistem tersebut lebih elok, kementerian saya akan memberi nasihat supaya mereka juga melaksanakan sistem tersebut. Itu mengikut keupayaan pihak majikan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berkenaan dengan soalan ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Gaji, Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya hendak minta kementerian, hari ini sudah keluar dalam *Berita Harian* dan *Metro*, sebuah kilang di Melaka Sedap Food Industry, 200 pekerja sudah empat bulan tidak dibayar gaji. Pekerja-pekerja ini sudah pergi ke pejabat buruh tetapi tidak ada *action* yang diambil oleh jabatan. Tidak ada *action* diambil oleh kementerian. Hari ini pula jawab, Pengarah Buruh Negeri Melaka hendak adakan *press conference*. Orang tidak dibayar gaji yang *press conference* itu pasal apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara ini adalah berlainan daripada perkara yang sedang dibangkit.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Gaji, Tuan Yang di-Pertua. Gaji ini, kementerian kena kuatlah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya. Kita akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siasat dan ambil tindakan.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Kita akan ambil tindakan. Untuk gaji minimum ini sebenarnya, saya terangkan, kita telah menubuhkan *minimum wage council* untuk sektor-sektor yang agak *vulnerable*. Untuk menentukan mekanisme *wage* yang diberikan dan sebagainya, kalau Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat oleh kerana ia merupakan seorang - sungguhpun bukan di MIC, saya juga boleh terima cadangan. Kalau dia agak ada sektor-sektor yang *vulnerable*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, cadangan yang baik perlu terima.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Kita boleh kajilah sektor-sektor yang mesti ada ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu cadangan saya bahawa, kita perlu ada undang-undang yang tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Berilah saya cadangan, saya akan terima.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu di antara asas-asas yang saya ada beritahu bahawa kita perlukan undang-undang mengenai *weekly wage*.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Bagi sektor-sektor tersebutlah yang kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah selesaikah, Yang Berhormat?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Sudah selesai. Jadi sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jawapan belum diberi. Lari dari tanggungjawab.

12.34 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi memberi perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa membahaskan Bajet 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah membangkitkan isu mengenai pencerobohan hutan yang mengakibatkan kerosakan kepada sungai dan punca air untuk rakyat khususnya di negeri Kelantan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat tahu kenapa menteri tidak datang untuk menjawab soalan yang membangkit ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat memaklumkan yang menteri...

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari Kabinet dan memang beliau telah pun mengarahkan kami untuk melaksanakan tugas ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tidak ada lagi dalam Kabinet. Dia boleh datang untuk jawab soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab dia menyambung jawapan beliau.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mungkin baru kahwin!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa ini? Yang Berhormat niat tidak baiklah.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat tidak patutlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak patut, tidak patut. Yang Berhormat kata menteri tidak datang kerana baru kahwin, saya fikir tarik baliklah. Dia ada Mesyuarat Kabinet.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' S. G. Sothinathan: Itu memang niat jahat. Pasal dia tidak bangkitkan apa-apa pun masalah semasa dalam bajet itu tentang ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, bukan kewajipan timbalan menteri bila ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa. Itu saya bersetuju.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau diarahkan, saya akan menarik balik tetapi bukannya kewajipan seseorang timbalan menteri bila datang ke Dewan yang mulia ini mulakanlah dengan mengatakan bahawa kenapa menteri tidak datang, bahawa saya telah *take place* untuk menteri. Jadi, kita semua tahu. Kenapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengikut peraturan mesyuarat, ini tidak perlu kerana sama ada menteri atau timbalan menteri sehingga Setiausaha Parlimen boleh diberi kuasa dan menjawab, itu yang pertama. Cadangan Yang Berhormat itu saya fikir elok juga kalau boleh diterangkan. Saya tidak ada halangan. Akan tetapi, perkara yang kedua, kata menteri tidak datang kerana 'baru kahwin' itu tidak elok...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Berapa Ahli: Tarik balik!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tarik balik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita nampak menteri duduk di sini satu hari, semalam. Sampai habis menteri duduk.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tarik balik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak patut betul, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya mintalah.

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah bagi apa? Bangun, bangun. Saya minta Yang Berhormat bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *I stand 'charge'.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat bersetuju tarik balik perkataan itu?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Yang saya kata sebelum itu, jika diarahkan oleh Yang Berhormat..., *you can check Hansard.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, saya arahkan tarik baliklah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Saya sudah kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa. Tidak apa. Sekarang adakah Yang Berhormat sudah tarik balik?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tarik balik setakat apa? Jika diarahkan, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu perkataan yang digunakan kerana...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi betul, dia bukan baru kahwin.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, jangan buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak, tidak. Dia...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua arahkan Yang Berhormat tarik balik saja. Habis cerita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sudah katakan sebelum ini, jika diarahkan saya tidak ada masalah.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Buang masa sajalah, Tuan Yang di-Pertua. Tarik baliklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan buang masa, Tuan Yang di-Pertua. Suruh dia tarik balik. Habis.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil berat agar kawasan hutan di negara ini diurus selaras dengan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan. Dalam hal ini kerajaan telah melipatgandakan usaha untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan bagi memastikan kawasan hutan tidak dicerobohi. Ini adalah kerana aktiviti yang tidak mesra alam seperti pencerobohan hutan akan menyebabkan kemusnahan kualiti dan ekosistem hutan yang sudah tentu akan menyebabkan kerosakan kepada punca air untuk rakyat. Di Malaysia, hutan diurus secara berlainan bagi kawasan-kawasan simpan hutan kekal, tanah kerajaan dan...

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Dato' S. G. Sothinathan: Biar saya sentuh jawapan dulu, Yang Berhormat. Saya belum pergi ke jawapan lagi. Tanah kerajaan dan tanah bermilik. Bagi kawasan hutan simpan kekal, pengurusan hutan memberi penekanan kepada aspek-aspek dan ciri-ciri pengurusan hutan secara berkekalan ataupun *sustainable forest management*, dengan izin. Manakala bagi kawasan tanah kerajaan dan tanah bermilik pula, pengurusan hutan tidak memberi penekanan kepada aspek-aspek *sustainable forest management* disebabkan kawasan-kawasan tersebut biasanya dirancang untuk projek-projek pembangunan tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2005, sejumlah 12 kes pembalakan haram telah dapat dikesan berlaku dalam hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia. Manakala untuk tempoh suku tahun pertama 2006 pula, sejumlah empat kes pembalakan haram dalam hutan simpan kekal telah dikesan di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun tiada pencerobohan dalam hutan simpan kekal yang dikesan di negeri Kelantan bagi tahun 2005 dan suku pertama 2006.

Namun demikian, bagi negeri Kelantan pengusaha hasil hutan yang tidak terkawal timbul di kawasan-kawasan tanah hutan yang telah diluluskan, dengan izin *prospecting* lombong dan kawasan hutan tanah kerajaan untuk pembangunan pertanian. Dalam hubungan ini, Majlis Perhutanan Negara yang bersidang pada 30 Ogos 2005 telah menggariskan beberapa peraturan dalam pengusaha hasil hutan di kawasan tanah kerajaan bagi mengurangkan kesan negatif akibat aktiviti pengusaha hasil hutan. Ya, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Berkenaan dengan pencerobohan hutan, kita tahu pembalakan adalah dibuat pada tanah kerajaan, tanah persendirian dan juga hutan simpan kekal untuk pembalakan. Di sini, apa yang terjadi di negeri Kelantan di mana kawasan hutan simpan kekal ini digazet dan diberi kepada individu ataupun syarikat untuk menjalankan lombong. Ini mengakibatkan kawasan tadahan air yang luas ditebang pokok dan dibersihkan tanpa ada kawalan.

Saya hendak tahu berapa tempat, berapa lesen *mining certificate* yang diberi kepada individu ataupun syarikat di negeri Kelantan, dan berapa buah lombong yang beroperasi sekarang khususnya di kawasan saya di Blok Sokor, dan apakah kesan daripada kajian kementerian terhadap alam sekitar dan kesan kepada sungai-sungai yang mana berlakunya pencemaran kepada sungai dan saya hendak kementerian beritahu, apakah langkah-langkah untuk mengelak pencemaran sungai, pencerobohan ini berterusan walau pun kerajaan negeri mempunyai hak, mempunyai kuasa untuk memberikan kebenaran, dan berapakah lombong yang beroperasi sekarang yang diluluskan oleh kerajaan negeri untuk perlombongan.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1990 hingga 2005, sebanyak 57 buah *mining certificate* ataupun sijil melombong telah pun diluluskan di kawasan-kawasan hutan ini tetapi nampaknya, ini adalah satu jalan yang mudah bagi mereka untuk menggunakannya, untuk melakukan aktiviti pembalakan dan selepasnya menceroboh alam sekitar dan selepas itu membiarkan kawasan tersebut.

Dato' Haji Ab Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta jalan!

Dato' S. G. Sothinathan: ...Sebenarnya, cuma satu sahaja lombong yang aktif setakat ini daripada 57 dan ia melibatkan keseluruhan kawasan seluas 7,500 hektar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, Tangga Batu...

Dato' S. G. Sothinathan: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga dahulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, Tangga Batu dahulu tadi. Tangga Batu berdiri awal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih jugalah Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Yang terhormat Timbalan Menteri, saya lihat kementerian seolah-olah tangannya terikat dalam menguatkuasakan undang-undang pencerobohan hutan ini. Dalam sejarah kementerian, berapa banyak kes pencerobohan hutan ini yang berjaya, yang mana kementerian berjaya menewaskan penceroboh-penceroboh dalam bentuk pemberian, mengenakan hukuman yang *deterrent*, hukuman yang menyerikkan, yang pertama.

Yang kedua, kita tengok negara jiran kita, tidak jauhlah kalau Kelantan kita ambil contoh, Kelantan, Perlis, Perak ini, jiran itu. Kita lihat bagaimana mereka memelihara hutan-hutan mereka ini, sehinggakan mereka mengenakan satu undang-undang, peraturan yang di luar norma-norma. Sebagai contoh, tidak ada penduduk dibenarkan memiliki gergaji enjin umpamanya, bagi mengelakkan mereka ini menggunakan gergaji itu untuk menebang hutan-hutan ini secara tanpa kawalan.

Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk memperkenalkan satu undang-undang yang benar-benar boleh mencegah daripada berlakunya penyelewengan seperti lesen, *mining license* dijadikan penebangan balak dan sebagainya ini. Sejauh manakah kekuatan kementerian dalam memastikan gejala ini tidak berlaku di tapak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua .

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun].. Tuan Yang di-Pertua, benda yang sama Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa dahulu.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Saya hendak tanya Timbalan Menteri, apakah prosedur yang sebenar, yang perlu dijelaskan pada Dewan ini, bagaimana hendak mengeluarkan *mining license* dan juga sekali gus, adakah peraturan bila seseorang itu dapat *mining license*, boleh mengeluarkan balak sesuka hati. Adakah peraturan ini? Kan ini jabatan berlainan. Tidak mungkin boleh. Kalau Timbalan Menteri kata boleh, itu satu pembohongan yang berlawanan dengan akta. Akta Perhutanan tidak boleh. Lesen ini untuk mineral ini dikeluarkan oleh pihak lain, oleh PTG dan mengeluarkan balak ini oleh Jabatan Perhutanan.

Saya setuju dengan Timbalan Menteri mengatakan bahawa tidak ada pencerobohan hutan dalam tahun 2005, 2006 tetapi, kalau ada, Timbalan Menteri kata boleh, saya minta penjelasan dan tanggungjawab pada Dewan ini kerana ini bertentangan dengan cara dan prosedur. Menunjukkan bahawa sebahagian daripada pegawai dan Timbalan Menteri tidak tahu prosedur yang tepat mengenai bagaimana hendak mengeluarkan permit, *mining license* dan sekali gus mengeluarkan. Dia cara berlainan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, fasal balak ini Tuan Yang di-Pertua, buat saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya peluang sikit, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak tanya siapa?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya pun kesian dekat dia Tuan Yang di-Pertua. Yang sebenarnya, memang benar dia orang ini minta lesen hendak cari emas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau hendak menjawab soalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, Tuan Yang di-Pertua hendak penjelasan, penjelasan, penjelasan selepas itu Tuan Yang di-Pertua mesti ada gambar-gambar dahulu. Memang benar dia hendak minta. Dia hendak minta lesen, *mining license*, kerana kononnya di Kelantan ini banyak emas Tuan Yang di-Pertua. Satu kawasan itu, saya tahu, saya ulang-alik Kelantan satu, sampai 100 lebih lesen dikeluarkan untuk melombong emas, tetapi lombong emas itu, emas tidak duduk di pokok, Tuan Yang di-Pertua, dia duduk di bawah tanah. Jadi, atas tanah ada pokok balak. Ini kena tebang Tuan Yang di-Pertua. Itulah sebabnya. Saya pun kasihan dekat kementerian. Hari ini Sungai Kelantan tercemar merah, apa ini semua, bukan kerana lesen balak keluar, tetapi lesen melombong emas yang berlaku di Kelantan. Penipuan itu Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Soalan dia, soalan, duduk, duduk, duduk...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya rasa..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Persoalan dia, adakah kementerian hendak minta supaya kerajaan negeri patuh kepada kementerian, berkenaan dengan *environment* kerana penipuan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang membuatkan hari ini sungai tercemar.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya perlu membetulkan kerana Yang Berhormat bagi Jasin sangat jahil dalam perkara ini. Dia dalam hal import eksport dia memang ahli, tetapi dalam bahagian ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak tanya Timbalan Menteri bersetuju memberi laluan kah?

Dato' S. G. Sothinathan: Saya jawab dahulu lah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak jawab dahulu.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Biar saya sambung sikit, kemudian jawab sekali...

Dato' S. G. Sothinathan: Saya jawab dahulu, kalau ada kekeliruan mungkin Yang Berhormat boleh *debate*, fahamkan perkara inilah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Kekeliruan. Memang keliru pun nampak.

Dato' S. G. Sothinathan: Sekiranya ada kekeliruanlah, kalau tidak tak apa, baik juga. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan melalui Majlis Perhutanan Negara telah pun, untuk mengatasi masalah ini, mengadakan beberapa garis panduan supaya diguna pakai dalam khususnya, berkaitan dengan tanah-tanah kerajaan, khususnya dan juga, ataupun milik persendirian kerana berkaitan dengan hutan simpan kekal memang terkawal, memang baik.

Kita mengamalkan *sustainable forest management* tetapi, untuk yang lain-lain, walaupun kita adakan dasar-dasar ini, ada juga kerajaan-kerajaan negeri yang mungkin tidak mematuhi, tetapi baru-baru ini kita dapati tidak ada banyak masalah. Sebelum ini ada banyak masalah. Itulah sebabnya salah satu yang digunakan itu adalah *mining license* seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, memang tepatlah.

Lesen melombong itu digunakan sebagai alasan bahawa mereka bersihkan tempat itu untuk perlombongan, tetapi selepas diambil, tidak ada apa-apa....[*Dewan riu*]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya bagilah penjelasan sedikit.

Dato' S. G. Sothinathan: Itulah sebabnya Kerajaan Persekutuan bertegas dalam perkara ini tetapi, baru-baru ini saya ingat, Kerajaan Negeri Kelantan pun, mereka patuh kepada semua arahan-arahan daripada Majlis Perhutanan Negara. Saya ucapkan banyak terima kasihlah...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: [*Bangun*]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [*Bangun*]

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [*Bangun*]

Dato' S. G. Sothinathan: Mambong dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong dahulu.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri kerana beri saya peluang ini untuk mohon penjelasan. Garis panduan sepatutnya, dia mesti lihat dari sudut kedua-dua aktiviti ini. Pembalakan, menebang pokok seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Perlombongan mengambil emas dari bawah tanah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua orang faham. Apakah soalan-soalan...

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya, faham memang, tetapi saya ingin menjelaskan dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah Yang Berhormat. Penjelasan akan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Sekarang soalan dahulu.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Soalannya, yang mana lesen harus dikeluarkan dahulu, Tuan Yang di-Pertua? Lesen pembalakan kah ataupun lesen perlombongan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup. Baik.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: ...Kerana sebelum ambil emas itu, perlombongan, kita perlu tebang pokok, tebang balak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya lah, Yang Berhormat bagi Jasin sudah beritahu.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Garis panduan mestilah jelas di dalam perkara ini. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Yang Berhormat bagi Mambong, sebenarnya memang apa yang disarankan oleh Yang Berhormat itu tepat sekali, tetapi itulah sebabnya, kalau dahulu banyak lesen-lesen melombong dikeluarkan maka ada banyak kekecohan berkaitan dengan Lesen Pembalakan. Jadi, ini adalah satu lagi cara, dengan izin, *to overcome* dengan sekatan-sekatan yang ada, maka mereka gunakan sijil melombong itu sebagai satu cara mengusahakan, mengambil balak daripada hutan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Mengikut daripada kepakaran yang ada di kementerian, berapakah bilangan emas yang ada? Banyakkah emas yang ada di Kelantan ini? Lesen lombong yang dikeluarkan sampai beratus ini... [*Disampuk*] sepuluh ribu hektar. Di kawasan itu dikeluarkan lesen melombong. Emasnya berapa banyak? Di Melaka pun ada emas, Teluk Mas. Yang dia pun ada Pasir Mas, tapi Tanah Merah... [*Disampuk*]

Berapa banyak mengikut kajian geologi, pakar-pakar yang ada dalam kementerian, berapalah banyaknya emas yang ada di Kelantan, yang menyebabkan Kerajaan Kelantan mengeluarkan beratus permit-permit ataupun lesen-lesen melombong...

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Penjelasan singkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak jawab, tidak perlulah. Menteri jawab. Minta penjelasan, boleh... [Ketawa]

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan. Apakah beza di antara *prospecting* permit... [Disampuk] permit cari gali yang boleh diberi sampai sepuluh ribu tetapi bila dibuat cari gali tidak ada. Sehingga di Australia sendiri pun kalau *mining*, lesen tidak ada yang sepuluh ribu ekar ini tetapi *prospecting* permit memang diberi untuk dicari. Mungkin ada 200, 300 ekar, tempat inilah bila sudah Jabatan Mineral dan Geosains...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jangan tebang pokok. Masalahnya sekarang pokok ditebang...

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Nanti dahulu, nanti dahulu. Ini *my floor*, ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *Prospecting* apa?

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Bila sudah, kata 200 ekar ini sudah ada, Jabatan Mineral dan Geosains, mengesahkan bahawa emas ini ada *economic value*, barulah dikeluarkan lesen *mining* dan di sini diserahkan...

Seorang Ahli: Itu tahu.

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak ada, nanti dahulu saya... Bila di sini barulah Jabatan Perhutanan mengeluarkan tender... [Disorak]

Seorang Ahli: Bukan tender,

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tender ataupun Jabatan Perhutanan mengeluarkan tender ataupun memberi kepada pengusaha itu pilihan dengan *value* yang ditenderkan oleh...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak ada tender, tidak ada tender.

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya tahu di Kelantan lebih daripada tuan-tuan. Saya tahu... [Dewan riuh]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya pun tahu prosedur, kawan saya....

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Prosedur sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Seorang Ahli: Tender ini baru dua tahun.

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanya.

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Apa yang dikatakan sepuluh ribu ekar ini. *Prospecting* peritmkah ataupun lesen *mining*?

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1990 hingga 2005, *57 mining certificate, that's mean*, sijil perlombongan dikeluarkan... [Disorak] bermakna lesen untuk melombong. *It's not prospecting*, ia untuk melombong dan jumlah kawasan yang terlibat itu 7,538 hektar...

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Mana sepuluh ribu.

Seorang Ahli: Dekat-dekat sepuluh ribulah.

Dato' S. G. Sothinathan: Itulah sebabnya adalah penting supaya kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan bekerjasama dalam perkara ini...

Tuan Haji Abdul Fatah binti Haji Haron [Rantau Panjang]: Bagi peluang saya sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah binti Haji Haron [Rantau Panjang]: Lama sudah, kawan lama.

Dato' S. G. Sothinathan: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah binti Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya hendak tanya sedikit, Timbalan Menteri ini, barangkali Timbalan Menteri ini dipengaruhi oleh sahabat-sahabat yang lain yang mendesak... [Disorak] Supaya mendedahkan perkara yang bukan-bukan di dalam Dewan ini.

Saya hendak tanya, pertama sekali di Kelantan ini, adakah Yang Berhormat mengetahui di Kelantan, saya hendak tanya Yang Berhormat ini. Di Kelantan sekarang ini hasil daripada peristiwa yang berlaku tahun 1978 sehingga 1990... [Disorak] Berlaku peristiwa pemberian hak milik tanah, di Tanah Tinggi Lojing dengan 20 syarikat, semua sekiranya, beribu-ribu ekar. Asas pemberian itu ialah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat, jangan alih topik, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah binti Haji Haron [Rantau Panjang]: Dalam hal *leading question*. Saya *lead* dahulu, lepas itu saya akan tanyalah. Waktu pemberian tanah tersebut dengan tujuan untuk pertanian dan sebagainya tetapi hasil dalamnya diambil dengan tidak ada tender balak, waktu itu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Menyampuk]

Tuan Haji Abdul Fatah binti Haji Haron [Rantau Panjang]: Demikian juga waktu tahun yang saya sebutkan tadi, perlombongan sedemikian juga. Dia beri keluasan kawasan hutan simpan untuk perlombongan tetapi kayu di dalamnya juga tidak di tender, diberi kepada tuan punya tetapi apabila, selepas peristiwa tahun 1990 hingga sekarang ini, kerajaan di Kelantan sudah sedar tentang perkara ini.

Memang bila kita beri kawasan untuk melombong, hak melombong itu oleh ia tetapi kayu di dalamnya masih lagi hak kerajaan, sebab itu kerajaan keluarkan tender. Ataupun memberi kepada mereka itu dengan syarat bayar ganti rugi, yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan. Itu jelas, Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat, tahu atau tidak perkara yang saya sebutkan ini. Itu saya hendak tahu... [Dewan riuh]

Dato' S. G. Sothinathan: Saya ada maklumat tahun 1990. Itu yang saya laporkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya alih kepada topik yang lain iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan mengenai isu tanda-tanda sempadan tanah bagi kawasan kampung-kampung baru di Selangor yang masih belum ditanam. Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Tanah dalam melaksanakan pengukuran tanah yang diterima permohonan ukur bagi sesuatu kawasan. Bagi permohonan ukur yang untuk lot-lot kampung baru di Selangor, JUPEM Selangor telah menyiapkan pengukuran sebanyak 16,915 lot daripada 18,886 lot permohonan ukur yang telah diterima. Baki sebanyak 1,971 lot dalam tindakan proses untuk pengukuran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Serdang juga memaklumkan bahawa kebanyakan pemilik tanah di kampung-kampung baru di Selangor memilih hak milik sementara dan menyukarkan pemilik berurus niaga tanah tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun tanah-tanah ini mempunyai hak milik sementara, dari segi urus niaga ia tidak berbeza dengan tanah-tanah yang telah mempunyai hak milik tetap. Ia masih boleh dicagarkan, digadai dan dipindah milik seperti tanah-tanah yang mempunyai hak milik tetap tanpa batasan. Baru-baru ini Kementerian juga sedang berusaha untuk menyiapkan penyerahan hak milik tetap secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor menyarankan untuk menaikkan kualiti pengurusan air negara. Di cadangkan Jabatan Pengairan dan Saliran atau JPS dinaikkan taraf ke taraf perbadanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber air negara merupakan warisan sepanjang hayat yang perlu dipelihara serta diuruskan secara mapan. Pengurusan berhemah sumber air amatlah penting...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' S. G. Sothinathan: Sekejap. Dan tidak boleh dipandang remeh kerana akibat kecuaian dalam penjagaannya boleh mengundang masalah-masalah seperti banjir, kemarau dan pencemaran kepada alam sekitar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sedikit penjelasan. Ini kerana saya lihat akhir-akhir ini banyak sungai-sungai telah tercemar yang amat sangat. Ibaratnya kalau kita lihat sungai itu, air sungai itulah dimasukkan ke loji dan diproses dan diminum oleh rakyat tetapi kalau tidak diproses, saya ingat tidak ada seorang manusia pun tergamak hendak minum air sungai itu.

Jadi, apakah kerajaan mempunyai satu peraturan dan undang-undang dan mungkin kalau perlu kita adakan undang-undang, iaitu *reserve* di antara sungai ke daratan itu harus ada, yang tidak boleh diusik oleh sesiapa. Ini kerana kita dapat lihat kadang-kadang ternakan, haiwan dan sebagainya, pencemaran daripada kilang-kilang dan sebagainya, membuang sisa-sisa toksik dan sebagainya ke dalam sungai..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, yang ini kes minum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Takut rakyat sakit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, ada atau tidak peraturan ini. Ia mesti ada *reserve* dan *reserve* ini kalau kerajaan negeri mengabaikan, apakah tindakan daripada Kerajaan Pusat atau kementerian kepada kerajaan negeri yang melanggar peraturan ataupun persetujuan sempadan di antara *reserve* sungai dengan daratan itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dasar berkaitan dengan pengurusan sungai ini ataupun penjagaan sungai ini dan saya akan menyentuh tentang *integrated water resource management* sebentar lagi tetapi berkaitan dengan *reserve* memang kita semua tahu bahawa sungai dan tanah ini adalah di bawah bidang kuasa tetapi kementerian ataupun JPS telah pun menyediakan beberapa dasar-dasar yang harus dipraktikkan oleh setiap negeri, khususnya berkaitan dengan lokasi loji-loji ataupun kilang-kilang dan juga pembangunan di sekitar sungai, khususnya berkaitan dengan *reserve* sungai dan sebagainya. Memang ada dasar untuk dilaksanakan.

Pengawasan dari segi pembangunan dan pengurusan sungai sumber air juga tidak selaras. Sebagai contoh bekalan air bagi domestik dan industri adalah di bawah pengurusan Jabatan Bekalan Air...

Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh penjelasan sedikit.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Dato' S. G. Sothinathan: Saya habiskan ini, kita pergi kepada *water resources management* baru kita boleh bincang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dato' S. G. Sothinathan: Lagi 15 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 15 minit boleh habis? Atau hendak sambung petang ini?

Dato' S. G. Sothinathan: Petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, petang sambung. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam ini, dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, esok hari 21 September 2006.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat. Sila sambung.

2.34 ptg.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya balik semula soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor berkaitan dengan pengurusan air negara. Sebenarnya pengawalan dari segi pembangunan dan pengurusan sumber air adalah tidak selaras. Sebagai contoh, bekalan air bagi domestik dan industri adalah di bawah pengurusan Jabatan Bekalan Air. Air bagi tujuan pengaliran dan saliran adalah di bawah JPS serta penjanaan kuasa *hydroelectric* di bawah pengurusan Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi. Juga perundangan dan kaitan institusi tidak begitu jelas dan bertindih pula.

Punca utama masalah ini adalah pengurusan pembangunan yang dilaksanakan secara *sectoral*. Menyedari akan permasalahan seperti di atas dan menyedari keperluan sumber air yang kian meningkat, kerajaan telah mula menerap kaedah pengurusan sumber air secara sepadu dengan izin, *integrated water resources management*. Ia adalah suatu proses untuk mempromosikan pembangunan dan pengurusan air, tanah dan sumber yang berkaitan secara seimbang dengan cara yang adil dan saksama tanpa berkompromi terhadap pengekalan ekosistem yang penting bagi mencapai nilai ekonomi dan sosial secara maksimum.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar antaranya bertanggungjawab dalam pengurusan sumber air negara di mana pendekatan *integrated water resources management* diadaptasikan dalam rangka perancangan dan pembangunan sumber air secara *holistic* dan mapan.

Manakala bagi tujuan memberi khidmat penyampaian berkesan, bekalan air domestik dan industri adalah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sementara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pula adalah bertanggungjawab ke atas bekalan air untuk pengairan.

Penggubalan dasar negara seperti yang tercatat dalam *outline perspective* plan ataupun OPP ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan iaitu memperakui penerimaan kaedah pengurusan sumber air secara sepadu yang memberi penekanan kepada pengurusan alam sekitar dan sumber yang mapan jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan kualiti sumber air terkawal.

JPS merupakan jabatan di Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar yang bertanggungjawab mengurus sumber air bagi mencapai kelestarian alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup. Pendekatan konsep *integrated water resources management* telah dilaksanakan oleh jabatan secara berperingkat-peringkat yang mana ia seiring dengan dasar kerajaan. Cadangan memperbadankan JPS boleh dipertimbangkan di mana ia juga selari dengan pendekatan konsep *integrated water resources management* yang mengambil kira semua aspek sumber air dan sumber lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga membangkitkan isu apakah rancangan untuk menjadikan Sungai Selangor sebagai sumber air yang bersih. Begitu juga bagaimana pencemaran yang wujud di Sungai Selangor umpamanya baru-baru ini iaitu air *leachate* dari Bukit Tagar yang masuk ke Sungai Selangor yang menyebabkan air yang kita minum dibekalkan oleh Syabas berbau busuk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sungai Selangor sememangnya adalah merupakan sumber bekalan air minuman untuk 60% penduduk Lembah Klang. Kualiti air sungai ini pada puratanya berada pada kelas dua dan sesuai untuk sumber air minuman dengan diolah secara konvensional.

Berhubung dengan pelepasan *leachate* dari tapak pelupusan Bukit Tagar yang berlaku pada bulan Februari 2006, kemudahan loji pengolahan dengan izin *leachate* di tapak tersebut telah beroperasi mulai bulan April 2006 dan kini mempunyai keupayaan mengolah *leachate* yang dihasilkan, dan *leachate* yang diolahkan itu disalurkan ke sistem pengairan daratan dan tiada pelepasan secara terus ke sungai bagi mengelak risiko berlakunya kejadian serupa pada bulan Februari 2006.

Selain dari itu pihak pengurusan Bukit Tagar akan membina stesen pengawasan kualiti air sungai secara *on line* supaya sebarang pelepasan *leachate* ke sungai dapat dikesan dengan serta merta. Pihak operator juga masih menunggu kelulusan peruntukan pemasangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pengurusan dan operasi tapak pelupusan Kubang Badak adalah merupakan langkah sementara berikutan dari penutupan tapak pelupusan Majlis Perbandaran Selayang di Kundang yang terletak di hulu takat pengambilan air minuman di Sungai Selangor. Untuk tujuan tersebut, tapak pelupusan berkenaan telah dinaik taraf untuk mengawal pencemaran yang terhasil. Pada masa yang sama untuk jangka masa panjang...

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Mambong.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara di sini yang saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang pertama tentang *integrated water resources management* ini. Adakah pelan sudah dirumus untuk *integrated water resources management* kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menyebut keperluan ekologi. Yang satu lagi keperluan yang penting adalah untuk mengintegrasikan *land use* ataupun kegunaan tanah di dalam IWRM ini. Ini saya mahu tanya dan siapakah nanti akan memantau agar ia dilaksanakan dengan baik. Jabatan mana ataupun agensi mana.

Yang kedua, tentang *leachate* daripada Bukit Tagar ini. Ini saya rasa mungkin sudah selesai tetapi ada satu lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi Bukit Jelutong yang satu lagi itu. Bagaimanakah *leachate* daripada tapak pelupusan sampah Bukit Jelutong ini boleh dikawal kerana seperti mana yang kita tahu ia tidak ada satu kaedah untuk merawat air *leachate*. Apakah yang akan terjadi adakah rawatan air *leachate* nanti dilaksanakan dengan kaedah-kaedah yang tertentu. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan *integrated water resources management*. Ini adalah satu pelan jangka panjang yang merangkumi semua aspek *biodiversity*, alam sekitar dan juga dari aspek ekonomi dan sosial yang diambil kira bagi memastikan bahawa kita mempunyai bekalan air mentah yang baik. Pada masa yang sama juga *biodiversity* yang kita ada itu tidak terjejas di masa akan datang.

Jadi dengan adanya satu sistem ini yang sedang digubal oleh kementerian tetapi buat masa ini kita ada *Integrated Water Basic Management* adalah sebahagian daripada *Integrated Water Resources Management* yang mana semua aspek-aspek yang saya sebut tadi akan diambil kira. Dan selepas ianya digubal, maka dengan kelulusan kerajaan maka ini akan dibawa kepada kelulusan kerajaan dan kita harap dengan adanya satu pelan tindakan yang komprehensif, maka kerajaan-kerajaan negeri perlu memberi sokongan yang sepenuhnya bagi memastikan bahawa hasrat Kerajaan Persekutuan itu tercapai.

Jadi ini adalah sebagai satu langkah ke arah mencapai negara maju kerana *Integrated Water Resources Management* kalau kita perhatikan memang telah pun dilaksanakan di semua negara-negara yang maju. Dan kita tidak mempunyai masa yang lama dengan matlamat kita untuk dicapai dalam 15 tahun, rasanya kita mempunyai masa yang singkat juga.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat, sebenarnya saya ada buat satu rumusan untuk *Integrated Water Resources Management* dan kertas teknikal ini telah pun dibentangkan di Sarawak pada 5 September yang lalu. Kalau kementerian hendakkan kertas ini saya boleh bagi, dalam komputer saya. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya pun memahami bahawa Yang Berhormat memang mempunyai pengalaman yang cukup baik dalam bidang ini dan kementerian mengalu-alukan pandangan Yang Berhormat dan kita akan mengambil kira dalam penggubalan *Integrated Water Resources Management*. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sikit Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nak menyentuh balik fasal pencemaran sungai, sumber air untuk rakyat. Jadi saya faham bahawa sungai adalah milik kerajaan negeri di bawah pentadbiran dan kuasa kerajaan negeri. Yang itu saya faham. Kerajaan Persekutuan, dia ada undang-undang dan peraturan. Pertamanya saya nak tahu sejauh mana kerajaan negeri mematuhi undang-undang Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Yang Berhormat. Yang keduanya, sungai yang kita lihat ini bukan kata di dalam hutan, sungai yang ada di Kuala Lumpur ini pun tak diuruskan dengan terbaik. Sampah, semak samun dan sebagainya, yang depan mata Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri, Sungai Klang, sungai itu, sungai ini kalau kita lihat. Yang contoh yang kita nak jadi ini, bandar di dalam taman tetapi bandar dalam taman, kalau sungai kita 'berdanok' macam itu, macam mana Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, apakah kementerian dan juga kerajaan-kerajaan negeri ini tidak beri peruntukan khusus kuasa untuk menjaga sungai-sungai ini kerana najis binatang, bangkai binatang dan macam-macam ada dalam sungai itu dan akhirnya diproses. Jadi kekotoran itu tak tahulah, diproses guna itu dan ini. Dan saya ingat sejauh mana lagi kementerian Yang Berhormat hendak merancang ini? Tanya menteri, bila nak merancang dan bila hendak buat? Kita pun makin tua dah, rakyat nak mai ke depan, yang muda-muda, takkan macam itu juga sungai kita. Jadi minta penjelasan Yang Berhormat kerana bila saya lihat... Saya berterima kasih kepada TV3 kerana *highlight* sungai-sungai yang begitu kotor sekali, begitu juga RTM. Adakah Yang Berhormat di kementerian dan pegawai-pegawai kementerian tak ambil tindakan, Yang Berhormat? Kasihan pada orang minum air kotor.

Kalau kita nak pelancong datang ke Malaysia, tapi kalau TV dok tunjuk macam itu, dia kata, "Oh! My God". Mat Salleh kata, dengan izinlah. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Memang saya pun setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya kita telah pun menyiapkan pelan untuk tiga buah sungai iaitu Sungai Kedah, Sungai Bernam dan Sungai Langat di mana *Integrated Water Basic Management Plan* itu telah sedia. Di mana kita juga menentukan apakah yang boleh diletakkan berhampiran dengan sungai, apakah *reserve* yang harus ditetapkan dan bagaimana untuk mengekalkan *biodiversity* dan untuk pembangunan mana-mana tempat yang harus dielakkan seperti kawasan banjir, di tepi sungai itu semua haruslah dielakkan daripada pembangunan. Dan ini semuanya sedang dilaksanakan untuk tiga buah sungai dan lain-lain sungai sedang kita gubal pelan tersebut.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nak ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang sudi menerima cadangan saya untuk memperbadankan JPS bagi melaksanakan pengurusan sungai secara lestari. Bermakna Kementerian menolak cadangan untuk menswastakan sungai dalam mengatasi soal pencemaran dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat? Satu lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta masukkan Sungai Selangor dalam rancangan itu.

Dato' S. G. Sothinathan: Saya tidak menyebut tentang penswastakan sungai tersebut. Ada cadangan yang mana saya rasa kita boleh pertimbangkan kerana ia selaras dengan pelan kita untuk mengadakan *Integrated Water Resources Management* di mana satu badan yang khas untuk pastikan bahawa semua sungai-sungai kerana kadang-kala sungai ini daripada satu negeri, dia masuk ke negeri lain ataupun satu daerah ke daerah yang lain. Maka kita mesti ada satu pelan tindakan secara komprehensif untuk menangani masalah ini. Jadi, itulah yang kita cuba menangani di bawah *Integrated Water Resources Management* supaya pihak kita dapat mengurus sungai itu tanpa mengira sama ada daripada satu negeri ke negeri lain tapi ianya boleh dikawal selia melalui badan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama untuk jangka masa panjang, Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti dua tapak untuk dijadikan tapak pelupusan. Ini berkaitan dengan tapak pelupusan di Kundang. Untuk dijadikan tapak pelupusan *sanitary* dan sedang dalam kajian dan penyediaan laporan penilaian kesan alam sekitar sedang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Sungai Selangor sebagai sumber air yang bersih. Di antaranya ialah pemasangan perangkap sampah, pembinaan kolam takungan, mendalamkan dan menghadkan aktiviti pengambilan pasir daratan, akuakultur dan pertanian, dan pembekuan aktiviti pengambilan pasir sungai, penutupan tapak pelupusan sampah dan juga mensyaratkan Pelan Kawalan Hakisan dan Mendakan ataupun *Erosion and Sediment Control Plan* bagi kerja-kerja tanah. Tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti penternakan lembu, khinzir dan lain-lain. Di Sungai Selangor, ia telah dipilih sebagai sungai perintis di bawah Program Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu dengan izin, *Integrated River Basin Management*. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri jawapan kepada semua penghujah....

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi persoalannya Sungai Selangor tadi, Pusat Pelupusan Sampah Kubang Badak betul-betul terletak di gigi air Sungai Selangor yang saya bangkitkan dalam perbahasan yang lepas tetapi Jabatan Alam Sekitar menyokong supaya pusat pelupusan ini dinaiktarafkan. Selepas empat bulan, *worldwide* anak syarikat kerajaan negeri melaksanakan tanggungjawab berkenaan, bau busuk tidak dapat diselesaikan sehingga sekarang dan kerajaan negeri pula sejak itulah membuat keputusan sampah daripada Majlis Perbandaran Selayang tidak akan masuk ke Kubang Badak tetapi masuk ke Bukit Tagar.

Saya nak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jaminan kerajaan, apa yang dikatakan dalam jawapan yang diberikan kerajaan negeri dan PBT berkenaan sedang menggunakan tapak ini secara minima. Apa jaminan bahawa dan juga tapak ini akan ditutup pada awal tahun depan? Apakah jaminan pusat ini benar-benar akan ditutup awal tahun depan, bila? Kerana tapak baru seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi masih di peringkat kajian alam sekitar.

Dan tapak yang dicadangkan itu pula mungkin menimbulkan kontroversi kerana terletak di sekitar perkampungan tradisional di kawasan berkenaan. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita daripada kementerian, kita boleh membantu untuk mempercepatkan proses penilaian laporan alam sekitar. Dan memang Tapak Pelupusan Kubang Badak ini adalah langkah sementara. Sebelum ini pun, kita telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah pencemaran daripada tapak-tapak pelupusan. Yang Berhormat sendiri pun telah menyaksikan apakah tindakan yang kita ambil. Jadi jaminan yang saya boleh bagi tempoh masa itu, saya tidak tahu tapi yang kita boleh tahu daripada kementerian kita akan cuba bantu mempercepatkan sebarang permohonan untuk menggunakan tapak itu, kita akan cuba mempercepatkan secepat mungkin.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja. Terima kasih Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tertarik untuk menekankan dan memberi penegasan, air adalah khazanah Allah untuk manusia, untuk kerajaan urus.

Sembilan per sepuluh air dalam jasad kita. Sebab itu kalau kita tidak jaga air, saya hendak minta supaya sungai di Kelantan juga jangan di Selangor sahaja. Kita ambil seluruh Malaysia. Kena bertindak tegas. *Legally right, morally right*. Kita tidak hendak *legally right*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *morally wrong*. Kita hendak ambil tindakan tegas. Mana membalak walaupun dia ada lesen, tidak ada lesen, tidak ikut peraturan, saman, ambil tindakan tegas...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Inilah saya minta supaya seluruh Malaysia, kita hendak jaga air kerana air ini adalah penting. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan berusaha untuk mencapai hasrat Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengakhiri, saya hendak menyentuh satu perkara yang dibangkitkan dalam Dewan semalam berkaitan dengan isu tapak Kompleks Pusat Latihan JBS di Jalan Ampang. Sebenarnya jabatan ini telah diberi hak milik bagi tanah yang terletak di dalam Wilayah Persekutuan. Ia ada dua hak milik iaitu satu di Wilayah Persekutuan dan satu lagi di negeri Selangor. Perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut.

Akan tetapi bagi tapak yang terletak di Wilayah Persekutuan, telah diberi hak milik pada tahun 1999 dan telah didaftarkan di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Manakala bagi bahagian tanah kompleks yang terletak di negeri Selangor, sebenarnya JBS telah mohon hak milik tersebut pada tahun 1994 tetapi Kerajaan Negeri Selangor telah mengurniakan tanah tersebut kepada syarikat 'Suditasyia' Sdn. Bhd. dan mengeluarkan dua hak milik berasingan kepada syarikat tersebut pada tahun 2003.

Pemberian hak milik tanah ini kepada pihak 'Suditasyia' telah menjejaskan operasi JBS di kawasan tersebut terutamanya di Lot PT 6471 kerana beberapa bangunan pejabat dan makmal terletak di tanah bangunan tersebut. Jadi setelah beberapa siri mesyuarat bersama dengan KPTG dan mengikut surat Jabatan Peguam Negara pada 1 April 2004, ia berpandangan bahawa Lot PT 6471 dan PT 6472 adalah merupakan tanah rizab bagi maksud Persekutuan mengikut Perkara 166(4), Perlembagaan Persekutuan kerana JBS telah mendudukinya sebelum merdeka. Jadi kami ingin mengesyorkan kepada pihak kerajaan negeri supaya tanah ini ditarik balik dan diserahkan semula kepada JBS.

Itu sahajalah ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan dan cadangan untuk memperkemas kini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Kementerian Pelajaran untuk memulakan jawapan.

2.53 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan peranan yang amat besar dalam pembangunan negara yang berpaksikan kepada ilmu pengetahuan dan teknologi, sekali lagi sektor pendidikan dan latihan telah diberi peruntukan yang besar iaitu sebanyak RM33.4 bilion pada Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan atau 21% daripada keseluruhan Bajet 2007.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat tahu kenapa menteri tidak ada untuk menjawab bagi kementerian ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, menteri sudah dua kali datang menjawab di Dewan ini. Sewaktu menggulung Titah Ucapan Yang Dipertuan Agong, menteri sendiri turun dan jawab. Kemudian bila menggulung dasar Rancangan Malaysia Kesembilan pun menteri telah datang. Kali ini menteri tidak dapat hadir pada hari ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini kadang-kadang dia tidak faham Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua. Dia peguam tetapi dia tidak faham Perlembagaan dalam Malaysia ini. Saya hendak baca, *you* dengar saya baca apa yang ada dalam Perlembagaan ini. Yang Berhormat kena dengarlah. Artikel 43(2) di bawah tajuk Timbalan-timbalan Menteri, "Timbalan-timbalan Menteri hendaklah membantu Menteri-menteri pada menunaikan tugas-tugas dan fungsi-fungsi mereka dan bagi maksud sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri." So saya timbalan menteri di sini, tetapi ikut Perlembagaan, saya jawab sebagai menteri, apa masalahnya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak habis-habis isu yang lapuk yang dia bangun, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terus jawab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham. Dia tidak pernah duduk dalam kerajaan, jadi dia tidak faham. Dia ingat macam pembangkang, buat dasar sendiri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Itulah ganggu, mana saya berhenti tadi. Pengumuman yang pasti menggembirakan semua pihak mengenai pemansuhan yuran peperiksaan dan penambahan insentif-insentif lain dalam bajet kali ini menunjukkan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap pembangunan modal insan yang merupakan agenda utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sepanjang perbahasan Bajet 2007, seramai 58 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan pelbagai perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran Malaysia ataupun KPM. Terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap sektor pendidikan negara. Saya akan cuba memberikan jawapan kepada perkara-perkara utama yang dibangkitkan, manakala terdapat beberapa isu yang dibahaskan telah pun dijawab secara lisan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, yuran dan program bantuan sokongan. KPM sedar semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong penuh dan mengalu-alukan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pemansuhan yuran peperiksaan awam bagi UPSR, PMR, SPM dan STPM di sekolah kerajaan yang merangkumi sekolah kerajaan bantuan penuh, sekolah bantuan kerajaan ataupun bantuan modal termasuk juga sekolah agama bantuan kerajaan (SABK).

Walaupun dengan pemansuhan ini kerajaan akan menanggung perbelanjaan hampir RM216 juta setiap tahun sebagai kos pengurusan dan juga pengendalian peperiksaan tersebut tetapi keprihatinan kerajaan sudah tentu melegakan ibu bapa atau penjaga terutamanya kepada mereka yang amat memerlukan. Cadangan pemansuhan yuran ini juga merupakan antara agenda utama untuk memperkasakan sekolah kerajaan serta menarik ibu bapa cenderung menghantar anak-anak mereka bersekolah di sekolah kerajaan.

Namun bagi yuran peperiksaan di lain-lain sekolah termasuk di sekolah swasta seperti yang dicadangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, KPM mendapati segelintir ibu bapa atau penjaga sendiri memilih untuk menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah tersebut sedangkan kerajaan membuka ruang seluas-luasnya untuk mereka menghantar ke sekolah aliran perdana yang disediakan. Kita percaya ibu bapa atau penjaga yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta atau sekolah persendirian merupakan mereka yang mempunyai kemampuan kewangan untuk membiayai persekolahan termasuklah yuran peperiksaan.

Berhubung dengan bantuan biasiswa seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Padang Serai, Yang Berhormat bagi Lanang, Yang Berhormat bagi Sandakan dan Yang Berhormat bagi Kota Belud, cadangan untuk menaikkan kadar biasiswa kecil Persekutuan daripada RM50 kepada RM70 seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2007 amatlah dialu-alukan dan bersesuaian dengan keadaan masa kini di mana kos sara hidup semakin meningkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menetapkan syarat pendapatan kasar keluarga sebanyak RM1,000 sebulan sebagai salah satu syarat..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Biar saya habis dahulu. Sebagai salah satu syarat kelayakan pelajar sekolah menengah untuk menerima biasiswa kecil Persekutuan. Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Sebentar tadi pihak timbalan menteri ada menyebut mereka yang menghantar anak-anak ke sekolah persendirian ini merupakan mereka yang mempunyai pendapatan yang lumayan yang tidak perlu dibagi percuma yuran peperiksaan. Apakah Yang Berhormat sedar mereka sebahagian besar yang belajar di sekolah swasta ini ialah mereka yang tercicir, yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka kerana gagal dalam beberapa peperiksaan.

Yang keduanya pula, sebahagian besar pula mereka yang belajar di sekolah agama rakyat. Bukan bermakna mereka ini mempunyai cukup kewangan tetapi di atas kesedaran untuk menumpukan lebih banyak lagi mata pelajaran agama dan mata pelajaran Arab di sekolah-sekolah agama rakyat. Apakah Yang Berhormat sedar tentang perkara itu dan adakah Yang Berhormat merasai perlu juga satu masa untuk memberi pertimbangan supaya mereka ini diberi percuma juga yuran peperiksaan. Sudahlah mereka ini telah dipinggirkan dari segi bantuan per kapita yang ditarik balik oleh kerajaan dua, tiga, empat tahun yang lalu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya telah nyatakan tadi itu salah satu tetapi sebab yang utamanya ialah untuk kita memperkasakan sekolah kerajaan. Buat masa ini kita tidak bercadang untuk bagi kepada sekolah agama rakyat ataupun kepada calon-calon persendirian kerana kita telah pun membuka pintu yang seluas-luasnya kepada sekolah agama rakyat, sekolah menengah agama negeri untuk diserahkan pentadbirannya kepada Kementerian Pelajaran dan hari ini seperti di Selangor, Tuan Yang di-Pertua, semua sekolah menengah sekarang ini telah pun diserahkan kepada Kementerian Pelajaran dan dinamakan sekolah agama bantuan kerajaan dan semua sekolah ini telah pun kita berikan peruntukan.

Jadi kita mesti tegas dalam hal ini untuk kita memastikan bahawa semua rakyat menjadikan sekolah kerajaan ialah sekolah aliran perdana...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam memberi jawapan dalam hal ini. Dalam perbincangan bajet, saya juga menyentuh tentang yuran peperiksaan dan saya telah mendapat maklumat daripada jabatan yang berkaitan bahawa pelajar-pelajar di sekolah khas juga dikenakan bayaran yuran peperiksaan di mana mengikut statistik yang diperolehi, pelajar-pelajar di sekolah khas, sekolah agama rendah yang membayar yuran peperiksaan hanyalah RM5,135 sahaja. Amaunnya agak kurang dan mereka bukannya datang daripada keluarga yang kaya termasuk juga pelajar-pelajar yang belajar di dalam sekolah menengah persendirian Cina. Sekolah menengah persendirian Cina bukannya ditubuhkan untuk orang-orang kaya. Sekolah menengah persendirian Cina ini ditubuhkan atas keperluan masyarakat dan ada yang ditubuhkan dengan menggunakan di bawah *non-profit organization*.

Maka dalam hal ini saya rasa kerajaan perlu memberi pertimbangan kerana kita tegaskan bahawa sekiranya mereka yang belajar di sekolah menengah swasta ataupun sekolah rendah swasta yang berunsur komersial mereka itu orang kaya. Mungkin berpendapatan mampu. Jadi untuk kanak-kanak di sekolah khas patut diberi pengecualian...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Dalam pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila perkara ini dibentangkan adalah di bawah langkah untuk mewujudkan masyarakat penyayang bukan di bawah tajuk untuk memperkasa sekolah kebangsaan. Patut diperjelas hal ini. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Betullah Yang Berhormat kata yang pergi sekolah persendirian itu orang-orang yang miskin. Kita tidak nafikan. Yang Berhormat pun cakap tadi bayar yuran bukan banyak RM5000 ke RM6,000. Apa ada RM5000 ke RM6000 ini. Kita sudah korbankan RM216 juta. Itu kena diambil kira. Itu bukan penyayang lagi? Sekarang ini prinsipnya bukan banyak atau sedikit. Kalau daripada itu pun kerajaan boleh korban lebih banyak duit tapi prinsipnya ialah kita hendak menggalakkan supaya pelajar-pelajar mesti memasuki sekolah-sekolah kerajaan dan di dalam akta pendidikan pun jelas diberikan definisi apa yang dimaksudkan dengan sekolah bantuan kerajaan.

Jadi buat masa ini kita akan beri hanya kepada sekolah bantuan kerajaan seperti definisi dalam Akta Pendidikan iaitu institusi pendidikan bantuan kerajaan ertinya sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah ini prinsip untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan atau sekolah yang dapat bantuan daripada kerajaan, satu prinsip yang palsu. Oleh kerana sebelah tangan bahawa kerajaan membuka laluan untuk pelajar-pelajar untuk menyertai sekolah antarabangsa (*international school*). Kita bukan menentang tetapi ini menunjukkan bahawa kalau kata prinsip ialah untuk memperkasakan sekolah kebangsaan sahaja tentulah harus mengadakan peruntukan di mana pelajar-pelajar boleh pergi sekolah antarabangsa. Sebab itu prinsip itu satu prinsip yang palsu. Apa yang mustahak ialah untuk tidak mengadakan diskriminasi terhadap rakyat Malaysia sama ada mereka di sekolah dengan bantuan kerajaan atau sekolah swasta supaya semua mereka mendapat nikmat peruntukan ini dikecualikan daripada yuran peperiksaan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Ketua Pembangkang ini dua perkataan sahaja dia cakap. Satu dia kata palsu, satu diskriminasi. Dia tidak faham apa dia cakap. Tunggulah bila saya cakap tajuk sekolah swasta nanti kita boleh bahas sama ada kita diskriminasi ataupun kita bagi prinsip yang palsu... [*Disampuk*] Tunggu, tunggu sampai habis saya gulung.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta jalan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jawablah, kenapa mahu tunggu?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tunggulah nanti bab sekolah swasta kita akan tengok mengapa kita terpaksa buat dasar-dasar tersebut sama ada palsu ataupun dasar-dasar yang diskriminasi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu, jawablah, jawab!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya lah tunggulah, bila bab sekolah swasta nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak minta kecerapan. Di bawah Artikel 12, Perlembagaan Persekutuan, kerajaan negeri berhak untuk menubuhkan sekolahnya sendiri sekolah agama kerana agama di bawah kerajaan negeri. Saya minta penjelasan, adakah ini dimaksudkan sekolah kerajaan itu termasuk sekolah-sekolah agama di bawah kerajaan negeri yang dinamakan SAN. Yang kedua, adakah polisi kerajaan sekarang ini untuk supaya semua mendapat hak penghapusan yuran peperiksaan ini adakah kerajaan bercadang untuk mengambil alih semua sekolah agama rakyat (SAR). Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa definisi sekolah kerajaan tidak termasuk sekolah agama negeri ataupun sekolah agama rakyat tetapi sebagaimana sekolah agama negeri yang telah menyerahkan pentadbirannya kepada Kementerian Pelajaran yang sekarang ini dipanggil sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah ini akan mendapat penghapusan daripada yuran. Mengenai usaha Kementerian Pelajaran untuk mengambil sekolah agama negeri ataupun sekolah agama rakyat ini kita memang sudah tawar lama. Tawar sudah dua tahun lebih apabila kita tidak memberikan bantuan per kapita kita sudah tawarkan untuk sekolah-sekolah agama rakyat ini diserahkan kepada Kementerian Pelajaran.

Akan tetapi Kelantan terutamanya masih lagi menganggap seolah-olah kerajaan hendak menghapuskan sekolah agama rakyat. Padahal kalau kita lihat bantuan yang kita beri kepada sekolah agama bantuan kerajaan yang dahulunya di bawah kerajaan negeri amat besar.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Kelantan tidak banyak sekolah agama rakyat, yang banyak ialah sekolah agama kerajaan negeri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih timbalan menteri sekali lagi. Hasil daripada apa yang disebut oleh timbalan menteri mengatakan tawaran telah diberi kepada kerajaan Kelantan untuk menyerahkan sekolah di bawah kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan kemudian menyaranakan sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Saya hendak tanya satu sahaja, apakah dalam perundingan yang telah dibuat ataupun belum dibuat lagi dari segi minhaj ataupun *syllabus* sama seperti mana yang masih ada di sekolah-sekolah agama kerajaan negeri ataupun sekolah-sekolah agama rakyat. Kalau dibandingkan sekolah menengah agama yang ditaja oleh Kerajaan Pusat ini dinamakan sekolah menengah agama kerana mata pelajaran agama tidak semuanya digunakan dalam bahasa Arab dan mata pelajaran Arab hanya satu bahasa tetapi kalau kita bandingkan dengan *syllabus* sekolah menengah agama ataupun sekolah Arab dikatakan sebahagian besarnya mata pelajaran agamanya digunakan dalam bahasa Arab.

Jadi adakah kerajaan bercadang kalau hendak mengambil alih pentadbiran sekolah ini diambil alih sekali dengan *syllabus* ataupun minhaj sekali. Maknanya tidak kata ambil alih pentadbiran sahaja tapi ditukarkan *syllabus* itu kepada apa yang ada oleh Kerajaan Persekutuan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini cerita lama sudah. Sudah dua tahun kita cerita fasal ini. Saya tidak mahu bahas secara mendalam. Kalau Yang Berhormat hendak saya boleh beritahu di luar. Itu secara *detail* tetapi saya hendak beritahu di Selangor tidak ada masalah.

Semua sekolah agama negeri bawah kerajaan negeri sudah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Apakah orang Selangor ini tidak fikir masalah *syllabus* yang selama ini diajar oleh kerajaan negeri Selangor bertentangan dengan Kerajaan Pusat.

Persoalannya ialah Selangor tidak banyak politik. Yang di fikir ialah kepentingan pelajar-pelajar itu. Itu yang penting. Yang Kelantan fikir politik lebih. Serah sekolah agama negeri kepada Kerajaan Pusat, ha ini nanti Kerajaan Pusat *control*. Itu sahaja dari segi politik tetapi kalau Yang Berhormat hendak beri jaminan boleh. Kita bincang Yang Berhormat beritahu Menteri Besar Kelantan serahkan kepada Kerajaan Persekutuan semua sekolah agama negeri tanpa apa-apa kepentingan politik. Kalau kita fikirkan bahawa pendidikan ini penting kepada anak bangsa kita...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat, sedikit lagi penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Pasal yuran juga?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kalau dapat kerajaan mengambil alih semua sekolah, di dalam hal yuran peperiksaan Tuan Yang di-Pertua, di seluruh negara terdapat sepuluh buah sekolah khas untuk kanak-kanak yang ada kecacatan mereka ini dikenakan bayaran.

Apakah cadangan kalau pihak kementerian mengambil alih semua sekolah khas ini, kerana mereka tidak ada pilihan. Mereka terpaksa masuk ke sekolah khas kerana sekolah-sekolah biasa tak mahu terima mereka. Itulah di dalam negara kita yang ada sepuluh buah sekolah khas yang tidak ditanggung oleh pihak kementerian dan mereka ini membayar yuran peperiksaan UPSR. Ini sekolah rendah. Jadi apakah pihak kementerian...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya menghargai bantuan sokongan lain dapat membantu meringankan beban ibu bapa terhadap persekolahan anak-anak mereka. Pada tahun ini sahaja, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion melalui perbagai jenis bantuan kepada murid terutamanya dari keluarga yang berpendapatan rendah. Antara bantuan yang diberikan kepada murid adalah sebanyak RM183 juta untuk Rancangan Makanan Tambahan, sebanyak RM181 juta untuk Skim Baucer Tuisyen, sebanyak RM200 juta untuk biasiswa murid, sebanyak RM2.8 juta untuk projek khas pelajar miskin sekolah berasrama penuh, dan sebanyak RM7.4 juta untuk bantuan perjalanan dan pengangkutan murid.

KPM juga menyediakan sebanyak 1371 asrama harian yang menempatkan seramai lebih dari 226 ribu pelajar luar bandar supaya tidak tercipir dari sistem persekolahan. Wang pula merupakan salah satu jenis bantuan yang disediakan kepada pelajar miskin di seluruh negara bagi memastikan mereka terus kekal dalam sistem persekolahan. Dari Januari sehingga 31 Julai 2006 ini sahaja sebanyak RM70.2 juta telah dibelanjakan bagi bantuan persekolahan kepada 350 ribu pelajar miskin seluruh negara.

Dianggarkan sebelum akhir tahun 2006 ini, sebanyak RM136.5 juta lagi akan disalurkan kepada pelajar yang layak. Ini tidak termasuk kira-kira RM80 juta yang akan diagihkan sebelum sesi persekolahan dibuka pada tahun hadapan. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap usaha kerajaan membantu golongan miskin terutamanya dalam bidang pendidikan, KPM pada 7 September 2006 yang lepas telah pun melancarkan Bulan Promosi KWAPM yang bertemakan "Demi Masa Hadapan". Selain memberikan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat mengenai wujudnya Tabung KWAPM, ia juga diharapkan dapat mencetus keprihatinan di kalangan individu dan badan korporat untuk mengulur sumbangan bagi menambah dana KWAPM menerusi perkongsian pintar dalam menjayakan agenda pendidikan negara.

Saya juga mengalu-alukan sumbangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menambah Tabung KWAPM ini. Tuan Yang di-Pertua, di bawah pendidikan wajib, berdasarkan peruntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 mengenai pendidikan wajib, ibu-bapa boleh dikenakan tindakan jika tidak menyekolahkan anak-anak mereka seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Namun sehingga hari ini, pihak kerajaan tidak pernah lagi menggunakan peruntukkan tersebut terhadap mana-mana ibu-bapa atau penjaga yang terbabit. Ingin ditegaskan bahawa peruntukkan undang-undang tersebut bukan lah bertujuan untuk membebaskan ibu bapa, tetapi lebih kepada tujuan memberi peringatan kepada pihak yang berkenaan tentang tanggungjawab mereka terhadap kepentingan pendidikan kepada anak masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kita nak ucap terima kasih kepada kerajaan yang telah pun menghulurkan bantuan bagi orang miskin menerusi KWAPM dan juga *voucher* tuisyen tetapi kita dapati bahawa sejauh mana penglibatan PIBG di dalam mengenal pasti pemberian bantuan KWAPM ini dan juga baucar tuisyen ini kerana banyak rungutan saya terima, pihak guru, Guru Besar tidak berbincang dengan PIBG untuk mengenal pasti murid-murid yang benar-benar layak mendapat bantuan berkenaan...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Ada juga yang tak berapa menyeluruh Tuan Yang di-Pertua tentang pembahagian duit ini. Tak kena sasaran yang tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tambah mengenai dengan KWAPM juga. Sebab rata-rata ibu bapa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana wang KWAPM dan pemberian wang kepada murid-murid tadi. Cuma tinggal lagi, tidakkah kerajaan bercadang supaya satu akaun diberi kepada kanak-kanak ini sendiri, sebab timbul ada beberapa kawasan, ibu-bapanya menggunakan wang ini di sebalik untuk kanak-kanak itu sendiri.

Jadi ada kiranya baik bila mana kerajaan ini dapat mengutarakan satu akaun khusus kepada pelajar-pelajar tersebut. Saya rasa kalau ini menerusi sekolah, lebih baik lagi. Ada sekolah-sekolah yang tidak menggunakan akaun khusus kepada kanak-kanak ini. Bagaimana pendapat atau pun pandangan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Ini memang pernah pun kita bincang sama ada perlu atau pun tidak kita tubuhkan satu akaun. Walaupun ini satu pandangan yang dibangkitkan balik, kita boleh tengok balik, kita bawa balik perkara ini untuk dibincangkan kerana bantuan KWAPM ini tujuannya adalah untuk memberikan kemudahan pelajar-pelajar yang miskin ini untuk membeli pakaian dia, beli pakaian sekolah, beg sekolah, kasut sekolah. Itu tujuannyalah tetapi cara dia bagi pun ialah secara tunai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun].

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Walau bagaimanapun cara pelaksanaan ini kita selalu kaji daripada masa ke semasa mengikut keadaan dan juga kesesuaian dalam satu-satu masa. Pandangan Yang Berhormat saya, kita akan ambil kira. Kejap Yang Berhormat, nak jawab yang tadi. Mengenai yang KWAPM ini Tuan Yang di-Pertua, memang Pekeliling jelas mengatakan bahawa untuk memutuskan sama ada seseorang pelajar itu layak atau pun tidak menerima KWAPM, PIBG wajib dan hendaklah di bawa bersama.

Akan tetapi seperti biasalah *delivery system* yang selalu yang Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan. Dasarnya betul, Pekelilingnya betul tetapi pelaksanaannya di bawah, memang di kawasan saya pun saya dapati ada di antara sekolah-sekolah yang tidak memaklumkan kepada PIBG. Oleh itu kita telah pun memberikan penekanan sekali lagi bahawa sebelum keputusan pemilihan murid ini dibuat, kita bukan sahaja nak senarai nama daripada sekolah tersebut tetapi kita nak disertakan juga minit mesyuarat siapa yang hadir waktu mesyuarat itu dibuat semasa masa pemilihan untuk pelajar-pelajar yang layak untuk mendapatkan KWAPM.

Jadi ini insya-Allah Yang Berhormat pun di kawasan masing-masing saya ingat kena pantau juga bersama-sama untuk pastikan dan boleh tanya guru besar.

Saya nak nyatakan di sini jelas pekeliing telah pun dikeluarkan kalau mana-mana guru besar yang tidak memanggil PIBG, itu kena laporkan kepada pihak Kementerian. Bermakna tidak dilaksanakan di bawah, ini *delivery system* kita yang kadang-kadang bermasalah. Terima kasih. Yang Berhormat, bagi bos dululah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya memang memantau ini Yang Berhormat, masalah yang timbul saya beri contohlah di daerah Larut, Matang dan semua yang saya sebut sini Yang Berhormat. Ada satu arahan yang saya telah dimaklumkan oleh guru besar, di mana kononnya pegawai ini dia merasa malu kalau timbul banyak sangat bilangan pelajar miskin ini, ya. Jadi kononnya supaya dikurangkan bilangan ini. Apakah ini benar satu arahan yang dibuat dan saya mintalah kalau boleh disiasat.

Kalau terlalu banyak sangat arahan yang bertindih, saya akui memang pembabitan PIBG baik. Ada pihak tertentu dalam soal pengagihan ini kita tidak nafikan tetapi kononnya ada pula arahan oleh pegawai oleh kerana dia tidak mahu daerah dia dimalukan kerana timbul ramai sangat pelajar miskin, dikeluarkan satu arahan pula supaya memastikan hanya mereka yang benar-benar miskin tegar ini yang perlu mendapat bantuan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi saya minta kalau boleh disiasat dalam perkara ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat cakap fasal KWAPM kah? Ya, okey.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam proses untuk kita menambah dana KWAPM ini selain daripada peruntukan khas yang disediakan oleh kerajaan ini, kerajaan juga menggalakkan GLC, syarikat-syarikat termasuk individu untuk menyumbang kepada dana berkenaan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut supaya Ahli-ahli Parlimen turut juga merangsang atau mendorong pelbagai pihak untuk turut menyumbang kepada dana berkenaan. Hari ini saya perhatikan ada sekolah-sekolah yang mengutip dana dengan mengadakan jamuan dan tujuannya mungkin di antaranya memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar miskin.

Persoalannya adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu jentera atau mekanisme. Ataupun selain daripada jawatankuasa yang dibentuk di peringkat pusat, diwujudkan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah agar perkara ini dapat diselaraskan. Agar ia benar-benar berkesan menambah dana dan lebih ramai pelajar miskin mendapat bantuan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, terima kasih tadi Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Seperti yang saya nyatakan ialah pada 7 September yang baru inilah memang kita telah lancarkan tabung KWAPM, dan memang ada syarikat-syarikat korporat yang datang untuk memberikan sumbangan. Ini adalah perantaraan di peringkat kebangsaan dan pandangan Yang Berhormat itu di dalam perancangan kita supaya dia akan sampai ke bawah, kerana kita percaya bahawa untuk membantu masalah pendidikan ini tidaklah boleh bergantung seratus peratus kepada kerajaan, tetapi mereka yang telah berjaya juga boleh memberikan sumbangan. Jadi pandangan Yang Berhormat itu memang di dalam perancangan kita.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, sebenarnya tidak ada kuota. Kalau ada guru kata ada kuota itu tidak betul. Syaratnya jelas, bahawa untuk mendapatkan KWAPM iaitu di Semenanjung, pendapatannya ialah keluarga RM530.00 dan per kapitanya ialah RM106.00. Di Sarawak pendapatannya RM585.00, per kapitanya ialah RM117.00. Di Sabah RM685.00 pendapatan keluarga dan per kapitanya ialah RM137.00...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat ini bukan soal ikut kuota, Yang Berhormat. Arahan yang dikeluarkan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tak, itu sebab. Itu sebab yang saya katakan tadi. Bukan kata arahan, kuota pun kita tak tetapkan. Macam mana cikgu kata, ada kuota?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta siasat benda ini, saya bawa di dalam Parlimen untuk disiasat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, kalau..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebab itu saya berani menyatakan, benda ini berlaku. Kalau tidak, saya tidak bawa ke dalam Parlimen.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau ada pegawai seperti ini, apakah Kementerian hendak membiarkan? Kita tidak mahu pegawai-pegawai seolah-olah mengatur benda ini sedangkan dasar telah dibuat oleh pihak Kementerian, pihak atasan. Kita hendak bercakap supaya *delivery system* itu betul. Jadi, bila kita sudah laporkan benda ini, saya minta supaya ini disiasat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ambil perhatian Yang Berhormat dan kita memang selalu mengalu-alukan bahawa sebagaimana yang diseru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa Ahli Parlimen kita semua mesti memantau *delivery system*. Bukan sahaja projek pembangunan, tetapi masalah-masalah seperti yang kita hadapi macam KWAPM sebagai contoh.

Dasarnya jelas, tetapi kadang-kadang kita bimbang salah faham pelaksanaan di bawahnya. Namun demikian Yang Berhormat, saya tidak nafikan ada kadang-kadang budi bicara daripada guru. Misal katalah, dalam satu sekolah itu dia ada sampai lima orang anak. Kalau hendak ikut, kelima-lima ini layak tetapi ada diambil kira juga. Daripada lima boleh jadi mereka bagi dua orang atau tiga orang. Dua lagi mungkin, dia tak bagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini pegawai dalam Pejabat Pendidikan Daerah Yang Berhormat. Bukan guru. Pegawai dalam Pejabat Pendidikan Daerah, berani mengeluarkan arahan seolah-olah hendak menutup rasa malu sekiranya pelajar miskin terlalu ramai dalam kawasan dia. Ini tak boleh! Kalau kata pelajar itu miskin, tak kiralah waima di kawasan manakah, Tanjong Karangkah, Larut kah, Sri Gading kah? Kita kena terima hakikat. Kita tidak mahu ada sikap pegawai seperti itu. Itu yang saya sebutkan tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh siasat Yang Berhormat. Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apakah ini, ini yang dibenarkan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak benar. Saya sudah bagi tahu tadi, tidak ada kuota, tidak ada arahan. Kalau kata pegawai itu malu, pegawai itu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, itu sebab kita minta supaya ia disiasat. Kerana kita tidak mahu, arahan telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri. Baik Timbalan Menteri, baik..., tetapi di peringkat bawah boleh mengatur satu cara lain, acuan yang lain. Dan akhirnya yang menderita adalah orang luar bandar.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tak, saya faham.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu yang saya maksudkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, keprihatinan Yang Berhormat. Sebab itu tadi saya nyatakan kita sentiasa menunggu *feedback* daripada Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memaklumkan kepada kita. Sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa kemungkinan salah faham dan kemungkinan pegawai di bawah ini. Dia tidak berapa menghayati apa yang kita arahkan. Ya, Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia begini sahajalah. Saya ingat Yang Berhormat pun tahu masalah ini. Yang Berhormat juga adalah seorang wakil rakyat yang prihatin, lagi-lagi duduk di Kementerian Pelajaran. Yang berlaku di bawah begini. Apabila pembahagian ini diberikan KWAPM ini, ramai orang merasakan dia layak walaupun kadang-kadang dia tidak layak.

Itu tidak jadi masalah kalau dia memang tidak layak. Yang jadi masalahnya ialah bila sekolah tidak ambil kira PIBG dan sekolah buat keputusan sendiri. Macam di kawasan saya, ada satu sekolah, satu orang sahaja yang dapat KWAPM. Tidak munasabah. Kemudian yang menjadi masalahnya orang yang tidak dapat ini dia tidak marah kepada sekolah. Pemilihan dibuat oleh guru tanpa mengambil kira PIBG. Bila tidak dapat, bukan guru yang dimarah. Yang dimarahnya ialah wakil rakyat. Bila dia datang balik kepada kita, kita pergi kepada guru, guru tidak boleh ambil kira pandangan kita sebab guru kata dia bertanggungjawab kepada PPD. PPD pula ada dengan kaedah dia. Jadi yang saya hendak minta di sini ialah, di dalam Parlimen ini ialah Yang Berhormat pohonlah kepada sekolah supaya mengambil kira pandangan PIBG yang kita akan salurkan kepada PIBG agar tidak tertinggal orang yang benar-benar layak untuk mendapat bantuan KWAPM ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, pandangan ini memang kita tahu masalah ini berlaku di bawah. Sebab itu saya nyatakan bahawa kalau selama ini dia hanya bagi nama sahaja siapa pelajar-pelajar yang layak, tetapi kali ini kita minta disertakan juga minit mesyuarat sebab kita hendak tengok siapa yang hadir mesyuarat sewaktu pemilihan pelajar-pelajar yang layak untuk mendapat bantuan KWAPM.

Walaupun bagaimanapun, saya hendak maklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya jangan terkejut, mulai tahun 2007 ini. Tahun 2007 ini kita ada membuat sedikit perubahan-perubahan mengenai KWAPM iaitu tidak lagi diberi borang kepada pelajar-pelajar. Kalau selama ini, pelajar-pelajar diberi borang. Di mana dia kena jumpa JKK, jumpa wakil rakyat untuk mengesahkan pendapatan tetapi oleh sebab kita telah ada sistem maklumat murid yang telah diwujudkan di sekolah-sekolah, jadi kita hanya menggunakan maklumat murid yang ada di sekolah, tetapi PIBG masih dan wajib lagi hadir waktu hendak buat pemilihan pelajar-pelajar yang layak ambil bantuan KWAPM ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak cadangkan kalau boleh di peringkat daerah ini untuk pastikan supaya pengagihan KWAPM ini lebih menyeluruh dan juga mereka yang benar-benar layak akan dapat. Saya hendak cadangkan supaya ditubuhkan jawatankuasa pengagihan bantuan ini di peringkat daerah dengan mungkin Ahli Parlimen sendiri turut serta sama ada sebagai pengerusi ataupun jawatankuasa supaya dengan itu apa-apa yang diperakukan oleh PIBG tadi akan dapat dinilai semula. Dengan itu akan ada input dua pihak, ada *check and balance*, satu.

Yang keduanya, saya juga hendak mencadangkan untuk menambahkan lagi tabung KWAPM ini tadi oleh sebab saya difahamkan ada pengecualian cukai. Jadi kalau boleh kita bagi galakan sedikit kepada badan-badan korporat untuk menderma. Jadi dibuat majlis penyampaian sama ada di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah dan dibagilah sijil penghargaan kepada mereka yang menderma ini melebihi satu-satu had. Misalnya, lebih RM10,000, lebih RM20,000, dibagi sijil penghargaan oleh pihak kementerian supaya dengan ini lebih banyak lagi badan-badan korporat dan juga individu akan tampil menderma sebab bagi saya soal pendidikan ini ialah soal tanggungjawab bersama. Pertama sekali bagi mereka yang mampu untuk menyumbang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, ada dua cadangan. Cadangan yang kedua tadi telah pun saya nyatakan sama dengan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor sebentar tadi. Cadangan yang pertama, itu kena kaji secara *detail* lah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya takut nanti Yang Berhormat tak mampu, kalau Parlimen ada banyak sekolah. Sebab itu kita beri penekanan ialah kepada PIBG tetapi walau bagaimanapun, seperti mana yang kita sedia maklum, Yang Berhormat boleh membuat pemantauan. Kalau ada aduan Yang Berhormat terima daripada mana-mana ibu bapa yang rasa tidak puas hati.

Tentang pengagihan KWAPM, saya memang menggalakkan Yang Berhormat-Yang Berhormat datang ke sekolah. *Check* dengan guru besar itu. Tengok apa fasal ada aduan? Mengapa pelajar yang layak tidak dapat, mengapa pelajar yang tidak layak boleh dapat?

Saya ingat menjadi tanggungjawab Yang Berhormat tidak menjadi kesalahan kalau pergi ke tidak pergi, dasar saya sudah terangkan dengan jelas dan kalau ada kekeliruan kita boleh terus dengan Kementerian Pelajaran untuk mendapatkan kepastiannya.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Penjelasan. Saya cadang tadi sebab apa kalau ada *committee* atau jawatankuasa yang *structured* jadi tidak ada yang nampak macam Ahli Parlimen yang hendak campur tangan jadi mungkin *committee* ini bermesyuarat di peringkat daerah ataupun di peringkat Parlimen tiap-tiap dua bulan kah, tiga bulan jadi lebih *structured*, itu pandangan saya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat, kalau kita tubuh di peringkat bahagian di daerah ataupun di kawasan ini mungkin Yang Berhormat kita tengah fikir tetapi bukan banyak lagi tugasnya nanti. Jadi kita memang di dalam pertanyaan kita selain boleh jadi peguam macam Yang Berhormat bangkit lagi banyak lagi tugas-tugas lain kalau kita tubuhkan jawatankuasa itu nanti. Terima kasih atas pandangan Yang terhormat.

Datuk Seri Dr Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sila.

Datuk Seri Dari. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah dasar bukan masalah implementasi yang kita bincangkan, jadi kalau kita lihat tidak ada kerajaan yang lebih peka daripada kerajaan kita, kita sudah ada satu dasar yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi supaya kita mestikan anak-anak kita mengaji sampai 11 tahun. Dalam pada itu, bila naik Tingkatan 4 ramai yang tercicir maknanya dasar untuk 11 tahun tidak berhasil.

Yang keduanya apabila *research* telah dibuat, kenapa budak-budak ini tidak pergi sekolah sedangkan kita sudah ada dasar, sudah ada undang-undang boleh kita implementasikan tetapi kita tidak buat, kerana ramai daripada anak-anak kita yang tidak pergi sekolah kerana tidak cukup makan, tidak cukup pakaian, tidak ada tambang bas, tidak ada basikal dan sebagainya. Oleh kerana itulah sebelum dasar ini diimplementasikan sepenuhnya KUAM itu diwujudkan supaya masalah budak-budak di sekolah ini akan terhasil dan barulah kita kalau hendak implementasikan dasar pengajian 11 tahun itu boleh dijalankan, setuju atau tidak Yang Berhormat tentang perkara ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih itu memang itu dasar yang jelas tetapi seperti yang kita sedia maklum dasarnya betul perlaksanaannya yang di bawah itu yang kita yang Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini kata tidak berpuas hati. Ini masalahnya Yang Berhormat seperti mana yang kita katakan *delivery system* ini, pekeliingnya sudah keluar kursusnya yang telah dibuat tetapi kadang-kadang perlaksanaannya tidak seperti mana yang kita harapkan oleh sebab itu pemantauan ini kita amat harap daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan pendidikan...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, Tebrau, sila.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Sini. Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat bagi Kuala Langat ada sentuh tentang keciciran murid kita. Sebenarnya pada tahun 2003, bilangan keciciran hanya untuk murid lelaki lebih daripada 10,600 lebih. Ini juga menyebabkan serongnya pengambilan murid di peringkat universiti juga. Lebih daripada 60% itu terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki.

Jadi soalan saya selain daripada sebab-sebab yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Langat tadi tentang menyebabkan keciciran itu, adakah kementerian pernah mengadakan sebarang kajian untuk mengenal pasti selain daripada sosial ekonomi, adakah ataupun kurikulum sekolah itu sistem pendidikan itu terlalu menyerong kepada akademi yang tidak menarik minat anak-anak murid di peringkat sekolah rendah. Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat hari Isnin saya ada jawapan yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Kuala Langat juga mengenai perbezaan gender ini. Ertinya memanglah akademi ini perempuan lebih ramai, lebih kurang 70% tetapi dalam bidang akademik dan dengan vokasional, lelaki lebih 60%, jadi sebab itu saya kata bahawa perempuan lebih minat kepada akademik dan lelaki ini lebih minat daripada *skill* dan vokasional dan juga akademik. Jadi mengenai kajian yang itu minta maaf saya tidak tahu detailnya tetapi saya berani mengatakan bahawa kajian telah dibuat sebab itu kita dapat bilangan macam Yang Berhormat kata 10,000 itu.

Jadi itu kajian dan 10,000 itu dia bukannya apa, dia *accumulate* yang 10,000 itu bukannya pada masa-masa tertentu. Jadi kajiannya kita memang buat dan sebab itu dalam sistem kokurikulum kita, kita sentiasa membuat beberapa ubahsuai supaya pelajar-pelajar lebih berminat untuk datang ke sekolah seperti yang kita tengok ramai yang minat kepada vokasional. Oleh itu di sekolah harian dahulu sekolah mata pelajaran vokasional hanya diajar di sekolah vokasional ataupun teknik tetapi sekarang ini di sekolah harian biasa pun telah ada penunjuk mata pelajaran MPV yang untuk pelajar-pelajar yang lebih kurang berminat di dalam bidang akademik...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata selepas celahan dari Yang Berhormat bagi Kuala Langat bahawa masalah tidak cukup keciciran, tidak cukup makan, tidak cukup tambang dan lain-lain yang tidak begitu pokok kenapa selepas dekat lagi tahun depan ialah 50 tahun kemerdekaan, kenapa masalah pokok ini masih ada? Tidak guna menyalahkan aspek pelaksanaan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa dasar baik tetapi masalah ialah tidak cukup memantau, tidak cukup pelaksanaan, bukankah sebenarnya tidak akan dasar untuk melarang, untuk menghapuskan penyelewengan dalam pelaksanaan semacam apa yang berlaku baru-baru ini di mana sekolah Kung Yu untuk membaiki sekolah, RM30,000 peruntukan dan RM3000 sahaja nilai sehingga apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi mendedahkan mengenai perkara ini, beliau telah diambil tindakan tatatertib.

Nampaknya menyembunyikan penyelewengan. Bukankah sebenarnya dalam perkara ini, Kementerian Pelajaran patutlah cakap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan bukan untuk ambil satu sikap cuci tangan bahawa perkara ini bukan perkara di bawah Kementerian Pelajaran. Sungguhpun ini perkara patutlah diberi perhatian yang berat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat itu adalah modal yang asyik mengungkit, ungkit, ungkit kononnya kita tidak telus dan sebagainya. Bacalah ucapan Perdana Menteri ada berapa teras, salah satu terasnya ialah integriti, terasnya itu untuk *delivery system*. Ini yang kita hendak buat dan kita hendak minta kerjasama daripada semua Ahli-ahli Parlimen.

Yang kedua, soal Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ini, Yang Berhormat kena faham, seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Kabinet yang kita semua baca dalam surat khabar. Soalnya ialah fakta bukan soal sebagai Timbalan Menteri kita tidak boleh menegur ataupun mencampuri urusan dengan kementerian-kementerian yang lain, kita ada saluran-saluran yang tertentu.

Sebagai mana yang kita sedia maklum dalam Dewan ini juga biasa timbalan menteri kena gantung, saya dahulu biasa kena tegur juga kalau ada kesilapan-kesilapan yang berlaku. Soalnya Yang Berhormat, saya ingat kes yang seperti yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dalam ucapan-ucapan daripada Yang Berhormat Ayer Hitam pun sudah bangkit perkara ini, tidak ada masalah. Kalau *backbencher* hendak cakap, cakaplah, itu prinsip kena ingat. Prinsip *different* fakta *different*, sebab itu *backbencher* boleh cakap, sebab kalau ada penyelewengan dan sebagainya, memang kita akan kaji tetapi *not* sebagai Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Adakah ini sikap yang salah bahawa ada prinsip yang nampaknya membela penyelewengan. Bukankah apa Yang Berhormat kata, mengenai National Integrity Plan, utamakan integriti. Kalau begitu bukankah kita ada satu prinsip yang baru yang diamalkan oleh kerajaan dan oleh Kabinet di mana apabila berlaku penyelewengan-penyelewengan tidak kira apa-apa kementerian itulah tanggungjawab setiap anggota pentadbiran, termasuk Kabinet untuk ambil pendirian termasuk bongkar. Kalau ada penyelewengan ini patut diberi tempat keutamaan *higher overwrite everthing else*, kalau kita mahu integriti sekarang nampaknya prinsip untuk membela dan menyembunyikan penyeleweng, bukankah ini *laughing stock National Integrity Plan*?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya faham apa yang Yang Berhormat maksud, tetapi Yang Berhormat kena faham, ada beza. Peranan *backbencher* ada beza, peranan menteri ada beza, timbalan menteri ada beza, saya jawab dengan timbalan menteri jawab pun Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pun tidak membantah, menunjukkan pembangkang pun diberi pengiktirafan menteri ada peranannya, timbalan menteri ada juga peranannya kalau tidak, dia akan bantah bila timbalan menteri memberi jawapan. Yang Berhormat jangan *confuse*. Yang kita cakap ini *accountability* kita sebagai Ahli-ahli Kabinet, kita ada peraturan-peraturan kita, mana boleh sama macam Yang Berhormat kalau kata Yang Berhormat sekarang ini, Yang Berhormat tidak jadi Setiausaha Agong lagi..., itu yang susah itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak akan bantah kalau Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri kata...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ada salurannya!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Serupa, tentu oleh kerana ini prinsip yang salah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat sebagai....

Seorang Ahli: Fakta dia salah!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, sebagai *veteran politician*, tidak boleh membezakan tugas-tugas seseorang untuk bercakap, memanglah waktu saya, kalau saya disuruh duduk di *backbencher* lebih teruk lagi saya boleh bercakap macam Yang Berhormat bercakap. Dahulu saya pernah jadi *backbencher*, tetapi apabila kita ada jawatan ini, kita ada saluran kita, kita ada mesyuarat kita, kita ada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu bukan soalan, soalan ialah memihak integriti atau memihak penyelewengan. Nampaknya sekarang memihak penyelewengan. Patut cakap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat,

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apakah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, tidak faham apa juga masalah, saya pun pernah cakap dalam mesyuarat kalau kita didapati ada berlaku penyelewengan, kita bincang secara Kabinet, secara anggota pentadbir. Kenalah faham, yang kita tidak boleh ini ialah, janganlah buka dasar arahan telah pun diberi bahawa menteri, timbalan menteri, jangan komen, kalau ada masalah bincang di dalam Mesyuarat Kabinet kita ada, dalam mesyuarat *post* Kabinet kita boleh kemuka di dalam mesyuarat *post Cabinet*. Sebab Yang Berhormat tidak pernah menjadi Menteri Kabinet, sebab itu Yang Berhormat tidak faham.

Seorang Ahli: Dia sahaja tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah balik kepada tajuk yang dibahas.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, saya baliklah ini. Sebab....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Buang masa

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia Ketua Pembangkang, mana dia faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Semua penyelewengan, rasuah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia seorang bersih, DAP bersih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kalau kita rasuah, tidak adalah Menteri Perumahan pergi tengok *on the ground*. Kita peka apa juga *complaint* kita pergi *on the ground*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Eye wash*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bukan macam pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yes, soalan ialah kenapa Kementerian Pelajaran cuci tangan perkara ini, kenapa cuci tangan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, ini lagi satu tidak faham. Dia cakap tidak faham. Yang Berhormat faham tidak, mengapa kita hendak cuci tangan sebab duit RM10 juta untuk pembangunan sekolah kita serah kepada JKR. Kita sudah cuci tanganlah. JKR yang laksanakan, JKR yang buat *specs*, JKR yang bayar. Apa kena mengena dengan Kementerian Pelajaran? Itu pun tidak faham?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini macam...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Mana dia hendak faham, dia tidak reti...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada mulut, tidak mahu ucap...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah jadi jaguhlah itu, sudah jadi juara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jadi *champion*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri boleh... tidak apalah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Timbalan Menteri jawablah...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia faham, tetapi sengaja, sebab dia tidak boleh jadi *champion* daripada komuniti Cina, sebab itu dia sakit hati itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia pekak.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebab Barisan Nasional boleh jadi *champion* kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tajuk yang lain untuk dijawab... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli, sila.

Seorang Ahli: *Champion* rasuah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat bagi Kudat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat bagi Tenom, matlamat untuk memberikan peluang pendidikan yang selesa dan kondusif kepada semua rakyat di negara ini sama ada di bandar mahupun di luar bandar merupakan agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia. Kementerian mengambil perhatian terhadap permohonan Yang Berhormat bagi Putatan untuk membina lagi sekolah di Pulau di Pulau Gaya.

Untuk makluman, walaupun dalam RMK9 tidak ada projek sekolah baru yang dirancang untuk dibina di Pulau Gaya, kementerian telah merancang untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan pendidikan di kawasan ini termasuk pembinaan rumah guru, ubah suai dan juga naik taraf yang melibatkan pembinaan pusat sumber, bilik khas, makmal sains, bengkel serta bekalan air.

Kita juga seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kudat dan Yang Berhormat bagi Tenom, mengenai sekolah-sekolah daif di kawasan Yang Berhormat, kementerian akan memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi untuk diambil tindakan sewajarnya. Berhubung dengan kemudahan ICT yang tidak dapat digunakan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan, Kementerian Pelajaran Malaysia sedang berusaha untuk menyalurkan kemudahan bekalan elektrik dan juga air bersih di kawasan-kawasan penanaman agar proses pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu termasuklah penggunaan ICT yang dibekalkan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Kepong sakitkah?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Tangga Batulah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Tangga Batulah dahulu. Lepas itu bagi Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Tangga Batulah dahulu, fasal Yang Berhormat bagi Tangga Batu fikiran tidak terkepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya bangun dahulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya nak bangun. Saya sudah bangun dari tadi, tetapi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sedang sibuk bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong dahulu, tetapi mungkin Timbalan Menteri tidak nampaklah, jadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ooooo, dia tidak nampak!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Siapa yang Timbalan Menteri nampak dahulu, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercerita tentang bekalan elektrik ke sekolah ini, Tuan Yang di-Pertua saya lihat memang masalah ini tidak akan berjumpa dengan penyelesaian. Jika pihak sekolah tidak meletakkan seorang yang benar-benar memahami tentang senggaraan dan kendalian genset ini. Jadi masalah yang timbul ialah, apabila genset dibekalkan ke sekolah, sekolah tidak mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam mengurus dan menyelenggarakan genset ini menyebabkan berlaku pula kerosakan-kerosakan kepada pemasangan elektrik sekolah, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jadi adakah pihak kementerian boleh mencadangkan satu struktur lagi iaitu setiap sekolah yang dibekalkan dengan genset ini mempunyai satu struktur teknikal yang bakal mengurus, mengendali dan menjaga bekalan elektrik sekolah ini. Bukan sahaja elektrik, tetapi juga keperluan-keperluan teknikal yang lain, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tangga batu, itulah cadangan yang bernas, bukan hendak bangkang sahaja. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian memang sedar bahawa genset ini sebagai contoh, kita terpaksa tukar, ini yang pertama. Dahulu kita sudah bekalkan di Sabah, Sarawak tetapi pada masa itu sekolah belum ada lagi menggunakan ICT, tetapi apabila kita sudah ada ICT ini, banyak sekolah ada makmal komputer dan sebagainya tenaga genset ini tidak cukup, jadi kita kena ganti pula untuk letak yang baru. Dalam masa tawaran kontrak ini, dia bukan sahaja membekalkan bahan, tetapi juga kontraktor ini dia kena buat *maintenance* sekali untuk memastikan yang kita bekal akan dapat penjagaan yang baik...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Penjelasan. Mujurlah dia tengok sekarang. [Ketawa] Nampak ada sensitif sedikit sekarang. Dua perkara yang bernas.

Beberapa Ahli: Pandang speakerlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya pandang Speaker, dua perkara yang bernas. Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, berapa sekolah lagi yang belum menerima bekalan elektrik secara *permanent* yang pertama. Yang kedua, mengenai makmal komputer. Dua tahun yang lepas, kita tahu berapa makmal komputer kerana projek-projek terbengkalai dan sebagainya ataupun projek tidak dapat sempurnakan, tidak dapat dipakai juga makmal-makmal ini. bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan yang masih tidak boleh dipakai dan juga ekor dari itu, apakah syarat-syarat ataupun langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua makmal komputer dapat digunakan dengan sepenuhnya. Ini memang penting sekali kerana kita dapati daripada Timbalan Menteri dari Sungai Petani pun tahu berapa makmal komputer tidak boleh digunakan dengan sepenuhnya dan juga pembekal alat-alat pun menghadapi kesusahan. Itu masalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Ini soalan yang spesifik, saya kena ambil notis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, Yang Berhormat semasa Yang Berhormat, Yang Berhormat ada berucap, tetapi Yang Berhormat hari itu dalam ucapan Yang Berhormat hanya pohon KPA memperbanyakkan bahan bacaan dan penulisan dalam tulisan jawi. Maksud saya, saya boleh jawab, tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat perkara ini saya masih ingat. Saya sendiri pernah jawab dalam Dewan yang mulia ini, berapa sekolah yang belum ada api dan sebagainya. Sekarang saya tidak boleh hendak ingatlah tetapi, kalau Yang Berhormat buka balik *Hansard*, kita sudah pernah jawab benda ini. Yang Berhormat akan jawab, soalan yang berulang-ulang. Jadi kita pun, memang saya tidak *prepare* sebab soalan ini saya pernah jawab di dalam Dewan ini, jadi saya tidak perlu ulang. Dalam ucapan Yang Berhormat pun, Yang Berhormat tidak bangkit pun perkara ini, kalau Yang Berhormat bangkit, mungkin kita sediakan jawapan. Sekarang baru hendak tanya, masa penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal penyelenggaraan tadi, penyelenggaraan genset dan sebagainya, saya berterima kasih atas penjelasan Timbalan Menteri tadi, bahawa pembekal itu juga dia akan menyelenggara tetapi, apa yang berlaku di akar umbi di kawasan saya, ini tidak berlaku, pembekal-pembekal sudah cabut lari dan dia tidak buat penyelenggaraan, genset-genset yang rosak terbiar begitu.

Jadi saya mohon penjelasan, kalau belum diambil tindakan saya mohon supaya ada penyelenggara seperti cadangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, supaya ada pihak yang mengambil tanggungjawab menyelenggara.

Malah salah seorang dari pembekal telah menelefon saya sendiri dia mengatakan, "Kami ini cuma pembekal, kami tidak menyelenggara." Dan saya sudah masukkan keluaran di akhbar di Sabah sebab saya agak prihatin. Semua sekolah-sekolah rendah yang ada *genset* ini menghadapi masalah penyelenggaraan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu memang di dalam maklumat kita. Sebab itu, seperti ICT kita telah lantik satu *consultant* untuk kita mengkaji balik sejauh mana kegunaan yang telah digunakan dan juga itu mungkin satu kontrak yang lama. Mungkin ya. Saya tidak tahu. Jadi mungkin masa dahulu ada. Kita kata dasar kita ini kita akan baik. Bila Ahli-ahli Parlimen tegur, yang *on the ground* Yang Berhormat lebih tahu daripada pihak kementerian. Tengok apa masalah dan dasar-dasar yang dilaksanakan tidak betul, jadi kita ambil maklumat dan kita perbetulkan dan kita ubahsuai. Jadi kalau masih ada lagi maklumat-maklumat seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, insya-Allah kita turun ke padang, kita akan lihat sendiri mengapa perkara ini masih lagi berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan murid yang berprestasi rendah yang berkemungkinan tercicir seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Tebrau, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Yang Berhormat bagi Kota Belud, KPM sentiasa memberikan perhatian terhadap murid-murid tersebut. Umpamanya di peringkat awal lagi iaitu di tahun satu, Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis ataupun KIA2M diperkenalkan untuk mengenal pasti murid-murid yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Seterusnya untuk pelajar tahun enam ke tingkatan satu, mulai Program Pemulihan 3M, Pasca UPSR ataupun PROTIM pula dijalankan. Di samping itu, di sekolah menengah telah diperkenalkan mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah menengah harian biasa bagi murid-murid yang lebih cenderung dan berminat kepada bidang kemahiran. Usaha juga sedang dan telah dibuat untuk menarik murid-murid yang berminat dalam bidang teknikal dan vokasional. Dengan usaha-usaha ini, KPM menaruh harapan yang tinggi agar kadar keciciran di kalangan murid dapat kita kurangkan.

Berhubungan dengan tenaga pengajar bagi menghadapi murid autistik, KPM telah melatih guru untuk membantu murid-murid yang bukan sahaja menghadapi autistik malahan juga down sindrom, kecacatan mental dan anggota seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sekijang. Antaranya dengan memberi latihan asas pendidikan khas dalam kursus perguruan, menyediakan kursus ijazah dan lepasan ijazah dalam bidang pendidikan khas di IPTA. Selain daripada itu, pelbagai kursus dalam perkhidmatan jangka pendek turut diadakan secara berkala bagi memastikan guru-guru tersebut sentiasa berkemahiran tinggi dalam menghadapi murid autistik tersebut. Buat masa ini, seramai 1,006 orang guru yang mempunyai asas dalam bahasa isyarat telah ditempatkan di sekolah pendidikan khas, program integrasi di sekolah rendah dan menengah. Pelbagai program telah disediakan bagi memastikan murid-murid bermasalah pendengaran ini tidak ketinggalan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Aman telah mencadangkan pengajaran Bahasa Cina diperluaskan kepada *marketable students*. Sebenarnya mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah mula ditawarkan kepada semua murid di sekolah kebangsaan di tahun tiga hingga enam pada tahun 1996 sebagai mata pelajaran bahasa tambahan. Kemudian pada tahun 2003, KPM terus memperluas pembelajaran bahasa ini sebagai mata pelajaran Bahasa Cina Komunikasi dan Bahasa Tamil Komunikasi bermula dari tahun satu.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tebrau, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, pengajaran mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan pada tahun 2007 adalah merupakan projek rintis ditawarkan kepada semua murid yang berminat untuk mengikuti dan perluasan bagi mata pelajaran ini akan dilaksanakan bermula tahun 2008.

Bagi tujuan tersebut, KPM tidak akan menggunakan guru-guru dari SJK(C) dan SJK(T) untuk mengajar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, sebaliknya KPM akan melatih guru-guru khusus bagi tujuan tersebut. Tuan Yang di-Pertua mengenai....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Dalam perkara ini, oleh kerana sudah beberapa masa lepas, apa kedudukan terkini mengenai cadangan bahawa untuk tujuan ini KPM menggunakan mereka daripada graduan-graduan daripada sekolah swasta Tionghoa dan bukan daripada negeri China. Adakah ini satu-satu keputusan dibuat dalam perkara ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Buat masa ini kita akan menggunakan guru-guru yang sedia ada dahulu. Dalam unjuran guru-guru yang kita telah buat, bahawa buat masa ini kita tidak perlu untuk mengambil guru-guru daripada negeri China. Kita akan latih mereka yang berkelayakan untuk mengajar Bahasa Cina dan mereka inilah nanti yang kita akan tempatkan di sekolah-sekolah kebangsaan. Dan kita tidak usik guru-guru yang sedang mengajar mata pelajaran Cina Komunikasi. Kita *over and above* cikgu-cikgu yang ada sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah benar bahawa *overflow*, bahawa *surplus* guru-guru yang terlatih bukan dalam Bahasa Tionghoa tetapi dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang lain, yang tidak ada bersangkutan-paut dengan perkara ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita ini latih khas untuk guru-guru yang akan mengajar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran *elective* yang telah diumumkan yang seperti mana saya nyatakan pada tahun 2007, ia adalah rintis kepada 70 sekolah Tamil dan 150 sekolah Cina, ini kita akan mula. Jadi oleh kerana dia ini mula, kita baru, jadi kementerian kita sedang menyusun bagaimana guru-guru ini untuk diberi latihan dan untuk mereka mengajar dalam mata pelajaran Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil. Dan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil ini, ia dijadikan satu mata pelajaran yang diletakkan di dalam jadual waktu. Jadi, cara pelaksanaannya memang sedang dirancang di Kementerian Pelajaran. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Saya hendak bangkitkan mengenai guru-guru yang akan mengajar di 150 sekolah Cina dan sekolah Tamil yang di antaranya Yang Berhormat Timbalan Menteri baru mengatakan bahawa guru-guru baru akan diambil untuk mengajar kedua-dua bahasa ini tetapi yang mustahak adalah bukannya kekurangan guru-guru ini kita boleh ambil dari guru-guru yang telah bersara dan yang sudi untuk mengajar di sekolah-sekolah ini, satu. Nombor dua, adakah ini permulaan yang dibuat di sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah Tamil dan semua sekolah-sekolah di seluruh negara serta sekolah kebangsaan. Adakah pengajaran Bahasa Tamil dan Bahasa Cina akan diberikan kepada semua murid-murid di sana?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, terima kasih. Seperti yang saya nyatakan ini ialah program rintis. Buat setakat ini kita mulakan di 150 dan selepas ini kita akan tambahlah ke sekolah-sekolah lain supaya semua sekolah-sekolah kebangsaan ini akan ada mata pelajaran *elective* Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil. Mengenai guru yang bersara ini, memang kita galakkan. Kita memang galakkan malah di setiap PPD memang kita minta guru-guru yang bersara ini untuk mendaftarkan diri di PPD supaya mereka ini boleh diambil bekerja dan kita bayar elaun harian.

Namun demikian, sambutan yang kita dapat daripada guru-guru yang bersara ini memang kurang menggalakkan. Terutamanya misal kata guru-guru bersara ini kadang-kadang dia hendak mengajar di sekolah yang dekat dengan rumah dia, sedangkan keperluan yang kita hendak ini bukan di sekolah yang sebelah rumah dia. Boleh jadi dia kena pergi sekolah yang agak jauh. Jadi mungkin dia kurang berminat, jadi walaupun tawaran ini dibuat, kita memang kurang mendapat sambutan.

Sebab itu, dalam menyediakan guru ini selain daripada guru-guru yang sedang dilatih pada hari ini yang ada di institusi perguruan, kita juga akan memilih juga calon-calon yang baru untuk kita lihat semula. Kita banyak senarai calon yang minta KPLI saya bagi contoh. Ini kita akan lihat balik permohonan-permohonan calon ini dan kalau kita dapati ada calon-calon yang berkelayakan, kita akan panggil untuk kita *interview* dan cara kita buat bagi tiap-tiap pengajaran. Ini yang saya kata kita tengah rancang bagaimana cara. Adakah kita hendak buat macam sistem guru-guru J-QAF sebagai contoh.

Dia mengajar kemudian dia akan buat latihan waktu cuti. Ini semuanya di dalam perancangan kita untuk memastikan dasar yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat kita laksanakan dengan sebaik mungkin. Tuan Yang di-Pertua, mengenai geran per kapita seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PCG iaitu geran per kapita ini diberi mengikut *enrollment* pelajar berdasarkan kadar yang sama tanpa mengira jenis sekolah...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah habislah sekolah Tamil ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ada bangkitkan mengenai perkara di mana lebih kurang 300 ibu bapa telah berdemonstrasi di Pejabat Pelajaran di Ipoh pada 28 Julai di mana mereka telah mengatakan bahawa kekurangan guru di beberapa sekolah-sekolah Tamil di Perak lebih kurang lingkungan 100 kekosongan yang tidak diisi langsung dalam tempoh dua, tiga tahun ini. Apakah situasi tersebut di mana Kementerian Pelajaran telah mengatakan bahawa tindakan sedang diambil tetapi tidak ada apa-apa yang telah diambil setakat ini. Saya telah bangkitkan perkara itu dan apakah situasi yang terkini mengenai perkara itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dalam usaha kita untuk mengatasi masalah guru-guru yang mengajar Bahasa Cina kah Bahasa Tamil, kita memang akui kita hendak dapat guru yang mengajar *People Own Language* atau POL, itu yang kadang-kadang kita sukar untuk kita mendapat guru-guru. Sebab itu kita di Sekolah Cina, kita benarkan GICT ini guru sandaran tidak terlatih untuk mengajar di sekolah-sekolah Cina tetapi kalau spesifik soalan yang Yang Berhormat bangkitkan tadi iaitu guru-guru di Ipoh yang Yang Berhormat bangkitkan tadi mungkin sekarang saya tidak boleh menjawab saya kena semak baliklah, apakah status yang Yang Berhormat bangkit...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sudah bangkitkan mengenai perkara tersebut bukan spesifik kepada masa saya sudah bangkitkan pada pengucapan saya dalam dasar mengatakan kita perlukan satu dasar supaya di seluruh tempat di mana kekurangan guru-guru di sekolah Tamil dan sekolah Cina. Saya juga bangkitkan semasa soal jawab di mana kerajaan telah mengatakan kekurangan guru sekolah-sekolah Cina 500 kekurangan guru-guru dan dekat 300 di sekolah-sekolah Tamil.

Akan tetapi walaupun ada beberapa murid-murid yang berkelayakan yang ingin menjadi guru tetapi nampaknya ada satu dasar yang tidak boleh diterima macam dianaktirikan sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina di mana murid-murid ini walaupun ada kelayakan-kelayakan yang tertentu tetapi mereka tidak diberikan peluang untuk menjadi guru. Jadi itu adalah satu di antara masalah ini. Apakah cara untuk mengatasi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita telah membuat dasar untuk kita mengambil, kita menambah setiap tahun kita menambah. Kita tambah guru-guru yang untuk mengajar bahasa Tamil, Bahasa Cina, sudah tentulah kita ambil guru-guru yang layak tetapi bila layak sahaja, tidak semestinya dia dapat yang bagus keputusan bagus dia boleh jadi guru. Kalau dia dapat pelajar cemerlang pun, jadi guru cakap tidak pandai dia tidak ada interaksi pun tidak bagus, sudah tentu Yang Berhormat juga tidak suka guru-guru sedemikian. Jadi kena percaya pada dasar Kementerian Pelajaran, tidak ada dasar kita untuk kita hendak ada diskriminasi kah, tidak ada. Kita akan terus berusaha untuk kita menambah bilangan guru dan juga Yang Berhormat kena faham juga masalah-masalah kekangan yang kita hadapi.

Yang Berhormat menimbulkan hanya masalah guru-guru tidak cukup tetapi saya juga hendak beritahu Yang Berhormat masalah-masalah sekolah kurang murid ini seperti SJK(C). Seluruh negara ada 1,288 SJK(C). Dalam 1,288 ini sebanyak 490 ialah sekolah kurang murid ertinya sekolah yang kurang 150 orang, separuh. Sekolah Tamil, seluruh negara ada 525 sekolah, bukan banyak pun tetapi dalam masa 525 ini yang sekolah Tamil kurang murid ada 318 buah sekolah dan ada 30 buah sekolah.

Ada 30 buah sekolah Yang Berhormat, SJK(C) ada 15 buah sekolah, SJK(T) ada sepuluh buah sekolah, sekolah kebangsaan ada lima sekolah, muridnya kurang sepuluh orang. Kalau hendak ikut definisi dalam Akta Pendidikan kalau hendak tubuh sekolah mesti ada sepuluh orang murid baru dikatakan boleh wujudkan sekolah.

Akan tetapi oleh sebab dasar kita dasar untuk memberikan peluang pendidikan kepada semua rakyat walaupun sekolah itu ada tujuh, enam orang. Guru pula syaratnya dia punya minimum mesti ada lima orang, murid ada tujuh guru ada lima. Ini kadang-kadang unjuran yang saya kata mungkin pengagihannya yang menyebabkan kekangan yang kita ada. Kalau murid kalau ikut Akta Pendidikan bawah sepuluh orang bukan lagi sekolah tetapi kalau kita tutup sekolah Cina tutup sekolah Tamil, marah pula Yang Berhormat pula marah. Jadi kita walaupun benda itu bertentangan dengan akta, tetapi demi untuk memberikan pendidikan kepada semua kaum kita benarkan dan kita terpaksa korban guru-guru kita untuk mengajar...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, padahal Yang Berhormat ini juga Yang Berhormat cakap sudah berapa tahun dalam Parlimen tidak habis-habis lagi. Kita sentiasa buat, saya bagi Tebraulah.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak respons kepada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang tawaran untuk guru POL, *People Own Language*. Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan sambutan kurang menggalakkan, oleh sebab itu menyebabkan kekurangan guru POL tetapi yang saya faham iaitu salah satu sebab utama yang kurang sambutan untuk menerima jawatan guru POL adalah oleh kerana elaun-elaun yang dibayar kepada mereka itu terlalu rendah.

Kalau saya tidak silap mungkin dia kurang daripada RM50 satu jam. Jadi kadar bayaran elaun itu sudah lama diamalkan tetapi selama ini tidak pernah ditinjau semula. Jadi saya harap saya cadangkan Kementerian menimbang semula kadar elaun yang dibayar kepada guru POL untuk menggalak lebih ramai guru menerima tawaran guru POL itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat kita akan ambil perhatian kita akan lihat sama ada elaun seperti yang saya tidak tahu berapa banyak sudahlah. Kalau Yang Berhormat kata itu salah satu sebab, kita akan kaji apa perkara yang Yang Berhormat bangkitkan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Itu sebab utama.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey saya tidak boleh komen sebab saya tidak tahu berapa sebenarnya elaun yang dibayar.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya Yang Berhormat, ada lagikah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ada bangkitkan mengenai dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan ada mengagihkan wang untuk pembinaan renovasi sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina. Soalan saya yang spesifik yang saya bangkitkan adalah di manakah di negara ini sekolah-sekolah baru Cina, sekolah-sekolah baru Tamil akan dibina? Saya ada bangkitkan mengenai perkara tersebut.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Di dalam Rancangan Malaysia yang Kesembilan ini memang tidak ada. Kita dalam perancangan kita hanya memberikan peruntukan-peruntukan untuk sekolah SJK(T) dan juga SJK(C) tidak ada kita perancangan untuk membuat bangunan-bangunan baru tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat peruntukan yang kita beri untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah sebanyak RM100 juta iaitu tiga kali ganda daripada apa yang kita peruntukkan dalam Rancangan Malaysia yang Kelapan. Jadi kita akan memberikan bantuan-bantuan untuk ubah suai, pembesaran dan sebagainya. Jadi saya ingat peruntukan yang RM100 juta ini tahun ini sahaja untuk 2006, kita telah pun peruntukkan sebanyak RM21 juta dan senarai di mana sekolah yang hendak dibuat telah pun kita putuskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi dasar kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tidak ada sekolah baru Cina dan Tamil akan dibina langsung? Itulah pendirian kerajaan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Setakat dalam senarai yang dibawa dalam Kementerian Pelajaran tidak ada.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kerana ada satu jawapan yang saya telah terima dan dalam dasar pun saya ada kata di mana kerajaan telah mengakui bahawa akan mengagihkan sebanyak RM148.3 juta untuk sekolah-sekolah Cina dan RM56.1 juta untuk sekolah-sekolah Tamil untuk situasi untuk renovasi penukaran dan sebagainya tetapi tidak ada apa-apa wang diagihkan untuk pembinaan sekolah-sekolah baru Cina dan Tamil sebagai khusus seperti di kawasan 'Berchat' di Ipoh di mana satu sekolah Cina di mana hampir dalam sepuluh tahun ini dia sudah ada maksimum setiap darjah di sekolah itu lebih kurang 60 murid dan lebih murid yang ingin belajar di sekolah tersebut tidak ada tempat langsung. Kenapa kerajaan tidak ingin membina satu sekolah baru bukan tempat di 'Berchat' sahaja, di seluruh Malaysia di mana ada situasi di mana ramai di antara masyarakat ingin menghantar anak mereka sekolah Tamil dan sekolah Cina.

Macam saya telah mengatakan di seluruh Malaysia lebih kurang setiap tahun sekarang ada 20% setiap tahun kenaikan murid-murid di sekolah Tamil macam mana kita boleh ada situasi untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat sebab itu kita kata dasar kita ialah untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Kita mula memperkasakan sekolah kebangsaan kita tukar sebab kita perkenalkan mata pelajaran Tamil, mata pelajaran Cina di sekolah-sekolah kebangsaan ini. Tarafnya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sudah anak tirikan sekolah Tamil dan sekolah Cina. Itulah dasar kerajaan memperkasakan sekolah kebangsaan, anak tirikan sekolah Tamil dan sekolah Cina itu dasar kerajaan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat kalau kita menganak tirikan sekolah Cina dengan sekolah Tamil kita tidak tambah peruntukan RMK-9 tiga kali ganda daripada RMK-8 itu pun Yang Berhormat tidak boleh hendak faham juga?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Daripada tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tidak akan ada apa-apa sekolah baru sekolah Cina atau Sekolah Tamil bukankah ini satu dasar yang tidak adil yang *discriminatory*. Saya masih tunggu Yang Berhormat sampai ke pelajaran swasta mengenai diskriminasi dan prinsip yang palsu tetapi dalam kes ini bukankah ini satu prinsip dasar yang diskriminasi oleh kerana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada sekolah-sekolah yang ada 3000 hingga 4000 tentu perlu sekolah-sekolah Cina yang baru. Bagaimana kerajaan boleh ambil satu pendirian ini apabila ada menteri-menteri MCA, Gerakan dan MIC dalam Kabinet. Bagaimana mereka boleh bersetuju bukankah ini satu *betrayal* kepentingan rakyat bukan sahaja kaum-kaum yang berkenaan tetapi juga *betrayal* kepada semua rakyat Malaysia tidak kira kaum apa-apa untuk keadilan untuk kesaksamaan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kata pembangkang ini tidak faham. Saya sudah beritahu tadi bahawa kita sudah beri keadilan. Yang Berhormat kalau beri perkara seperti seolah-olah kita memberi diskriminasi, adakah Yang Berhormat kalau betul-betul jujur dan ikhlas ada 15 SJK(C) murid bawah sepuluh orang. Adakah Yang Berhormat sanggup kata tutup sepuluh ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini perkara yang lain kenapa sekolah-sekolah, kenapa sekolah ada *classroom* ada 53, 60 orang? Mahu banding dengan sekolah-sekolah nasional, berapa? Ada sekolah-sekolah nasional yang ada *classroom* yang kosong. Kenapa bukankah ini satu diskriminasi? Kenapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tidak akan adakan sekolah baru adakah kena tunggu sehingga *election* baru menjadi *beat* untuk dapat pengundi-pengundi. Bukankah ini satu propaganda satu langkah satu sikap dan tipu helah yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Itu tuduhan pembangkang waktu kita membuat peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996 ada siapa yang desak?

Kita dahulu di bawah satu Akta Pendidikan ada satu klausa bahawa Menteri Pelajaran boleh tutup sekolah Cina, sekolah Tamil tetapi kita buang tidak ada dah. Bila pun sekolah Cina sekolah Tamil ini kita tidak boleh tutup. Kemudian saya sudah beritahu tadi mengikut Akta Pendidikan saya baca kepada Yang Berhormat "*Sekolah ertinya tempat di mana sepuluh orang atau lebih lazimnya diajar sama ada di dalam satu kelas atau lebih tetapi tidak termasuk mana-mana tempat yang pengajarannya terbatas kepada pengajaran agama dan sebaliknya*". Ertinya saya sudah kata tadi walaupun kita sudah ada 15 sekolah Cina bawah sepuluh orang kita tetap teruskan saya tidak nampak Yang Berhormat kata...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu bukan hak-hak yang lain. Kenapa Yang Berhormat teruskan kelas 53, 55,60 apabila *ideal class size* ialah 30? Bukankah ini bererti perlulah sekolah-sekolah yang baru kenapa ada dasar tidak mahu membina? Bukankah tunggu sehingga *election* sebagai *election* gimik? Bukankah ini satu kerajaan yang tidak *trustworthy* kalau begitu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Setuju sahajalah, setuju sahajalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat kita tidak buat macam itu pun kita menang banyak pilihan raya Yang Berhormat. Kita buat kerja ini bukan kerana pilihan raya bukan macam pembangkang. Nanti pilihan raya baru sibuk masuk kampung kempen sana sini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pun kalah juga.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Barisan Nasional bekerja sepanjang masa bukan tunggu pilihan raya. Dan juga peruntukkan saya sudah kata tadi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tipu sepanjang masa.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Pembangkang buat bising sepanjang masa kerja tidak buat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat cakap macam mana pun Yang Berhormat memang tidak puas hati melainkan satu sekolah buat depan rumah Yang Berhormat baru Yang Berhormat puas hati barangkali.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sebab itu dia kalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada perkara lain?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita hendak pindah kepada geran per kapita.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu lagi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduklah Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Geran per kapita oleh Yang Berhormat saya sudah tukar tajuk kepada...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Berkaitan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tiada kaitan, tukar tajuk

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak percaya dengan bos kah? Bos sudah cakap anak buah hendak tolong kah? Malulah bos.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan bagi saya jalan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak hendak bagi jalan kalau sekolah Cina lagi saya tidak mahu bagi jalan. Sebab bos *you* sudah cakap cukup. Takkan *you* hendak *underrate* bos *you*... [*Beberapa Ahli bising*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri saya minta penjelasan berkaitan dengan Yang Berhormat timbulkan tadi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat tidak berani kah? Tidak berani ambil soalan saya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kalau fasal sekolah Cina tutup dah. Kita tukar tajuk lain. Geran per kapita kita tukar ke geran per kapita.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Okey ini yang sekolah tidak cukup murid. Saya hendak penjelasan daripada kementerian tentang dasar kementerian *relocation*, dengan izin, maknanya sekolah yang kurang murid kerana penduduknya sudah berpindah atau sekolah itu pemilik tanahnya hendak semula tanah ini dan sekolah terpaksa berpindah adakah dasar ini dikekalkan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ingat terus faks lah saya sudah tidak mahu sentuh sekolah Cina cukuplah bukan kerana saya tidak mahu jawab saya ingat sudah cukup saya hendak tukar tajuk lain. Kalau saya cakap tidak akan habis cerita ini. Itulah perjuangan dia daripada dulu pun DAP ini

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan saya tidak pernah tanya apa-apa pun Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh Bin Haji Omar: Mengenai geran per kapita yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Haji Noh Bin Haji Omar: Untuk Ahli Yang Berhormat PCG diberikan mengikut emolumen pelajar berdasarkan kadar yang sama...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat takut soalan yang akan saya tanya ke?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...Tanpa mengira jenis sekolah dan lokasi. Oleh yang demikian sejumlah peruntukan bagi setiap negeri adalah bergantung pada...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Isi saya berlainan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bagi Seputeh duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *You* diam.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak kekalkan tajuk geran per kapita kalau hendak tanya saya bagi jalan kalau lain daripada itu saya tidak bagi jalan okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mengenai per kapita .

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey per kapita boleh. Saya baru mukadimah hendak tanya dah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah mungkin saya tanya soalan itu sama-sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan tipu ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat saya ingin sentuh sedikit tentang sekolah dan juga per kapita di kawasan saya... *[Disampuk] [Bising]* Dengar dahulu baru kacau.

Yang Berhormat saya sebenarnya hendak tanya, adakah Kementerian Pelajaran Malaysia membuat kajian sebelum meluluskan apa-apa pembinaan tapak sekolah sama ada sekolah rendah Cina ataupun sekolah kebangsaan. Saya hendak tanya ini adalah saya hendak rujuk kawasan saya di kawasan Seri Petaling misalnya terdapat lebih daripada 90% penduduk itu terdiri daripada kaum Cina dan mereka memang berharap menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah Cina tetapi di kawasan itu sudah ada dua sekolah rendah kebangsaan dan ada tiga lagi sekolah menengah, jadi memang bagi pandangan orang ramai kerajaan tidak membuat sesuatu kajian sebelum membina apa-apa sekolah di satu kawasan. Begitu juga di kawasan *Oversea Union Garden (OUG)*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Permintaan Yang Berhormat, apakah soalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sekolah berbanding dengan keperluan penduduk setempat itu 90% penduduk Cina ada di sana.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat sekolah apa ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada dua sekolah kebangsaan dan satu sekolah rendah. Jadi soalan saya ialah yang sekolah kebangsaan itu memang ada 30 kelas tetapi hanya 100 lebih pelajar sahaja ini adalah satu pembaziran dari segi sumber dana kewangan dan juga peruntukan kerajaan supaya yang wang itu sebenarnya boleh disalurkan untuk membina sekolah di luar bandar ataupun membina lagi satu sekolah rendah Cina untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan.

Jadi soalan saya ialah Yang Berhormat bangkit isu per kapita itu adakah ini dimasukkan dalam satu kajian dan juga saya Yang Berhormat bagi Bandar Tun Razak sudah buat satu pengumuman bahawa kerajaan sekarang akan bina lagi satu sekolah rendah Cina tetapi mereka ada dua pilihan sama ada di kawasan Cheras atau di Seri Petaling. Jadi penduduk di Seri Petaling pun tanya kenapa kerajaan boleh buat keputusan macam ini kenapa dua tempat kalau dua-dua tempat itu memang perlu kalau Serdang dan Puchong memang perlu sekolah Cina kenapa kerajaan tidak salurkan dana itu untuk membina sekolah untuk memenuhi keperluan tempatan. Ini soalan saya supaya kita tidak membazirkan dana kerajaan dan peruntukan kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah kebangsaan yang mana tidak ada orang mahu masuk ke sekolah itu untuk belajar. Minta penjelasan

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, kebanyakan sekolah SRJK(C), SRJK(T) ini sekolah bantuan modal. Sekolah bantuan modal ini, apa maksud sekolah bantuan modal? Sekolah bantuan modal ini ialah dia kena buat bangunan sendiri, yang kerajaan akan bagi ialah gurunya, kalau hendak mengubahsuainya, itu yang akan kita bagi. Dia kena beza sekolah bantuan modal dengan sekolah kerajaan. Jadi kita kerajaan kita akan meneruskan, membanyakkan sekolah-sekolah kerajaan. Mengenai geran per kapita, namun bagi sekolah yang enrolmen di bawah 100 orang murid, jumlah peruntukkan PCG secara...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat tidak jawab soalan sayalah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Siapa suruh tanya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Saya tidak fahamlah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya sudah jawab soalan Yang Berhormat. Kita cakap ini sekolah kerajaan, kita cakap ini sekolah kerajaan, sekolah ada dua, satu sekolah bantuan kerajaan, yang dipanggil sekolah bantuan modal, satu sekolah kerajaan. So, sekolah bantuan modal ini memanglah bangunannya, memanglah bahagian pengelola sekolah itu kena buat sendiri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi penduduk sana tidak kira itu sekolah bantuan kerajaan, penuh kah, atau apa kah. Itu mereka tidak kisah, apa yang mereka mahu adalah sekolah rendah Cina untuk memenuhi keperluan tempatan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ikut peraturanlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Dan kenapa membina begitu banyak sekolah kebangsaan rendah, yang mana tidak, yang kosong itu banyak, tetapi tidak ada orang pakai. Kenapakah Yang Berhormat juga tidak menukar yang sekolah kebangsaan rendah ini untuk ditukarkan...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya ingat cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Kepada sekolah rendah Cina untuk memenuhi keperluan sesuatu kawasan kediaman.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia pembangkang ini dia tidak faham, atas ini, baca ini, sekolah sumbangan modal ertinya bayaran daripada wang awam kepada sesuatu institusi pendidikan, untuk mengadakan bangunan, mengubah atau menambah premis. Adalah, bacalah Akta Pendidikan, *then we will discuss*. Susahlah, *you* cakap menggunakan akal, tidak tengok betul-betul akta kita buat....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itulah DAP kalah pilihan raya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...Saya tukar yang lain Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat ada kuasa dan ada keinginan semuanya boleh tukar dan Parlimen adalah tempat untuk tukar semua peraturan dan undang-undang ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak apalah, kita sudah bagi banyak peruntukan pun hendak bising lagi. Tiga kali ganda kita sudah bagi, pun tidak puas hati lagi. Buat satu sekolah letak depan bangunan Yang Berhormat, barulah Yang Berhormat suka kan? Namun bagi sekolah yang enrolmen di bawah 100 orang murid, jumlah peruntukkan PCG diberi secara *lump sum* berdasarkan kategori saiz enrolmen. KPM dari semasa ke semasa akan mengkaji kesesuaian peruntukkan yang diberikan. Untuk maklumat yang..., saya tahu Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mesti hendak tanya, sebab beliau yang membangkitkan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, PCG ini mulai tahun 2006, kita sudah adakan kategori kepada sekolah kurang murid ini. Jadi mana sekolah yang pelajarannya tidak melebihi 20 orang, kalau dulu kita bagi secara *lump sum* keseluruhannya ialah RM9,840 tetapi mulai tahun ini kita bagi RM13,900. Jadi ertinya peningkatannya 41%. Mana sekolah yang muridnya di antara 21 orang sampai 50 orang, kalau dulu dia hanya dapat RM11,700 tetapi kali ini dia akan dapat RM19,250, tambah RM7,000, maknanya 64.5% penambahan dia. Sekolah yang muridnya 51 orang ke 100 orang, kalau dulu dia hanya dapat RM14,800, tetapi mulai tahun 2006, dia akan dapat RM26,600 ertinya bertambah sehingga RM11,000, iaitu lebih kurang 79%. Sekolah yang muridnya di antara 101 orang sehingga ke 150 orang, penambahan juga diberi, iaitu kalau dulu RM17,900 sekarang ini ditambah kepada RM35,750, iaitu penambahannya hampir sekali ganda. Jadi kita sudah pakai *lump sum* tidak adalah ikut per kapita. Kalau tidak kita sedar bahawa sekolah kurang murid ini akan mendapat peruntukkan yang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai memartabatkan bahasa Melayu, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Yang Berhormat bagi Jerai, telah membangkitkan isu menyalahgunakan Bahasa Melayu dan usaha kerajaan memartabatkan Bahasa Melayu. Mengenai perkara ini KPM bersama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Kementerian Penerangan menggandakan usaha untuk memperkasakan bahasa kebangsaan melalui jawatankuasa yang dibentuk iaitu Jawatankuasa Induk Memperkasakan Bahasa Kebangsaan dan Jawatankuasa Induk Penggerak Dasar Buku Negara. Kerajaan yakin dengan sokongan dan komitmen tokoh-tokoh bahasa, aktivis-aktivis bahasa dan kesusasteraan, pegawai-pegawai kanan beberapa kementerian, pihak swasta termasuk media utama negara dan juga badan-badan bukan kerajaan akan dapat menjayakan hasrat kita memartabatkan bahasa kebangsaan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Pada masa yang sama juga, kita sedang meneliti Akta Bahasa Kebangsaan dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, untuk melihat sejauh mana kita boleh menguatkuasakan undang-undang penggunaan bahasa yang betul di kalangan pengguna. Dengan sokongan semua pihak termasuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat, bahasa Melayu dapat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...Sekejap saya hendak habiskan. Bahasa Melayu dapat dimartabatkan, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya yang kita bangkit mengenai soal bahasa bukanlah persoalan tidak mencukupi akta itu dan ini. Sebab apa yang kita lihat sekarang dan beberapa tahun yang lalu, apabila Dewan Bahasa mendapat bangunan yang baru, dan ada macam-macam acara, tetapi kebelakangan ini apa yang kita lihat tidak banyak kegiatan-kegiatan oleh Dewan Bahasa. Bagaimana hendak menyedarkan masyarakat tentang pentingnya bahasa kebangsaan. Tidak perlu kita untuk mengubah akta atau pun memperketatkan lagi akta. Itu bukan soalan dia, soalnya kita memberi peruntukkan yang besar juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi kebelakangan ini nampaknya kegiatan di Dewan Bahasa itu amat lesu.

Tidak ada program-program seperti sastera, percambahan pemikiran, kesedaran masyarakat, malah apakah objektif Dewan Bahasa untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai salah satu bahasa antarabangsa. Itu yang kita lihat, pada masa yang lampau, kita lihat kegiatannya begitu ghairah, begitu kuat begitu rancak tetapi kebelakangan ini terdapat semacam kelesuan, itu yang kita bangkit yang kita bimbang. Itu sahaja Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih pandangan Yang Berhormat. Mungkin kalau di tengok daripada luar, seolah-olah Dewan Bahasa ini, seolah-olah lesu tetapi sebenarnya Yang Berhormat, bila di tinjau aktiviti-aktiviti Dewan Bahasa ini sebenarnya aktiviti-aktivitinya berjalan seperti biasa. Hanya kurang mendapat publisiti, seperti contoh waktu pelancaran Bulan Bahasa dan Sastera, yang hari ini dibuat selama enam bulan, mulai bulan tujuh sampai bulan Disember. Dalam tempoh enam bulan ini, kalau saya tidak silap ada hampir 40 aktiviti yang telah di susun dan telah dirancang tetapi apabila aktiviti-aktiviti ini tidak mendapat publisiti meluas, maka orang melihat bahawa seolah-olah Dewan Bahasa ini tidak ada membuat aktiviti-aktiviti. MABIM sebagai contoh, saya pergi merasmikan MABIM, tidak masuk surat khabar pun, padahal yang hadir itu, daripada Brunei, daripada Indonesia yang membincangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...Masalah-masalah bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat..., Timbalan Menteri, banyak lagi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ingat kalau tidak kacau, bolehlah Tuan Yang di-Pertua, saya bagi *last* lepas ini, tidak ada kacau, dalam masa sepuluh minit habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh? Ini bukan kacau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Masih saya tunggu masa mengenai prinsip yang palsu yang kata tidak mahu bincang dan diskriminasi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ganti Menteri mesti boleh jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, ini kacau.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan saya esok pun saya sanggup tunggu. Saya hendak jawab ini Tuan Yang di-Pertua, bukan kata dua jam, yang mana *argue* dengan saya, sampai malam pun saya boleh tahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan bahas, jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan kacau, sana memang tukang kacau punya. Sini memang...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tangan dia pengacau.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, itu lagi tukang kacau. Yang Berhormat, memperkasakan bahasa kebangsaan, saya tidak berapa faham sama ada peranan ini daripada Kementerian Pelajaran ke atau pun daripada Kementerian KeKKWa ke atau pun mana satu kementerian agensi, yang seharusnya...ha, itu tukang kacau, "iblis tukang kacau", itulah namanya, dia tidak boleh diam.

Jadi apakah cara untuk lebih memperkasa lagi sebab saya juga dapat melihat warganegara Malaysia, kad pengenalan Malaysia, passport Malaysia tetapi tidak mengerti bahasa Malaysia satu patah pun, kalau bukan bahasa ibunda dia, bahasa lain. Sedangkan di negara-negara lain seperti Indonesia, Brunei, Philippine. Thailand bahasa dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kad pengenalan ini siapa yang keluarkan..., mana satu kementerian?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia warganegara Malaysia tetapi tidak tahu berbahasa Malaysia. Wakil rakyat kita pun ada yang bercakap bahasanya teruk, duduk, "luluk" dia kata. Hutan, "utan". Ini masalah, pencemaran bahasa! Saya rasa mereka tidak layak jadi warganegara Malaysia sebab mereka tidak boleh menguasai Bahasa Kebangsaan. Jadi, apakah kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian KeKKWa memberi kursus kepada mereka yang tidak boleh menguasai bahasa ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa itu KeKKWa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, ini syaitan besar lagi. Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah ini buang masa? Dia kata tidak ada masa dia mahu jawab mengenai prinsip yang palsu. Tadi ada janji, kenapa boleh menganiayai janji itu?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya kata saya boleh tunggu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Buang masa saja.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebab itulah Yang Berhormat, kita menekankan, memperkasakan Bahasa Kebangsaan dan juga memperkasa sekolah kebangsaan. Sebab itu kita minta, kita hendak memperbanyakkan sekolah kebangsaan supaya semua orang boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan baik, selain daripada bahasa ilmu hendak menjadikan bahasa perpaduan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, kita tidak nafikan memang kadang-kadang didapati ada penggunaan Bahasa Kebangsaannya kurang baik tetapi tidak ada undang-undang pula dalam negara kita yang mengatakan sesiapa yang tidak tahu bercakap bahasa Melayu dengan baik merupakan satu kesalahan, itu tidak ada. Hanya yang kerajaan buat ialah untuk menyedarkan rakyat bahawa menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan cara yang betul kerana kita percaya Bahasa Kebangsaan ialah bahasa yang boleh difahami oleh semua rakyat dan sebagai bahasa perpaduan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya, satu tajuk lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulunglah, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, itu lagi tukang kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 36(4), "Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan". Tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan panggil saya "syaitan". Saya mahu dia tarik balik. *Very unparliamentary.*

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau tukang kacau itu syaitanlah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ha, ulang lagi! Ulang lagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kita ada peraturannya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua kena buat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kalau itulah tadi ada dicakapkan, Yang Berhormat kena menghormati peraturan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya kata, kalau tukang kacau apa nama dia? Syaitan atau bukan, hah?... [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tiga kali, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi saya tidak sebut nama kawasan. Siapa yang tukang kacau dia syaitan.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa yang tukang kacau dia syaitanlah. Saya mana tahu kawasan mana. Saya tidak cakap Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini sudah kali keempat, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak cakap dia. Saya cakap siapa tukang kacau. Yang Berhormat mengaku Yang Berhormat tukang kacau?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak mengajukan kepada sesiapa, Yang Berhormat janganlah menggunakan perkataan yang ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Unparliamentary word! Unparliamentary!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tadi, dia ada tarik baliklah, Tuan Yang di-Pertua..., dia tarik baliklah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia kata dia tidak tujukan kepada sesiapa, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini memanglah bukan orang jantan. Berani cakap tapi tidak berani tarik balik... [Dewan riuh]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Saya rasa perkataan "jantan" itu pun tidak boleh pakai. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, "jantan" itu untuk binatang tu. Itu kena tarik balik tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera, teruskan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Soalan saya, saya hendak bertanya tentang peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dari segi penterjemahan. Kalau kita ingat dulu, apabila bekas Perdana Menteri membuat dasar baru mengenai penggunaan bahasa Inggeris untuk Matematik dan Sains, salah satu sebabnya ialah kerana dia agak kecewa kerana lambat dari segi Dewan Bahasa dan Pustaka menterjemahkan buku-buku bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dan sekarang saya hendak tahu apakah sebenarnya peranan penterjemah di Dewan Bahasa dan Pustaka ini? Berapa banyak misalnya purata (*average*) penterjemahan buku yang dibuat dalam setahun daripada bahasa lain ke bahasa Melayu, kerana kita kekurangan buku.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekarang ini Bahagian Terjemahan di Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun dipindahkan di mana kerajaan telah menubuhkan Syarikat Terjemahan Negara di mana satu syarikat yang ditugaskan khas untuk membuat kerja-kerja terjemahan, tetapi oleh kerana ini syarikat, kerajaan ada memberi geran tertentu membantu penubuhan syarikat ini tetapi jualan buku terjemahan ini memang kurang mendapat sambutan kerana harganya memang mahal daripada buku asal.

Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat kerja-kerja penterjemahan ini memang sedang rancak dijalankan oleh syarikat terjemahan, tetapi berapa peratusannya saya tidak dapat hendak beri jawapan seberapa tepat kepada Yang Berhormat, tetapi yang saya hendak maklum dan tekankan ialah kerajaan melihat serius mengenai masalah terjemahan sebab itulah kita keluarkan terjemahan ini yang dulu dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kepada satu syarikat terjemahan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat bagi Gerik, sebagai Pengerusinya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya berpindah kepada tajuk lainlah, kepada sekolah antarabangsa. Tidak apa. Nanti, bagi Ketua Pembangkang dengar dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekolah antarabangsa. Dasar sekolah antarabangsa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau, Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat bagi Maran. KPM telah bersetuju untuk melaksanakan dasar baru kemasukan murid-murid warganegara Malaysia ke sekolah-sekolah antarabangsa menerusi kaedah had siling tidak melebihi 40% daripada kapasiti maksimum kemasukan murid di sesebuah sekolah antarabangsa.

Bagi melaksanakan perubahan dasar baru ini satu garis panduan kemasukan 40% murid-murid warganegara Malaysia ke sekolah antarabangsa telah dikeluarkan oleh KPM melalui Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Bil. 3, Tahun 2006 - Pelaksanaan Dasar Kementerian 40% Murid Warganegara Malaysia Ke Sekolah-Sekolah Antarabangsa

Berhubung dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau mengenai penerimaan kemasukan ke sekolah-sekolah berkenaan adalah berdasarkan *first come first serve basis*, dengan izin. Namun demikian, keutamaan akan diberi kepada golongan ibu bapa yang mengemukakan permohonan atas pertimbangan berikut:

- (i) ibu bapa murid pernah bertugas di luar negara sekurang-kurangnya dua tahun sama ada di sektor swasta atau kerajaan;
- (ii) ibu bapa merupakan ahli perniagaan yang mempunyai kepentingan di luar negara dan mampu untuk menarik FDI serta menyumbang kepada ekonomi negara;
- (iii) ibu bapa dikategorikan sebagai ahli profesional Malaysia yang bekerja di luar negara dan ingin kembali ke Malaysia di bawah insentif kerajaan;
- (iv) ibu bapa mempunyai anak yang diakui pakar perubahan kerajaan bahawa anak tersebut mengalami ADD, ADHD, *dysplasia* atau permasalahan lain yang memerlukan pengawasan rapi, pemakanan atau diet dan tidak semestinya boleh dinaikkan kelas secara automatik;
- (v) ibu bapa mempunyai beberapa orang anak yang sedang belajar di sekolah antarabangsa dan;

- (vi) ibu bapa mempunyai anak yang lahir di luar negara dan mempunyai kerakyatan negara tempat lahir dan ibu bapa yang mempunyai bukti kukuh akan diarahkan bertugas di luar negara dalam masa terdekat sama ada dari sektor swasta atau kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Berkenaan dengan sekolah antarabangsa yang tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan. Yang pertama, sebenarnya sebelum peraturan-peraturan baru diumumkan sudah *open secret* bahawa adalah ramai pelajar-pelajar tempatan di sekolah-sekolah antarabangsa khususnya daripada anak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk anggota dalam Kabinet yang tidak berkepercayaan, tidak berkeyakinan dengan sistem pendidikan sendiri, sistem pelajaran sendiri. Menjadi anggota menteri tetapi tidak percaya sistem persekolahan, anak-anak pergi ke sekolah antarabangsa.

Tadi perkara sekolah Kebangsaan antara bangsa timbul oleh kerana saya ada sebut bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa prinsip ialah untuk memperkasa sekolah-sekolah kebangsaan sebab itu tidak mahu mengecualikan yuran peperiksaan untuk pelajar-pelajar di sekolah swasta dan saya ada tunjuk bahawa ini tidak benar. Ini satu prinsip yang palsu oleh kerana kalau begitu, kenapa kita ada peraturan yang baru di mana membolehkan lebih banyak pelajar-pelajar pergi ke sekolah antarabangsa. *Not in seen* sebab yang diberikan bahawa kenapa kerajaan tidak rela untuk menimbang membenarkan pelajar-pelajar di sekolah swasta untuk menikmati pengecualian yuran peperiksaan. Itu tidak berasas. Bolehkah atas sebab itu bahawa kerajaan menimbang semula supaya pengecualian yuran peperiksaan pun dinikmati oleh semua pelajar di sekolah swasta. Berikan jawapan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tadi sudah bagi tahu, dahulu hendak masuk sekolah antarabangsa ini ada dua syarat sahaja. Di mana salah seorang ibu bapa murid adalah bukan warganegara atau murid telah belajar di luar negara, sekurang-kurangnya-kurangnya selama tiga tahun, sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah. Inilah syarat dahulu, tetapi sekarang ini kita tengok rakyat Malaysia ini semakin lama makin ramai, yang kerja di luar negara tetapi anak terpaksa ada dekat sini. Anak sekarang, separuh belajar tiga tahun dahulu di luar negara sudah hendak balik ke sini, perubahan-perubahan ini. Namun demikian, tohmahan-tohmahan Yang Berhormat ini tidak berdasarkan kepada fakta.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa dari tahun 2006 ini, sekolah antarabangsa ada berapa Yang Berhormat? Yang Berhormat tahu ada berapa? Hanya ada 32. Daripada 32 sekolah ini, kapasitinya hanya boleh menampung 19,600 orang. Kemudian, bila kita kata 40% sahaja murid yang boleh masuk, bermakna daripada 19,650 pelajar yang boleh masuk sekolah antarabangsa ialah 7,864 orang sahaja. 7,864 ini mesti memenuhi syarat-syarat yang telah saya nyatakan tadi. Kalau kita buat perbandingan daripada 7,864 orang, bandingkan dengan pelajar di dalam negara kita yang ada 5,000,327 orang. Ini bermakna 0.148% sahaja, tidak sampai pun 1%. Itu sepatutnya yang kita benar, dasar. Namun demikian, berapa ramai yang sebenarnya anak-anak yang telah daftar ke sekolah antarabangsa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akan tetapi peratusan yang lebih mustahak ialah berapa peratusan anak-anak daripada anggota kabinet, anggota pentadbiran daripada kerajaan yang menunjukkan bahawa mereka sendiri tidak percaya sistem pelajaran. Adakah...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Siapa Yang Berhormat..., siapa? Saya tidak tahu. Kalau Yang Berhormat tahu, saya tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa..., tidak tahu? Timbalan Perdana Menteri bukan anak dalam sekolah antarabangsa? Boleh nafi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya, kalau Yang Berhormat teori, saya, *is unfair*, saya tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah kita dapat jawapan bahawa semua anak-anak yang pernah pergi sekolah antarabangsa bahawa beri satu senarai dan bentang dalam Dewan yang mulia ini termasuk Ahli-Ahli Parlimen, Kerajaan Pentadbiran

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, benda Yang Berhormat hendak bisung ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada perkara, apa salah, bukan salah, kenapa ada *double standard*? Bukankah ini menunjuk bahawa tidak percaya sendiri mengenai sistem pelajaran. Bukan ini salah. Inilah yang salah. *Double standard*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap, inilah pembangkang, Tuan Yang di-Pertua. Benda ini kecil cakap seolah-olah macam kita ini satu negara yang tidak ada, sebab kita Yang Berhormat... [Disampuk] Kita sudah buka, Yang Berhormat, kita sudah buka dasar 40% ini pun yang sepatutnya boleh di penuhi seramai 7,664 orang ini. Bila kita buka dasar ini, hari ini rakyat warganegara Malaysia yang berdaftar dengan sekolah antarabangsa hanya ada 354 orang pun. Mana ramai sangat? 354 ini, Melayu ada dalam 68 orang sahaja. China yang paling ramai, 212 orang. India 49 orang, yang lain masuk 25. Apa yang heboh sangat? Kita sudah buka, kita sudah bagi 14% pun tidak mampu. Orang... [Disampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu senarailah, senarai. Anggota kabinet, anggota pentadbiran, Ahli-Ahli Parlimen, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Kita mahu senarai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Cukuplah. Yang Berhormat, minta habiskanlah Yang Berhormat. Habiskanlah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendaklah *last* ini. Saya hendak tutup ini. Saya hendak bagi tahu, kalau macam inilah perangai pembangkang, patutlah tidak boleh menang dalam pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kebimbangan Yang Berhormat bagi Maran tentang kehadiran guru-guru asing yang mungkin akan mencemarkan pemikiran murid-murid tempatan, KPN yakin bahawa murid-murid tempatan tidak akan terlalu mudah menerima budaya asing. Hal ini kerana pengukuhan pemikiran dan jati diri warganegara Malaysia yang diluluskan kemasukannya ke sekolah antarabangsa dapat dipupuk melalui syarat-syarat wajib mengambil mata pelajaran tambahan. Di peringkat rendah, murid-murid yang belajar di sekolah antarabangsa diwajibkan untuk mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Islam ataupun Moral dan Kajian Tempatan.

Di peringkat menengah pula, murid-murid yang diterima masuk ke sekolah antarabangsa wajib mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Islam ataupun Moral dan juga Sejarah. Semua mata pelajaran tersebut diwajibkan supaya diajar oleh guru-guru warganegara Malaysia yang bertauliah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

Berikutan peraturan memakai tudung di sekolah antarabangsa seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, peraturan tersebut adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keberkesanan Sekolah Bestari seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau, dua kajian telah pun dijalankan iaitu Penyelidikan Penilaian Penyelesaian Bersepadu, Sekolah Bestari dan Penanda Aras Penyelesaian Bersepadu Sekolah Bestari. Secara keseluruhannya, keberkesanan yang dapat dilihat dalam kajian pertama ialah dari segi kemudahan infrastruktur yang disediakan kepada sekolah-sekolah tersebut yang dapat membantu dalam aspek pengajaran dan juga pembelajaran kepada guru dan murid. Di samping itu, pengajaran berbantuan komputer juga dapat menarik pelajar berbanding P&P dilaksanakan secara tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Pendidikan Islam, mengenai J-QAF seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Program ini telah berjalan dengan baik hampir dua tahun pelaksanaannya. Selain daripada penekanan antara al-Quran, penguasaan bahasa Arab dan fardu ain, program ini juga memberikan penekanan dalam kemahiran membaca dan menulis jawi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Parit dan juga Yang Berhormat bagi Kepong. Pada tahun 2006, bilangan guru J-QAF telah meningkat kepada 7,398 orang berbanding 3,663 orang. Pada tahun 2005, KPN menganggarkan bilangan guru J-QAF akan meningkat kepada 32,171 orang menjelang tahun 2010.

Berhubung dengan sekolah agama seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, KPN sentiasa mengalu-alukan sekolah-sekolah agama yang tidak diiktiraf ini mendaftar dengan KPN. Sehingga Jun 2006, sebanyak 92 buah Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri telah pun mendaftar dengan KPN. Sekolah-sekolah agama yang telah mendaftar dengan kementerian adalah layak untuk mendapat peruntukan, sama seperti sekolah bantuan kerajaan yang lain seperti yang termaktub di bawah Akta Pendidikan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas perhatian, keprihatinan, teguran dan juga sokongan yang berterusan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri. Sila.

4.48 ptg.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil peluang ini untuk memberi sedikit jawapan kepada beberapa persoalan dalam sesi penggulangan perbahasan Belanjawan 2007, dan perkara-perkara berikut yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mohon untuk menjawabnya secara ringkas dan terus kepada pokoknya.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu menimbulkan tentang adanya persoalan berkaitan dengan penggantungan kerja-kerja operasi dan pengendalian kepada beberapa syarikat luar negara berkaitan dengan khidmat-khidmat pentas dan juga peralatan-peralatan yang berkaitan. Sukacita diberi jawapan bahawa kerja-kerja pengendalian dan pengoperasian sistem pentas Istana Budaya adalah dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan Istana Budaya sendiri.

Kedua, kerja-kerja penyelenggaraan mekanikal, elektrik dan sistem kawalan dijalankan oleh syarikat tempatan. Cuma Istana Budaya memerlukan sokongan dan software atau isian serta kerja-kerja teknikal seberang laut, dan ini khusus untuk menjayakan beberapa operasi teknikal yang belum lagi dapat diatasi pengendaliannya oleh pihak-pihak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam diterima soalan berkaitan dengan kemudahan-kemudahan bagi pencinta-pencinta seni. Beliau bertanyakan sama ada kemudahan-kemudahan ini dapat disalurkan di kawasan-kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Sukacita dimaklumkan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mempunyai peruntukan-peruntukan bimbingan dan selainnya ia juga mempunyai beberapa kemudahan dari segi latihan. Baru-baru ini kerajaan menerusi keputusan Kabinet yang khusus telah meluluskan peruntukan yang genap bagi menjayakan program-program penajaan di sekolah-sekolah dan menerusi kegiatan-kegiatan badan-badan bukan kerajaan, selain daripada kegiatan-kegiatan untuk menyemarakkan seni budaya di seberang laut. Khususnya:

- (i) Skim Bantuan Kebudayaan diwujudkan;
- (ii) Skim Penajaan Seni Budaya; dan
- (iii) Skim Pembangunan Latihan dan Penggiat Seni.

Ini tidak termasuk program-program berkaitan dengan menyemarakkan seni budaya di kawasan-kawasan luar bandar.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim:Dan juga kawasan-kawasan kampung-kampung baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, hendak beri jalan? Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya beri satu pantun, Yang Berhormat.

*Beras padi beras pulut,
Amat sedap dibuat ragi,
Ahli Parlimen bercakap tidak sedap mulut,
Berasaskan fakta ditambah angka lagi.*

Yang Berhormat Menteri tentang penggantungan kontraktor yang menyelenggarakan alat-alat pementasan ini, saya cuma mempersoalkan mengapakah proses penggantungan itu menampakkan seolah-olah wujud ketidaktelusan ini dalam pihak Istana Budaya apabila pihak syarikat dijemput untuk hadir pada hari yang sama ketika surat diterima bersama dengan anggota-anggota sokongan. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, telah diputuskan oleh Kementerian Kewangan bahawa sistem yang bakal dikendalikan oleh syarikat yang ingin membekalkan khidmat teknikal dan juga urusan-urusan sampingan berhubung dengan pentas tidak mempunyai kemudahan-kemudahan dan juga pengalaman berkaitan dengan kakitangan. Oleh itu, telah diputuskan oleh Kementerian Kewangan bahawa pada 24 Ogos 2006, rundingan terus itu dikenakan kepada syarikat-syarikat yang selain daripada syarikat asal.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mengikut arahan Kementerian Kewangan lantas mengadakan urusan selanjutnya. Tidak ada apa-apa urusan lain yang berkaitan ataupun sampingan yang boleh diragukan oleh kerana pengendalian pentas ini adalah sesuatu kerja yang amat khusus dan ianya tidak berkaitan langsung dengan kerja-kerja am. Oleh itu, sama ada dari segi isian ataupun dari segi pengendalian khusus, syarikat-syarikat yang telah diterima untuk mengendalikan urusan penerusannya adalah tertakluk kepada spesifikasi yang diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor yang membawa persoalan berkaitan bagaimana untuk memperkasakan bahasa Melayu dan Bahasa Kebangsaan kita. Sebahagian daripada persoalan ini, jawapannya telah pun diberi oleh rakan saya, Timbalan Menteri Pelajaran sebentar tadi, cuma izinkan saya untuk menyatakan setakat yang berada di bawah bidang tugas Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, kita adalah menjadi rakan sampingan kepada Kementerian Pelajaran dari sudut pembudayaan bahasa.

Istilah pembudayaan ini amatlah luas, termasuk cara-cara kita untuk menyemarakkan peel berbahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan dengan baik dan tersusun. Menyegerakan program-program sampingan supaya masyarakat umum dapat menjwai keindahan dan juga ketelusan serta ketepatan penggunaan bahasa di kalangan masyarakat. Di samping itu, membetulkan kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam penggunaan bahasa seharian, selain daripada menyemarakkan bahasa menerusi persajakan, sastera, persuratan dan pelbagai lagi.

Jika, disenaraikan kegiatan-kegiatan ini, maka bolehlah saya rumuskan kepada perenggan-perenggan berikut:

- (i) melaksanakan program dan aktiviti memperkasakan bahasa Melayu dengan Kementerian Pelajaran secara am dan khusus. Jawatankuasa-jawatankuasa yang disertai oleh kementerian ini, adalah bersama dengan Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan serta kerajaan-kerajaan negeri di samping biro-biro bahasa yang ditubuhkan menerusi universiti dan kolej di merata tanah air;
- (ii) menubuhkan sebuah jawatankuasa penyelarasan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Izinkan saya meneruskan sebentar.

- (iii) menganjurkan pelbagai aktiviti yang memberi pengiktirafan dan galakan kepada penggunaan bahasa Melayu dengan betul seperti Kempen Budi Bahasa dan Kempen Membaca;
- (iv) bekerjasama khusus dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, melaksanakan pelbagai aktiviti kebangsaan yang mempromosi Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa muhibah, perpaduan dan bahasa ilmu; dan akhirnya
- (v) memberi tenaga kepada penguatkuasaan bahasa betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat menyokong tetapi kesian. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan begitu bersungguh-sungguh. Memang hasratnya, cita-citanya amat murni dan ramai yang menyokong tetapi masalahnya ramai juga yang tidak peka, tidak kisah, tidak peduli soal-soal penggunaan bahasa Melayu yang betul nampaknya makin bercelaru. Ia lebih bercelaru apabila orang Melayu sendiri yang mencelarakannya.

Saya lihat di mana-mana kedapatan kesalahan-kesalahan dari segi sebutan, dari segi ejaan, dari segi susunan ayat-ayat, dari segi seperti yang dikatakan selalu oleh Yang Berhormat Menteri, "Sekerat ular, sekerat belut". Bahasa Melayu yang bercampur aduk, bahasa Melayu yang dipakai secara loghat-loghat tertentu. TV, radio, surat khabar dan sebagainya yang mencelarkan kemurnian, ketinggian bahasa Melayu itu sendiri.

Jadi, dalam masalah ini, saya rasa satu gerakan bersepadu, yang benar-benar boleh didokong. Dewan Bahasa sahaja tidak mencukupi, Kementerian Pelajaran sahaja tidak mencukupi, ia mesti agaknya ada satu gerakan secara betul-betul boleh berkesan. Soal-soal penguatkuasaan bahasa Melayu, soal-soal bagaimana bahasa Melayu itu dapat dicintai oleh seluruh rakyat Malaysia. Soal-soal bagaimana kita bangga dengan bahasa Melayu, nampaknya bahasa Melayu sudah begitu jauh ketinggalan kerana sebab-sebab yang sama agaknya.

Yang Berhormat Menteri pun faham. Jadi, macam mana keadaan ini? Bagaimana agaknya usaha kita untuk memartabatkan dan memuliakan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dikatakan tadi, perpaduan, bahasa ilmu, bahasa yang mengangkat darjat bagi warganegara Malaysia ini. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Soal ini memanglah soalan yang akan sentiasa mengigaukan apa yang disebut bukan sahaja nasionalisme kebangsaan, tetapi juga budaya Malaysia sendiri. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, tanpa pergi terlampau jauh, Kalau dilipat sekecil kuku, kalau dibentang seluas alam, yang biasa saya katakan masalah pembudayaan bahasa inilah.

Pertamanya bahasa Melayu semenjak tiga tahun yang lalu diputuskan seolah-olah tidak lagi sebagai bahasa ilmu. Apabila ini diputuskan sedemikian, maka sesuatu bahasa itu tidak lagi bergerak sebagai sesuatu yang berasas kepada utiliti atau kegunaan. Dengan lain perkataan, bahasa Melayu hanya tinggal sebagai bahasa *lingua franca* atau bahasa perhubungan. Jika sesuatu bahasa itu hanya hidup sebagai bahasa hubungan, maka ilmu tidak dapat divedok oleh bahasa itu.

Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri mempunyai kuasa di tangan ataupun cadangan siasah di tangan agar bahasa Melayu itu dikembalikan balik sebagai bahasa ilmu. Apabila ini dapat dilakukan, maka bukan sahaja sains dan matematik boleh kita ajar dan diajarkan dalam bahasa kebangsaan tetapi ia boleh dibudayakan terus. Terjemahan di Dewan Bahasa boleh kita laksanakan. Penterjemahan buku-buku klasik yang kita baca di sekolah menerusi jurusan Inggeris misalnya boleh kita wujudkan. *Shakespear*, *Tolstoy* semua boleh kita wujudkan dan dijadikan bahan canai bacaan kepada masyarakat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penjelasan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Akan tetapi apabila bahasa kebangsaan yakni bahasa Melayu hanya setakat *lingua franca* dan tidak sebagai bahasa ilmu, di situlah jawapan terbesar yang harus kita ungkai dan buat semula.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Datuk telah pun membuat jawapan yang tepat dan kesedaran itu dapat dikongsi bersama oleh seluruh rakyat Malaysia yang cinta kepada bahasa kebangsaan. Dah kalau kita sama-sama sekapal, sama-sama kita memikul beban, kenapa tidak kita kembalikan semula bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Tak pernah terjadi dalam sejarah tamadun manusia hendak belajar bahasa Inggeris gunakan matematik, hendak belajar bahasa Inggeris gunakan sains, tak pernah terjadi. Kalau kita tahu lemahnya anak Melayu dan anak Malaysia tentang bahasa Inggeris, ayuh kita tingkatkan pembelajarannya dalam *English subject*, tambah masa. Jadi biarlah belajar bahasa dalam subjek bahasa. Ini belajar bahasa dalam matematik, belajar bahasa dalam sains, tak pernah berlaku Datuk.

Kalau sudah kita seia sekata, ayuh perahu ada di air, dayung ada di tangan, kalau Datuk memulakan, kami akan sokong kembalikan semula bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu di mana kalau itu puncanya bahasa Melayu boleh didaulatkan, kenapa tidak kita bergerak dari sekarang? Dulu, kesilapan dulu, kesilapan dulu tidak mesti diulang oleh orang yang mengendalikan hari ini... *[Tepuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang yang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Datuk Menteri KeKKWa. Saya peminat bahasa. Walaupun kadang-kadang bahasa saya bahasa utara, kan itu juga bahasa Melayu dan saya mempelajari bahasa-bahasa lain supaya ini menjadi ilmu kepada kita dengan tidak menggadaikan maruah bahasa saya. Ini penting. Yang Berhormat, saya amat bersimpati dengan Yang Berhormat Datuk Menteri, kerana kita dapat lihat sekarang ini orang-orang Melayu sendiri merasakan apabila bertutur dalam bahasa Melayu ini menunjukkan dia macam seolah-olah gred nombor dua.

Saya menghadiri berbagai-bagai *conferences* dan seminar dalam bahasa Melayu. Saya menghadiri berbagai-bagai taklimat, yang memberi taklimat itu orang Melayu, bercakap bahasa Inggeris dengan saya tetapi kerana saya bangsa Melayu, saya menggunakan bahasa Melayu, saya minta dia bercakap dalam bahasa Melayu, boleh pula tetapi dia merasakan bahawa kalau dia hendak mempersembahkan sesuatu taklimat dia kena guna *ladies and gentlemen* kononnya.

Yang keduanya Yang Berhormat, bermakna Yang Berhormat minta tolong jabatan-jabatan agensi kerajaan, kementerian-kementerian, taklimat-taklimat sesama Melayu, sesama Malaysia ini tidak perlu digunakan bahasa Inggeris. Kalau tidak percaya Yang Berhormat, saya bawa Yang Berhormat Datuk Menteri pergi dua, tiga taklimat di kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Saya kadang-kadang merasakan kenapalah orang Melayu ini begitu memandang rendah bahasanya sendiri, bahasa yang dididik oleh ibu dia di rumah, minum susu, makan cek, tidur apa semua, pegang cek dan sebagainya.

Lagi satu Datuk Menteri, Datuk Menteri orang yang saya dapat lihat ada kesenian di dalam tubuh Datuk Seri... *[Disorak]* Dari segi bahasa tuturnya, begitu enteng sekali. Tuan Pengerusi Yang Berhormat Datuk... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Canggih!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Canggih ya?...
[Ketawa] Begitu canggih... *[Dewan riuh]* Ah! Betul, betul, tetapi Yang Berhormat Datuk, kita lihat drama-drama kita, filem-filem kita kalau tak diselitkannya bahasa Inggeris seolah-olah drama itu tidak bermutu. Kemudian drama kita menunjukkan budaya pergaduhan, pertelingkahan dan tidak ada satu drama yang saya lihat menunjukkan kesejahteraan, kebahagiaan. Ini drama berebut harta...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia berucapkah, bertanya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bertanya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berucapkah atau bertanya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bertanya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan jugalah. Adakah Yang Berhormat, yang ini dalam bidang kuasa kerajaan? Kerajaan boleh mengarahkan jabatan kerajaan, agensi kerajaan, begitu juga kalau di Parlimen yang kita bubar undang-undang negara menggunakan bahasa kebangsaan, bahasa Malaysia. Kenapakah jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian tidak boleh menggunakan? Taklimat dan sebagainya dalam bahasa ibunda kita, bahasa Malaysia. Satu lagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Hah! Datuk Speaker pula. Datuk Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, panjang sangat Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tahu Yang Berhormat dahulu minta berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat iklan, sesetengah iklan itu mengatakan, iklan untuk mendapatkan kerja. Dia tulis di situ di bawah bukannya kerana boleh bertutur dalam bahasa Malaysia, dia kata boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Mandarin. Ini jawatan di dalam negara kita. Maksudnya kita mengutamakan.... Saya tidak marah Datuk Menteri. Saya sendiri mahu belajar.

Sekarang saya belajar bahasa Arab, bahasa Tamil pun saya dok belajar kerana pengundi saya orang India. Bahasa Hokkien, boleh saya bercakap... *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* Tak ada apa-apa, boleh mempelajari bahasa dan kita memerlukan bahasa Inggeris sebab untuk kita ke luar negara.

Yang Berhormat, bahasa ibunda ini, bahasa Malaysia ini harus dipertahankan kerana ini termasuk di dalam Perlembagaan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini menunjukkan bangsa kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Betullah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kecil tapak tangan nyiru saya tadahkan.

Sudah petang ianya hari,

Sudah kembang bunga petola,

Sudah datang kehendak hati,

Sudah hilang sakit kepala... [Dewan riuh][Disorak]

Kedua-dua ungkapan dari Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga Yang Berhormat bagi Jerai, seolah-olah seperti penawar kepada kami tetapi dalam pada penawar itu kita harus terima beberapa hakikat. Hakikat pertama ialah kita telah meng *osmosis* kan bahasa kita yakni dari larutan yang kuat iaitu Inggeris, dengan larutan yang sederhana. Kita telah ditembusi oleh bahasa Inggeris itu sehingga kita mahu mimpi pun dalam bahasa Inggeris itu.

Ini telah berlaku dalam semua aspek kehidupan kita. Cuma kita mahu mengaku atau tidak dari segi pelaksanaan dan lahiriahnya terserahlah kepada kita tetapi di atas pandangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini, saya akan cuba sedaya dengan rakan saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengemukakan pandangan-pandangan yang khusus berkaitan dengan bahasa kebangsaan dan secara kebetulan satu Kertas Kabinet telah pun kami kemukakan untuk dibincangkan minggu hadapan atau selepasnya yang bertajuk, "Memperkasakan Bahasa Kebangsaan Dari Segi Sebenar".

Kami akui bahawa kebanyakan mesyuarat kerajaan dijalankan dalam bahasa Inggeris atau sebahagian besar dalam bahasa Inggeris. Saya tidak boleh menafikan hal ini tetapi ia menyulitkan malah memberi perasaan yang sangat dukacita kepada perjuangan kita dan juga sebagai pendirian untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Kedua, seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan hujah ini dahulu. Soal bahasa ini mesti soal perjuangan, ia tidak boleh diletakkan pada kelas kedua atau kelas ketiga dalam perjuangan. Ini telah disebut bukan saja dalam perlembagaan tetapi dalam budaya itu sendiri. Kita selalu berkata kalau budaya itu lemah, apa sebabnya? Sebabnya ialah bahasa kita lemah, sebab yang memperkukuhkan budaya ialah bahasa. Oleh itu, ungkapan kedua-dua Ahli Yang Berhormat kami terima dengan sesungguhnya dan akan kita serlahkan dalam pembentangan kertas ini yang mana kami berdua yakni rakan saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan saya akan mengemukakan di Kabinet kaedah-kaedah yang perlu terus kita perjuangkan supaya bahasa kebangsaan kita jitu dan dihormati.

Untuk penerusan perjuangan, kita harus memikirkan tentang buku dalam bahasa kebangsaan tetapi buku sekarang dalam bahasa kebangsaan sukar diterbitkan sebab diketahui oleh Dewan Bahasa bahawa buku itu tidak diperlukan sangat, lantaran bahasa kebangsaan kita tidak menjadi bahasa ilmu. Oleh itu, kami akan ambil balik cadangan asal kita yang kita telah terlalai tiga tahun ini, kita perlu tebus kembali dan letakkan bahasa ibunda kita sebagai bahasa ilmu perjuangan kita bersama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Pepatah Melayu ada mengatakan, "sekilas ikan di laut, sudah tahu jantan betina". Dan Yang Berhormat memang layak dipilih menerajui kementerian ini dengan bahasa-bahasa yang baru dan kita sendiri pun orang Malaysia, orang Melayu tidak tahu bahasa ini, cuma Yang Berhormat yang tahu. Jadi kita pun ingin kalau boleh diperjelaskan kepada kita secara lebih mendalam sebab ini bahasa kita. Kita menyedari bahawa Yang Berhormat dan kementerian ini telah bekerja bersungguh-sungguh untuk memartabatkan bahasa Melayu. Dan pada tahun 2001, saya pernah mencadangkan di Dewan yang mulia ini, saya harap Yang Berhormat masih ingat untuk meminta kerajaan membawa satu kepada Kabinet iaitu untuk mewajibkan setiap calon-calon pilihan raya yang bertanding dalam negara kita, Parlimen dan ADUN mesti tahu dan fasih berbahasa Malaysia, sebab negara ini pun sudah negara Malaysia, Semenanjung Tanah Melayu.

Bagaimana seorang menggelar diri dia pemimpin tetapi dia sendiri tidak tahu berbahasa dengan masyarakat yang dia pimpin. Ini merupakan kelemahan kepada kita. Jadi apakah Yang Berhormat akan membawa perkara ini kepada kerajaan untuk dihalusi dan mungkin dipertimbangkan? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Kinabatangan tentunya positif dan saya masih ingat semasa saya di Jabatan Perdana Menteri, cadangan ini telah pun dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi jawapan yang diterima pada masa itu ialah dikatakan setiap calon yang telah diterima oleh pihak berkuasa sesungguhnya boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan. Dan setelah dijalankan beberapa tinjauan, sesungguhnya kenyataan ini benar. Walau bagaimanapun, untuk dijadikan ia sebagai syarat khusus terpaksa kami mengemukakan semula beberapa pandangan untuk diberi sebagai alasan agar ia menjadi satu cadangan yang realistik dan dapat kita sama-sama bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan penjelasan ini...

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi jalan Yang Berhormat, ada dua bangun? Pontian dengan Bera. Mana satu Yang Berhormat? Pontian?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Pontian.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ringkas dan terus kepada perkara yang agak mungkin saya saja yang mungkin terasa kejanggalan dalam usaha nak memartabatkan bahasa ini. Salah satu ialah pendekatan kempen membaca, kalau Yang Berhormat tonton secara dekat kempen membaca yang baru-baru ini dipaparkan di kaca TV kita ialah membaca sewaktu menaiki eskalator memegang buku, membaca sewaktu berjalan di dalam kompleks beli belah. Kita ini, tidakkah Yang Berhormat berada dalam satu suasana masyarakat yang kurang membaca, katanya hanya beberapa muka surat sahaja setahun kita membaca.

Jadi bila kita adakan kempen membaca, dalam satu gambaran seolah-olah kita ini berjalan pun kita nak membaca, menaiki eskalator itu pun kita membaca, seolah-olah macam kita hilang satu pendekatan yang wajar untuk menerapkan usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat kita membaca sehingga mengetepikan soal keselamatan, soal perkara-perkara lain Yang Berhormat. Seolah-olah macam saya tengok kadang-kadang kempen itu, ini mungkin saya sendiri sahaja terasa seolah-olah kita memerli masyarakat kita. Apa pandangan Yang Berhormat tentang kempen menggalakkan membaca yang kita adakan? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan itu. Barangkali pihak yang membuat tajaan iklan tersebut mempunyai pandangan yang terlalu jauh ataupun keterlaluan dalam menyajikan satu-satu adegan dalam pameran ataupun menerusi filem *snippets* yang disajikan itu tetapi bagi mereka yang membaca dalam bas, membaca dalam *train*, membaca dalam kapal terbang, semuanya ini adalah berpatutan. Cuma sekarang setelah diingatkan jika sebenarnya ada kempen itu melanjutkan kepada perbuatan membaca sambil berjalan atau menaiki eskalator, insya-Allah saya akan memperbaiki keadaan itu. Cuma yang menjadi gesaan bagi kita ialah menunjukkan supaya situasi dan suasana membaca itu menyeluruh. Dan saya akui pada tahun 1996 dan pada tahun 2000, keadaannya tidak berubah dari segi bacaan umum yakni tak lebih dari dua buku setahun dibaca oleh warga kita. Dari angka 66,400 responden yang kita buat kaji selidik, itulah yang wujud.

Jadi ada pihak mengatakan kalau begitu sukar sekali bagi kita untuk maju dan mencapai kejayaan, mendapat markah yang tinggi dalam kempen-kempen membaca ini. Kami di kementerian dan juga saya percaya di Kementerian Pelajaran merasakan bahawa jiwa yang perlu kita didik ialah jangan bosan untuk mengajak masyarakat membaca, menggunakan bahasa yang betul dan diteruskan program ini. Kami telah meminta kebenaran dari Kabinet kerajaan kita supaya kempen ini diteruskan sepanjang masa Rancangan Malaysia Kesembilan. Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri. Saya ahli PAS dan wakil rakyat PAS bersetuju dengan pandangan dan cadangan Yang Berhormat Menteri untuk memperkasakan dan mengukuhkan bahasa kebangsaan. Saya ada sedikit pengalaman untuk berkongsi bersama dengan Yang Berhormat Datuk Menteri. Di waktu saya berada di Saudi, di Saudi ini hampir sejuta orang Melayu yang menjadi warganegara Saudi, barangkali lebih. Di mana mereka kita dapati anak-anak mereka dan mereka sendiri begitu fasih dengan bahasa Arab. Begitu juga kalau kita pergi ke Iran, bagaimana di Iran, kesemua warganegara Iran dan orang yang bermastautin di Iran sehingga orang Malaysia yang berada di Tehran mengikut maklumat yang saya terima mereka dapat menguasai bahasa, bahasa Iran dengan baik. Sedangkan bahasa Arab dan bahasa Iran ini bahasa yang payah yang susah di dunia bagi menguasai tapi mereka dapat menguasai dengan baik. Dan mereka bukan setakat menguasai bahasa dengan baik, mereka jadikan bahasa mereka bahasa ilmu.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Soalan?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya nak sokong Menteri. Sekarang ini di Iran misalnya... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Memperkayakan atom di Iran, mereka belajar dengan bahasa Iran, tidak belajar dengan bahasa Inggeris. Bahasa Iran, bahasa Inggeris dijadikan satu mata pelajaran...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, janglah panjang sangat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi, Yang Berhormat Menteri, apakah pandangan Yang Berhormat? Apakah kita mesti mulakan daripada atas ataupun kita mesti mulakan daripada bawah di negara kita sekarang ini? Kita hendak mulakan daripada atas ataupun kita hendak mula daripada bawah, daripada sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan kerana penyampaian bahasa ini mesti berlaku dari peringkat bawah ataupun kita hendak mulakan kedua-duanya sekali. Saya minta supaya dapat Yang Berhormat Menteri bagi satu penegasan kepada Dewan ini, sekurang-kurangnya bagi mengukuhkan lagi bahasa kita yang kita cintai ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana kesungguhannya untuk meningkatkan bahasa kita.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bera bangun. Hendak bagi jalan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh sekali?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Boleh sekalilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bera, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat daripada dulu lagi kempen bahasa Melayu telah pun dijalankan tetapi kesannya kita tidak berjaya. Kemudian arahan dikeluarkan supaya semua papan tanda di kedai, *billboard*, papan iklan menggunakan bahasa Melayu. Mereka ikut sekejap, akhirnya pada hari ini tidak lagi. Apabila kita tanya pihak perbandaran dan sebagainya, jawapannya ialah tiada kuasa perundangan. Yang ada adalah kuasa menasihati. Kita dapat jelas bahawa kuasa menasihati tidak akan berjaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dimestikan penggunaannya.

Jadi soalan saya, kerana saya, kerana kita sedar bahawa kalau tiada kuasa perundangan, kita tidak akan berjaya. Adakah pihak kementerian ingin mencadangkan supaya diadakan perundangan khusus, akta khusus untuk memastikan bahawa penggunaan biasa dimestikan di dalam soal *billboard*, di dalam soal papan tanda, di dalam soal drama dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera, terima kasih sekali lagi Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua, menyusul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bera, seolah-olah kita bertemu pandangan petang ini dan juga bertemu cakap.

Maksud saya ialah secara kebetulan kami dari kementerian telah pun mengemukakan cadangan ini kepada Kabinet supaya Akta Dewan Bahasa dan Pustaka dipinda sama ada seksyen 12 atau seksyen yang berkaitan dengan penguatkuasaan membetulkan bahasa atau penggunaan bahasa yang salah atau bahasa salah bila-bila didapati bahawa sesuatu itu tidak diguna dengan betul.

Cadangan ini terkandung dalam kertas Kabinet yang sempat saya sebut sebentar tadi, insya-Allah kami akan bangkitkan secara yang bersistem dengan penjelasan yang cukup kukuh kenapa dan bagaimana kita harus ada penguatkuasaan membetulkan bahasa yang salah guna atau sengaja tidak digunakan dengan betul dalam mana-mana penjurusan pentadbiran kerajaan termasuk papan-papan tanda ataupun penggunaan menerusi televisyen, radio dan lain-lain. Sama-samalah kita tunggu agar cadangan murni ini menjadi kenyataan.

Kedua ialah tentang pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Mas sama ada kita hendak mula dari atas atau bawah dari segi menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan kita secara menyeluruh dan menerusi pembudayaan yang berkesan. Sebaik-baiknya kita gunakan kedua-dua penjuror ataupun penegasan pendekatan yang memberi kesan positif kepada penggunaan bahasa dan penyeluruhan pembudayaan bahasa. Dengan lain perkataan, jawatankuasa ataupun kumpulan-kumpulan yang bertenaga membentuk dasar harus berbahasa kebangsaan secara rasmi dalam semua mesyuaratnya, seboleh-bolehnya dengan perasaan yang sedar demi kepentingan bahasa kita...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Ketiga ialah penjurusan pembelajaran dan penjurusan pembudayaan menerusi penulisan, menerusi hubungan-hubungan lisan dan juga pengiklanan dalam media...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga orang yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Dengan lain perkataan, kedua-dua penjurusan ini harus kita satukan supaya mencapai matlamat bahasa kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mana satu, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana satu Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, penjelasan. Yang merah saga, yang kurik kundi, yang indah bahasa, yang baik budi. Yang Berhormat, saya pernah bangkitkan kepada Yang Berhormat mengenai papan tanda. Di dalam tempoh lebih satu dekad, saya bangkit entah berapa kali di dalam Dewan ini dan juga di Dewan Undangan Negeri Selangor, di seluruh negara kita nampak 'pesiaran' untuk jalan, untuk *drive*, 'pesiaran'. Ini kita bukan ada bas persiaran. Kita ada jalan. Ini tidak ada "R" tetapi di seluruh negara termasuk di Putrajaya, itulah ejaan yang digunakan. Ini secara rasmi. Kita mesti memastikan di mana-mana sahaja kalau bahasa itu digunakan secara rasmi, ia mesti dieja dan dibuat dengan secara standard. Itulah hasrat kita tetapi bertahun-tahun hal ini bangkit tetapi mungkin penguatkuasaan tidak dapat diadakan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung..., satu minit sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap tahniahlah kepada kementerian kerana usaha yang berani untuk memperkasakan kembali bahasa kebangsaan, bahasa Melayu kita. Saya cadangkan supaya usaha ini dimulakan di Putrajaya dengan menukar nama-nama jalan di Putrajaya yang agak berbau bukan Melayu, bukan berbau Malaysia, tukar kepada nama-nama yang berbau Malaysia seperti nama-nama pahlawan silam seperti Tok Janggut kah, Mat Kilau kah dan dalam masa yang sama juga saya menyarankan kepada kementerian supaya berunding dengan Kementerian Pelajaran supaya dikaji semula pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sebab kita lihat program ini yang bermula pada tahun 2002 banyak menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar kita, khususnya di luar bandar. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Pandangan...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan..., jawab dahulu?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba jawab yang dua ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum bagi jalan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Sebab nanti kalau terlampau ramai sekali gus, jawapannya itu tidak terpusat. Pertama tentang pandangan Yang Berhormat bagi Kepong, saya setuju bahawa soal penguatkuasaan adalah soal yang sangat integral dan penting dalam kita untuk membetulkan pembudayaan bahasa dan juga penjurusannya kepada penggunaan. Justeru, papan-papan tanda termasuklah yang memasukkan perkataan seperti lorong *Touch 'n Go*, kita boleh betulkan.

Oleh kerana tiadanya penguatkuasaan tadi, maka tidak ada satu pihak yang boleh membetulkannya dengan penguatkuasaan undang-undang. Sebab itu Akta Dewan Bahasa tadi, saya maklumkan sedang dicadangkan, dipinda sedikit agar badan tersebut berkuasa membetulkannya dan jika tidak dibetulkan, maka kuat kuasa undang-undang boleh kita teruskan. Insya-Allah kita tunggu pembinaan yang baru atas satu landasan yang boleh memberi nafas dan perjuangan baru.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat bagi Rembau, sebentar tadi saya memang telah sebutkan masalah bahasa ilmu tadi. Jadi sekali gus memang berkaitan dengan masalah pengajarannya serta dengan penggunaannya dalam jurusan hidup sehari-hari. Kita berharap bahawa dasar 2002 itu disetujui terus oleh kementerian kemudian lantaran saya sendiri telah menyuarakan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa jika ini tidak dapat kita lakukan, maka kita terpaksa mencari jalan lain yang tidak berkesan.

Oleh itu, pembelajaran ilmu di sekolah harus menggunakan bahasa kebangsaan, apa sekalipun. Sementelahan lagi pula di sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang jurusan bahasanya Cina, maka ilmu Sains dan *Maths* masih diteruskan dalam bahasa Tionghoa.

Tidak pula menjadi masalah. Jika itu berlaku maka satu pergandingan pembudayaan berlaku maka kita sebagai bangsa Malaysia akan rugi. Tentang jalan-jalan ini saya telah meminta Putrajaya Holdings di Putrajaya membetulkan sebaik mungkin dan secepat mungkin nama-nama yang sungguh menyukarkan pemahaman budaya kita. Misalnya perkataan "*boulevard*". Ini perkataan Perancis, hendak katakan kita berbahasa Perancis pun tidak, hendak katakan Inggeris pun tidak.

Jadi kami telah cadangkan supaya "*boulevard*" itu ditukar kepada lebuhraya atau jalan besar Putrajaya. Pilihlah yang mana satu. Apabila itu dilakukan kami dapati banyak lagi istilah yang sudah pun digunakan di kawasan itu yang tidak wajar saya sebut di sini satu persatu, misalnya "*Precint*". Perkataan kita kawasan boleh dipakai ataupun lokaliti tidaklah teruk sangat.

Jadi Putrajaya Holdings sedang menjalankan tugasnya memperbaiki keadaan ini.

Dan dari segi warisan pula kita perlu mempunyai latar belakang sejarah Malaysia yang kukuh dan ini sebaiknya dicerminkan menerusi nama-nama bandar, nama-nama taman, nama-nama jalan, lorong dan sebagainya. Malah kami juga telah menyarankan di beberapa mesyuarat yang bersama dihadiri bahawa terlalu banyak nama bunga di tanah air ada. Terlampau banyak nama-nama handal orang-orang yang berjasa termasuk latar belakang alam yang boleh kita gunakan.

*Pisau raut si bongkok hulu,
Bentang tilam tengah halaman,
Pasir dan laut jadi guru,
Alam terbentang jadi pedoman.*

Kata orang tua boleh kita gunakan. Jadi berilah kami masa supaya di Putrajaya dan juga di semua taman dapat kita perbaiki keadaan kemalaysiaan kita, insya-Allah...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tidak dapat dinafikan bahawa memperkasakan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan kita itu saya ingat kebanyakan majoriti orang Malaysia setuju tetapi dalam dunia realiti hakikatnya, Malaysia ini bukan sebuah negara yang boleh duduk bersama sendiri sahaja, tidak ada hubungan dengan dunia luar dan bidang-bidang yang penting seperti ekonomi dan sebagainya juga bergantung kepada negara-negara lain.

Maka saya hendak dapat sedikit penjelasan, apakah tindakan keseimbangan daripada pihak kementerian supaya kita pada masa yang sama kita boleh memperkasakan bahasa Malaysia di Malaysia ini dan bahasa-bahasa lain yang penting seperti bahasa Inggeris yang menjadi bahasa ilmu dan bahasa yang penting untuk kita berhubung dengan negara-negara luar dan supaya daya saing negara kita tidak akan dikurangkan kerana kita ada *handicap*, dengan izin, dari segi bahasa.

Sebagai contoh, di 70an dan 60an ramai orang Malaysia dapat membentang ataupun memberikan kertas kerja atau kertas putih di *United Nations* kerana penguasaan bahasa Inggeris pada masa itu adalah sangat baik dan juga ada standard yang tinggi tetapi pada masa ini jarang kita tengok apa-apa kertas atau pembentangan kertas yang penting di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu daripada orang Malaysia dan salah satu sebabnya ialah kerana mutu ataupun standard bahasa Inggeris kita ini telah turun dan saya hendak tahu apakah rancangan jangka panjang strategi keseimbangan *balance act* ini. Dalam masa yang sama kita mesti memperkukuhkan ataupun memperkasakan bahasa kita tetapi pada masa yang sama kita tidak akan rugi kerana penguasaan bahasa-bahasa yang penting dalam dunia ini dikurangkan. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat sendiri sudah jawab soalan itu iaitu apabila kita berkata bahawa bahasa kebangsaan yakni bahasa Malaysia harus kita teruskan proses perkasanya bukan bermakna kita hendak menyetepikan penggunaan bahasa Inggeris di arena antarabangsa atau dalam proses pencedokan ilmu.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang kita hendak selaraskan ialah penegasan kedua-dua bahasa ini harus berjalan setimpal dan tidak di perkecilkan pihak yang lain. Apa yang berlaku sekarang ialah kita begitu taksud dalam penggunaan bahasa Inggeris sehingga kita lupa kebudayaan bahasa kita sendiri. Komunikasi kita sudah terjejas, imej kita sudah terjejas. Hendak dikatakan kita begitu pakar dalam bahasa Inggeris pun tidak, hendak dikatakan kita tidak menggunakan bahasa kebangsaan pun tidak. Jadi kita tidak ada satu mercu tanda yang diasaskan dan ditegaskan supaya kita amalkan bersama.

Jadi pandangan kami dari kementerian ialah supaya kedua-dua bahasa ini diselaraskan penggunaannya dan taraf bahasa kebangsaan kita jangan sekali-kali diletakkan di lorong kedua dan kita teruskan dengan pembudayaannya pada masa yang sama kita kelaskan warga kita yang berkebolehan berkomunikasi dalam bukan sahaja bahasa Inggeris tetapi juga dalam pelbagai bahasa di dunia.

Jadi rumusan bahawa bahasa kebangsaan perlu mendapat sokongan politik kita atau dengan tenaga pemikiran politik kita amatlah penting. Sebab itu saya sekali gus merayu kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang cintakan negara kita. Jika kita berperasaan sedemikian yakni cintakan negara ia juga bermakna kita perlu menegaskan keutamaan bahasa kebangsaan kita. Dalam program-program yang kami susun nanti bersama-sama dengan Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran, kementerian-kementerian lain, kita pohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat turut serta dan menyuarakan kembali betapa pentingnya kejituan bahasa sebagai alat menyatupadukan bangsa Malaysia...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Di samping itu membolehkan kita berada di tahap yang tertinggi dari segi pembudayaannya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya selepas ini....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kementerian ini sekarang telah menerima satu semangat dan daya yang baru. Tahniah kepada Menteri. Saya hendak merayu dalam satu aspek ini Yang Berhormat Menteri dalam kita memperkasakan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui akta yang baru mungkin saya sentiasa risau terhadap bahan bacaan yang ada di dalam pasaran sekarang.

Jadi kalau boleh saya hendak menggunakan istilah supaya boleh ataupun tidak Dewan Bahasa membanjiri bahan bacaan yang ada di pasaran itu, yang ada di kedai-kedai itu dengan bahan bernilai ilmu kerana apa yang kita dapat sekarang ini sebenarnya bahan-bahan bacaan itu sebenarnya lebih menjurus kepada hiburan dan komersial yang tidak ada langsung bernilai ilmu dan ini telah mempengaruhi *mind set*, dengan izin, para belia kita daripada membaca bahan-bahan yang bernilai. Jadi sebenarnya saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri kalau boleh melalui kementerian ini siapakah sebenarnya yang mengawal bahan-bahan bacaan ini yang menapis bahan-bahan bacaan ini dan akhirnya siapakah yang menguatkuasakan supaya bahan-bahan bacaan ini dapat ditapis daripada bacaan awam. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Persoalan ini pernah dikemukakan pada sesi Dewan rakyat yang dahulu tetapi oleh kerana kita telah barangkali ditinggalkan suasana dan keadaan kita telah alpa beberapa kandungannya.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan kembali dari segi realiti tentang bahan-bahan bacaan. Pertama, seperti yang saya sebutkan tadi sekiranya bahan bacaan ini tidak terasas kepada keperluan utiliti atau kepenggunaannya, maka pihak berkenaan tidak akan membeli ataupun menggunakan bahan bacaan itu selagi kita tidak tegaskan bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa ilmu yang boleh kita gunakan dalam semua jurusan kehidupan kita.

Setelah menyatakan itu, bahan-bahan bacaan yang diterjemahkan oleh Dewan Bahasa adalah mengikut keperluan masyarakat tetapi jika keperluan masyarakat adalah terbahagi kepada beberapa petak dan jurusan termasuk yang digunakan menerusi bahasa Inggeris, maka keperluannya untuk mengeluarkan bahan yang lebih menerusi terjemahan atau buku-buku ilmu yang bertambah, tidak ada.

Lantaran itulah maka kita harus bangkit semula dan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu bersama-sama dengan bahasa Inggeris dan mempopularkan jurusan-jurusan kepenggunaan bahasa itu menerusi akhbar, bahasanya menerusi majalah serta penerbitan-penerbitan yang lain. Dari situ harus kita lihat bahawa kegiatan untuk menterjemahkan sesuatu buku dari bahasa lain kepada Bahasa Kebangsaan mesti terasas kepada keperluan dan jika keperluan ini kita letakkan pada dasar dahulu, maka ia akan berjaya.

Oleh yang demikian, penggembleran pemikiran kita ke arah penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam penerbitan dan juga ilmu yang terkandung dalam buku-buku yang kita terbitkan perlulah mendapat perhatian kita bersama. Insya-Allah, Kementerian ini bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran akan menugaskan khidmat kita ke arah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi secara ringkas kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu, yakni tentang semangat masyarakat khususnya golongan belia supaya kembali kepada hidup berbudaya dan bagaimana Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan harus memainkan peranan.

Secara ringkas, izinkan saya menyatakan iaitu pelbagai strategi bagi menggalakkan golongan remaja menghayati dan meminati seni dan budaya warisan bangsa perlu kita laksanakan terus-menerus tanpa kebosanan ataupun tanpa mencari dalih untuk tidak berbuat sedemikian. Oleh itu, kita ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat melihat kepada program-program berikut:

- (i) program merakyatkan seni dan budaya;
- (ii) program pengembangan kesenian;
- (iii) program pengembangan budaya menerusi bahasa, kegiatan-kegiatan persuratan dan sebagainya;
- (iv) program pengukuhan seni dan budaya di perenggan-perenggan jabatan kerajaan, di kampung-kampung, di kampung baru dan juga pembudayaan bahasa, kebudayaan dan seni keseluruhannya;
- (v) program penyelidikan dan pemuliharaan seni budaya; dan
- (vi) program penerbitan dan pengedaran bahan-bahan seni dan juga latihan yang harus kita laksanakan bersama menerusi jabatan-jabatan yang berkaitan dan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, program pemasaran dan perhubungan seni budaya juga merupakan salah satu cabang yang perlu kita beri penegasan dan peruntukan yang secukupnya. Alhamdulillah pada minggu ini, kerajaan kita telah meluluskan satu program yang bernama, "Penajaan Seni Budaya". Dan dalam skim ini adalah diharapkan sebanyak tidak kurang dari 1000 sekolah akan kita daya usahakan agar mereka mendapat latihan dan juga penglibatan dalam pelbagai kegiatan seni budaya di tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penggulangan dari Kementerian Kebudayaan...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: ...Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan....

Tuan Yang di-Pertua: Dah habis dah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Semoga persoalan-persoalan yang dibangkitkan....

Tuan Yang di-Pertua: Ada apa lagi?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: ...Telah dapat menjurus kepada hakiki yang dikemukakan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ada sikit lagi Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Insya-Allah.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya tertarik bila disebut belia tadi dan kementerian KeKKWa ini mengenai dengan budi bahasa budaya kita ini. Terdahulu kita lihat banyak Kempen Budi Bahasa ini didedahkan di kaca-kaca TV, tetapi sekarang ini amat kurang. Dan kita tahu belia-belia kita ini kurang manis dari segi pertuturan, percakapan lebih-lebih lagilah di pejabat-pejabat, institusi-institusi.

Jadi kita harap supaya pihak KeKKWa ini dapat membanyakkan lagi Kempen-kempen Budi Bahasa yang lebih menerapkan dari nilai bahasa itu sendiri. Seperti mana kita pergi ke negara-negara yang maju umpamanya di *Europe*. Bila kita lihat dari segi tingkah laku mereka ini amat kagum sekali, dan amat baik sekali. Jadi apakah pihak kementerian tidak akan adakan kempen-kempen ataupun acara-acara lain supaya belia-belia ini dapat melihat dari segi perkembangan yang begitu ketara di negara-negara maju supaya kita boleh menjadi contoh sebagai satu negara Malaysia yang boleh membawa...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat. Cukup, cukuplah.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: ...Contoh yang lebih baik. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkas, izinkan saya mengulas pertama, kempen Budi Bahasa Budaya Kita akan berterusan sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam penggesaan supaya modal insan ini diberi satu penunjang yang kuat dan juga penerusan kempen yang kukuh telah memberi galakan yang tinggi sekali dan bukan sahaja menerusi kementerian ini, tetapi juga terus kepada Kementerian Belia dan Sukan. Kepada Kementerian Pelajaran, kepada Kementerian Penerangan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi-agensi yang lain. Kerajaan telah memperuntukkan tidak kurang dari RM14 juta setahun bagi menjayakan kempen ini.

Jika Yang Berhormat mendapati bahawa penonjolannya di kaca TV tidak mencukupi, saya harap bersabar iaitu mulai bulan Januari nanti, satu segmen baru akan kita serlahkan dan kita juga akan meminta televisyen swasta mengambil peranan yang sama. Di samping itu, semua akhbar telah kita minta supaya mesej-mesej budi bahasa ini diselitkan dalam muka-muka dalaman ataupun muka hadapan akhbar mereka. Di samping itu, iklan-iklan akan naik dan juga mesej-mesej atau pesanan-pesanan berkaitan dengan budi bahasa serta kehalusan budi itu akan dapat kita lihat.

Selanjutannya, di Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini, kami telah mengadakan usaha sama di mana satu penyelidikan khusus dibuat bagaimana kita perlu meningkatkan kesedaran di kalangan belia-belia dan juga di kalangan ibu-bapa agar penjurusan budi ini dapat kita terapkan dalam kehidupan. Insya-Allah program-program ini akan lebih terserlah lagi, manakala pewujudannya dimulakan semula dengan keterampilan yang baru khususnya pada bulan Januari 2007. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjawab.

5.47 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian.

Sesungguhnya, kementerian menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam mencadangkan supaya Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat atau ringkasnya MAYANG ditingkatkan fungsi dan peranannya seperti Majlis Tindakan Pembangunan Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpendapat perjumpaan MAYANG ini perlu diadakan sekerap mungkin, secara berkala dan berterusan bagi tujuan memantapkan fungsi dalam merancang dan melaksanakan program serta aktiviti MAYANG. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor pula mencadangkan supaya MAYANG dibenarkan untuk menubuhkan atau mewujudkan dananya sendiri yang melibatkan pihak swasta bagi turut bertanggungjawab dalam soal kebajikan, sekali gus menyumbang kepada tabung ini untuk membantu kumpulan sasar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif penubuhan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat kawasan Parlimen atau MAYANG adalah sebagai usaha kerajaan untuk menggembelng semua pihak di peringkat akar umbi khususnya masyarakat setempat dalam satu *reaching out to the community* dengan izin, dalam usaha menangani isu-isu berkaitan kebajikan dan pembangunan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan MAYANG ini akan mempertingkatkan lagi jaringan kerja *networking* sektor-sektor yang bertanggungjawab dalam urusan kerja-kerja kemasyarakatan termasuk kerajaan, NGO, pihak swasta, sektor korporat dan orang perseorangan selaras dengan konsep kebajikan tanggungjawab bersama. Konsep perkongsian bijak boleh diamalkan oleh MAYANG dalam menentukan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta, sektor korporat, NGO dan orang perseorangan bagi tujuan untuk memberikan perkhidmatan kepada anggota masyarakat yang lebih memerlukan.

Oleh yang demikian, mewujudkan tabung bagi menjana dana MAYANG merupakan salah satu tindakan yang boleh membantu MAYANG dalam memberikan perkhidmatan dan melaksanakan program dan aktiviti dengan lebih berkesan. Selain daripada mendapat peruntukan daripada pihak kerajaan. Salah satu fungsi MAYANG yang telah digariskan ialah membantu menggembelng NGO, pertubuhan sukarela, kebajikan sektor swasta dan korporat untuk bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri dan daerah bagi menjayakan program dan aktiviti yang telah dikenal pasti. Melalui MAYANG semua program dan aktiviti di peringkat akar umbi dapat digerakkan secara bersepadu bagi menangani isu-isu berkaitan kebajikan dan pembangunan masyarakat di peringkat yang lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya penubuhan MAYANG adalah satu langkah memantapkan jaringan kerja di pelbagai sektor dan disiplin kerja di peringkat akar umbi untuk menangani isu-isu berkaitan kebajikan dan pembangunan masyarakat secara bersepadu dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian mewujudkan sukarelawan-sukarelawan melalui MAYANG yang dapat membantu di peringkat akar umbi terutama semasa bencana seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah diambil maklum. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan tadi MAYANG adalah lebih kepada mewujudkan jaringan kerja dan fungsi inilah yang harus disegerakan bagi menjayakan program dan aktiviti MAYANG.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyambut baik saranan Yang Berhormat bagi Lipis supaya dana RM302 juta yang diperuntukkan bagi meringankan beban mereka yang kurang bernasib baik seperti OKU, mangsa bencana, golongan miskin, warga tua dan anak yatim dibuat pembahagian peruntukan secara sama rata sampai ke golongan sasaran. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memastikan pembahagian peruntukan diagihkan secara adil dan saksama. Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut mengambil maklum bahawa pandangan Yang Berhormat bagi Lipis mengenai elaun bulanan kepada kanak-kanak OKU yang masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan kanak-kanak tersebut walaupun telah dinaikkan daripada RM25 sebulan kepada RM50 sebulan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kementerian memperoleh peruntukan sebanyak RM730,939,500 untuk Bajet 2007. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM302 juta telah diperuntukkan kepada JKM bagi pemberian bantuan wang saku dan pemberian geran kepada NGO-NGO. Sejumlah RM214,396,180 diperuntukkan bagi tujuan pemberian bantuan kewangan kepada kumpulan sasaran yang memerlukannya. Jumlah tersebut akan diagihkan mengikut skim bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua, elaun pekerja cacat, bantuan am, bantuan alat tiruan, geran pelancaran, bantuan mangsa bencana, bantuan sekolah, bantuan cermin mata, bantuan anak pelihara dan latihan *apprentice*. Bantuan elaun khas pelajar OKU telah mula disediakan pada bajet tahun 2004-2005 dan bagi tahun 2007 telah dinaikkan seratus peratus daripada RM25 kepada RM50 untuk kanak-kanak OKU...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi saya, saya menyambut baik segala bantuan dan elaun yang disampaikan kepada OKU tetapi saya hendak tanya, apakah pihak kementerian mempunyai rancangan dan koordinasi dan kerjasama dengan kementerian yang lain bagi memastikan bahawa kemudahan-kemudahan terutamanya bangunan-bangunan kerajaan ada disediakan kepada golongan OKU, perkara satu. Dan juga penguatkuasaan undang-undang, ada undang-undang peraturan akta bangunan memastikan bahawa fasiliti kemudahan untuk OKU mesti disediakan. Kita nampak ada banyak bangunan swasta tidak menjalankannya, mengikutinya.

Dan perkara kedua ialah apakah rancangan sedia ada oleh pihak kementerian memastikan golongan OKU ini boleh diterima dan mereka boleh berdikari dan tidak dihina, dipandang rendah kerana kecacatan mereka dan ini mestilah dimulai dalam Dewan yang mulia ini. Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri terhadap Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor semalam patut dikutuk oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, dalam aspek ini apakah yang akan dibuat oleh pihak kementerian? Saya percaya OKU, ramai mereka bukan suka hanya tunggu menerima bantuan-bantuan kewangan. Tetapi mereka ramai yang mahu berdikari. Jadi saya pohon penjelasan dalam aspek ini.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga tidak kekurangan rancangan atau keikhlasan untuk membantu orang kurang upaya tetapi bantuan ini kita selalu pasti sampai kepada orang kurang upaya dan cadangan mengenai pembinaan jalan dan bangunan-bangunan yang lebih memberi kesan kepada orang kurang upaya atau jadi lebih *friendly* kepada orang kurang upaya dengan izin, perlu kerjasama majlis pihak berkuasa tempatan dan lain-lain pihak. Kementerian saya melalui beberapa jawatankuasa dan melalui persatuan-persatuan yang membantu orang kurang upaya sentiasa berdialog dengan pelbagai pihak untuk melicinkan masalah-masalah ini dan saya harap kita akan dalam masa yang singkat membuat rancangan untuk pastikan semua ini akan diwajibkan oleh pihak-pihak yang tertentu, untuk pastikan orang kurang upaya tidak ada apa-apa halangan dalam perjuangan mereka untuk berdikari.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang sangat mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada kementerian ini yang sentiasa mempertingkatkan perkhidmatan. Ini nilai tambah. Dan kita sebagai wakil rakyat, Ahli Parlimen, memang sentiasa bersedia untuk membantu. Dalam konteks ini, saya juga mengalu-alukan pada dasarnya persetujuan kementerian ini supaya organisasi bukan kerajaan ini khususnya korporat ini dapat turut sama, sama ada bekerjasama dalam konteks program dan aktiviti ataupun mengisi tabung. Hanya saya lihat kalau kumpulan syarikat dan korporat ini tidak mendapat satu surat pengiktirafan daripada kementerian, maka mereka memang tidak begitu responsif atau maknanya mengambil tindakan terhadap rancangan. Oleh sebab itu saya menyarankan kepada pihak kementerian supaya dikenal pasti syarikat ataupun korporat yang di dalam kawasan-kawasan tertentu supaya diberikan satu bentuk surat pengetahuan supaya memberikan kerjasama.

Akan tetapi yang lebih penting Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah saya sangat bimbang tentang ibu bapa sekarang ini yang membiarkan anak mereka ini, ataupun tidak begitu peduli dengan anak mereka dan akhirnya anak ini sama ada lari ataupun dalam konteks mereka dalam pendidikan pelajaran, mereka ponteng dan tidak bersekolah akhirnya begitu ramai sekali. Oleh kerana itu saya menyarankan supaya kementerian mewujudkan satu peruntukan dana untuk satu kajian tindakan diambil mengikut kawasan dan dana kajian tindakan ini bolehlah disalurkan melalui Jabatan Kebajikan ataupun terus kepada Ahli Parlimen, apa pandangan Yang Berhormat supaya agenda bertindak dapat disegerakan, terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Saranan dan cadangan Yang Berhormat dari Sabak Bernam ialah baik dan kita perlu seperti yang saya sebut dalam jawapan saya kerjasama dari pihak swasta, pihak NGO dan pihak-pihak tertentu untuk pasti bahawa kebajikan jadi tanggungjawab bersama.

Dan kementerian akan mengambil perhatian semua cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sabak Bernam dan akan berusaha untuk merealisasikan hasrat Yang Berhormat untuk menjadikan kebajikan ini satu cara tanggungjawab bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sekijang telah mencadangkan supaya agihan peruntukan kepada kanak-kanak OKU sebanyak RM50 sebulan yang berada di pusat pemulihan dalam komuniti, PDK turut diberi kepada mereka yang tidak berada di dalam PDK tetapi di dalam pusat swasta yang berdaftar dengan kementerian memandangkan tidak semua ibu bapa dapat menghantar anak-anak mereka ke PDK memandangkan lokasi dan pusat PDK yang terhad. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kementerian sentiasa menjalankan usaha yang berterusan bagi meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga Orang Kurang Upaya yang menjalani latihan pemulihan di pusat pemulihan dalam komuniti. Langkah menaikkan kadar sebanyak 100% elaun khas kepada kanak-kanak OKU di PDK dibuat kerana kerajaan begitu prihatin dengan kebajikan hal ehwal kesejahteraan masyarakat yang berpendapatan rendah.

Kerajaan berpendapat dengan kenaikan elaun tersebut ia akan dapat membantu meringankan beban kewangan ibu bapa, penjaga, kanak-kanak OKU terutama keluarga yang berpendapatan rendah sekali gus membantu mengatasi masalah pengangkutan yang membelenggu keluarga dalam usaha menghantar kanak-kanak OKU ke PDK. Peningkatan kadar ini dibuat seiring dengan perubahan semasa di mana kementerian merasakan ia perlu sebagai galakan kepada ibu bapa, penjaga menghantar lebih ramai kanak-kanak OKU mengikuti program PDK.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Kerajaan telah mengagihkan sebanyak RM2,207,700 untuk bantuan dan elaun khas. Ia juga turut dinikmati oleh OKU di sekolah khas harian anjuran pertubuhan sukarela kebajikan yang menerima *grant* JKM yang keseluruhannya berjumlah RM1,254,600 cadangan Yang Berhormat bagi Sekijang agar elaun tersebut turut diberikan kepada kanak-kanak OKU di pusat pemulihan swasta akan dipertimbangkan oleh kementerian. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, jumlah RM50 tentunya masih dianggap kecil dan kementerian turut mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat bagi Lipis agar peruntukan ini akan ditambah di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit mencadangkan supaya disediakan kemudahan pengangkutan kepada ibu bapa yang tidak mempunyai kenderaan untuk menghantar anak-anak mereka ke PDK. Mengenai perkara ini kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat di mana adalah mustahil bagi kerajaan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan untuk semua OKU. Oleh yang demikian kementerian berharap dengan kenaikan elaun sedikit sebanyak dapat membantu mengatasi masalah pengangkutan yang dihadapi bagi menghantar kanak-kanak OKU ke PDK. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, program PDK ini memerlukan serta melibatkan kerjasama di kalangan masyarakat setempat keseluruhannya memandangkan terdapat beberapa PDK yang mempunyai kenderaan sendiri hasil dari usaha gigih ahli Jawatankuasa PDK itu sendiri sama ada melalui jalinan kerjasama strategik mahupun melalui sumbangan sektor korporat demi kepentingan pembangunan komuniti setempat maka masalah pengangkutan ini tidaklah begitu membebakan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bintulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi kita Timbalan Menteri ada soal peruntukan-peruntukan semua, saya ini hendak sentuh sedikit mengenai peruntukan untuk kecemasan, terutama sekali atas kebakaran. Sekarang masalah di kawasan saya, minggu yang lepas satu rumah panjang, Rumah Meramat kerana terbakar pagi pukul 3, kita sudah memohon kepada Jabatan Kebajikan. Jabatan Kebajikan datang ke rumah panjang, pagi kita beritahu pukul 8, saya diberitahu Hanafiah daripada rumah panjang ataupun rakyat dari rumah panjang pergi ke pejabat dan pejabat setakat pukul 9 baru bukak. Saya tidak tahu, jabatan sepatutnya buka pukul 8 ataupun pukul 9. Sudah beritahu pegawai kata kita tidak cukup kakitangan, banyak kerja lagi sampai petang baru sampai rumah panjang, minta maklumat semua bagi *immediate assistance*, bantuan kecemasan.

Bukan *immediate* bagi, hari kedua baru bagi, baru bagi makanan tetapi perkakas untuk masak punya semua tidak beri, dua hari ialah *after two days* baru dia bagi.

Masalahnya di sini pegawai kata dia tidak ada kuasa, mesti mahu minta kelulusan, dia kata ini arahan mahu ikut arahan 20. Ini arahan 20, daripada MKM ini Majlis Kebajikan Negara. Dia kata arahan mesti mahu dapat kelulusan mesti mahu ikut arahan itu mesti dapat kelulusan baru boleh keluar bantuan. Saya mahu tanya di sini, masalahnya itu malang, itu orang tidak ada tempat tinggal pun, kita Jabatan Kebajikan langsung tidak bantu *relocate* ini orang duduk mana, tidak ada, satu.

Yang kedua makan dia tidak peduli, dia matikah itu dia tidak peduli. Budak-budak susunya tidak ada. Tadi malam tidur pun tidak ada tempat, mereka berdiri di bawah pokok, berdiri di sana, rakyat duduk di sana, kita duduk sahaja sebab hujan kuat malam itu. Budak tidur bawah, macam itu rumah serupa orang Perak, macam ayam punya rumah, mereka tidur bawah, air naik, orang mahu angkat budak-budak tangan juga sampai pagi.

Tadi kita cerita di sini peruntukan-peruntukan ini. Ini peruntukan kecemasan semua mana pergi? Apa cerita ini, *you* punya pegawai punya cerita arahan 20 ini ataupun 202,000 ini. Hendak tunggu arahan ini habis rakyat pun sudah mati semualah. Kenapa bukan *immediate assistance* itu rumah terbakar pun tidak payah pergi minta maklumat dahulu. Kita sudah beritahu itu ada 50 buah keluarga, itu rumah panjang. Bawalah dahulu, itu *immediate assistance* dahulu bagi, tidak payah pergi dahulu semua, pegawai ini saya difahamkan pegawai ini pun baru, kenapa jawatan ini ataupun kementerian hantar pegawai ini tidak melalui *training* dia, semua sudah buat...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik Yang Berhormat. Nanti Timbalan Menteri beri penjelasan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Satu lagi, sampai hari ini budak-budak sekolah punya kemudahan asas belum bagi lagi. Dia kata mesti tunggu kelulusan, jadi saya nak minta kementerian ini bagi jelas teruslah, saya punya budak-budak sekarang macam mana nak pergi sekolah? Suruh mereka semua telanjang pergi sekolah kah? Ataupun suruh mereka tidur dalam rumah tidak payah pergi sekolah, tunggu kita punya kelulusan? Silakan, minta penjelasan.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, saya sedih mendengar apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu dan kita akan mengambil tindakan yang sesuai terhadap apa yang berlaku jika kesalahan berlaku di situ. Dan yang penting saya suka sebut di sini, saya perlu kaji bahawa masalah ini masalah kebajikan negeri ke atau kementerian ke, satu?

Dan lagi satu, yang penting Semenanjung, di mana berlaku kebakaran atau bencana, Jabatan Kebajikan Masyarakat turun dengan serta merta memberi semua bantuan, makanan tujuh hari, kain, tempat tidur dan lain-lain. Sebab itu saya perlu satu laporan, Yang Berhormat boleh laporkan kepada Menteri ataupun saya, esok pun boleh melalui e-mel, kita akan kaji sungguh-sungguh dan mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini dan juga pasti bahawa masalah ini tidak berulang-ulang.

Itu jaminan yang saya beri dan untuk bantuan segera, tiap-tiap ahli Barisan Nasional, MP Barisan Nasional diberi RM50 ribu. Yang Berhormat boleh turun RM500 untuk mangsa-mangsa kebakaran dengan serta merta. Itu juga saya suka sebut di sini. Dan jika Yang Berhormat memberi saya maklumat terperinci, saya boleh kaji dengan dalam dan pasti bahawa perkara dan masalah ini tidak berulang di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tentang PDK tadi ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap saja ya?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Boleh tak?

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Tentang PDK, terima kasih tadi sumbangan Kementerian berhubung dengan yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen sebanyak RM50 ribu, cukup bermanfaat. Cuma saya hendak sentuh tentang PDK, saya kira PDK ini bukan merupakan pusat di mana kita memelihara anak-anak kita sahaja, bukan *custodian*, tetapi dia memerlukan rawatan, *specialist* kepakaran. Sebab saya lihat sekarang ini tidak ada tenaga-tenaga pakar untuk meraikan, menjaga anak-anak kita ini. Bukan sekadar kita simpan di situ tetapi kita hendak beri sesuatu yang bermakna, proses pemulihan yang harus ada. Dan di sini saya nak mencadangkan kepakaran-kepakaran itu.

Selain daripada itu adalah dari segi *medical care* nya sebab setengah anak-anak yang berada di PDK itu memerlukan rawatan yang spesifik misal kata masalah *down syndrome* dan masalah-masalah yang lain yang saya kira perlu kepada rawatan itu. Saya juga hendak sebut di sini kalau sekiranya korporat-korporat, badan-badan swasta ini harus digalakkan di atas konsep masyarakat penyayang kalau boleh diberi insentif kepada mereka misal kata dari segi *tax* insentif, pengecualian *tax* kepada badan-badan korporat agar mereka itu dapat terlibat secara positif di atas kegiatan-kegiatan PDK itu. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh bagi saya sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir sekali ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bagi jawapan terperinci dan kita akan jalankan satu siasatan, saya ucapkan terima kasih kepada pihak itu. Jadi di sini saya mahu soal, tadi kita sebut mengenai panduan ataupun ini daripada negeri ataupun daripada Persekutuan. Saya fikir kalau boleh....

Tuan Yang di-Pertua: Biar Menteri jawab lah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau boleh masalah ini atas masalah negeri ataupun Persekutuan, saya fikir ini adalah antara masalah kita dan Kerajaan Persekutuan sama kerajaan negeri bolehlah selesaikan. Lepas itu adakan satu cara bagaimana hendak selesai ini masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu Menteri akan siasat.

Datuk G. Palanivel: Ya, masalah ini boleh diselesaikan dan semua pendapat dan buah fikiran oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu akan diterima dan dikaji oleh Kementerian, dan sebab ini juga kita menubuhkan MAYANG. MAYANG boleh menjadi satu organisasi atau satu badan proaktif di kawasan di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat bagi Sekijang mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu pusat khas yang menyediakan pakar-pakar khusus untuk kanak-kanak yang terlibat dengan *autism* dalam usaha memulihkan mereka kerana jumlah mereka yang mempunyai masalah *autism* semakin meningkat. Keperluan kanak-kanak kurang upaya bermasalah pembelajaran seperti *autism* tidak dipandang ringan oleh kerajaan.

Persatuan Kebangsaan *Autisma* Malaysia telah menubuhkan lima belas buah pusat intervensi dan vokasional yang mana telah memberikan manfaat kepada lebih daripada 350 orang murid *autism*. Memandangkan pusat ini berfungsi memberikan pendidikan dan latihan kepada kanak-kanak *autism*, maka disyorkan ianya diperluaskan lagi di seluruh negeri dan daerah. Ibu bapa atau penjaga yang terlibat boleh mengajukan permohonan perwujudan pusat baru kepada pihak persatuan bagi membolehkan mereka membuat perancangan yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri terdapat perkhidmatan pembangunan orang kurang upaya iaitu program pemulihan dalam komuniti atau PDK, yang bertujuan memberi pemulihan dan pembangunan kepada golongan kurang upaya dalam komuniti setempat. Program ini telah memberikan liputan perkhidmatan yang menyeluruh dan lebih luas di seluruh negara. Sehingga kini terdapat 313 buah PDK yang mana telah meliputi seluruh daerah, bahagian, jajahan. Kewujudan PDK ini telah memberi peluang kepada kanak-kanak kurang upaya untuk terus berada bersama keluarga dan mendapat pendidikan dalam persekitaran mereka yang sedia ada. Sejumlah 8,453 kanak-kanak kurang upaya telah menerima faedah daripada program ini.

Pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan di PDK telah memberi peluang kepada kanak-kanak kurang upaya untuk meningkatkan kemahiran diri di samping memupuk sikap berdikari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop dan peranan PDK diperluaskan kepada Pusat Khidmat Setempat, *one-stop-center* yang mana meliputi pusat intervensi awal, pusat sumber maklumat, pusat rujukan, pusat pendaftaran dan pusat advokasi. Melalui PDK, *one-stop-center* perkhidmatan kepada OKU akan disediakan di sesuatu tempat bagi memudahkan mereka dan masyarakat setempat mendapatkan maklumat khidmat nasihat kemudahan dan keperluan semasa serta latihan yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Krau telah membangkitkan isu geran tahunan PDK yang mana menurut beliau masih terdapat 44 PDK di seluruh negara termasuk PDK Jengka 19 yang masih belum menerima geran tahunan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, waran peruntukan telah pun dikeluarkan pada 15 September tahun ini kepada semua 51 buah PDK baru. Kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat ibu pejabat akan memantau supaya proses pembayaran dapat disegerakan. Yang Berhormat bagi Kuala Krau bolehlah menghubungi Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang dalam masa terdekat ini sekiranya PDK Jengka 19 masih belum menerima peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor supaya diperbanyakkan juru bahasa isyarat. Kementerian mengambil maklum cadangan tersebut. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kementerian telah pun menjalankan dua kursus bahasa isyarat kepada pegawai kebajikan masyarakat. Kursus pertama untuk pegawai di peringkat ibu pejabat telah diadakan pada bulan Mei tahun ini dan bagi pegawai peringkat negeri dan daerah pada bulan September baru-baru ini.

Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Cacat Pendengaran Malaysia untuk terus menganjurkan kursus bahasa isyarat dan amat mengalu-alukan jika ada pihak yang berminat untuk mengikuti kursus ini. JKM telah mengorak langkah dengan menetapkan pegawai-pegawai kebajikan perlu mengikuti kursus ini. Kementerian turut mengambil maklum dan mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Sungai Petani agar peruntukan kepada Kementerian di tambah memandangkan peruntukan sedia ada masih tidak mencukupi untuk memerangi kemiskinan tegar di peringkat akar umbi.

Namun begitu, Ahli-Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum usaha untuk memerangi kemiskinan tegar di peringkat akar umbi bukanlah hanya terletak di bawah tanggungjawab kementerian sahaja. Ianya melibatkan pelbagai agensi seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan lain-lain agensi yang turut mempunyai peruntukan masing-masing untuk membantu kumpulan sasaran di bawah agensi mereka.

Walau bagaimanapun melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat usaha akan terus diberi kepada pembangunan penerima bantuan melalui peningkatan kemahiran pengusahaan, perniagaan kecil dan aktiviti ekonomi ke arah kehidupan berdikari dan lebih sejahtera. Usaha-usaha yang dijalankan melalui klinik-klinik khidmat penyayang dalam mengesan golongan miskin yang tercicir. Dalam hal ini Jabatan Kebajikan Masyarakat memerlukan kerjasama dan sokongan semua pihak terutamanya Ahli-Ahli Parlimen sendiri dalam usaha menangani masalah kemiskinan di peringkat akar umbi kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Bera mencadangkan agar semua taman asuhan kanak-kanak atau Taska, diletakkan di bawah satu agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat. Memandangkan pada masa ini terdapat pelbagai jenis taska di bawah pelbagai agensi menjadikan pentadbiran tidak seragam dan terdapat pertindihan dari segi fungsi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada dasarnya kerajaan sememangnya telah menetapkan penguatkuasaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) dan Pusat Jagaan di bawah satu jabatan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi pendidikan pra sekolah seperti taman bimbingan kanak-kanak iaitu Tabika, ia di bawah Jabatan Kemas, taman didikan kanak-kanak, Tadika di bawah perkhidmatan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Jabatan Pelajaran Malaysia sementara Tadika Islam di bawah Jabatan Agama Islam. Justeru itu penubuhan taman asuhan kanak-kanak, Taska, minta maaf.

Sebenarnya tidak terdapat pertindihan dari segi fungsi kerana taska mengambil kanak-kanak berusia empat tahun ke bawah untuk diasuh manakala pusat jagaan kanak-kanak adalah pusat bagi menjaga kanak-kanak yang memerlukan penjagaan oleh orang kurang upaya dan sebagainya. Semua pendaftaran bagi taska dan pusat jagaan adalah tertakluk kepada Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993. Kedua-dua akta ini adalah di bawah tanggungjawab kementerian.

Justeru itu penubuhan taman asuhan kanak-kanak, Taska yang mengambil kanak-kanak berumur empat tahun ke bawah tidak kira sama ada dikawal oleh agensi kerajaan atau swasta atau sama ada ianya menggunakan nama taska atau tidak adalah wajib berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah seksyen 4 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak. Cuma pengendali taska itu sahaja yang berbeza sama ada taska itu di rumah yang diusahakan oleh individu taska di tempat kerja yang dikendalikan oleh pihak kerajaan atau swasta, taska di institusi dan taska komuniti yang dikendalikan oleh NGO seperti PDK dan taska penyayang...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bera.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa, yang mana dahulu?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa dahulu Yang Berhormat..., Bera, Pasir Puteh?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bera.

Datuk G. Palanivel: Ha.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya bangkit sebab saya membangkitkan isu itu. Saya bukan kata tidak boleh ke taska lain tetapi kita baru meluluskan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak dan di dalam akta tersebut jelas dengan program-program yang tersusun. Jelas di dalam akta itu perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh semuanya jelas dalam akta tersebut. Bermakna taska di bawah JKM adalah taska yang benar-benar dibuat mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam akta. Dan taska lain tidak tertakluk kepada akta tersebut bermakna kalau taska lain membuat sesuatu yang berbeza yang dianggap bertentangan akta tersebut tidak boleh dikuatkuasakan kepada taska lain. Sebab itu saya katakan oleh kerana taska di bawah JKM merupakan taska yang terbaik kerana ada peraturan tertentu. Jadi apa salahnya kalau kita letakkan semua taska di bawah satu iaitu di bawah JKM supaya semuanya tertakluk di bawah undang-undang taman asuhan kanak-kanak. Itu sahaja terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Sepatutnya Yang Berhormat semua taska patut diletak di bawah JKM, mungkin mereka tidak daftar di bawah JKM. Dan kalau kita dapat maklumat dari Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita boleh ambil tindakan terhadap taska-taska ini jika mereka tidak didaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bukan, maksud saya tidak perlu ada taska persekutuan, taska negeri. Taska persekutuan juga mungkin di bawah kerajaan persekutuan misalnya kementerian lain, taska kerajaan negeri di bawah kerajaan negeri. Jadi kalau boleh tidak perlu ada kementerian lain tidak payah campur dalam urusan taska tidak payah perlu ada taska. Taska semua letak di bawah JKM maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik cukup.

Datuk G. Palanivel: Saya akan bawa pandangan Yang Berhormat ke pihak atasan di kementerian saya iaitu Menteri dan pegawai-pegawai tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk G. Palanivel: Mahu habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ha cepat sedikit.

Datuk G. Palanivel: Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Gantang supaya pihak kerajaan mempertimbangkan pengecualian cukai syarikat pada setiap tahun bagi syarikat-syarikat yang menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak. Kementerian mengambil maklum cadangan tersebut. Buat masa ini kerajaan telah memperkenalkan kemudahan pengecualian cukai sebanyak 10% setahun bagi tempoh sepuluh tahun ke atas kos bangunan yang dibina khas untuk taska bagi menggalakkan pihak swasta menubuhkan taska di tempat kerja. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh telah membangkitkan mengenai hukuman khidmat masyarakat yang termaktub di dalam Rang Undang-undang Tatacara Jenayah. Pada dasarnya kementerian memang bersetuju dengan pelaksanaan program khidmat masyarakat. Saya percaya dan yakin bahawa persoalan yang dibangkitkan dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat. Kementerian di dalam usaha untuk mempersiapkan diri untuk melaksanakan program khidmat masyarakat ini.

Bagi memantapkan pelaksanaan program khidmat masyarakat ini, ia memerlukan gabungan usaha sama agensi-agensi lain termasuk pihak berkuasa tempatan serta NGO yang berkaitan dan bukan daripada Jabatan Penjara sahaja. Kementerian dan agensi lain yang berkaitan perlu menyediakan satu pelan tindakan bagi pelaksanaan program khidmat masyarakat. Kementerian akan mengenal pasti tempat-tempat di mana program khidmat masyarakat boleh dilaksanakan seperti institusi-institusi di bawah kementerian, hospital-hospital atau mana-mana NGO. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian saya mengucapkan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah masalah yang dihadapi oleh kementerian sekarang sehingga membawa cadangan kepada Peguam Negara untuk menangguhkan pelaksanaan perkhidmatan masyarakat ini. Daripada jawapan dibentangkan oleh Yang Berhormat, kalau ini melibatkan beberapa jabatan, selalunya isu ini akan dilewatkan dengan pelbagai alasan.

Saya rasa apa yang ditetapkan dalam cadangan ataupun rang undang-undang yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas itu, kita telah menetapkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertugas, yang diberi tanggungjawab penuh untuk melaksanakan komuniti perkhidmatan masyarakat ini. Jadi saya rasa lebih baik kementerian Yang Berhormat ini memikul tanggungjawab ini, kerana ini adalah apa yang dikehendaki oleh orang ramai yang sebenarnya pindaan dan cadangan yang dibangkitkan itu juga adalah apa yang dialu-alukan kerana kita libatkan pemuda dan belia yang melakukan kesalihan, lebih baik hantar mereka ke Simpang Renggam ataupun masuk penjara...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, saya hanya berharaplah Yang Berhormat boleh memantau isu ini. Kita perlu lebih *social worker* dan lebih pegawai untuk melaksanakan perkara ini supaya rang undang-undang yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas itu tidak akan dilewatkan dari segi pelaksanaan.

Datuk G. Palanivel: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat pun hadir mesyuarat ini, Yang Berhormat tahu lebih dari saya mengenai masalah ini dan mesyuarat itu di mana pegawai-pegawai kementerian membuat beberapa cadangan ialah satu mesyuarat di mana ada percambahan fikiran dan menukar fikiran supaya bila undang-undang ini yang baru diluluskan di Parlimen dikuatkuasakan, undang-undang ini akan dilaksanakan dengan licin. Sebab itu juga kementerian minta sedikit masa untuk membuat persiapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Berapa lama? Sedikit maksudnya satu bulan, dua bulan atau setengah tahun atau dua tahun? Berapa lama dalam pandangan Yang Berhormat?

Datuk G. Palanivel: Kita akan berusaha dengan bersungguh-sungguh sebab undang-undang ini di mana kita ada khidmat masyarakat, ia bukanlah satu usaha baru.

Jabatan Kebajikan Masyarakat berusaha selama sembilan tahun untuk merealisasikan khidmat masyarakat ini dan dari *zero-base* kita sudah datang ke satu tempat di mana kita boleh bangga dengan perkembangan ini dalam rang undang-undang kita.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah Yang Berhormat. Ini yang akhir tidak ada masa Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Kita harap dalam masa yang singkat, kita boleh setuju dan bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila habiskan.

Datuk G. Palanivel: Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi untuk memulakan jawapan.

6.32 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berhubung dengan Kementerian MOSTI semasa perbahasan Bajet 2007 yang lalu. Kami di kementerian amat berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha program dan strategi kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa depan ekonomi negara kita tidak boleh lagi bergantung pada seperti dahulu sumber-sumber tradisi sahaja, getah ataupun kelapa sawit semata-mata atau industri yang berasaskan kepada upah yang murah atau nilai tambah yang rendah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Negara perlu bergerak ke arah satu ekonomi seperti pertanian yang moden ataupun industri pula meningkat ke arah kepada industri berteknologi tinggi dan juga patut kita menerokai bidang-bidang ekonomi baru seperti yang berasaskan kepada ilmu dan nilai tambah yang tinggi seperti bioteknologi, IT dan juga seperti kaedah-kaedah teknologi baru seperti nanoteknologi. Melalui penemuan-penemuan baru ini yang berasaskan teknologi kita yang terkini yang kita bina ilmu kita sendiri oleh saintis-saintis kita. Harapan kita ialah negara akan pula dapat menghasilkan produk-produk yang berasas kepada teknologi kita sendiri bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan bagi menjana kemakmuran negara dan juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak muda kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang bersetuju bahawa sudah menjadi tekad dan hasrat kerajaan untuk melihat bahawa negara kita maju melalui teknologi-teknologi baru dan moden. Walau bagaimanapun banyak rakyat kita kecewa dengan keadaan yang berlaku seolah-olah tidak sama cakap serupa bikin ataupun indah khabar dari rupa sebab sebagai sebuah kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk mengangkat martabat bangsa negara menuju Wawasan 2020, R&D kita hendaklah difokuskan secara menyeluruh tetapi apa yang berlaku, yang ada pun sekarang ini cuma *outsourcing* iaitu diberi kepada orang luar.

Sedangkan kita ada 18 buah IPTA dengan peruntukan RM1.5 ataupun RM1.3 bilion ini kalau dibahagi-bahagikan satu IPTA, RM1 juta, 18 IPTA kita bermakna 18 produk yang boleh dihasilkan tetapi sekarang ini rakyat tertanya-tanya apa yang sudah digerakkan oleh kementerian ini seolah-olah tidak ada apa berlaku. Jadi ini bagaimana? Menggagalkan hasrat kita menuju negara maju. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasihlah Yang Berhormat kerana minat untuk melihat ilmu-ilmu yang kita janakan itu membentuk sebagai produk yang baru, mewujudkan peluang pekerjaan. Namun demikian nanti bila sampai kepada isu *R&D* saya akan bangkit itu semula. Terima kasih. Saya hendak menyentuh isu *brain gain* yang dibangkitkan dahulu oleh Yang Berhormat bagi Alor Star.

Memang semenjak diperkenalkan program pada ketika itu dinamakan Program Penarikan Balik Saintis Warganegara Malaysia yang diperkenalkan pada tahun 1995 ia boleh dikatakan gagal. Ada 23 orang rakyat Malaysia, Saintis Malaysia kembali ke negara kita, kesemua 23 nya kembali ke negara asal masing-masing.

Oleh sebab itu, Kabinet telah memutuskan supaya kita kaji kembali program membawa kembali ahli saintis warganegara Malaysia atau program *brain gain*. Insya-Allah dalam program ini dengan satu strategi pendekatan yang baru, insya-Allah sebelum hujung tahun akan dilancarkan semula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi. Antara isu-isu ataupun bentuk baru ialah dari segi membawa insentif-insentif kepada mereka, membenarkan mereka juga tinggal negara mereka dan datang ke negara kita pada masa-masa tertentu dan juga insentif-insentif yang lain insya-Allah nanti akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah yang dibangkitkan isu....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai program ini *brain gain*. Semenjak pertengahan 90an, 23 orang ada balik tetapi semua tidak boleh kekal, keluar negara kemudian sampai 2000. Antara 2000 hingga sekarang adakah angka-angka mengenai aspek ini?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Semenjak tahun dahulu kita mengkaji apa masalah dihadapi oleh mereka Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, pembangkang. Antara mereka yang membangkitkan isu, mereka boleh datang ke Malaysia. Pertama, tidak boleh mendapat satu gaji yang setaraf yang mereka dapat di negara katalah mereka saintis di Amerika. Yang keduanya mereka tidak dapat membuatkan *R&D* kerana kemudahan-kemudahan yang ada tidak pada tahap yang berada di universiti yang mereka pada ketika itu mengajar. Inilah antara bentuk-bentuk baru yang nanti akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebagai contoh mereka tidak yang kita untuk kembalikan mereka bukan fizikal dan duduk di Malaysia.

Apa yang kita mahu ialah ilmu mereka. Kebijaksanaan mereka menguruskan *R&D* itu yang kita mahu. Adakah kita mahu mereka datang tinggal Malaysia duduk dalam 12 bulan di negara kita atau mereka boleh terus tinggal di Amerika atau di Eropah atau di Jepun tetapi kembali ke Malaysia mungkin dalam enam bulan atau dua bulan sahaja. Mereka boleh mengambil dalam strategi Malaysia *second home* di mana mereka boleh meneruskan kerja *R&D* mereka, *research* mereka di negara yang mereka tinggal sekarang tetapi kembali ke Malaysia kerana apa, mereka memang kembali dua kali setahun untuk melawat ibu bapa mereka.

Ini antara bentuk-bentuk baru yang kita akan pertimbangkan termasuk juga mengeluarkan dana *R&D* untuk mereka mengendalikan *R&D* antara universiti yang mereka sedang bekerja sekarang dan juga universiti tempatan melalui juga rakan kongsi dengan saintis tempatan kita. Ini antara beberapa perubahan yang kita akan buat. Insya-Allah tunggulah Yang Berhormat akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan ini bererti bahawa kerajaan sudah menerima bahawa kegagalan untuk usaha-usaha untuk menarik balik profesional-profesional saintis-saintis Malaysia yang ada di luar negara dan sekarang dan dengan izin, *settle for the second best outsourcing* kebolehan mereka. Dan selain daripada itu daripada awal 2001 adalah program supaya setiap tahun boleh menarik balik 5000 orang *global talent* mereka yang terpandai sekali supaya boleh memberi sumbangan terhadap Malaysia dalam usaha menjadikan *IT power*. Apa hasil dalam program ini?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab itu saya sudah jelaskan tadi dalam 23 tidak ada satu pun yang kekal ini bermakna kerajaan telah mengarahkan menerima bahawa apa yang telah kita usahakan pada peringkat awal tidak berjaya. Sebab itu akan dilancarkan satu strategi skim yang baru dalam kita mengemudikan teknologi sebagai mengemudikan ekonomi negara pembinaan teknologi ilmu itu amat penting kerana itulah kita perlu gembelngkan semua tenaga rakyat.

Mengapa tidak rakyat Malaysia yang berada di luar negara seperti Yang Berhormat nyatakan tadi. Tunggulah Yang Berhormat dasar ini satu pembaharuan akan dibuat diumumkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bertanya pihak kementerian sama ada pilihan ataupun *option* diberi kepada pakar-pakar saintis dan sebagainya atau *researcher* ini telah diketahui atau telah dirancang kerana saya mengetahui *research centre* kepunyaan Hyundai di Korea misalnya memberi *option* pelbagai ada mereka boleh duduk di Amerika sepanjang masa ada mereka boleh bekerja di Hyundai di Korea di Seoul mereka memilih setengah di Korea dan setengah masa di Hyundai adakah kita menawarkan cara yang sama dan mempunyai gaji, imbuhan dan *privilege* keutamaan yang pelbagai juga?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Pandangan Yang Berhormat saya kalau saya jelaskan kemungkinan banyak perkara ini yang nanti yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan saya maklumkan pada hari ini. Namun demikian sedikit yang dapat saya boleh sentuh ialah bahawa antara yang akan diumumkan ialah apa Yang Berhormat katakan tadi katalah seorang Profesor itu ia satu tokoh yang saya kenal sendiri sebab belajar sama saya dahulu dia umur dia 50 tahun seorang Profesor satu Ivy League, universiti yang terkenal di Amerika. Isteri dia orang Amerika, dia tidak mungkin mahu pindah ke negara kita. Gajinya tinggi tetapi beliau sanggup membantu kita mengemudikan satu usaha kita membina satu ilmu penemuan yang kita mahu untuk produk kita di negara kita dengan universiti tempatan.

Sebab itu bawah *brain gain* mereka boleh kekal di universiti sana tetapi datanglah mungkin dalam setahun dua kali setahun sebulan dalam masa enam bulan sebulan dua kali menentuakan satu rangkaian kajian dengan universiti tempatan. Kita nampak itu sudah merupakan satu bentuk *brain gain* untuk negara kita kerana apa kalau kita hanya apa jua *R&D* dalam negara kita dikemudikan hanya tempatan sahaja tidak mungkin dapat kita melonjak diri kita untuk mendapat penemuan baru yang boleh kita bersaing di dunia. Apa Yang Berhormat katakan tadi ini mungkin akan menerbitkan ciri-ciri yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa lagi Yang Berhormat bagi Seputeh?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ingat DAP sudah baik *brain gain* dia sudah baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu sahaja Yang Berhormat ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya hanya hendak tanya Yang Berhormat Menteri saya sudah bangkit isu InventQjaya sebuah syarikat pelaburan....

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis: Boleh tak Yang Berhormat bangkit hal ini bila saya sentuh tentang IT nanti?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey.

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya beralih pula kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Mengenai dengan isu angkasawan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Amat Berhormat bagi Larut dan semua Ahli Yang Berhormat yang menunjukkan sokongan padu mereka dan keprihatinan kepada misi usaha kita menghantar warga Malaysia ke angkasa lepas. Terima kasih juga di atas pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Beluran tentang perkara ini.

Alhamdulillah proses pemilihan angkasawan telah berjalan dengan lancar, syukur kepada Allah Subhanawata'ala kerana majlis pengumuman dua angkasawan telah juga dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Saya dengan ini bagi menghormati Dewan yang mulia ini dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua Dewan, kalau boleh saya ingin memperkenalkan dua tokoh ini yang berada di belakang sana. Kalau boleh saya dahulu perkenalkan Ketua Pengarahnya dahulu Dato Dr Mazlan, Angkasa, Ketua Pengarah. Calon yang telah dipilih untuk menjadi, Insya-Allah menjadi warga Malaysia yang pertama pergi ke angkasa lepas ialah Dr. Sheikh Muszaphar Shukor. Sila Sheikh dulu bangun, tinggal Sheikh seorang dahulu, bangun dahulu tolong Sheikh, yang lain dua duduk dulu.

Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ini calon yang diputuskan oleh satu hakim yang diketuai oleh Tun Haniff. Yang keduanya ialah dalam Russia dahulu walaupun yang dipilih untuk naik ke angkasa lepas bukan Yuri Gagarin, dia calon simpanan, *last minute* kita tidak tahulah berdoa, Dr Sheikh Muzafar berdoa memanglah beliau akan naik namun demikian kita tidak tahu. Sebab itu diputuskan calon simpanan kedua iaitu Kapten Dr Faiz Khaleed di sebelahnya. So inilah Insya-Allah akan menempa sejarah bagi kita Malaysia di mana salah seorang dari warga Malaysia akan pergi ke angkasa lepas. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Mereka ini akan dijangka berangkat ke Russia pada hujung bulan ini dan mereka akan menjalani latihan selama dua belas bulan dan insya-Allah pada 2 September tahun hadapan, iaitu kira-kira dua hari selepas kita menyambut kemerdekaan 50 tahun, pada 2 September insya-Allah nanti salah seorang daripada mereka akan kita lancarkan di stesen angkasa antarabangsa dan mereka akan berada kira-kira lapan hari di stesen angkasa antarabangsa. Mereka ini, angkasawan ini akan menjalan kajian saintifik kajian-kajian ini meliputi para-para saintis tempatan antara mereka melibatkan universiti-universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, USM, UiTM, dan kajian-kajian, eksperimen melibatkan kajian seperti sel kanser di bawah keadaan tanpa graviti, *R&D* tentang makanan dan berapa kajian lagi yang kita akan tentukan di antara kementerian dan universiti dan juga saintis-saintis Russia.

Tuan Yang di-Pertua saya juga turut bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Kinabatangan bahawa angkasawan kita merupakan modal insan terbesar negara melalui program ini kita dapat mendidik pelajar-pelajar kita lima juta, semuanya yang berada di sekolah agar mereka ini meminati bidang sains. Harapan kita supaya mereka dalam latihan 12 bulan dan semasa mereka juga berada di angkasa lepas nanti kita adakan hubungan terus dengan rakyat Malaysia termasuk anak sekolah termasuk menggunakan teknologi terkini seperti *cyber web* khas. Kerajaan dapat meletakkan harapan tinggi melalui program ini agar anak-anak muda kita dapat menjivai sains kerana dunia akan datang, ekonomi akan datang berteras teknologi. Agar dengan program ini nanti akan memperkasakan sains sebagai cara hidup warga rakyat Malaysia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah, saya ingin merakamkan tahniah kepada kedua angkasawan kita. Walau bagaimanapun, kenapa kita memilih dua tarikh lepas kenapa tidak tepat 31 waktu kemerdekaan kita? Dan mereka mendarat di bulan dan menjadi satu sejarah dan kebanggaan rakyat Malaysia kenapa tidak boleh di *negotiate* dengan pihak Russia untuk membuktikan bahawa kita memang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan anak watan kita untuk menjadi saintis masa depan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis: Ini cadangan yang baik Yang Berhormat saya akan bincang dengan pihak Russia. Tarikh ini, masalahnya tarikh ditentukan oleh mereka kerana bukan sahaja angkasawan mereka ada dua lagi angkasawan yang lain namun demikian saya kata cadangan Yang Berhormat amat baik sekali. Apabila saya akan berjumpa pihak mereka saya akan anjakan dua hari lebih awal satu cadangan yang baik terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu ICT dan MSC mengenai pertanian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu berkenaan dengan sumbangan syarikat luar negara dalam konteks *Smart Partnership* juga *technology transfer*. Oleh kerana itu, saya ulas dahulu selepas itu saya jemput Yang Berhormat bagi Seputeh.

Seperti yang diketahui fasa pertama dalam pelaksanaan MSC berakhir 31 Disember, di mana tumpuan kita adalah kawasan Multimedia Super Coridor selepas itu dianjak semula kepada usaha strategi kedua, di mana Yang Berhormat Perdana Menteri mahu bukan sahaja kawasan tertentu dalam (MSC) Multimedia Super Coridor bahawa rakyat Malaysia yang berada di kawasan itu sahaja yang mendapat manfaat ICT. Oleh kerana itulah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melaksanakan supaya juga negeri-negeri seperti baru-baru ini di Johor, lepas itu di Kedah, di Pulau Pinang dan Melaka juga kawasan-kawasan tertentu sana juga boleh menjadi kawasan MSC.

Dan harapan kita ialah kepada jangkaan yang akan datang, kalau dahulu, semasa fasa pertama hanya 1000 syarikat sahaja MSC dapat diwujudkan 977, 973 atau 1000 yang diwujudkan dalam fasa pertama. Fasa kedua harapan kita dapat diwujudkan 10,000 syarikat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terdahulu peluang pekerjaan dapat kita wujudkan hanya kira-kira 20,000, tetapi harapan kita fasa yang kedua ialah 250,000. Ini antara usaha-usaha kita yang kita cadangkan dalam fasa yang kedua. Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih atas jemputan Yang Berhormat bagi saya mencelah dan bertanya. Yang Berhormat Menteri saya ingin bangkitkan satu kes yang mana syarikat ini terletak di kawasan MSC iaitu IvenQJaya Sdn. Bhd. yang mana, yang bosnya Encik Sadeq dijemput oleh Yang Berhormat dan juga Tun Dr. Mahathir semasa dia menjadi Perdana Menteri untuk melabur dan menubuhkan kilang dan syarikatnya di Cyberjaya kita. Selepas itu apa yang kita lihat ialah kerajaan mengarah polis untuk membekukan akaun dan juga kesemua asetnya selama satu tahun. Selepas kami bangkitkan perkara ini, pembekuan tidak terjadi, selepas itu sekarang kerajaan keluarkan *warrant of arrest* terhadap dia. Dan juga yang ketiga-tiga penuduhan yang dilempar pada dia itu, bagi pihak dia, adalah amat tidak munasabah. Kerana dia di dakwa atau pun dituduh di bawah *Money Laundering Act*.

Perkara ini telah dileretkan selama dua tahun dan apa yang susah ialah *staff* yang bekerja dalam syarikat itu mereka adalah orang Malaysia, yang saya tahu sudah tiga bulan mereka tidak dibayar gaji. Saya rasa yang perkara ini tidak harus ditangguhkan lagi, kerajaan kalau tidak suka dia, haruslah cari satu *settlement* penyelesaian dengan dia. Kalau tidak saya bimbang ini akan merosakkan nama negara dan juga menggagalkan usaha kita untuk menjemput lebih pelabur asing untuk melabur di kawasan MSC. Khususnya kita lihat yang *loan agreement* itu yang saya difahamkan ditandatangani oleh Yang Berhormat sendiri, semasa Yang Berhormat menjadi Menteri Kewangan Kedua. Jadi saya mintalah Yang Berhormat mungkin boleh beri satu penjelasan di Dewan ini, apa yang berlaku dalam kes ini?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh kerana membawa isu ini dan juga hasrat Yang Berhormat bagi Seputeh supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan baik, agar tidak mencemar imej negara dan agar nama baik negara terjaga. Perkara ini dalam tindakan mahkamah, saya difahamkan. Lepas itu juga, ini merupakan dalam Iven QJaya ini dapat pinjaman daripada Kementerian Kewangan. Biarlah saya menghubungi Kementerian Kewangan mendapat penjelasan juga dengan agensi-agensi lain. Selepas itu saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

Tentang isu peranan teknologi, sebanyak mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, setakat mana pemindahan teknologi dan konteks memajukan industri ICT tempatan, saya ringkas sahaja ingin menyatakan bahawa ada syarikat yang besar seperti Motorola banyak membangunkan teknologi tempatan melalui anak-anak kita di Malaysia. Satu lagi syarikat BT Multimedia juga menjalankan penyelidikan mengenai *broadband 3G* di Malaysia. Ada 90% daripada pekerja juga warga Malaysia. Satu contoh lagi, satu syarikat Malaysia sendiri GMPC Co. Sdn. Bhd. menghasilkan kad pintar, yang kita gunakan itu dihasilkan oleh syarikat kita sendiri.

Satu lagi syarikat Software XY Base telah bekerjasama dengan Oracle dan IBM juga telah mampu menyediakan satu *software*, pengisian sistem pengurusan lapangan terbang, *Air Management System* yang kini diguna pakai di KLIA yang sekarang ini juga telah mendapat kontrak untuk lapangan terbang di Jakarta.

Dan baru-baru ini dapat membekalkannya untuk satu lapangan terbang di Amerika. *Southwest Florida International Airport* di *Fort Myers Florida*. So, ini antara kemajuan yang dicapai daripada syarikat-syarikat besar yang berpangkalan di Cyberjaya di mana syarikat Malaysia dapat dibina dan rakyat Malaysia dapat peluang pekerjaan melalui pelaksanaan badan ICT negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua terakhirnya, perkara bio-teknologi yang telah di sentuh oleh Yang Berhormat bagi Arau. Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Bio-tech ini, potensinya amat tinggi sekali untuk ekonomi masa akan datang. Di Amerika sendiri telah membangkitkan satu industri yang dari segi kapasiti atau *market* pasarannya ialah USD60 bilion. Kerana apa, kalau kita lihat dari segi sentuhan kata-kata bio-teknologi ini dapat kita menghayatinya, tetapi saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, menggunakan bahasa Inggeris.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia kata bio-teknologi ini *can heal the world*, mengubati dunia, *fit the world*, memberikan satu bentuk, membina bentuk makanan untuk dunia, *fit the world*, lepas itu memberi tenaga kepada dunia, *fuel the world* dan juga membersihkan dunia, *clean the world*. Potensi bio-teknologi ini amat besar sekali, oleh sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...Amat mahukan Malaysia tidak ketinggalan dalam bidang bio-teknologi ini, dan bio-teknologi ini hendaklah menjadikan satu teknologi yang penting untuk digunakan memajukan ekonomi negara kita.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Sebenarnya saya sebelum Dato' Menteri mengatakan habislah, berhenti, soalan bio-teknologi ada dilaporkan bahawa bio-teknologi *venture capital* sebanyak RM200 juta disediakan tetapi penerimaan adalah amat lembap dan pihak *Malaysian Technology Development Fund* (MTDC) Azlina Alias mengatakan sambutan daripada masyarakat Malaysia dalam soalan meminjam daripada *venture capital* ini adalah lembap.

Adakah ini ada hubung kait apa yang dikatakan oleh Sharon Lu pada bulan April yang lepas mengatakan bahawa pihak *techno-preneur* Malaysia, tidak memahami fungsi sebenar *venture capital* ini. Mereka memikirkan bahawa *venture capital* ini memikirkan bahawa *venture capital* ini adalah satu wang pinjaman, bukan satu *participation fund* yang patut diguna pakai oleh pihak *business* atau pun *techno-preneurs* ini. Jadi, apakah penjelasan telah dibuat oleh pihak kementerian supaya sumber kewangan yang diberi begitu banyak tersadai begitu sahaja dan tidak di pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri tidak banyak lagi?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sikit lagi, lima minit. Saya..., dua, saya sentuh bio-teknologi lepas itu *R&D* lepas itu, lepas itu saya tutup. Mungkin saya boleh habis dalam masa 10, 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sepuluh minit mungkin ada satu usul, saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul dulu. Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa dengan tidak menghiraukan usul yang diputuskan oleh Majlis terlebih awal tadi, mesyuarat pada hari ini tidak akan

ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam. Dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari esok.”

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam ini”

hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih kepada ... dulu Santubong ini..., Santubong sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong. Dulu Batang Lupar.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Lupar Batang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Santubong. Malaysia kalau kita lihat, Yang Berhormat, saya hendak ulas sedikit. Kalau kita lihat semua syarikat dalam pasaran saham Kuala Lumpur, semuanya syarikat ini yang berasaskan ladang ataupun syarikat itu berasaskan hartanah atau pemborong, bermakna syarikat-syarikat ini syarikat yang ekonomi yang tradisional bukan syarikat-syarikat baru yang berasaskan ilmu.

Macam di Amerika, *the Fortune 500*, syarikat di Amerika semuanya berasaskan ilmu. Macam *Google*, *Microsoft*, dia bukan lagi syarikat hartanah. Di Malaysia yang menjadi masalah sekarang ini banyak syarikat kita tidak mahu menerima risiko tinggi namun demikian ada pulangan yang baik, yang cemerlang. Kalau kita lihat kepada pelabur-pelabur atau syarikat-syarikat di Amerika dan di Barat, oleh kerana itu bila baru-baru ini hendak diadakan satu dana USD200 juta lebih kurang dekat RM800 juta, tidak banyak agensi atau syarikat berminat untuk melabur dalam syarikat *Venture Capital* ini. Memang benar.

Namun demikian, dengan usaha kementerian dan juga Perdana Menteri sendiri dan juga Khazanah bahawa kita dapat memujuk beberapa agensi kerajaan dan agensi syarikat tempatan untuk melabur wang mereka dalam *Venture Capital* ini. Alhamdulillah, baru-baru ini dana ini untuk USD150 juta sudah penuh. Bermakna *fully subscribed* USD150 juta. Bermakna sekarang ini kita sudah mempunyai USD150 juta dana yang boleh kita bagi kepada saintis-saintis kita yang mahu bawa penemuan ini kepada pasaran. Macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan ceritakan tadi, ada wang ada penemuan *R&D* tetapi tidak jadi apa-apa.

Betul, Yang Berhormat katakan. Kerana apa? *For every dollar*, dengan izin, RM1 kita membina penemuan itu kadang-kadang memerlukan RM10 hingga RM100 untuk membawa kepada pasaran. Terutamanya kerana kalau mereka pergi ke pihak bank, bank mahukan cagar. Kalau kita ada seorang saintis dalam *test tubenya*, ada satu potensi jadi ubat, *therapeutic* yang dipanggil *drug* dan mahu RM5 juta untuk membina satu *pilot plant* tidak mungkin bank akan memberinya.

Akan tetapi kalau sekarang ini saintis ini ada penemuan ini, cadangan potensi ubat atau *trapeutic* ini pergi kepada *Venture Capital* Sains Alam Semula Jadi ini *Life Science Fund*, *Venture Capital* ini sekarang boleh bagi RM5 juta untuk membina *pilot plant* ini. Kerana kalau dahulu bergantung semata-mata kepada bank, bank tidak akan membiayainya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sikit saja, Yang Berhormat. Saya dimaklumkan bahawa kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah syarikat yang terlibat dalam biotek ini daripada 100 yang ada sekarang ke 200 pada tahun 2010. Adakah dalam keadaan Yang Berhormat Menteri sebutkan sekarang kita berupaya mencapai *target* 2010?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau tidak ada *Life Science Fund* yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini melancarkannya, USD150 juta tidak mungkin kita berjaya. Kerana syarikat-syarikat ini bermula daripada kecil-kecilan, tiga empat orang, tuan punyanya saintis daripada universiti tempatan membina satu IP yang mereka daftarkan ada potensi untuk dikeluarkan tapi tidak ada satu bentuk pembiayaan oleh mana-mana bank. Bank biasanya mahukan cagaran dan saintis ini tidak ada cagaran. Apa yang ada cagaran ialah harta intelek dia. Harta inteleknya itu tidak bisa oleh syarikat *commercial bank* tempatan memberi pinjaman.

Oleh kerana itu di Amerika Syarikat kita melihat model Amerika Syarikat, di Amerika Syarikat semua yang membiayai produk-produk yang kita bina universiti ini oleh saintis-saintis mereka bukan dibiayai bank komersial, ia dibiayai oleh *Venture Capital*. Sebab itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasa penuh yakin kita perlu bina ekonomi yang baru berasaskan biotek ini bahawa beliau bersetuju untuk menggerakkan satu dana khas untuk biotek ini, sekarang ini sudah terlancah USD150 juta, harapan kita hendak sampai kepada USD200 juta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pontian.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, seperti mana harapan daripada rakan saya Yang Berhormat bagi Santubong tentang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah mensasarkan 400 *biotech companies*, mungkin dalam Bajet 2007 kita hendak pertingkatkan daripada yang ada dalam lingkungan 140 syarikat-syarikat biotek yang kecil dan yang besar seperti Yang Berhormat maklumkan tadi. Bagaimana pula dari segi kedudukan penguasaan tempatan dan bagaimana kerajaan menjaga kepentingan penyelidik meningkatkan usaha untuk mempatenkan IP-IP daripada penyelidik tempatan supaya kita juga dalam masa yang sama walaupun tidak kedapatan begitu ramai para saintis dan sebagainya dalam negara, tetapi yang ada ini, Yang Berhormat, bagaimana kerajaan menjaga kepentingan mereka supaya mereka tidak kita terlepas pandang.

Kita dimaklumkan dalam Bajet 2007 ini juga bahawa sama ada RM60 juta *matching grant* yang diperuntukkan ataupun RM30 juta *commercialization fund* untuk membolehkan bertumbuhnya *biotech companies*, sama ada agrobiotek ataupun dari segi sektor perubatan tetapi yang saya ingin dapatkan penjelasan ialah bagaimana kita menyedia dan membuka seluas-luas peluang ini kepada para saintis tempatan. Adakah kita kuotakan, adakah kita menisbahkan dari segi peruntukan semuanya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang dalam kita membentuk industri ini kita kena jangan lupa atau terlepas pandang tentang pembangunan industri tempatan terutama sekali kalau kita sudah ada saintis-saintis kita yang telah membina ilmu tempatan. Oleh kerana itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dilancarkan baru-baru ini, bahawa kalau dahulu ada hanya dana *Research Arpha* dipanggil, kita sudah wujudkan dua bentuk dana. Satu kita panggil dana *science fund* untuk *research university*.

Ini isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi. Masalahnya kadang-kadang *research* itu dibina tetapi tidak ada wang untuk bawa kepada pasaran. Sebab itulah untuk besarnya, kita bentuk *Venture Capital*. Pada masa yang sama di kementerian kita wujudkan juga satu *fund*, *techno fund*, kita panggil. Maknanya saintis-saintis boleh bentuk. Kalau dia buat *research* hanya kepada tahap untuk membina IP, kita panggil jika mereka mohon dana *science* tetapi kalau IP sudah ada, hendak buat *proto-typing* dia boleh memohon panggil *techno Fund*. Dana ini kita beri untuk dia buat ubat-ubatan *for trial*, sampelnya. Ini kita bina.

Selepas itu pula, mereka yang mempunyai IP ini boleh dikeluarkan, mereka mendapat hak. Ini kita hendak menggunakan satu modul di Amerika dan juga tengah buat modul di Eropah.

Insyallah, kita akan bawa pindaan ke akta bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri *Domestic Trade*, bahawa kita hendak benarkan saintis-saintis yang membuat penemuan ini, mereka ada hak dalam IP ini. So, bila dia mempunyai hak dalam IP ini, mereka boleh menggunakan hak dia, katakanlah dalam hak ini dia mungkin ada 30%, dengan hak 30% IP ini dia menjadi transit kepada pegangan saham dalam syarikat itu. Dengan menggunakan pegangan saham itu dia boleh menjadi CTO atau *Chief Technology Officer* dan bersama dengan *Venture Capital* boleh mengemudi untuk mengeluarkan produk-produk baru yang mereka bina dalam universiti tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang Berhormat Menteri sudah lebih daripada 15 minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, tidak apa. Ini perkara penting Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, untuk mewujudkan suasana perekomian yang baru, sudah semestinya ada *researcher* ataupun penyelidikan dan ini tidak dapat lari. Apabila ada bioteknologi baru mesti ada penyelidikannya. Persoalannya sekarang bagaimana kementerian ini mengurus *R&D* kita secara bijaksana supaya boleh melahirkan persekitaran ekonomi baru.

Sebab sebagai contoh, saya sudah katakan dulu. Dulu China terkenal dengan pengeluaran herba-herba tradisional tetapi hari ini bukan lagi China sahaja bahkan India sudah mendahului sebab mereka fokus ataupun memberi perhatian sepenuhnya dalam *research* mereka, dalam penyelidikan, *research*, mereka dan mereka boleh melahirkan herba-herba yang bertaraf dunia dan boleh diperolehi secara moden.

Dalam erti kata yang lain, kalau saya lihat pelopor baru-baru ini, di Amerika Syarikat, Bill Gates, jagung dia *convert* pergi *biofuel*, pergi petrol. Di Brazil, iaitu tebu biasanya dijadikan gula tetapi hari ini tebu dijadikan petrol. Ini merupakan satu perkembangan yang baru dan saya percaya kalau kita bersungguh-sungguh berhasrat untuk membawa negara kita dalam ekonomi baru ini, saya percaya dengan kewangan yang sedia ada kita boleh menjadi sebuah negara yang mengeluarkan barang-barang baru yang belum dikeluarkan oleh negara-negara lain. Persoalannya, adakah kita bersedia dan adakah kita bersungguh-sungguh ingin melihat agar perkara penemuan ekonomi baru ini dapat dilaksanakan. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat berminat, kalau boleh nanti saya jemput Yang Berhormat datang ke kementerian sebab apa saya nampak bahawa banyak isu-isu ini *detail* tetapi antara apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi, usaha kita, contohnya satu *R&D* telah dibuat antara universiti tempatan dengan MIT dan juga antara universiti kita dengan satu universiti di Jepun untuk mengeluarkan *biodegradable plastic* daripada minyak kelapa sawit. Ini antara usaha-usaha yang sedang dibina.

Kalau kita lihat sedikit, masa pun sudah tidak ada, dari segi usaha-usaha *biotech* sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya syarikat-syarikat besar seperti MPOB, *Guthrie*, *Golden Hope* dan *FELDA Agriculture*, mereka juga telah menggunakan hasil-hasil teknologi *biotech* untuk meningkatkan hasil-hasil pertanian mereka. Dan juga kalau kita lihat dari segi universiti, ada universiti seperti KUSTEM mampu mengeluarkan satu vaksin semburan bagi penyakit radang paru-paru untuk kambing. Ini juga satu usaha yang dibina oleh universiti tempatan dan satu lagi dari universiti tempatan membina satu teknologi dipanggil *Advanced Reproductive Biotech* dalam industri penternakan haiwan, untuk membantu para penternak lembu dan kambing mendapatkan anak benih dengan lebih cepat. Ini antara hasil-hasil yang kita bina.

Apa yang saya cadangkan Yang Berhormat, saya akan jemput Ahli Yang Berhormat untuk satu taklimat oleh Kementerian MOSTI, agar dapat kita mendalami lagi isu-isu yang tidak sempat saya sentuh pada petang ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya hendak tanya soalan pembangunan, apa yang dikatakan *Independent Software Vendors* ini. Ada komen Malaysia sekarang mempunyai 300 ribu tetapi ini *equivalent* to apa yang di *produce* oleh India dan China dalam satu tahun.

Jadi, persoalannya, apakah bantuan kementerian supaya ISV ini boleh dipertingkatkan *growth* nya dan macam mana pandangan Yang Berhormat pasal *future* nya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya nampak bahawa dari segi pembinaan, dipanggil *content industry*, ini merupakan satu potensi yang amat besar sekali. Macam semalam saya telah berjumpa dengan *Celcom*, mereka berbincang bagaimana untuk membina *content* untuk ia panggil platform untuk *mobile phone services*. Sebagai contoh ada satu *ring tone*, satu imam, ia dapat azan yang baik sekali. Dia gunakan ini sebagai *ring tone* nya, pendapatannya RM500 ribu. *Ring tone* azan, suaranya baik.

Bermakna satu bentuk pasaran, mengenai ekonomi baru. Kalau dahulu hanya *software* iaitu pengisian dalam bidang PC sahaja, sekarang pengisian pula potensi yang besar dalam bidang *mobile telephone*. Kita juga sedang melihat dalam bidang *content creative industry*. Kerana apa? Anak-anak muda kita sangat berminat, sudah ada dua, tiga orang rakyat Malaysia, termasuk orang Melayu berjaya menjualkan *creative content* hingga ke Amerika itu sendiri. Oleh kerana isu ini perlu dijelaskan secara *detail*, saya akan jemput Ahli Yang Berhormat untuk melawat MDC supaya dapat jelaskan isu-isu yang tidak sempat saya jelaskan pada petang yang mulia ini. Saya mohon mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Sila.

7.14 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dalam bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh, saya akan cuba memberi penjelasan yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin mencadangkan supaya peranan AADK dikaji semula dan diperincikan bagi meningkatkan keberkesanan agensi terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, peranan AADK memanglah telah dinilai semula. Hasilnya kerajaan telah berjaya mewujudkan Akta Agensi Dadah Kebangsaan Tahun 2004, yang mana menjelaskan peranan dan tanggungjawab AADK sebagai agensi utama membasmi dadah. Di bawah akta ini, pegawai AADK diberi kuasa yang sama seperti pegawai polis untuk menyiasat, menangkap, mendakwa dan melucut hak harta di samping meningkatkan tugas-tugas pendidikan, pencegahan dan rawatan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu mencadangkan kerajaan menjatuhkan hukuman yang lebih berat ke atas penagih dadah berulang seperti di Singapura. Tuan Yang di-Pertua, falsafah pemulihan di Malaysia menyifatkan penagih dadah sebagai pesakit dan bukan sebagai penjenayah. Rawatan dan pemulihan ke atas penagih dadah merupakan satu proses yang kompleks dan sangat sukar kerana...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya maksudkan, kadang-kadang Jabatan Perkhidmatan Awam ini tidak faham tugas Unit Narkotik Polis. Kadang-kadang Unit Narkotik Polis ini minta tambah anggota, dia kata kerja dadah ini sudah diserahkan kepada AADK, walhal AADK kerja pemulihan, ini pencegahan.

Yang kedua, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu ini kita pun setuju. Pasal kita lihat orang-orang penagih dadah ini masuk di kem-kem pemulihan, sudah keluar buat lagi, masuk lagi. Seolah-olah macam dia datang di sana seronok-seronok sahaja tetapi kalau misalan kata, saya ingin mencadangkan, kalau dipersetujui, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kali pertama kita pulihkan dia, kali kedua mesti ada satu hukuman yang harus diberi kepada dia. Walaupun dia pesakit, kita beri satu kali sebatan atau dua kali sebatan supaya dia serik sikit.

Kalau tidak, kejam-kejam muka dia, kejam-kejam muka dia, memulihkan, tidak ada kerja lain kita ini. Ini pandangan saya, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya ada benda itu, saya tidak sampai lagi. Berkenaan dengan AADK dengan narkotik memang tidak ada masalah kerana kita telah luluskan pegawai-pegawai untuk narkotik. Sebenarnya penyakit ini sudah kronik kerana ia memerlukan kadang-kadang tahap pemulihan itu agak lama, ia berbeza antara seorang penagih dengan yang lain.

Memandangkan pada peningkatan bilangan penagih berulang, kerajaan telah menetapkan bahawa seseorang yang *relapse* bagi kali kedua atau lebih boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 39(c) Akta Dadah Berbahaya Tahun 1952 iaitu boleh di penjara tidak kurang daripada lima tahun dan tidak melebihi tujuh tahun dan hendaklah dihukum tidak melebihi tiga kali sebatan. Maknanya sudah ada.

Yang kedua, sekiranya pesalah itu ditangkap semula, penama boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang dari tujuh tahun dan hendaklah tidak melebihi 13 tahun dan hendaklah dihukum tidak kurang tiga kali sebatan tetapi hendaklah tidak melebihi enam kali sebatan. Jadi, semua sudah ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga mencadangkan supaya bekas penagih dadah yang telah dibebaskan dari pusat serenti dipantau menerusi penggunaan radio frekuensi berupa gelang tangan ID seperti dipraktikkan di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, penagih dadah merupakan satu penyakit sosial. Dari segi psikologi, ia dianggapkan sebagai kecelaruan psikologi individu. Dari segi pandangan tingkah lakunya ialah *behavior disorder*. Pemakaian gelang tangan ID mungkin tidak sesuai dalam sistem hukuman penjenayah. Konsep pemakaian gelang tangan ID ke atas penagih dadah ini mungkin akan menjejaskan hasrat untuk mengembalikan beliau ke pangkuan masyarakat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak memberi satu cadangan kalau boleh diterima pakai kerana kita lihat pertamanya dadah ini ataupun pil-pil *ecstasy* ini berkeliaran di tempat-tempat hiburan yang keterlaluan.

Kita tengok pasukan keselamatan membuat *raid* dan sebagainya mesti ada. Mesti ada orang yang apabila diuji air kencingnya ada terlibat dalam dadah dan kita tahu di sini adalah tempat-tempat pengedaran berlaku. Apakah cadangan daripada pihak Kementerian untuk mengawasi pusat-pusat hiburan ini supaya pengedaran dan penjualan dadah dan juga pil-pil ini tidak berkembang.

Yang keduanya, kita sedang berusaha untuk membaik pulih penagih tetapi kita tidak memikirkan generasi yang akan datang dan sedikit sangat antidadah kebangsaan ini dapat terlibat di dalam *constrain* kedudukan kewangan dan sebagainya. Apa kiranya untuk generasi-generasi yang akan datang. Kita mesti bermula dari tadika dan sekolah rendah untuk kita menunjukkan bahawa dadah ini adalah berbahaya dan menakutkan dan akan merosakkan mereka. Jadi, kita asuh daripada kecil.

Tuan Yang di-Pertua, budak-budak ini kalau kita kata jangan keluar malam, kalau ada hantu, memang mereka tidak keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rupanya Yang Berhormat berucap lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sebenarnya saya tidak dapat peluang hendak berucap hari semasa belanjawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi sekarang memang bukan masa untuk berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya memberi pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bersorak] [Dewan riuh]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat tengok saya mahu selamatkan generasi akan datang pun Yang Berhormat bagi Seputeh mahu marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masa untuk Yang Berhormat berucap.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya masih panjang lagi Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita kempen, kempen daripada peringkat tadika ini kerana budak-budak Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kata jangan keluar malam ada hantu, dia takut, dia tidak keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lebih daripada itu boleh bincang lepas mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu tidak masuk buku Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak pentinglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini mahu masuk buku Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sendiri balik buat bukulah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Timbalan Menteri boleh jawab sekalikah pasal dadah ini?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Ya, Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawab sekali, boleh pasal dadah ini. Satu kali sahaja.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Dadah ini memang bukan merupakan suatu penyakit sosial dan telah meruntuhkan institusi negara kita. Yang hairannya apakah kementerian dan kerajaan tidak ada berhasrat untuk melihat supaya dadah ini tidak bertaburan di mana-mana. Bermakna penyakit sosial pun tidak ada, pemulihan pun tidak ada. Kenapa tidak dicegah awal-awal. Negara kita ini menjadi transit dadah. Kenapa tidak boleh kita sekat kemasukan dia. Adakah Yang Berhormat membawa perkara ini supaya diteliti secara terperinci bagaimana mencegah dadah yang hendak masuk ke negara kita supaya tidak ada penagih lagi.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat kerana pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya berkenaan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai dahulu, berkenaan dengan pusat-pusat hiburan dan sebagainya. Sebenarnya memanglah saya pun selalu bercakap berkenaan dengan perkara ini. Sebenarnya pusat-pusat hiburan ini di bawah penguasaan pihak berkuasa tempatan atau PBT. Maknanya *coordination* di antara semua pihak perlu ada kerana sebab itu kita mencadangkan supaya pusat-pusat hiburan ini tidak dilanjutkan sampai ke lewat malam hanya pada waktu-waktu tertentu bagi membendung gejala-gejala seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Saya berharaplah bahawa benda ini kebanyakan kita ini Ahli-ahli Majlis, jadi bolehlah benda ini diketengahkan di peringkat daerah masing-masing. Selain daripada itu berkenaan dengan pencegahan..., satu lagi saya sudah lupa, apa dia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] : Budak-budak kecil.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Ya, saya setuju pasal apa dadah ini harus kita kena memperkenalkan kepada masyarakat terutama sekali di sekolah-sekolah kerana sekarang ini dadah ini dalam bentuk 'ATS' ini dia datang dalam berbagai-bagai bentuk yang tidak sama seperti dahulu. Dahulu semua kita tahu ganja, morfin dan sebagainya. Sekarang ini dalam bentuk pil dan sebagainya.

Saya rasa Kementerian Pendidikan patut mengambil perhatian dalam perkara ini supaya benda ini dijadikan salah satu daripada silibus di dalam kementerian atau diperbincangkan di peringkat sekolah.

Selain daripada itu berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Soal pencegahan, memanglah kita memang mencegah benda ini masuk ke dalam negara kita tetapi malangnya akhir-akhir ini dadah ini kilang sudah dibuat di Malaysia. Dibuat di sini kerana banyak dadah, baru-baru ini kita tangkap di Semenyih dan juga baru awal tahun di Kulim dan kilang itu boleh menghasilkan lebih kurang lima tan syabu kalau dia beroperasi tetapi walau bagaimanapun, benda ini telah dapat kita banteras. Maksudnya berkenaan dengan dadah ini kita perlukan semua pihak daripada kerajaan dan juga daripada orang perseorangan...

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Hulu Langat.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Kalau kita harap kepada pihak berkuasa, saya rasa memang kita tidak terbuat kerana ini melibatkan semua peringkat masyarakat terutama sekali kepada ibu bapa mestilah ambil berat tentang anak-anak mereka ke mana anak-anak mereka pergi dan sebagainya. Kalau ibu bapa tidak main peranan, saya rasa usaha untuk kita membanteras ini bagaimana kerajaan belanja duit, saya rasa tidak akan tercapai.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya ingat kerajaan kena tukar lain..., mandatori apa ini dadah ini jangan lagi gantung sampai mati. Ditebak sampai matilah pengedar-pengedar dia.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: [Ketawa] Terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa masalah dadah adalah masalah menyeluruh. Saya setuju dengan pendirian itu. Dia adalah masalah rakyat jelata tanpa mengira keturunan, agama atau status masyarakat.

Akan tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, setakat manakah kita telah menggunakan institusi-institusi yang sedia ada dalam memerangi masalah dadah. Misalnya Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung, atau badan-badan belia atau badan-badan sukarela seperti Rukun Tetangga dan sebagainya. PEMADAM sudah padam.

Badan-badan ini yang sepatutnya lebih rapat, lebih hampir bukan sahaja dengan penagih dadah malah dengan keluarga penagih dadah. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah kita sudah menggunakan saluran-saluran ini sebagai saluran-saluran yang terbaik sebagai mata, telinga dan pembantu kepada penyelesaian masalah dadah.

Daripada rekod yang saya tahu bahawa program-program pemulihan dadah yang diadakan lebih berbentuk *ceremonial*, banyak kepada perasmian. Kalau kita tengok program larian dadah yang berlari Wakil Rakyat, Pegawai Daerah, Ketua Polis Daerah dan pemimpin-pemimpin yang lain tetapi penagih-penagih dadah ini masih tetap di bawah jambatan, di tepi-tepi sungai dan sebagainya. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Sebenarnya Yang Berhormat, semua pihak terutama sekali di peringkat daerah pun kita mempunyai peranan yang tertentu kerana kita mempunyai jawatankuasa di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah tetapi saya rasa malangnya kerana kebanyakan Pegawai-pegawai Daerah dia sibuk dengan kerja-kerja yang lebih diutamakan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Maka itu saya telah mencadangkan kepada ADK dan supaya tugas di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai-pegawai Daerah akan dibahagi-bahagikan kepada Wakil-wakil Rakyat seperti Yang Berhormat.

Saya rasa apabila Ahli-ahli Yang Berhormat atau Wakil Rakyat diberi tanggungjawab untuk mempengerusikan di peringkat daerah, maka saya rasa kita boleh menggerakkan semua agensi-agensi lain terutama sekali JKKK di peringkat kampung untuk sekurang-kurangnya mereka bermesyuarat tiap-tiap bulan dan salah satu agenda ialah agenda berkenaan dengan dadah ini yang diperbincangkan di peringkat itu. Itu setakat yang saya sedang usahakan. Insya-Allah tidak berapa lama lagi kita akan umumkan perkara ini...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan berkenaan dengan prosedur pemberian tender bagi pembinaan projek IPD Kerian dan IPD Perak Tengah. Tuan Yang di-Pertua, kaedah perolehan bagi kedua-dua projek IPD Perak Tengah dan IPD Kerian adalah secara tender terbuka. Ia merupakan projek yang dikendalikan dalam Malaysia, dikendalikan sebagai rancangan perumahan PDRM...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak nyatakan bahawa kita tidak membicarakan isu membanteras salah guna dadah ini secara lebih serius. Padahal kita sudah tahu bahawa setiap hari 50 orang anak kita rakyat Malaysia ini tewas dengan dadah. Tidak ada langsung nampak satu *urgency*, satu kesegeraan.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri, saya minta maaflah tempoh hari saya telah bawa ke mari Persatuan Pendamai, Persatuan Bekas Penagih Dadah dengan pengerusinya, mereka ini satu kelompok yang cukup berjaya untuk mengembalikan, menarik kembali bekas penagih ini untuk kembali kepada masyarakat, seharusnya sudah ada agenda mengenai ini. Saya telah menyatakan tentang masalah pencegahan kita, masalah rawatan dan pemulihan yang saya lihat memang tidak berjaya, malah saya hendak nyatakan bahawa gagal. Jadi, oleh kerana itu seharusnya kita sebenarnya memperkenalkan satu modul yang jelas daripada apa yang kita bicarakan semua orang bercakap mengenai masalah penyalahgunaan dadah, tetapi kita tidak nampak suatu strategi yang khusus bagaimana dadah ini dari sudut bekalannya boleh dicegah 100%.

Dalam konteks ini, dadah yang keluar masuk dari luar negara, harus dipastikan tidak boleh masuk ke dalam negara kita dan nampaknya apabila kita menyatakan bahawa nampak sekarang dadah ini sudah diproses dalam negara kita, sebenarnya ini satu isu yang sangat dahsyat ini. Jadi, oleh kerana itu saya sangat berharap kepada pihak kementerian, supaya dapat mewujudkan satu pendekatan modul kursus dari Jabatan Narkotik dan AADK supaya dadah ini bekalannya tidak boleh langsung masuk ke negara kita. Kalau selagi bekalan dadah ada, selagi itu penagihan akan berlaku, itu yang pertama. Perkara yang kedua, kita pun telah menyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: ...Bahawa Pusat Serenti kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang sangat Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sedikit lagi, sedikit lagi. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya kena minta maaf Yang Berhormat sebab masa.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sedikit sahaja, saya ingat dalam dua tiga ayat sahaja ini. Pusat serenti kita harus diberikan perhatian.

AADK kita ini sebenarnya, dia sebenarnya agensi yang dikhususkan untuk bukan sahaja mencegah tetapi buat rawatan.

Jadi oleh kerana itu, kalau mereka bertindak berkhidmat seperti sekarang ini, sebelah siang sahaja, malam tidak ada. Saya ingat kalau kita tidak ada tindakan berbeza, masalah dadah ini sebenarnya akan terus seperti sekarang. Oleh kerana itu, saya merayu kepada timbalan menteri, supaya kita duduk bersama AADK, Jabatan Narkotik dan juga pimpinan yang berminat supaya kita buat satu *brainstorming* untuk mendapatkan pendekatan yang lebih jelas untuk tindakan bersama seluruh rakyat di dalam negara kita, maaf saya terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, saya ambil perhatian tentang perkara yang Yang Berhormat bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sepanggar ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang untuk membina balai polis di kawasan Inanam. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang bercadang untuk membina sebuah balai polis di kawasan Inanam Sabah dan projek tersebut telah pun disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Maran ingin mengetahui jumlah sebenar pondok dan balai polis yang perlu dibina semula dan bilakah Balai Polis Maran akan disiapkan? Yang Berhormat juga mencadangkan kemudahan asas polis terutama di pedalaman diperbaiki dan di baik pulih.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak 729 buah balai polis dan 714 pondok polis yang telah wujud di Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah meluluskan projek pembinaan semula sebanyak 81 buah balai polis dan 34 buah pondok polis. Mengenai Balai Polis Maran pula kontrak cadangan pembinaan IPD dan Balai Polis telah ditamatkan pada 28 Mei 2005 dan kini bahagian pembangunan KKDN dalam proses untuk melantik kontraktor yang baru bagi menyiapkan projek ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu mencadangkan agar peruntukan dalam Bajet 2007 pada PDRM dapat diberi lebih kepada IPK Sabah dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan peruntukkan belanja mengurus tahunan diagih kepada setiap IPK mengikut keperluan sebuah IPK berdasarkan kepada kekuatan bilangan anggota dan beban tugas. Pengagihan peruntukan ini juga mengambil kira keperluan yang dikemukakan oleh setiap IPK melalui anggaran belanja mengurus tahunan. Di samping itu peruntukan tambahan juga dipertimbangkan apabila pihak kontinjen mengemukakan permohonan dan keperluan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah ingin mengetahui daripada jumlah peruntukan sebanyak RM4.9 bilion. Apakah sebahagian daripada peruntukan itu akan diberi kepada PDRM untuk tujuan mengawal ketenteraman dan keselamatan negara. Apakah bentuk latihan dan kelengkapan yang akan diberi kepada PDRM menggunakan peruntukkan ini yang akan menambahbaikkan perkhidmatan PDRM dan mengawal keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah menerima sejumlah peruntukan sebanyak RM3,463,745,500, terdapat lima jabatan di bawah PDRM yang menerima peruntukkan dasar baru dan *one-off* bagi melaksanakan kerja-kerja mengawal ketenteraman dan keselamatan negara iaitu Jabatan Siasatan Jenayah, Risikan Keselamatan, Jabatan Siasatan, Jenayah Narkotik, Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial. Sebahagian daripada peruntukkan ini akan digunakan oleh PDRM untuk tujuan mengawal ketenteraman dan keselamatan negara seperti pelancaran Program Rakan Cop, membeli kenderaan dan peralatan untuk *chemical biological radiology* nuklear bagi Pasukan Simpanan Persekutuan, membeli peralatan baru untuk Pasukan Simpanan Persekutuan yang akan digunakan semasa menyuraikan rusuhan, membeli beberapa ekor kuda untuk unit berkuda. Di samping itu, kelengkapan latihan yang akan dibeli oleh PDRM menggunakan peruntukan ini adalah seperti berikut:

- (i) kelengkapan Mykad reader, kit pengesahan cap jari; pembelian alat perhubungan keselamatan, peralatan, bantuan operasi unit udara; dan

- (ii) latihan iaitu kursus Diploma Sains Siasatan, Kursus Perintah Tinggi Antarabangsa, Kursus Diploma Sains Polis, kursus, seminar di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin juga ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang untuk menambah pegawai dan anggota di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik di seluruh negara bagi membanteras dadah yang semakin serius. Tuan Yang di-Pertua, penambahan pegawai dan anggota di bahagian Jabatan Narkotik merupakan salah satu langkah bagi membanteras pengedaran dadah yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2006, kerajaan telah mewujudkan sebanyak 3,286 jawatan Polis Beruniform pelbagai gred berikutan penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik. Perwujudan jawatan ini adalah untuk fasal 1, yang melibatkan Ibu Pejabat Bukit Aman, semua IPK dan pegawai penyiasat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tebrau dan Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan tentang keperluan terhadap kaji semula skim gaji polis terutama skim yang melibatkan anggota pangkat rendah selaras dengan tanggungjawab berat yang dipikulkan. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003 kerajaan telah mengkaji semula Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang menyaksikan tangga kenaikan gaji baru yang terlibat dalam pindaan itu, telah meningkat berbanding dengan tangga gaji yang sedia ada pada ketika itu. Dalam pindaan ini, syarat kelayakan untuk lantikan terus jawatan konstabel telah pinda daripada Lulusan Penilaian Menengah Rendah atau PMR, Sijil Rendah Pelajar kepada Sijil Pelajaran Malaysia. Memandangkan pindaan itu telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004, maka pada ketika kerajaan tidak mempunyai perancangan bagi membuat pindaan terhadap Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Baru-baru ini Ketua Polis Negara yang baru Tan Sri Musa Hassan ada bercadang bahawa patutlah kenaikan gaji untuk polis khususnya untuk mereka yang peringkat rendah, khususnya mereka di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang, oleh kerana mereka sekarang di bawah garis kemiskinan.

Ada yang baru dapat RM600 sebulan, apabila garis kemiskinan untuk Kuala Lumpur ialah RM1,500. Ada yang *graduate*, ada yang ada diploma-diploma dan *degree* yang juga hampir garis kemiskinan. Bukankah ini masa untuk ubahsuai untuk menaikkan gaji, supaya kita ada polis di semua peringkat ada pendapatan atau gaji yang sewajarnya untuk mereka menunaikan tugas mereka supaya ada satu pasukan polis yang *world class*, boleh mengurangkan kadar jenayah yang begitu tinggi.

Selain daripada itu, supaya boleh melaksanakan IPCMC yang saya masih tunggu, apa jawapan mengenai IPCMC tetapi sekarang apa saya mahu tanya ialah kenapa kerajaan begitu degil tidak mahu menaikkan gaji pihak polis yang khususnya berpangkat rendah supaya atas garis kemiskinan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya ucap terima kasihlah di atas pandangan Yang Berhormat itu. Memanglah saya pun setuju supaya kita... *[Disampuk]* Bagilah saya bercakap. Saya pun bersetuju berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat berkenaan sekarang ini. Kalau kita tengok baru-baru ini kajian daripada tugas dan tanggungjawab polis sekarang ini bertambah berat berbanding dengan tugas-tugas orang lain iaitu jabatan-jabatan lain. Kerana kalau kita tengok baru-baru ini ada beberapa kejadian.

Yang terakhir sekali ialah apabila seorang konstabel polis telah meninggal dunia apabila kejadian samun di Temerloh baru-baru ini. Di mana enam orang penjenayah dapat dibanteras, tetapi seorang polis telah meninggal dunia. Begitu juga di Pulau Gaya, apabila mereka sedang adakan rondaan dan juga operasi untuk membanteras dadah di Pulau Gaya, mereka telah diserang dan mereka ada dua, tiga orang pada ketika itu berada dalam keadaan kritikal. Begitu juga mati ditikam baru-baru ini.

Jadi maknanya risiko mereka adalah tinggi selain daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Walaupun kerajaan tidak mempunyai cadangan setakat hari ini, rancangan untuk menaikkan gaji, tetapi walau bagaimanapun saya amat menyokong sekiranya polis bagi cadangan. Kita akan pertimbangkan oleh kerana saya rasa perlu dibagi perhatian kepada perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah ini bererti bahawa apa Yang Berhormat sebut tadi ditarik balik dan bahawa kerajaan rela untuk timbang semula cadangan untuk menaikkan gaji pihak-pihak polis. Adakah begini? Saya harap begitulah, supaya kita dua-dua pihak, pembangkang dan kerajaan kita boleh bersatu padu atas kenaikan gaji untuk polis. Bolehkah kita bersetuju?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya, Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat minta itu, saya sudah dalam kenyataan akhbar saya, saya telah menyokong apa yang dibuat oleh IGP baru itu. Jadi kalau Yang Berhormat sokong lagi, lagi baiklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akan tetapi dalam ucapan Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat kata tidak perlu oleh kerana *revision* yang awal, *last revision* ialah 2003. Itu patutlah *retract* itu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Betullah, itu *last revision*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, okay.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Akan tetapi sekarang ini apa-apa pun kita kena tengok *constrain* daripada kewangan negara juga. Kita kena lihat daripada kemampuan negara kita.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kalau kita rasa kita mampu, kita akan laksanakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta penjelasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi banyak perkara yang kita kena ambil pertimbangan. Jadi saya memang simpati dengan polis. Polis cadang, kita akan lihat dan kita tengok bayak perkara yang kita kena ambil kira, bukan itu sahaja. Jadi saya rasa benda itu..

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi yang mana satu..., Bintulu?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Apa pula?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bintulu, Bintulu, ya. Yang lain sila duduk.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Santubong ya? Dia bagi Santubong.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bintulu, Bintulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong. Yang lain sila duduk.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Ini persoalan yang dibangkitkan dan dilaporkan oleh surat khabar juga, soal polis konstabel ataupun polis pangkat rendah ini iaitu di bawah pangkat Sub-Inspektor ke bawah mempunyai diploma

dan ijazah tetapi mereka duduk di satu kedudukan yang tidak selaras dengan kelulusan mereka.

Akan tetapi saya mengetahui sistem kenaikan pangkat dalam jabatan polis dibiarkan pihak polis ataupun pihak Suruhanjaya Polis yang melihat kenaikan pangkat-kenaikan pangkat ini. Sepatutnya siapa yang mempunyai ijazah sudah menduduki sebagai ASP tetapi sebaliknya mereka ini masih jadi konstabel, jadi koperal, jadi Sarjan, Sarjan Mejar atau Sub-Inspektor.

Apakah tindakan kementerian supaya perkara anomali yang berlaku di dalam Jabatan Polis ini tidak berlaku. Nampaknya orang mempunyai kelulusan semasa berkhidmat tidak digalak untuk naik pangkat. Akhirnya ini akan membantutkan urusan kerajaan untuk semua anggota kerajaan untuk menimba ilmu. Saya sebenarnya selepas kerja polis dahulu, oleh sebab itulah dasar ini masih wujud semenjak tahun 70an lagi belum dilihat oleh kerajaan, akhirnya berlakulah perkara-perkara ini dan membantutkan fikiran, membantutkan pembangunan pegawai-pegawai polis sendiri. Macam mana pandangan kementerian supaya jangan dibiarkan sahaja pihak IGP membuat keputusan berdasarkan persoalan ini.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi sebenarnya saya amat bersetuju dengan apa pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya saya lebih suka bahawa jawatan kadet ASP ini tidak diwujudkan lagi. Maknanya kita walaupun kadang-kadang kita masuk dengan kelulusan universiti, dia terus diberi pangkat ASP, tetapi pengalaman. Pasal polis ini ialah penguatkuasaan. Dia memerlukan pengalaman untuk kita mengawal orang-orang di bawahnya dan sebagainya, memberi *command*. Kalau dia tidak mempunyai cukup pengalaman, saya rasa ia adalah sukar. Walaupun dia keluar kelulusan universiti tetapi pengalaman itu penting.

Sebab itu saya mencadangkan kita akan kemukakan supaya walaupun dia mempunyai ijazah tetapi dia mesti mula dengan pangkat inspektor dan gajinya mengikut skim seperti guru yang ada diploma dan skim lain yang ada tetapi pangkat dia adalah pangkat inspektor. Ini saya rasa lebih sesuai kerana apabila seseorang itu mempunyai pangkat yang lebih seperti ASP, dia mestilah mempunyai kebolehan untuk memberi arahan kepada orang-orang bawah tetapi kalau dia *fresh* daripada universiti, keluar terus diberi jawatan atau pangkat yang begitu tinggi, saya rasa ini tidak akan menepati matlamat kita.

Begitu juga anggota yang masuk daripada peringkat yang mempunyai diploma. Kita akan beri perhatian kepada mereka untuk terus dinaikkan pangkat dan hantar ke kursus untuk mereka yang berkenaan kerana mereka ini berminat walaupun mereka rasa mereka telah memohon untuk mendapat jawatan yang lebih tinggi, pegawai, tetapi mereka tidak dapat. Mereka telah turun ke bawah untuk mendapat jawatan konstabel. Saya rasa lepas ini kita akan buat kajian balik semula berkenaan dengan kenaikan pangkat dan juga skim gaji...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita lihat kemungkinan kementerian ada susah naik gaji polis ini. Kemungkinan ini bercanggah dengan perkhidmatan awam yang lain. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mungkin tidak setuju. Kalau polis naik, lain-lain semua mahu naik. Bolehkah kita diasingkan *scale* polis punya itu, asingkan daripada jawatan perkhidmatan awam? Kita buat satu kajian lain. Minta penjelasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Itu cadangan. Mungkin kita pertimbangkanlah tetapi walau bagaimanapun, kita tidak boleh samakan jawatan seorang atendan dengan polis pasal dia punya *nature of work is different*, beza sangat. Kita tidak boleh kata walaupun atendan yang masuk, skim gaji dia ini. Konstabel polis dia ini tetapi kerana *nature* kerja memerlukan, kadang-kadang risikonya tinggi, kadang-kadang dia keluar rumah, tidak tahu apa hendak jadi sama ada dia akan balik *in one piece* atau tidak. Jadi ia ada risikonya. Jadi kita kena pertimbangkan selain daripada dia punya kelulusan, dia punya risiko dan sebagainya. Jadi kerana itu saya menyokong penuh...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekejap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ya. Hendak bagi yang mana, Yang Berhormat..., Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Seputehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya agak keliru sini, saya hendak minta penjelasan. Kalau kita lihat Bajet 2007, peruntukan yang diberi kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri itu, adakah ia termasuk gaji yang dibayar kepada pegawai dan juga pihak polis kerana saya sebenarnya membangkitkan ini dalam ucapan saya bahawa kenapa kerajaan memberi peruntukan yang begitu banyak kepada Kementerian Pertahanan, walhal Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, khususnya pasukan polis sebenarnya lebih penting daripada tentera kerana musuh utama kita sekarang ialah penjenayah dan juga kadar jenayah semakin meningkat.

Saya tidak merendahkan kepentingan askar atau tentera sekarang. Kalau kita mempunyai sumber yang begitu suntuk. Kita sekarang bukan dalam peperangan, kita bukan macam negara Palestin yang mana peruntukan yang lebih banyak harus diberi kepada Kementerian Pertahanan. Kita lihat Kementerian Pertahanan sekarang hendak tubuhkan Universiti Pertahanan. Sebelum itu ada *national service*. Mereka sebenarnya melakukan banyak perkara yang bukan begitu penting kalau berbanding dengan peperangan menentang jenayah dan menahan jenayah. Saya hanya hendak tanya sama ada kementerian mempunyai kuasa untuk memperjuangkan lebih peruntukan kepada pihak polis dan juga kenaikan gaji atau ini adalah dalam bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Jadi siapa yang ada kuasa dari segi isu kenaikan gaji dan elaun polis.

Satu lagi ialah tentang dalam bajet tahun lepas, di mana pegawai polis diberi elaun *hand phone* RM200 satu bulan dan lepas itu saya diberitahu mereka dapat RM50 sahaja. Jadi dengan pertambahan bajet tahun ini, adakah kerajaan akan memberi balik hutang kos bil *hand phone* itu kepada pegawai polis.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan peruntukan ini saya tidak dapat beri penjelasan tetapi saya tahu bahawa kelengkapan tentera ini mahal. Sebiji MIG itu sudah berapa puluh bilion. Jadi ia perlukan peruntukan yang besar tetapi saya tidak dapat beri komen tentang itu tetapi walau bagaimanapun, saya harap supaya pihak pembangkang sendiri tolong dalam masa selain daripada kita hendak pergi intip polis, kita minta supaya tolong perbanyakkan peruntukan untuk anggota polis di masa-masa akan datang. Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan berkenaan dengan telefon tadi....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan terakhir mengenai perkara ini. Yang Berhormat ada minta bahawa pembangkang boleh sokong dan 100% kita akan sokong mengenai menaikkan tangga gaji untuk pihak polis oleh kerana kita mahu sebuah pasukan polis yang cemerlang, *world class* tetapi kita pun harap bahawa kita pun dapat sokongan daripada pihak pemerintah khasnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional kita mahu kecekapan juga hasil profesionalisme...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Daripada pihak polis khasnya termasuk mekanisme IPCMC dan kita nanti satu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi berkenaan dengan telefon tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, saya ingin memberitahu bahawa sebenarnya Yang Berhormat ingin tahu mengapa elaun telefon bimbit untuk pegawai penyiasat yang telah diluluskan sebanyak RM200 hanya dibayar RM50 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pegawai polis yang berpangkat *Assistant Commissioner* dan ke atas menikmati kemudahan elaun melalui bayaran bil dengan kadar maksimum sebanyak RM200 sebulan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2, Tahun 2002. Mengikut rekod kementerian ini, kerajaan tidak pernah meluluskan elaun telefon bimbit sebanyak RM200 kepada pegawai penyiasat yang berpangkat lebih rendah daripada ACP.

Kadar RM200 tersebut adalah kadar yang dipohon oleh Polis Malaysia tetapi diluluskan oleh kerajaan hanya RM50. Jadi walau bagaimanapun ini akan kita pertimbangkanlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi hutang itu diberikan balik kepada mereka.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tidak ada hutang, tidak ada hutang. Kita lulus RM50 sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, tapi memang tidak adil kalau pegawai polis yang menjalankan siasatan jenayah mereka perlu mengeluarkan wang untuk bayar *hand phone* mereka untuk menjalankan siasatan. Saya rasa apa yang pihak polis minta, kerajaan harus bagi. Ini memang tidak berpatutan. Itulah sebabnya selalu berlaku rasuah di kalangan polis kerana mereka memang menghadapi masalah dari segi kewangan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya faham Yang Berhormat. Jadi benda itu akan dipertimbangkan, akan dipertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Panjang lagi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tebrau ingin mengetahui adakah kerajaan bercadang memasang CCTV di kawasan yang sering berlaku jenayah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jauh pergi, saya hendak sokong. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cukup bersemangat apabila sebut naik gaji polis. Sebenarnya orang yang mula-mula bercakap ialah Pasir Puteh, bukan Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hei, Seputeh!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi saya hendak menyatakan bahawa kerja polis ini memang...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta duduk diam. Saya sebenarnya, saya tidak boleh harap sangat pembangkang sokong pun, kadang-kadang dia tidak sokong balik. Jadi saya hendak menyatakan bahawa polis termasuk dalam golongan kerja-kerja yang dianggap kritikal, mencabar. Nyawa di hujung rambut, seolah-olahnya begitu. Maka sebab itu saya menyokong penuh supaya tengok balik jangan kira besar kecil, yang kecil kita kira tambah secara kecil. Jadi kita jangan fikir yang besar sahaja sebab yang kecil ini sahaja yang menempah maut. Maknanya bergadai nyawa ini. Sebab itulah saya menyokong Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya kita tengok balik jangan fikir pembangkangkah, kerajaankah tapi ini adalah hak kerajaan untuk memberi pertimbangan sewajarnya. Setuju tak?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Setuju. Sebenarnya bukan sahaja tangga gaji yang kita sedang lihat tapi kenaikan pangkat juga. Saya ada bapa saudara saya yang bekerja polis 30 tahun pencen koperal. Jadi kita hendak supaya konstabel ini apabila dia pencen sekurang-sekurangnya pangkat sarjan. Sekarang ini kebanyakan sampai situ. Jadi sistem baru akan diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM memerlukan kerjasama pihak berkuasa tempatan yang menyediakan peruntukan dalam kemudahan tersebut. Ini adalah berhubung dengan pekeliling Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertarikh 29 Jun 2004, di mana kerajaan telah mengarah PBT bertanggungjawab dalam pemasangan dan penyelenggaraan CCTV tersebut. PDRM hanya sekadar berupaya memberi nasihat dari segi lokasi dan kawasan-kawasan yang ditempatkan dan aktiviti pemantauannya.

Walau bagaimanapun, pada masa kini di Kuala Lumpur sahaja 14 lokasi telah ditempatkan CCTV bagi tujuan trafik dan pencegahan jenayah. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah bercadang untuk menambah 46 unit CCTV di sekitar Kuala Lumpur, Dang Wangi 16 unit, Brickfields sepuluh unit, Cheras sepuluh unit dan Sentul sepuluh unit. Memandangkan kesan penurunan jenayah yang amat ketara berikutan dengan pemasangan CCTV di Kuala Lumpur. Terdapat 20 lokasi CCTV yang telah ditempatkan di sekitar Bandar Raya Melaka dan 58 lokasi telah diperkenalkan...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Antara lokasi yang masih di peringkat perbincangan ialah di Pulau Pinang adalah di timur laut 27 lokasi, di Seberang Perai Utara, sembilan lokasi, Seberang Perai tengah 18 lokasi, Seberang Perai Selatan, empat lokasi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Santubong.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan CCTV ini. Sebenarnya kalau Tuan Yang di-Pertua baca buku *Emperor of The City*, sejarah Gabenor New York yang menukar New York menjadi satu bandar yang dahulunya tidak boleh berjalan di mana-mana tempat, susah berjalan menjadi salah satu bandar yang selamat di dunia menggunakan CCTV ini.

Jadi persoalannya apakah perancangan kerajaan secara menyeluruh seluruh negara kerana semua bandar di negara ini telah mengalami satu peningkatan jenayah yang mendadak ataupun tinggi. Jadi adakah kerajaan membuat satu perancangan dan buat penyelidikan untuk melaksanakan CCTV ini sekurang-kurangnya mengurangkan sedikit sumber kewangan untuk perkara-perkara lain kegunaan polis ini. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Seperti mana yang saya jawab ini Yang Berhormat ini bawah kerajaan tempatan. Memanglah kita berharap supaya mereka memasang CCTV ini di seluruh negara di tempat-tempat yang mempunyai *crime rate* yang tinggi terutama sekali di bandar-bandar raya.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat *maintenance* dia cukup mahal. Umpamanya kita ada TMC iaitu Transport Management Centre yang ditadbir oleh pihak bandar raya. Kita mempunyai 255 buah kamera yang mengawal lalu lintas di bandar raya tetapi dia punyai *maintenance is about* RM30 juta setahun. Jadi dia satu perbelanjaan yang agak besar juga tetapi walau bagaimanapun kita haraplah benda ini akan dapat dipasang di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Bintulu mencadangkan supaya potongan 70% saman oleh PDRM di kekal dan dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil kesempatan dan mengarahkan agar perkara ini di tangguh untuk dikaji semula. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mencadangkan agar jumlah anggota polis bertugas di balai-balai ditambah dan elaun bagi anggota polis bertugas di luar balai juga ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia telah menyedari akan kekurangan anggota dalam mengawal keselamatan. PDRM sentiasa mengkaji daripada masa ke semasa mengenai keperluan penempatan anggota di luar balai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan di dalam Bajet 2007, akan meningkatkan elaun gantian motosikal untuk polis peronda daripada RM80 kepada RM120.

Kerajaan juga telah bersetuju sebanyak RM4.9 bilion diperuntukkan kepada PDRM bagi mempertingkatkan keupayaan dan peranan PDRM termasuk meluluskan pemberian 2000 unit kereta peronda dan menambah 3000 perjawatan baru pemandu peronda polis. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Timbalan Menteri terang sikit apa jenis kereta ronda itu. Kancil lagi ke atau pun motosikal sahaja?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, kereta ialah kereta jenis Waja baru itu, Proton. Jadi sebenarnya kita sedang kaji balik berkenaan dengan kenderaan yang digunakan. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat iaitu kereta *Kancil* tidak sesuai lagi diguna sekarang ini. Jadi kita akan kaji balik semula dari segi logistiknya berkenaan..

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tak, masalah itu *four wheel drive*. *Four wheel drive*.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, *four wheel drive* pun kita akan kaji semula. Kita tak pakai lagi *Land Rover*, kerana *Land Rover* itu mahal. Kita akan pakai *Twin Cabin*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tak apalah. Pakai *Toyota* pun baiklah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Hah, ya..., kerana *Toyota Hilux* lebih murah. Okey?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan lagi. Mengenai kereta rondaan polis ini. Kami juga diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa 3000 pemandu kereta ronda polis telah pun dicadangkan. Okey, soalan saya ialah sekarang kita ada peruntukan itu ada cadangan untuk tambah 3000 lagi polis yang memandu kereta polis dan berapakah pegawai polis yang bersara setiap tahun? Kalau yang bersara itu 3000, kita sekarang tambah 3000 lagi, ini sudah diimbangi. Jadi, yang niat kerajaan untuk menambah pegawai polis untuk memerangi jenayah itu pun tidak akan tercapai.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya tak dapatlah nak bagi tahu penjelasan berkenaan perkara itu. Jadi saya rasa benda itu tak usah diambil kiralah. Kita sekurang-kurangnya daripada kita ada 2000 kereta baru, lepas itu kita ada 3000 ribu pemandu. Saya rasa dah mencukupi dah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sepanggar ingin mengetahui apakah langkah yang akan diambil oleh pihak polis untuk mengatasi masalah jenayah terutama kecurian di kawasan Pekan Telipot. Manakala Yang Berhormat bagi Tebrau pula ingin mengetahui apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah jenayah yang meningkat di kawasan Johor Bahru Selatan.

Ini termasuk masalah kekurangan anggota polis yang ketara di kawasan Johor Bahru Selatan, Yang Berhormat bagi Tebrau juga membangkitkan berkenaan dengan langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia tahun 2007. Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bintulu Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bintulu bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nampak Yang Berhormat bagi Sepanggar sudah limpas, memang saya punya tidak masuklah. Macam mana itu hari dalam perbahasan saya ada bersoal isu mengenai naik taraf balai polis Bintulu, terutama sekali di Batu Satu Setengah di Bintulu sana. Itu hanya itu balai polis kira pondok ke, ataupun rumah banglo polis ke saya pun tak tahu lah.

Itu sudah lama, sampai hari ini tidak ada nampak apa-apa tindakan atau pun rancangan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan walaupun Perdana Menteri merangkap Menteri Keselamatan Dalam Negeri sudah lulus. Jadi, saya minta...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bila lulus?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya akan tengok lah perkara ini, saya akan ambil perhatian dan mungkin saya akan pergi ke tempat Yang Berhormat sendiri untuk melihat balai polis yang Yang Berhormat kata itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Bagilah saya jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, bukan. saya ada,

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sudah banyak kali lah lu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, saya ada berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang itu. Ucapan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang itu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tak mari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak nak ke Yang Berhormat, nak bagi ke tidak?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha tak payah. Dia tak bagi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, ada perkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Berkaitan. Yang Berhormat, saya nak tanya,

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya tak boleh habis. Banyak ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang sahaja. Lepas itu saya diam.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah mengambil pendekatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh ya? Kasihan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya dah bagi *you* banyak kali dah Teresa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *You wait* ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sikit sahaja. Saya tolong Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bangkitkan satu isu sahaja.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey kawan. Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, okey. Terima kasih. Dalam ucapan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, dia sebenarnya ada sebut tentang satu masalah dihadapi oleh semua Wakil Rakyat Kuala Lumpur DAP ini. Kami dah sejak Ketua Polis Kuala Lumpur itu Datuk Sulaiman memegang jawatannya, pihak saya, saya yang tulis surat kepada dia yang kata yang Wakil Rakyat DAP di Kuala Lumpur ingin berjumpa dengan dia. Ini adalah satu praktis setiap bila setiap Ketua Polis Kuala Lumpur memegang jawatan, kami buat satu *courtesy* dan kenal dia. Bekas Ketua Polis Kuala Lumpur malah beri dia punya nombor telefon bimbit kepada saya tetapi bagi yang baru yang Ketua Polis...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Apa Yang Berhormat? Yang Berhormat nak jumpa dia ke?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia enggan berjumpa dengan kami.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tak apa, nanti saya tolong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sudah tiga bulan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tak apa, tak apa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tiga bulan kami minta perjumpaan, dia begitu tidak mesra dengan rakyat dan dia enggan berjumpa dengan pelbagai alasan. Saya hanya nak tahu adakah orang seperti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, cukup.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya dah faham dah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah orang seperti ini sesuai untuk jadi Ketua Polis Kuala Lumpur? Yang mana yang kita menghadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh cukuplah. Timbalan Menteri nak jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang mana kita menghadapi kadar jenayah yang begitu tinggi dan Ketua Polis kita enggan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sudahlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Berjumpa, bekerjasama dengan Wakil Rakyat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya sudah faham Yang Berhormat. Boleh. Tak apalah Yang Berhormat hendak jumpa, nanti saya aturkanlah, Yang Berhormat jumpa dia.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah mengambil pendekatan yang lebih efektif bagi mencegah dan menangkap penjenayah-penjenayah seperti:

- (i) mengadakan lebih banyak perondaan, pencegahan jenayah di kawasan-kawasan yang dikenal pasti kerap berlaku penjenayahan;
- (ii) mengadakan pasukan khas untuk melaksanakan serbuan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti ;
- (iii) menambahkan rondaan MPV dari masa ke semasa;
- (iv) mempertingkatkan kempen kesedaran dan publisiti kepada orang ramai dalam usaha mencegah jenayah; dan
- (v) mengadakan hubungan yang rapat di antara pihak polis dan masyarakat di mana penglibatan badan bukan kerajaan NGO seperti Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia di dalam membantu PDRM dan kerajaan untuk mencari langkah-langkah yang terbaik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata mengenai perondaan polis atau polis *visibility*. Baru-baru ini Ketua Polis Negara yang baru yang kata bahawa daripada Bukit Aman beliau ada *release* 800 orang oleh kerana ada kerja mereka ialah *redundant* dalam Bukit Aman untuk tugas rondaan, 800 orang tetapi mengikut laporan Suruhanjaya Diraja, ada 35 ribu orang boleh di *release* daripada kerja mereka kepada tugas *core police function* untuk menjaga keselamatan rakyat dan negara.

Kenapa ini, belum dibuat? Supaya boleh *release* 30,000 orang daripada kerja-kerja yang bukan *core police function* kepada *core police function* supaya boleh kurangkan kadar jenayah. Adakah ini dalam proses untuk dilaksanakan? Begitu lama sudah selepas laporan itu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya belum sampai ke tempat itu. Ya, ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey saya tunggu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kontinjen Johor telah mengambil langkah proaktif dengan yang pertama memberi tambahan lebih kurang 1000 perjawatan kepada lapan buah balai polis di bawah Ibu Pejabat Daerah Johor Bahru Selatan walaupun pada dasarnya perjawatan sebenarnya ada 820 perjawatan sahaja. Memberi bantuan secara berperingkat kepada unit pasukan sahabat seperti pasukan marin, pasukan simpanan, pasukan persekutuan dan pasukan gerak khas, PGA di antara 20 hingga 100 orang mengikut kemampuan dan keadaan.

Yang ketiga, pegawai dan anggota di ibu pejabat kontinjen turut membantu IPD Johor Bahru Selatan daripada masa ke semasa mengarah IPD-IPD yang lain memberi bantuan semasa menjalankan operasi. Bagi memastikan tahap keselamatan ditingkatkan sempena Tahun Melawat Malaysia, PDRM telah mengambil langkah-langkah melalui unit pelancongan di kontinjen Kuala Lumpur yang mempunyai kekuatan dua ASP, satu *Chief Inspector*, dan 166 anggota.

Unit ini menjalankan aktiviti menerima laporan siasatan dan pencegahan. Di antara langkah-langkah pencegahan yang diambil adalah melalui *beat*, *beat base*, jalan kaki, rondaan motosikal, rondaan empat buah MPV, di samping itu sebanyak lima buah pondok polis pelancong telah dibina di Jalan Bukit Bintang, Jalan P. Ramlee, Jalan Sultan Sulaiman, Berjaya Times Square, Menara Kuala Lumpur dan MTC. Kontinjen Kuala Lumpur juga menjalankan tugas pencegahan seperti mengadakan Ops Rentap.

Semua anggota yang bertugas di pejabat pada waktu tugas untuk menjalankan operasi ini, sasaran adalah untuk mencegah jenayah ragut, samun dan curi. Rondaan MPV daerah, rondaan MPV khas, CCTV, program Rakan Cop. Yang keenam mendapat kerjasama daripada RTM melalui hebohan radio. *System See For Eye*.

Yang kelapan, sistem *Police Emergency Reporting System* yang telah dilancarkan di Sg. Wang Plaza pada 7 September 2006. Cadangan memasang di Jalan Tuanku Abdul Rahman, SOGO, persimpangan Jalan P. Ramlee dan Jalan Sultan Sulaiman.

Yang Berhormat bagi Bintulu mencadangkan supaya anak-anak anggota polis yang terkorban semasa menjalankan tugas diambil oleh kerajaan diambil sebagai anak angkat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui badan hal ehwal bekas polis memang bercadang supaya anak-anak bekas polis termasuk anak-anak anggota yang terkorban semasa menjalankan tugas dijadikan anak angkat. Kajian sedang dibuat untuk menentukan kaedah pelaksanaannya.

Yang Berhormat bagi Bintulu juga meminta penjelasan mengenai peralatan dan kelengkapan yang diguna oleh PDRM seperti kenderaan dan persenjataan yang telah usang dan ketinggalan zaman. Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan sejumlah 64% daripada jumlah keseluruhan kenderaan polis Malaysia (PDRM) telah melebihi had usia yang ekonomik penggunaan. Manakala 95% senjata api PDRM adalah berusia lebih 25 tahun. Bagaimanapun, kenderaan dan senjata api tersebut masih boleh digunakan untuk menjalankan tugas-tugas tertentu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat tak payah baca semualah Yang Berhormat. Sikit-sikit sudahlah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pendang ingin mengetahui berkenaan dengan cadangan meminda Akta Polis 1967, memberi kuasa kepada polis menahan pelajar-pelajar yang ponteng sekolah. Saya rasa benda ini kita serah kepada Kementerian Pelajaran untuk menentukan. Yang Berhormat daripada Sekinchan membangkitkan berkenaan dengan pengiring VIP yang memandu laju di jalan raya kadang-kadang hingga boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna.

Sebenarnya kita mempunyai setiap kali bila ada mengiringi VIP, kita sudah ada kita punya anggota yang membuat *clearance* lebih awal. Setakat ini kita tidak ada kemalangan yang serius berlaku. Tahun 2004, hanya tiga kemalangan kecil yang berlaku. Tahun 2005, dua kemalangan kecil. Bagi Januari 2006, ada lima kemalangan kecil di Selangor, dua di Kedah. Yang Berhormat bagi Kuala Krau ingin mengetahui bilangan rang undang-undang untuk menghukum penghidu gam. Benda ini sedang dalam kajian AG.

Yang Berhormat bagi Tawau menyarankan supaya usul memerangi dadah mestilah ditingkatkan khususnya membanteras *ecstasy*. Jadi saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat bagi Bagan ingin tahu mengapakah kes-kes yang jenayah seperti kes seorang lelaki di dalam but kereta di tepi jalan. Peguam yang mati ditembak di Bukit Fraser. Doktor yang mati ditembak di Bukit Tengah. Mengapa sehingga sekarang belum selesai? Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah berusaha untuk menyelesaikan kes-kes jenayah yang dilaporkan. Walau bagaimanapun wujudnya dakwaan mengatakan bahawa polis tidak dapat menyelesaikan banyak kes-kes jenayah ini. Ini tidak bermakna PDRM tidak mengambil sebarang tindakan.

Seperti kes jenayah, kes bunuh seorang lelaki yang dijumpai dalam but kereta di Butterworth, Pulau Pinang pada 29 Jun 2006, PDRM telah mengenal pasti motif pembunuhan tersebut dan telah membuat dua tangkapan. Di mana salah seorang daripada suspek telah mengaku terlibat di dalam kes tersebut manakala seorang lagi masih direman dan kes tersebut telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk izin pendakwaan pada 18 September 2006. Kes ini di*classifiekkan* sebagai telah selesai, sudah didakwa. Bagi seorang peguam yang ditembak mati di Bukit Mertajam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payah baca semualah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya..., tak payah baca?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tak apa. Saya akan bagi secara bertulis Yang Berhormat ya? Semua dah selesai.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang penting-penting sahaja. Kalau tak ada, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang penting, penting, tak ada yang penting sangatlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasihlah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Semua dah okeylah sebenarnya. Keadaan semua..

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sedikit Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya nak bercakap fasal IPCMC sikitlah.

Seorang Ahli: Tak payahlah IPCMC.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: IPCMC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya tak mahulah, fasal ketua pembangkang tanya tadi. Saya tak jawab nanti susah pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya jawatan IPCMC ini di peringkat kajian yang terakhir dan akan diumumkan tidak berapa lama lagi.

Seorang Ahli: Tak payahlah itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sabak Bernam dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan mengenai..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, nak bagi Yang Berhormat? Sabak Bernam atau Ipoh Timor?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sabak Bernam dahulu?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam? Okey.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ada bangkitkan tentang isu dadah ini mengatasinya... *[Dewan riuh]* Nanti dulu, sudah sebut tetapi perkara yang penting yang Sabak Bernam sebut belum disentuh. Kita mencadangkan supaya di setiap daerah diwujudkan bilik gerakan memerangi dadah. Sebenarnya kita dalam keadaan perang. Itu satu. Dan bilik gerakan ini harus hidup setiap hari. Nampak satu *urgency* dalam peperangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat,...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Itu perkara yang pertama. Yang keduanya juga dengan AADK. Saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian secara khusus supaya tindakan memerangi dadah ini nampak jelas sebagai ia musuh nombor satu negara. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, Yang Berhormat kita ambil perhatian. Saya kata tadi, kita ambil perhatian. Sekiranya ada peruntukan kita buatlah, okey?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, penjelasan. Jawapan bahawa peringkat yang terakhir dan akan diumumkan. Itu jawapan yang diberi dalam Dewan. Kali yang ketiga, kali yang keempat... *[Disampuk]* Kalau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak berminat perkara ini, mereka boleh keluar balik. Jangan ganggu kita!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Haiya, itu tak mustahak sudah! Kemudahan asas...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kawal Bintulu, kawal Bintulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mereka boleh keluar balik, mereka boleh keluar balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan ganggu perjalanan Parlimen. Mereka tidak berminat. Tidak berminat mengenai kadar..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, sudah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Jenayah di negara kita, tak berminat mengenai masalah keselamatan rakyat kita terjamin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa guna? Yang Berhormat Jasin mahu Mercedes sahaja daripada kastam! Ada apa mahu? Baliklah kalau tak berminat perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawablah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya hendak tanya, mereka ganggu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri mahu menjawab lagikah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini mereka ganggu di latar belakang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Sila duduk, sila duduk.

Seorang Ahli: Bintulu banyak ganggu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau buat kacau, keluar Dewanlah! Apa ini Jasin MP?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya mahu tanya IPCMC, kenapa begitu lama?... [*Disampuk*]. Apa mahu? Kacau, kacau! Apa kacau..., apa ganggu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Timbalan Menteri jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah benar bahawa... [*Disampuk*]. Apa itu? Tak ada, okey, diam-diam, berkelakuan yang baik. Bukankah benar bahawa cadangan IPCMC sudah diberi kepada kerajaan dalam laporan interim Suruhanjaya Polis Diraja pada bulan Ogos 2004, lebih daripada dua tahun, lebih ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Belum lagi mahu siap? Belum siap?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu, hah? Apa, belum siap? Ada *interim report* ada dibuat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok! Apa cukup itu? Belum kemukakan ini. Mereka yang tunjuk mereka tidak minat, tidak kira orang bunuh bahawa orang...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mesti mahu tahu polis punya masalah dahulu, baru cerita lain! Haiya!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok ini, saya malulah Ahli Parlimen Barisan Nasional.

Seorang Ahli: Ini Bintulu banyak bising... [*Memandangkan ke arah Yang Berhormat poh Timor*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Malu apa? *You* mesti mahu tahu, kalau tidak tahu apa mahu cerita?... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak bertanggungjawab. *You* boleh keluar dari Dewan ini supaya kita boleh bincang perkara yang serius kepada rakyat dan ini bukan perkara yang serius bagi Ahli-ahli Parlimen, semua dapat perlindungan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* nak jadi ahli majlis kah dalam IPCMC?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu tanya dan minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau tidak mahu dengar, keluar. Yang Berhormat, saya mahu tanya, bukankah benar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah faham itu, jadi biar dia jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan faham, dia tidak boleh faham. Beliau bukan *mind reader*...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua pun bukan *mind reader*, bukankah benar ini?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah saya kemukakan penjelasan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Duduk, duduk. Saya mahu bertanya. Nanti, nanti ya, *please, please*.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey, jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Please, please*. Bukankah benar bahawa cadangan penubuhan IPCMC ada dibuat dalam interim *report* dalam bulan Ogos 2004 dan ini bererti bahawa lebih daripada dua tahun yang lepas. Oleh kerana polis pun ada kata bahawa perakuan-perakuan mengenai *interim report*, polis pun ada semak, polis pun ada timbang dan kaji kenapa laporan enam bulan yang diambil oleh Suruhanjaya Polis Diraja, enam bulan dibuat, kerajaan dan polis perlu ambil lebih dua tahun. Kali yang pertama pengumuman dan kenyataan dibuat bahawa perkara ini adalah dalam tangan kamar Peguam Negara ialah tahun lalu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya lah, saya faham sudah. Boleh saya jawab?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Banyak lagi kementerian ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengambil masa begitu lama..., bolehkah kita tahu, bilakah ia akan habis?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Boleh saya jawab..., boleh saya jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri kena gulunglah jawapannya itu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, IPCMC?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, IPCMC.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: IPCMC ini adalah satu perkara yang penting. Kalau kita tidak begitu teliti, kita kena dengar semua pihak termasuk dengan polis juga dan juga daripada Ahli-ahli Parlimen, daripada orang ramai dan sebagainya. Sekarang ini di peringkat kajian dan polis di peringkat AG dan akan diumumkan, kita tidak boleh buat begitu sahaja. Sebenarnya untuk disiplin polis, sekarang kita sudah ada polis dan sekarangnyanya berjalan, tidak ada masalah.

Pada anggota polis yang melakukan kesalahan tatatertib, sekarang pun masih ambil tindakan. Seperti mana yang saya jawab, dua, tiga hari baru-baru ini ada seorang polis yang berpangkat ASP dibuang kerja. Dari Superintendent turun pangkat dan beberapa anggota-anggota lain yang telah dikenakan tatatertib. Maknanya kita tidak memandang perkara ini sebagai satu perkara yang main-main. Kita ada sekarang dan sedang dilaksanakan dan perkara ini kita kena kaji dari semua aspek sebelum kita melaksanakan. Apabila kita melaksanakan, apabila diumumkan, adalah sudah lewat kalau apa-apa berlaku pun. Jadi kita kena fikir segala-galanya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat tidak payah dan tidak perlu gusar mengenai hal ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, nanti, nanti. Kita hormat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ramai bangun, nak beri jalan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: [Menyampuk]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor!

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita hormat Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri. Perdana Menteri sudah berjaya untuk menjatuhkan satu *giant* di dunia, jangan begitu takutlah! So, berjaya dan menggalakkan *giant* di dunia dalam Kubang Pasu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada kepercayaan, ada kepercayaan!

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kubang Pasu tidak ada kena-mengena dengan IPCMC. Yang Berhormat jangan begini, *don't do like this!* Tidak ada apa!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hah, sebab itu saya kata patut ada kepercayaan. Okey, saya mahu tanya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan, minta penjelasan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak gunalah dekat belakang itu. Itu hulubalang-hulubalang tidak berotak itu, tidak berotak itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey! Ya, Timbalan Menteri...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta penjelasan!

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, cukuplah, cukuplah, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu? Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa begitu takut? Tentang IPCMC, kena takut?... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan, dia tidak beri jalan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta gulung boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung habiskanlah, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan dia beri jalan, dia telah tewaskan *giant* di dunia, Tun Dr. Mahathir, dia ada kepercayaan! Dia ada berkepercayaan...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Apa kena-mengena Tun Dr. Mahathir dengan IPCMC?... *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak perlu orang. Semua hulubalang-hulubalang itu yang tidak berotak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu di luar lah!

Beberapa Ahli: Wo!

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *Come on lah!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, bolehkah saya tanya? Kita seriuslah dalam perkara ini, kita serius...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah kita serius?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya serius. Saya jawab secara serius, Yang Berhormat tidak serius, *you* tidak boleh terima kenyataan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey. Latar belakang ini... Okey, kita tidak mahu dia ganggu, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey, Yang Berhormat saya nak gulung.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Kata bahawa ada orang ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalankah atau tidak..., hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terakhir, terakhir, okey?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Bintulu sila duduk. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat, dia hendak jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, bukan saya cuma hendak tahu serius atau tidak serius, dia kata bahawa ada badan-badan mekanisme untuk mengendali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Dan mengendali isu-isu. Sama ada polis terlibat dengan tatatertib dan lain-lain, semua ini sudah ada bukan? Apabila *Royal Police Commission* ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah ada?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sekian sahaja penjelasan saya. Sekiranya masih terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh, pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak mahu dengar, apa guna jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia ini tidak berani untuk menghadapi soalan. Sistem penyampaian yang lemah... [*Disampuk*] Apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Benarlah, mengapa begitu takut? Kenapa IPCMC nampaknya begitu takut? Takut bukan sahaja Yang Amat Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik cukup. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cukup. Sekarang saya jemput... Sudah habis Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sudah habis?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dijemput Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi... [Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Perkara ini boleh menewaskan seorang *giant* di dunia, Tun Dr. Mahathir, bagaimana? Duit, politik wang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Okey, okey, sudah habis, sudah habis!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tunggulah! Kalau boleh tewaskan seorang *giant* dan berlagak sebagai seorang *giant* sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sila duduk. Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukannya malu, tanya hulubalang-hulubalang di belakang semua takut. Apa pula ini, apalah, malulah ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sudahlah. Sudah tidak laku lagilah surat khabar lama!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jasin, diamlah!

Beberapa Ahli: [Ketawa] [Menyampuk]

8.26 mlm.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Lubuk Antu, Setiu, Putatan, Jasin, Bukit Mas, Baram, Sri Aman, Bintulu, Kuala Krau dan Tenom yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sepanjang perbahasan ke atas Bajet 2007. Saya akan menjawabnya mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor iaitu mengenai kehadiran pegawai-pegawai dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang telah diarah oleh pihak Amerika Syarikat untuk meninggalkan rundingan dalam dua mesyuarat berasingan.

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan pegawai-pegawai Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia serta juga Lembaga Tembakau Negara telah terlibat dalam perundingan *Malaysia-US Free Trade Area Working Group on Agriculture*, dengan izin, yang diadakan pada 12 sehingga 16 Jun 2006 di Pulau Pinang.

Dalam perundingan tersebut, pihak Amerika Syarikat meminta supaya rundingan dihadkan kepada pegawai-pegawai kerajaan sahaja. Atas permintaan pihak Amerika Syarikat, pegawai dari Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) tidak menyertai rundingan tersebut. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa MPOC ini adalah sebuah NGO dan bukan pertubuhan yang ditubuhkan di bawah kementerian sebagai satu agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan skim bantuan untuk memajukan tanaman getah dan kelapa sawit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lubuk Antu, Bukit Mas, Baram dan juga Sri Aman, ingin saya memaklumkan bahawa kementerian saya menyediakan skim bantuan dan pinjaman kepada pekebun kecil, kelapa sawit dan juga getah. Skim-skim adalah seperti ini;

- (i) Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti;
- (ii) Skim Bantuan Integrasi Tanaman dan Ternakan; dan

(iii) Skim Pinjaman Mudah Tanaman Kelapa Sawit.

Skim-skim sudah diumumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam beberapa sesi jawab pertanyaan soalan di dalam Dewan yang mulia ini juga.

[Yang Berhormat Ipoh Timor meninggalkan Dewan]

Beberapa Ahli Barisan Nasional: Baliklah, baliklah.... *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap sambil berjalan keluar Dewan]*

Datuk Peter Chin Fah Kui: Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi juga mengambil maklum akan saranan Yang Berhormat bagi Setiu bahawa perpindahan teknologi dalam sektor pertanian adalah penting. Penggunaan teknologi pada dasarnya boleh membantu meningkatkan kecekapan dan produktiviti, mengurangkan kos serta penggantungan kepada tenaga kerja asing. Sebagai contoh, MPOB telah mencipta jentera dan mesin yang sesuai untuk digunakan di dalam ladang sawit iaitu treler motosikal yang digunakan untuk mengangkut buah tandan segar.

Kementerian saya melalui agensi-agensinya sentiasa menganjurkan seminar *conference* dan menerbitkan risalah bagi mempromosikan penemuan dan penggunaan teknologi terkini bagi industri berasaskan komoditi. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Putatan, ingin saya memaklumkan bahawa Kampung Kotogop di Sabah merupakan salah satu kampung yang dipilih oleh kerajaan bagi projek integrasi tanaman getah dengan aktiviti pertanian yang lain seperti ternakan dan tanaman kontan....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Peter Chin Fah Kui: ... Yang bertujuan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, sekejap! ...Untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil di sana. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin, hendak tanya apa?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat Menteri ada, saya masih tidak puas hati dengan MPOB. Kita kata kita *the best* tetapi masalah sekarang, kalau kita tengok jurnal apa pun, kelapa sawit kita, kita boleh perah sampai 30%, tetapi sekarang ini MPOB masih lagi 23% sudah puluh tahun. Begitu juga dengan alatan-alatan. Kalau setakat alatan MPOB boleh cari, buat motosikal hendak tarik buah, saya rasa itu bukan kemajuan. Malah saya pernah melawat kilang Yang Berhormat Menteri. Di Thailand pada hari ini dia sudah keluar *four wheel drive*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Yang boleh. Soalan dia Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri prihatin soal itu, kerana orang sudah main *four wheel drive*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: untuk masuk di dalam kebun, dapat mengeluarkan kelapa sawit, sudah macam kereta perang, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, MPOB motosikal lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat terima kasih, mesin motosikal ini sebagai satu contoh mesin, kerana kita berbincang dengan mesin motosikal atau treler motosikal ini, hanya digunakan untuk pekebun kecil yang sesuai untuk pekebun kecil. Kalaupun kita sebut ladang, ladang yang telah dimajukan oleh syarikat besar, mereka juga menggunakan lokomotif, menggunakan treler yang dengan kuasa kuda yang besar dan canggih dan sebagainya.

Semua ini memang digunakan, tetapi saya sebut di sini motosikal sebagai satu contoh sahajalah ya. Satu contoh di mana sesuai digunakan untuk pekebun kecil tetapi, saya memang menjadikan satu dasar bagi Kementerian saya iaitu kita memang menggalakkan pihak pengusaha ladang ini menggunakan mesin yang baru dan dicipta baru dan sebagainya sebab kita tahu, kalau kita gunakan mesin maknanya kita akan kurang menggunakan tenaga manusia yang kebanyakannya datang dari negara asing.

Kita cubalah dalam usaha ini untuk perladangan ini untuk mengurangkan penggunaan pekerja asing. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Kampung Kotogop di Sabah, persetujuan telah dicapai untuk pekebun kecil dan juga Lembaga Getah di Malaysia untuk menjalankan projek ternakan ayam kampung. Di bawah projek ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM150 ribu dalam bentuk bantuan anak ayam dan input lain. Sebenarnya LGM tidak pernah tersasar daripada matlamat untuk menggalakkan pekebun kecil menggunakan teknologi torehan, kekerapan rendah atau LITS...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sekejap, nanti saya habiskan ayat ini. ...Untuk meningkatkan pengeluaran hasil getah. Aktiviti sampingan seperti projek ternakan ayam ini adalah untuk memaksimumkan masa yang dijamin hasil dari penggunaan teknologi LITS tersebut bagi meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil getah. Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan kami juga mengucapkan ribuan terima kasih dengan hasrat yang baik, niat yang baik oleh Kementerian meningkatkan pendapatan kepada penoreh-penoreh getah terutama sekali di masyarakat-masyarakat yang miskin di luar bandar. Memang kita sambut dengan baik.

Akan tetapi, apa yang dipersoalkan di sini Yang Berhormat Menteri adalah soal penyampaiannya itu oleh LGM sendiri, adakah Kementerian ada menyelaras perkara ini dengan pakar-pakar pertanian atau Jabatan Haiwan yang ada di tempat itu kerana apa yang kita fahamkan di Kampung Kotogop ini reban ayam itu dibuat dekat dengan hutan yang tebal jauh dari infrastruktur jalan dan sukar bagi keluarga itu memasarkan hasil daripada ternakan itu. Jadi, adakah pihak Kementerian betul-betul tengok pihak penyampai Kementerian ini bahawa ini betul-betul memberi khidmat kepada pihak sasaran.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham maksud Yang Berhormat itu, iaitu supaya kita akan menjayakan projek itu. Saya tidak ada maklumat yang terperinci mengenai projek ini dan saya akan meminta penjelasan daripada pegawai saya supaya kita akan *revisit* dengan izin projek ini sampai dia akan berjaya nanti.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak puas hati?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, sebenarnya maklumat ini ada dalam audit, Pengarah Audit Negara, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Apa itu..., di dalam mana?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ter...

Datuk Peter Chin Fah Kui: Audit, okey, buku audit. Okey baik.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yes.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya faham. Saya pun juga ada baca bab itu mengenai *pro-tem* yang satu projek di mana kita hendak merangsang pekebun kecil ini.

Memang itu satu perkara yang saya tegur dalam mesyuarat saya dengan LGM ini supaya ia akan tidak ulang lagi masalah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat terimalah, terima pandangan itu. Baik.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okey terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi Jasin mengenai tanaman *jatropha*. Kementerian saya telah sedia maklum akan potensi *jatropha* atau pokok jarak sebagai salah satu tanaman yang boleh dijadikan alternatif sebagai bahan bakar atau bio-diesel. Kementerian saya sedang menjalankan satu projek kajian tanaman *jatropha* di satu ladang MPOB di Sepang dekat *airport* ini. Projek ini sedang dijalankan dan kita akan meneliti sama ada tanaman *jatropha* sesuai atau ada kelebihan daripada kalau berbanding dengan kelapa sawit dan kita akan menguji perkara ini dan buat satu keputusan di masa akan datang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau untuk makluman Yang Berhormat tanaman *jatropha* ini kalau hendak dibandingkan dengan getah dengan kelapa sawit memang hasil dia bawah sedikit tetapi saya memikirkan daripada kita mengadakan projek ayam dalam kebun kecil atau projek-projek lain yang tidak dapat di *synchronize* kan dengan Jabatan Haiwan apa semua rugi! *Jatropha* ini kan lebih baik kalau ladang-ladang ini kita buat pagar. Pagar di semua kebun kita dan di mana tambahan kepada pekebun kecil. Dia ada kelapa sawit dan dia ada *jatropha*.

Yang ini kita kena perkenalkan kerana di kawasan negara kita ini banyak lagi kawasan tanah-tanah terbiar. Dan *jatropha* ini untuk makluman Yang Berhormat yang mana tanah yang usang yang tidak boleh tanam pokok lain *jatropha* boleh hidup Tuan Yang di-Pertua. Ha, kan baik supaya ditanam.

Untuk makluman Yang Berhormat penyelidikan sudah dibuat di Burma, sudah dibuat di India, sudah dibuat di Afrika. Hari ini Indonesia berleluasa menanam *jatropha* yang kita Malaysia ini jawapan Yang Berhormat sama dengan jawapan yang saya terima tahun sudah masih lagi menyelidik. Jadi saya berharaplah kalau boleh kementerian ini *new found well* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *new found well*. Jangan kita terkebelakang lagi. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang fahamlah. Yang Berhormat ini sudah menyentuh perkara ini bukan satu kalilah tetapi dua tiga kali sudah. Dan kita pun sudah mengadakan satu '*trap lot*' dengan izin, di Sepang supaya kita boleh uji sama ada projek ini akan memang membawa satu manfaat yang baik kepada pihak pekebun kecil itulah yang kita hendak pastikan. Kalaulah tanaman ini baik dan boleh mendapatkan hasil yang baik dan tidak menyusahkan atau memberikan satu kesusahan kepada pekebun dan kita akan laksanakannya di masa akan datang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Untuk makluman Yang Berhormat saya berjumpa dengan mendiang Visiseca. Dia pun sudah buat kajian itu dan dia kata positif.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya pun sudah berjumpa dengan Persatuan Pekebun Kecil Malaysia. Mereka mengalu-alukan hanya sekarang kementerian mana sahaja hendak ambil hendak *take off* antara kementerian Yang Berhormat atau Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana ini akan melibatkan pekebun kecil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okey, Yang Berhormat kita tidak payah bincang terlalu panjang tentang...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Datuk boleh tambah sedikit tidak? Menteri boleh tambah sedikit tidak, Sabak Bernam.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Mengenai *jatropha* ini?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Pokok jarak dan *jatropha*. Sebenarnya Sabak Bernam telah mencuba tanaman ini di beberapa tempat dan saya kena menyokong Yang Berhormat bagi Jasin. Terbukti bahawa tanaman ini boleh hidup dalam keadaan yang kering dan tidak subur.

Dan ia boleh menjadi satu tanaman sampingan, hanya Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan di Indonesia dia telah menjadi tanaman sampingan.

Agaknya boleh tidak dalam masa yang terdekat mungkin Ahli-ahli Parlimen dihantar ke Indonesia untuk buat kajian ini. Selepas itu dalam tempoh tiga bulan maknanya kita tengok kalau *result*, dengan izin, bagus maka kita laksanakan untuk membantu pekebun kecil di Malaysia ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Baik. Itu cadangan baiklah kita cuba menghantarkan satu pasukan pergi sana untuk cuba meneliti tetapi satu perkara yang saya hendak sebutkan di sinilah dan untuk juga maklumat kepada Yang Berhormat bagi Jasin sebab dalam kesan kita *jatropha* ini memang toksik. Sebab dia satu buah yang toksik ini kita kenalah berhati-hati apabila kita menggalakkan pihak pekebun kecil ini menanamnya. So kita kenalah uji dahulu kita kena *very sure*, dengan izin, kita kena pastikan sama ada ini boleh kawal ke tidak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Datuk. Di Mauritius sudah lama di Afrika sudah lama di India pun sudah lama di Banglore tidak ada satu orang pun mati. Tanaman ini yang hairannya Datuk lembu pun tidak makan fasal toksik tadi lembu tidak makan kambing tidak makan. Dan orang pun tidak ada yang mati sekarang ini belum yang ada mati. Jadi apa yang kita hendak tunggu Datuk, kita cepat-cepat Datuk kalau tidak kita rugi esok ini. Terima kasih Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nampaknya Yang Berhormat pakar dalam semua bidang.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasihlah Yang Berhormat kita akan kajilah dengan lebih teliti dan cadangan tadi iaitu untuk mengadakan satu lawatan ke Indonesia saya rasa kita akan anjurkan. Dan kita jemputlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat patut tunggu jawapan baru keluar Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya akan jemput Yang Berhormat bagi Jasin ini untuk menyertai pasukan itulah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bintulu telah membangkitkan masalah samseng di dalam urus niaga belian dan jualan getah di Sarawak. LGM telah pun membuat siasatan dan setakat ini belum ada mana-mana pihak yang membuat aduan secara bertulis kepada polis. Namun demikian untuk maklumat Ahli Yang Berhormat LGM akan terus bekerjasama dengan pihak polis dan juga Jabatan Pertanian Sarawak yang bertanggungjawab ke atas industri getah di Sarawak untuk menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Krau supaya dibangunkan industri berasas kelapa sawit dan kilang bio-diesel di Gebeng dan juga Bandar Jengka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian saya mengambil ingatan terhadap cadangan tersebut dan sebenarnya kita akan mewujudkan satu kawasan industri sawit, industri kilang sawit di kawasan timur. Dan adalah kita mengambil kira sama ada Gebeng atau Pelabuhan Kuantan sebagai satu tapak yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tenom mengenai harga getah ingin saya menjelaskan. Ianya ditentukan oleh kuasa pasaran iaitu permintaan dan penawaran. Bagi pembelian getah di Sabah ianya dilakukan oleh Lembaga Industri Getah Sabah atau LIGS sebuah agensi kerajaan negeri Sabah. Oleh itu sebarang penyelarasan harga belian getah di Sabah hanya boleh dilakukan oleh LIGS dan juga Kerajaan Negeri Sabah sahaja. Walau bagaimanapun baru-baru ini kita telah mengadakan satu perbincangan di Sabah di mana kita cubalah mengadakan satu cara yang lebih sesuai untuk menentukan harga getah di Sabah supaya pekebun kecil ini lebih yakin tentang harganya yang ditawarkan oleh LIGS itu.

Mengenai saranan untuk menyediakan bekalan benih bermutu tinggi, Kerajaan Pusat atau kementerian saya telah menyediakan peruntukan bagi tujuan ini yang disalurkan melalui LIGS. Seluas 31 hektar tapak *nursery* akan dibangunkan untuk membekalkan sejumlah 2.6 juta anak benih getah berkualiti pada tahun yang akan datang.

Kementerian saya melalui LGM sentiasa memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil agar menggunakan benih-benih berkualiti untuk tanaman getah mereka. Di samping itu LIGS juga telah menasihati pekebun kecil supaya tidak menanam benih dari pokok liar.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan, peranan kementerian saya dalam membasmi kemiskinan di Sabah adalah tertumpu pada penglibatan pekebun kecil dalam tanaman komoditi sahaja. Skim-skim bantuan dan pinjaman yang saya sebut tadi telah pun diumumkan kepada pihak pekebun kecil dan kita haraplah melalui skim-skim ini kita akan menolong pihak pekebun kecil supaya boleh menaikkan pendapatan mereka. Berhubung dengan hak milik tanah oleh rakyat di Sabah perkara ini adalah terletak di dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan ini dan segala pandangan, ulasan serta saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira dan saya ingin menyatakan di sini bahawa kementerian serta juga agensi-agensi di bawahnya akan memberi perhatian yang cukup terhadap semua pandangan yang diutarakan itu. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

8.51 mlm.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian aktif dalam perbincangan pada kali ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh peranan dan fungsi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di dalam perbincangan mereka.

Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan serta mengajukan soalan ialah Yang Berhormat bagi Lanang, Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat bagi Kuala Nerus, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat serta Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan mereka terhadap bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Semua isu yang dibangkitkan adalah sangat penting di mana ianya akan membantu kementerian menjelaskan tugas dengan lebih cemerlang untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan mendapati perkara-perkara utama yang perlu disentuh ialah berkenaan dengan isu pengeluaran logo halal, isu kekurangan bekalan gula serta penguatkuasaan bagi menjamin bekalan gula mencukupi dan penyelewengan minyak diesel bersubsidi.

Oleh sebab isu logo halal telah dijawab secara panjang lebar oleh Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini pada 28 Ogos 2006, saya akan terus kepada isu yang berikutnya tanpa membuang masa iaitu berhubung kait dengan bekalan gula. Tuan Yang di-Pertua saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bekalan gula negara adalah stabil dan pengeluaran adalah di takuk yang boleh menampung sedikit sebanyak permintaan domestik.

MITI telah memperuntukkan sebanyak 1,201,300 metrik tan gula mentah kepada kilang gula pada tahun 2006. Daripada jumlah peruntukan tersebut di antara bulan Januari ke Ogos 2006, jumlah pengeluaran gula pasir bertapis yang dilakukan adalah sebanyak 913,777 metrik tan oleh empat buah kilang penapis gula dalam negara. Di mana sebanyak 713,060 metrik tan dijual di dalam negara dan sebanyak 166,892 metrik tan telah dieksport.

Tuan Yang di-Pertua seperti mana yang telah saya laporkan pada 21 Ogos 2006 dalam Dewan yang mulia ini, masalah kekurangan bekalan gula dalam pasaran tempatan berpunca dari sikap *selfish* dengan izin, pengilang gula, sikap pengedar, sikap pemborong, peniaga dan juga pengguna itu sendiri untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Faktor-faktor tersebut termasuk kilang pengeluaran gula memproses lebih banyak gula halus berbanding gula kasar memandangkan gula halus tidak dikawal oleh kerajaan dan ia memberi keuntungan yang berlebihan kepada pihak pengilang. Ini adalah bertujuan untuk mendapat keuntungan yang lebih tinggi.

Kedua, *artificial shortage* diwujudkan oleh pemborong dan peruncit dengan cara menyorok dan enggan menjual gula kepada orang ramai kadang-kadang mereka menjual gula bersekali dengan syarat-syarat contoh macam barangan-barangan yang lain yang tertentu termasuk tepung, beras dan barangan-barangan lain. Ketiga pembelian berlebihan oleh industri daripada pemborong khususnya *small and medium scale industries*, dengan izin...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Bintulu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Keempat tingkah laku *panic buying* dan menyimpan berlebihan atau *stock-out* di kalangan pengguna apabila kekurangan gula diuar-uarkan melalui media massa dan akhir sekali aktiviti penyeludupan gula ke negara jiran. Gula kasar juga berlaku sebagai perbandingan berdasarkan kepada harga pada 31 Mei 2006, gula dijual pada RM1.66 sekilogram di Thailand, RM2.40 sekilogram di Indonesia dan RM2.53 sekilogram di Singapura. Ini adalah sedikit sebanyak menimbulkan sehingga mereka menyeludup.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita semua melihat masalah gula habis-habis tidak pernah selesai. Apa susah sangat kenapa kementerian tidak boleh ambil satu tindakan ataupun kerajaan kita Barisan Nasional tidak boleh buat satu keputusan. Susah-susah kita kasi importlah, bukalah gula apa susah sangat kita kasi pertahankan import gula-gula daripada luar negara. Apa pasal kita hendak dua tiga syarikat sahaja, bukalah ramai sedikit. Contolah Sri Gading pun boleh, Kinabatangan pun boleh, ramai sikit bagi sedikit *competition*. Setuju tidak Yang Berhormat Menteri?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Memang dalam ucapan awal saya tadi Tuan Yang di-Pertua salah satu penyebab ialah oleh sebab tindak-tanduk para pengilang yang membuat pendekatan untuk mendapat keuntungan yang berlebihan merupakan salah satu faktor yang telah menyebabkan keadaan ini berlaku sehingga mereka mendesak untuk menaikkan harga barangan ini tetapi di sepanjang jawapan saya nanti saya akan jelaskan Yang Berhormat bagi Bintulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh sedikit Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya berpandangan bahawa monopoli ini kalau ia berlaku ia akan menyebabkan beberapa permasalahan di dalam kita pengedaran barangan-barangan ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Bintulu bangun.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya akui pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu merupakan salah satu penyelesaian yang dirasakan boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah monopoli.

Satu, dalam keadaan untuk mengelakkan supaya bekalan ini dapat disempurnakan tanpa ada gangguan. Juga ianya boleh membantu untuk menstabilkan kadar harga di pasaran dengan adanya *competition*. Itu sebahagian daripada langkah-langkah yang kita rasa sebahagian daripada yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini, walaupun kita akui bahawa ada juga faktor yang lain Tuan Yang di-Pertua iaitu industri...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan sedikit? Terima kasih Yang Berhormat sebagai menambah daripada rakan saya daripada Yang Berhormat bagi Bintulu. Negara telah melalui senario yang menyukarkan seharusnya perkara ini tidak sukar, tetapi ekoran amalan yang dilaksanakan iaitu memberi satu orang boleh menjadi pemegang lesen import dan telah berlaku kelam-kabut di kalangan masyarakat. Ini telah menimbulkan satu persoalan bagi rakyat, gula ini kepentingan awam. Jadi saya meminta Yang Berhormat membawa cadangan ini kepada kerajaan. Kalau boleh hendaklah dipertimbangkan sewajarnya supaya dibuka lesen import gula ini kepada yang lain-lain biar ada kompetitif.

Jadi barulah kalau ada persaingan tidak ada lagi penyeludupan tidak ada lagi yang mengambil kesempatan tidak ada lagi yang mengaut keuntungan sebab kalau dia jual mahal orang lain akan jual murah. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh sekali gus kah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang cukup baik dan senang hati dengar, tetapi kita mahu tahu di sini bila boleh dapat keputusan jangan sampai keputusan kita, rakyat tuduh habis-habis wakil rakyat, lama-lama wakil rakyat semua terbang barulah ada keputusan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Boleh sekali gus? Ramai sangat pula.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Saya hendak sambung sedikit Datuk, saya hendak ke belakang sedikit, ketika kita tidak ada masalah bekalan gula dahulu ketika masih harga runcit RM1.40 sen bermakna RM1,400 satu tan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin sila selesaikan masalah dahulu, belakang punya tidak payah kira... [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Ini masalah ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak..., ketika itu Tuan Yang di-Pertua untuk runcit RM1400 tetapi harga pasaran RM1000 lebih ketika itu. Untuk kita eksport gula harga dia pun RM1000 tetapi dalam negeri RM1400. Pada masa itu gula melambak, banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat cerita sejarah akan ambil masa yang lama.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Untuk makluman juga. Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dan ketika itu Tuan Yang di-Pertua kita hendak minta yang pengeksporth ini hendak mengeksporth minta bekalan di*control* oleh *cartel* orang-orang tertentu, saya kira masa dan ketikanya apa yang dibuat cadangan daripada Yang Berhormat bagi Bintulu inilah masanya kementerian hendak hapuskan *cartel* itu. Jangan bagi..., itu saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Jangan bagi *cartel* itu sahaja berkuasa tentang gula. Bila ia masih lagi berkuasa ini yang berlaku dan saya tahu Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua gula banyak diseludup di Indonesia saya tahu. Kalau kementerian hendak tanya saya mana tempat pun saya tahu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pegawai kastam tahu ke ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Saya minta setuju pada saya Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masa dan ketikanya penguasaan gula oleh dua tiga orang ini, inilah masa kerajaan untuk menghapuskan dan bukakan. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, panaslah Dewan tiada *air-cond* kah?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak bagi maklumat sedikit sahaja, minta Tuan Yang di-Pertua.

Saya menerima maklumat dan saya menerima laporan daripada kawasan Muar ini pekedai runcit memang merayu kepada wakil rakyat supaya mereka dimaafkan kerana tidak boleh jual dengan harga RM1.45, sebabnya Tuan Yang di-Pertua mereka membeli gula daripada pemborong lebih tinggi iaitu RM1.57 sekilo. Mereka beli daripada harga pemborong maknanya harga pemborong lebih mahal daripada harga runcit.

Saya rasa ini memang disengajakan oleh pemborong, jadi mungkin sudah sampai masanya saya berfikir seperti yang dicadangkan tadi kalau sudah tidak ada orang sanggup hendak mengimport gula dan menjadi pengedar, mungkin kita boleh lantik LPP pun boleh menjadi pengedar gula atau FAMA dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Ledang yang mempunyai pandangan yang sama. Seperti juga yang saya sebutkan tadi iaitu berhubung kait dengan perlunya *cartel* ataupun monopoli ini dapat dipecahkan untuk membolehkan supaya masalah ini dapat diatasi, dan seperti yang saya sebutkan bila saya hendak menjawab, tetapi tidak selesai jawapan tadi.

Pertama, mengenai dengan perkara ini memang saya akui ada beberapa faktor juga pertimbangan tertentu kerana empat kilang sahaja di negara kita iaitu:

- (i) kilang Gula Padang Terap;
- (ii) kilang gula Perlis Felda;
- (iii) kilang gula *The Central Sugar Refinery*; dan
- (iv) *Malaysian Sugar Manufacturer*.

Empat kilang sahaja dan saya akan mengemukakan pandangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini kepada Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat, dan saya berharap perkara ini dapat diterima baik khususnya oleh rakan saya iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang ada hubung kaitnya dalam perkara ini. Bagi menangani masalah bekalan gula Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan berikut:

Pada 14 Julai 2006 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengarahkan semua kilang gula meningkatkan pengeluaran sehingga 10% dan 15% ke tahap pengeluaran semasa ini. Ini yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua kilang ini dia nakal, kita bagi arahan, bukan hanya saya beri arahan malahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beri arahan untuk mengeluarkan gula halus 10% hingga 15% yang dikeluarkan gula kasar, kita arahkan gula kasar dikeluarkan gula halus kerana gula halus itu merupakan satu jenis produk yang tidak dikawal dan mempunyai keuntungan berlebihan dan kita dapati keadaan ini berterusan dan itu yang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan tegas untuk mewartakan agar gula halus juga dikawal sebaik mungkin. Dan untuk membendung apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang tadi, iaitu supaya pihak pemborong atau peruncit ini tidak akan mengambil kesempatan.

Kedua, saya telah menetapkan iaitu buat pertama kali untuk menentukan kadar harga barangan gula kasar dan halus ini daripada *ex-kilang*, daripada kilang berapa harga dia..., tertentu untuk memberi keuntungan kepada mereka dan juga pemborong ada untung dia dan kita tetapkan harga peruncit ada juga keuntungan dia. Jadi permasalahan dia yang mereka merungut bahawa peruncit tidak mendapat untung adalah tidak munasabah, kerana kita sudah letakkan baru-baru ini dalam 14 hari bulan yang baru ini, saya sudah letakkan dalam lingkungan 5% keuntungan sedikit sebanyak di tiga peringkat daripada pengilang, pemborong sehingga peruncit untuk tidak membebaskan mereka. Kita telah mengambil tindakan tegas terhadap perkara ini, sekiranya ada berlaku sesuatu perkara yang tidak selaras dengan apa yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan, dan saya akan terus menyebut langkah-langkah yang telah diambil dan hasil yang telah diperolehi.

Pada 22 Ogos 2006 kementerian telah mengarahkan kilang-kilang gula supaya meningkatkan pengeluaran gula kasar berbanding dengan gula halus seperti yang saya sebutkan.

Ketiga, kementerian telah mengawal selia pengedaran gula daripada kilang dan pemborong utama dan pemborong biasa sehingga ke peruncit bagi menjamin tidak berlaku penyelewengan.

Kementerian juga telah bekerjasama dengan agensi penguat kuasa lain dengan membuat sekatan jalan raya dan menempatkan pegawai-pegawai penguat kuasa di pintu ke luar masuk sempadan bagi memastikan bekalan gula tidak di seludup ke luar negara jiran, tetapi Yang Berhormat bagi Jasin masih lagi mempunyai maklumat dan saya amat menghargai maklumat daripada Yang Berhormat bagi Jasin, kalau dapat saya hendak tahu di tempat mana supaya kita dapat menangkap mereka ini. Dan satu lagi kementerian telah menempatkan sebilangan pegawai penguat kuasa di kilang-kilang gula dan pemborong-pemborong dikenal pasti bagi menangani masalah penyelewengan pengedar gula di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada langkah-langkah yang dilaksanakan di atas sehingga kini kementerian telah merekodkan sebanyak 93 kes di seluruh negara dengan kuantiti rampasan gula sebanyak 469,886 kg bernilai RM663,673.25 sen, daripada jumlah ini bilangan kes yang terbanyak direkodkan adalah negeri Kelantan. Iaitu sebanyak 40 kes dengan nilai rampasan gula sebanyak 18,713 kg bernilai RM26,888.25 sen.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri saya rasa terpanggil Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya hendak buat satu cadangan sebab saya sudah bersama dengan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Kota Bharu suruh siasat semua di Pasir Puteh geleдах semua.

Jadi saya hendak supaya di sempadan perbatasan letak, pilih pegawai-pegawai yang kuat iman. Kerana saya yakin ada juga yang tidak telus Jadi sebab itu saya hendak pilih yang bagus-bagus letak perbatasan, yang kurang bagus letak di pejabat. Sebab saya yakin dengan lori-lori malam itu hilang, hilang ke sebelah sana, sebab sekarang ada jambatan, dia hilang terus. Sebab itu supaya pengawalan lebih ketat dan ambil tindakan. Kalau dapati kedai-kedai yang menyeludup, ambil tindakan. Saya rasa itulah satu cara untuk mengatasinya.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya amat menghargai maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, kalau sebenarnya berlaku benar yang pegawai ini adalah merupakan pegawai yang terbabit bukan hanya dengan lori-lorinya dan gula-gulanya hilang. Dan saya tidak akan teragak-agak, sebenarnya saya pun sudah mengambil tindakan pada tahun yang lalu empat orang kita pecat.

Daripada pegawai-pegawai penguat kuasa, dan kita dapati bahawa mereka terbabit dalam kegiatan-kegiatan yang boleh memudaratkan usaha dan langkah kerajaan untuk membanteras penyeludupan di negara kita ini. Dan saya merayu sungguh kalau dapat Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, berikan nama pegawai dan tempat kejadian, fakta dia, bukan kita hendak menzalimi orang, tetapi kita melakukan yang sepatutnya kepada yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkuat kuasa pada 13 September 2006, penetapan harga gula dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 seperti berikut, seperti yang saya sebutkan. Di Semenanjung Malaysia harga gula kasar di kilang telah ditetapkan pada RM1.34 sekilogram, harga borong pada RM1.40 sekilogram dan harga runcit RM1.45 sekilogram. Maknanya ada untung di setiap peringkat. Bagi gula halus pula, harga di kilang telah ditetapkan RM1.42 sekilogram, harga borong RM1.48 sekilogram dan harga runcit pada RM1.55 sekilogram. Di Sabah dan Sarawak termasuk di Kota Kinabalu dan Kuching, harga gula kasar di kilang telah ditetapkan pada RM1.44 sekilogram, harga borong pada RM1.50 sekilogram, dan harga runcit pada RM1.55 sekilogram.

Bagi gula halus pula, harga di kilang telah ditetapkan pada RM1.52 sekilogram, harga borong pada RM1.58 sekilogram dan harga runcit pada RM1.65 sekilogram. Pengisytiharan gula halus sebagai barangan di kawal di bawah Akta Kawalan Harga 1946, diambil supaya peniaga menjadi warga korporat yang berkhemah dan prihatin terhadap keperluan pengguna dan tidak hanya mengejar keuntungan semata-mata. Kementerian secara tegas dan berterusan akan menjalankan tindakan penguatkuasaan bagi mengambil tindakan terhadap mereka yang menyeleweng terhadap peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak akan tunduk kepada tuntutan pihak pengilang gula bagi menaikkan harga, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendapati kilang-kilang gula tidak mempunyai sebab yang kukuh bagi membolehkan kerajaan menimbang permohonan mereka bagi menaikkan harga gula, ini kerana kementerian berpendapat kenaikan harga gula mentah di dunia adalah satu fenomena sementara sahaja dan harga gula mentah dunia telah pun menunjukkan penurunan, sebagai contohnya harga gula mentah di dunia telah jatuh dari RM1,437 satu metrik tan pada Januari 2006, kepada RM1,338 metrik tan pada Jun 2006 dan kepada RM960 satu metrik tan pada tempoh 1 hingga 15 September baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengawasi bekalan gula dari semasa ke semasa supaya tindakan yang berkesan dapat dilaksanakan berdasarkan permasalahan yang timbul. Kepada pengguna saya menyeru supaya mereka tidak membuat pembelian yang berlebihan daripada keperluan biasa. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semua peniaga gula sama ada pengilang, pengedar atau pun pemborong atau pun peruncit gula supaya tidak bertindak melampau batas undang-undang atau peraturan yang sedia ada...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tindakan tegas akan diambil jika mereka didapati bersalah kerana gula adalah merupakan barangan kawalan. Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya gula di jual melebihi harga *selling* yang telah ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Kepong. Apa hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong? Yang Berhormat bagi Kepong tidak payah tengok jam, apa soalan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, saya nampak selepas gula halus dikenakan kawalan, mengapa masih wujud masalah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan sudah diberikan tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak dengar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia baru masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru masuk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Okay! Okay!*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lain soalan, lain soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tunggu sekejap, ada soalan, memang banyak soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah benarkan soalan tambahan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan ini, apakah langkah lagi yang boleh diambil...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudah jawab. Menteri sudah jawablah Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Yang berkesan, langkah yang berkesan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudah jawab yang berkesan, Menteri sudah jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Dewan pun saya tengok terang juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baca *Hansard* esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan buang masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Kepong buang masa, Menteri sudah jawab paling berkesan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Selain daripada gula adakah benda-benda yang lain akan dikenakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Gula sahajalah, belum sampai lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu sudah larilah, lari tajuk.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ini memang selalu terkepong. Kadang-kadang dia lambat datang, bila dia datang dia tanya benda yang sama. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong langkah-langkah yang telah kita ambil selain daripada contohnya untuk cuba mengatasi masalah ini dengan kita mempertingkatkan bekalan pengeluaran kilang-kilang ini. Di samping itu... Yang Berhormat bagi Kepong bila saya jawab *you* cerita, itu yang saya bimbang dia tidak dengar, nanti lepas ini dia tanya, dengan izin, *either you want me to answer your question or not*.

Jadi saya berharap perkara ini sebenarnya sebagai langkah yang telah pun dicadangkan dan saya akan kemukakan kepada pihak kerajaan, Kabinet apa yang perlu diambil untuk cuba mengatasi masalah yang membimbangkan kita. Kalau tidak keadaan ini akan berlarutan bukan hanya pada masa ini, sehingga pada tahun-tahun akan datang. Kerana sistem ekonomi kalau ada monopoli, kita tahu bukanlah satu kerja yang mudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya mempunyai pengalaman untuk membantulas contohnya masalah diesel dulu, minyak tetapi oleh sebab jumlahnya begitu besar, mudah bagi saya untuk mengawal, dan saya boleh memberi jaminan sehingga tiga hari perkara itu boleh diselesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Akan tetapi masalah ini oleh sebab ada unsur-unsur yang monopoli, tidak mudah bagi kita mengatasi masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan begitu jelaslah. Kita faham dan ucap tahniah, terima kasih. Cuma saya ingin dapat jaminan, al-mubarak puasa ini dua, tiga hari lagi, orang Melayu, orang Islam banyak menggunakan gula waktu bulan Ramadan, walaupun kata amaran makan gula kencing manis, tetapi orang Melayu tidak juga berhenti-henti. Termasuklah orang Kelantan, macam Yang Berhormat bagi Kepong ini asal orang Kelantan, kuat makan gula.

Kemudian hari raya, jadi apa jaminan? Nampaknya kalau semua mematuhi Yang Berhormat Menteri dan kementerian, kita tidak ada masalah apa-apa, cuma takut orang tidak mematuhi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri atau pun kementerian. Hukuman itu apa? Dulu ada hukuman kalau orang menyeleweng tentang perkara-perkara penting negara ini, tembak sahaja tetapi tidak tahu hukuman itu boleh jalan, tidak boleh jalan. Yang Berhormat bagi Kepong sudah tentu tidak hendak hukuman itu. Macam mana hukuman yang berat itu, apa maksud hukuman yang berat dan keras itu?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sri Gading, kalau mengikut aturan peraturan yang ada, mana-mana pihak yang gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan akan dikenakan denda tidak melebihi, yang pertama untuk individu RM15,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali. Kesalahan ini boleh di kompaun tidak melebihi RM7,500. Bagi korporat, syarikat, kita boleh kenakan kesalahan yang pertama RM100,000, untuk kedua RM250,000 dan tiga tahun penjara atau pun kedua-duanya sekali. Ini sebahagian daripada tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan.

Dan untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan, saya tahu, saya pun amat bimbang sekali. Contohnya dari segi masalah bekalan ini haruslah mencukupi dalam musim bulan Ramadan. Ini yang kita sudah arahkan sekarang ini pegawai-pegawai, masanya bukan untuk bermesyuarat, masanya bukan untuk bertemu, masanya untuk bertindak. Saya sudah minta, dan saya sendiri dan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen akan memastikan kita akan turun ke bawah, bekalan gula akan mencukupi.

Malahan untuk mengatasi masalah contohnya di Kota Kinabalu dan di Kuching, dalam masa yang terdekat ini saya ada berbincang dan mendapat perakuan dan persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan dan kita akan menggunakan kapal tentera laut untuk memuatkan gula ke Sabah dan Sarawak untuk memastikan bahawa bekalan ini mencukupi. Banyak langkah sebenarnya yang kita sudah dan kena ambil dalam masa terdekat untuk menjamin masalah kebimbangan ini. Kita akan cuba sebaik mungkin supaya dapat diatasi.

Di samping itu, cadangan yang dikemukakan oleh ramai Ahli Yang Berhormat dengan izin, *whole kind of option* untuk membolehkan supaya ada pengimportan dan ini akan saya bawa ke Kabinet...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi ada beberapa langkah yang telah Yang Berhormat Menteri sebut sudah disebutkan dalam sesi yang lalu. Semasa Yang Berhormat Menteri menjawab soalan di sini ada banyak langkah dan Yang Berhormat juga kata tidak ada kekurangan di Kuching dan tidak akan berlaku kekurangan di Bandar Kuching tetapi selepas Julai masih juga ada dan apa-apa langkah yang Yang Berhormat katakan tadi itu iaitu meningkatkan bekalan gula oleh kilang-kilang, langkah itu telah diambil dalam sesi yang lalu tetapi nampaknya tidak berkesan.

Mengenai mengarahkan kapal untuk membekalkan lebih gula ke Sarawak, bulan lalu saya juga pernah berjumpa dengan pegawai kementerian Yang Berhormat, mereka sudah memberitahu bahawa itu salah satu langkah yang diambil tetapi nampaknya sekarang masih tidak berkesan.

Tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading ada meminta jaminan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada jaminan akan diberi dan apakah hukuman yang akan dikenakan ke atas mereka yang menyelewengkan sistem kita, saya ingin tahu apakah hukuman yang akan dikenakan ke atas Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri yang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri sudah jalankan kerjalah. Apalah Yang Berhormat bagi Kuching!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Diamlah. Bukan, masalah ini telah berlaku beberapa bulan. Dalam sesi yang lalu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri tidak salah, yang salah kilang gula itulah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dalam sesi yang lalu ia sudah berlaku enam bulan, sekarang September sudah tiga bulan lagi. Keadaan yang berlarutan ini menunjukkan satu kelemahan menteri untuk menguruskan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah, Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri sudah beri jawapan. Apa lagi..., dia kerja siang malam, macam mana tak lemah? Apalah!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, keluarlah kalau mahu kacau. Sepanjang tahun ini kekurangan gula, sepanjang tahun lalu kekurangan diesel. Saya fikir ini adalah menunjukkan satu kelemahan Yang Berhormat Menteri. Kalau pada masa peringkat jawatankuasa masalah gula ini belum diselesaikan, Yang Berhormat Menteri haruslah meletakkan jawatan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Haiya, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching banyak bisinglah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu bukan dia punya salah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, itu bukan hukuman yang awak mahu. Menteri juga mesti *accountability*. Ini adalah *accountability*. Kalau di luar negeri yang demokratik... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Semua duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau tidak selesai, bolehkah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua orang duduk. Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat Bagi Bandar Kuching, cukup!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta sedikit penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, *You* adalah merupakan seorang peguam dan bukanlah pakar ekonomi dan kalau tidak tahu selok-belok ekonomi jangan salah tuduh. Kalau *you* tahu sistem ekonomi, monopoli, saya ingat Yang Berhormat bagi Kepong pun faham walaupun dia hanya pakar kulit, tahu selok-belok tidak boleh mempersalahkan bahawa sistem ini adalah kegagalan seorang kementerian.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *You* duduk dulu. Saya sudah beri peluang tadi. *You* dengar apa saya cakap.

Pertama dengan mengenai dengan sistem yang sedia ada, bukanlah satu sistem yang dilahirkan satu tahun, dua tahun. Ini sudah berpuluh tahun sistem yang sedia ada dan rangkaiannya bukan mudah bagi kita untuk boleh menyelesaikan dalam masa yang terdekat. Saya katakan masalah tahun lalu mengenai dengan diesel, saya bagi jaminan di Parlimen tiga hari saya boleh selesaikan saya selesaikan, kerana tidak ada unsur monopoli yang ada. Bukan saya tidak boleh selesaikan, tidak ada unsur monopoli. *I can assure you within the short period of time I can resolve the problem if there is no monopoly but you* tidak faham!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak apa, kalau belum selesai minta dia letak jawatanlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Nanti dulu. *You* hanya mempersoalkan tentang sama ada kita boleh atasi, kita boleh atasi. Sebaik mungkin ini yang saya katakan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau dia tidak faham suruh dia letak jawatanlah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Contohnya, tidak boleh *perform* dalam pilihan raya yang lalu, letak jawatanlah. Apa gunanya?... [Disorak] Adakah itu menjadi satu prinsip kepada kita? Bukan bererti bahawa satu kementerian bertanggungjawab kepada seluruh. Contohnya macam besi keluli, simen ataupun minyak, ini bukan tanggungjawab satu kementerian.

It is a collective effort, dengan izin, yang harus mengatasi masalah ini dan bukan hanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa juga terbabit dalam perkara ini dan kita bekerjasama untuk memastikan supaya perkara ini dapat diatasi. Bukanlah semudah itu, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching! Dan saya hendak katakan bahawa masalah ini seperti yang saya hendak jelaskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau masalah gula selesai, kita minta Yang Berhormat bagi Bandar Kuching letak jawatan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Betul, saya sudah katakan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, pertama tadi Yang Berhormat katakan apa yang saya bangkitkan 'lagu' yang lama. Sebenarnya Yang Berhormat tidak mendengar apa yang saya telah jawab. Saya sebutkan masalah untuk mengambil, mengatasi masalah bekalan *consignment shipment* daripada tanah Semenanjung, Port Dickson sehingga *Port Klang* ke Kuching itu menggunakan *commercial shipment* tetapi masalah itu kadang-kadang timbul kerana ada *delay*. Kenapa *delay* berlaku? Kerana monopoli ataupun unsur-unsur tertentu? Rangkaian yang berlaku bukan semudah itu kementerian boleh mengatasi masalah ini. Ini yang kita atasi, yang saya katakan saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan meminta bantuan supaya kapal tentera pun kita gunakan untuk mengatasi dalam masalah gula... [*Tepuk*] *This is a new step...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Masalah penyelesaian yang baru. Saya tidak pernah sebut dalam sidang yang lalu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang saya sebut itu masalah kekurangan gula bukan satu bulan, dua bulan tetapi sudah beberapa bulan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan pun sudah diberikan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masalah gula ini kalau selesai Yang Berhormat bagi Bandar Kuching letak jawatanlah... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kenapa ambil masa panjang sangat untuk cuba menyelesaikannya. Kalau mengenai masalah diesel bukan tiga hari sudah selesai, itu pun berlarutan beberapa bulan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, kita boleh beralih kepada tajuk yang lain.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching jangan kita bagi jalan lagi.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini sebenarnya dia hendak mendapat populariti sahaja. Sebenarnya kita insya-Allah berusaha sedaya yang boleh untuk mengatasi masalah ini dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu penyelewengan minyak diesel, perkara ini berlaku, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, bilamana harga barangan ini, minyak naik *this monopoly will come up*. Gula naik masalah ini timbul. *Demand* besi keluli naik, *demand* simen naik dia akan timbul. *If there is a system of monopoly*, dengan izin, *I think once you go back, you* kena baca buku ekonomi sikit supaya *you* faham.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, saya tahu dan mengenai monopoli, monopoli simen pun boleh dibatalkan di Sarawak bukan?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Penguatkuasaan adalah salah satu langkah yang perlu diambil oleh setiap agensi kerajaan bagi memastikan setiap fungsi yang telah ditetapkan dilaksanakan.

Begitu juga dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di mana penguatkuasaan ada peraturan dan ketetapan berkenaan diesel bersubsidi yang telah diputuskan oleh kerajaan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan semua pihak mematuhi seperti yang saya maklumkan sebentar tadi. Tindakan tegas akan diambil terhadap pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Yang Berhormat bagi Lanang, pada 13 September 2006, menggesa kerajaan memastikan penyeludupan minyak diesel dibanteras.

Suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa berusaha dengan gigh untuk memastikan bahawa kegiatan ini dapat diatasi sebaik mungkin.

Tindakan-tindakan yang telah diambil hingga merekodkan bilangan kes sebanyak 305 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM6,755,026.13 juta, sejak Januari 2006 hingga 14 September 2006. Bagi memastikan pengedaran minyak diesel di dalam negara dapat dikawal dengan sebaik mungkin, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga telah memperkenalkan *Fleetcard* dan Program *Nanotech*. Melalui kemudahan *Fleetcard*, hanya kenderaan yang layak sahaja dapat membeli minyak diesel dengan harga bersubsidi dari stesen minyak yang telah ditentukan oleh pihak kementerian.

Manakala melalui pelaksanaan Program *Nanotech*, pengedaran minyak diesel bersubsidi dapat dikesan dengan membuat ujian ke atas *sample* minyak yang diambil di suatu lokasi ataupun tempat simpanan. Pelaksanaan untuk *nanotech* ini akan kita laksanakan selepas sambutan hari raya ini. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa melalui acara ini, kerajaan akan dapat mengetahui sama ada ianya minyak diesel bersubsidi ataupun tidak.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan pada akhir 2005 telah melaksanakan *Pilot Project* bagi Program *Nanotech* selama tiga bulan. Tujuan mengadakan *Pilot Project* ini adalah untuk menilai keberkesanan teknologi *nanotech* dalam mengenal pasti penyalahgunaan diesel bersubsidi. *Pilot Project* ini telah dilaksanakan di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Perak yang meliputi empat terminal depot utama, iaitu Port Dickson, Pulau Indah, Pelabuhan Klang, *Klang Valley*, *Distribution Terminal*, dengan izin, di Dengkil.

Hasil daripada *Pilot Project* tersebut menunjukkan 67 kawasan atau 60% daripada 118 kawasan yang diperiksa, menyimpan diesel bersubsidi secara haram yang merangkumi pelbagai industri yang tidak layak menggunakan diesel bersubsidi. Oleh itu, kerajaan telah bersetuju untuk mengguna pakai teknologi nano secara meluas ke seluruh negara. *Nanotech* telah diguna oleh banyak negara sebagai cara untuk mengawal penyelewengan diesel bersubsidi. Sebagai contoh, teknologi ini telah diguna pakai di Amerika Syarikat, Brazil, Guyana, Afrika Selatan, India, Thailand, Filipina, Greece, Turki, Serbia dan Romania dan didapati berkesan bagi membanteras penyeludupan diesel.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pihak kementerian melalui pasukan petugas khas mengenai isu-isu yang terdiri daripada pelbagai agensi penguat kuasa di negara ini iaitu Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludup, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Jabatan Pengangkutan Jalan, sentiasa mengadakan operasi, termasuk operasi secara bersepadu. Hasil daripada usaha di atas, Pasukan Petugas Khas Mengenai Isu Diesel telah merekodkan kes seperti berikut:

- (i) Bahagian Penguat Kuasa telah merekodkan 93 kes;
- (ii) Unit Pencegahan Penyeludupan telah merekodkan 75 kes;
- (iii) Kastam Diraja Malaysia telah merekodkan lima kes; dan
- (iv) Polis Diraja Malaysia termasuk Polis Marin, PGA telah merekodkan 41 kes.

Kesalahan-kesalahan di atas akan didakwa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 di mana denda maksimum sebanyak RM100 ribu atau penjara tiga tahun atau kedua-dua sekali, boleh dikenakan ke atas orang perseorangan dan denda sebanyak RM250 ribu boleh dikenakan atas institusi korporat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil ruang untuk membahaskan peranan dan tanggungjawab pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

9.34 mlm.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam pembahasan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ke atas perbahasan Bajet 2007 di peringkat dasar dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh tentang pembasmian kemiskinan, pembangunan tanah dan kemajuan wilayah, prasarana, utiliti dan *immunity* sosial serta pembangunan masyarakat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini iaitu Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Yang Berhormat bagi Putatan, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Tenom, Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat bagi Pensiangan, Yang Berhormat bagi Sepanggar, Yang Berhormat bagi Kudat dan Yang Berhormat bagi Batu Sapi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah menyentuh mengenai isu pemberian elaun ketua kampung oleh kementerian ini tetapi kementerian tidak mempunyai kuasa dalam soal pelantikan dan pemantauan terhadap ketua-ketua kampung. Yang Berhormat juga bertanyakan sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji sistem pelantikan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha kementerian untuk membayar elaun ketua kampung bertujuan untuk menyelaraskan elaun-elaun ketua kampung seluruh negara yang berbeza-beza mengikut negeri.

Menyedari peranan dan tanggungjawab ketua kampung dalam membantu kerajaan membangunkan kampung-kampung, kementerian berpendapat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencadangkan mana-mana wakil rakyat yang sudah tidak hadir, tidak perlu dijawab lagilah oleh kementerian.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulang kepada Yang Berhormat yang menjawab... [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Saya sokong.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Akan tetapi kalau saya tidak jawab nanti...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: ...Tidak adil juga kepada mereka yang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidak dengar juga.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Okey, tidak apa. Saya akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Saya akan pendekkan jawapan. Jadi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Kalau tidak jawab itu mereka tidak begitu faham peraturan Parlimen.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Saya sedar itu, Yang Berhormat bagi Kepong. Jadi, oleh kerana itulah saya ingin menjawab. Sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat ada atau tidak di dalam Dewan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawab singkat sahajalah.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Okey, terima kasih. Menyedari peranan dan juga tanggungjawab ketua kampung dalam membantu kerajaan membangunkan kampung-kampung, kementerian berpendapat adalah wajar Kerajaan Persekutuan membuat pembayaran elaun. Jadi, elaun yang diputuskan ialah sebanyak RM400 sebulan. Bagaimanapun kerajaan negeri boleh membuat tambahan kepada elaun tersebut di antara RM50 hingga RM200 sebulan. Jadi, keputusan ini telah dicapai oleh kementerian melalui mesyuarat dengan menteri-menteri dan juga EXCO Luar Bandar Negeri-negeri.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Mengenai soal pelantikan, kementerian tidak bercadang untuk mengambil alih kuasa pihak berkuasa negeri dalam pelantikan ketua kampung.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang elaun ketua kampung, walaupun kementerian telah bersetuju untuk menaikkan elaun, tetapi soalnya kenapakah sehingga kini elaun-elaun tersebut masih lagi belum diterima oleh ketua-ketua kampung.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya belum habis lagi ini soal ketua kampung. Jadi, mengenai dengan perkara yang telah di utarakan oleh Yang Berhormat tadi, memang kementerian sedar ada beberapa negeri yang belum lagi membayar elaun ketua kampung oleh kerana beberapa sebab.

- (i) negeri-negeri tersebut belum lagi muktamadkan senarai nama ketua-ketua kampung ataupun mereka yang layak dikategorikan sebagai ketua kampung. Oleh kerana ada di antara negeri-negeri, misalannya di Pulau Pinang, Melaka, Perlis, ia juga merupakan pengerusi JKK; dan
- (ii) ada juga negeri yang belum lagi memberi nombor akaun, di mana kementerian boleh menghantar wang untuk membayar elaun-elaun mereka ini.

Inilah di antara sebab-sebab yang kita telah kenal pasti. Jadi, kita teruskan. Namun demikian, bagi memastikan agenda pembangunan negara dihayati oleh ketua-ketua kampung, kementerian melalui Institut Kemajuan Desa ataupun INFRA telah menganjurkan kursus kepada ketua-ketua kampung di mana ditekankan peranan yang seharusnya dimainkan oleh ketua-ketua kampung ini.

Di samping itu, kementerian juga mengadakan pemantauan melalui mesyuarat penyelarasan elaun ketua kampung bersama kerajaan negeri dan laporan pembayaran elaun ketua kampung secara berkala. Oleh yang demikian, kebimbangan Ahli Yang Berhormat bahawa kementerian atau kerajaan pusat tidak mempunyai kuasa dalam soal pelantikan dan pemantauan tidaklah timbul...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Datuk Dr. Tiki Lafe: Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Macam mana elaun untuk tuai-tuai rumah untuk rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Tiki Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Saya tidak sebut tentang kategori tadi oleh kerana tidak disebut dalam perbincangan.

Namun demikian suka saya nyatakan di sini. Yang dikategorikan sebagai ketua kampung ataupun yang layak mendapat elaun di bawah skim yang baru ini dalam masa dua tahun ini adalah:

- (i) Ketua-ketua Kampung untuk kampung tradisi;
- (ii) Tuai Rumah bagi Sabah dan Sarawak;
- (iii) Kapitan bagi kawasan-kawasan perkampungan Cina;
- (iv) Pengerusi JKKK yang juga menjalankan tugas-tugas Ketua Kampung; dan
- (v) Di Sarawak – Penghulu, Pemancar dan Temenggung.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit penjelasan kerana saya sudah faham mula-mula tadi tetapi apabila Yang Berhormat sudah tambah ini, kita di Melaka ada sedikit masalah Tuan Yang di-Pertua, iaitu apabila Tok-Tok Sidang ini yang memang dikenali sebagai Ketua Kampung dan institusi sidang ini telah wujud di Melaka ini sejak 600 tahun dahulu. Hari ini mereka pula minta satu definisi yang jelas betul-betul siapakah yang layak menerima elaun yang diperkenalkan ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini pernah ditimbulkan di sini. Saya rasa perkara ini masih dalam semakan kerajaan negeri oleh kerana pelantikan ketua-ketua kampung, Pengerusi JKKK dan sebagainya adalah terletak di bawah pihak berkuasa negeri bukan kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya bangkitkan bukan kerana elaun dibayar oleh Kerajaan Pusat dan kita harap institusi JKKK dan Ketua Kampung ini merupakan suatu mekanisme kerja sepasukan di antara Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri melalui peringkat daerah kerana kita lihat garis panduan melantik dan sebagainya antara negeri berbeza. Umpamanya di Selangor, pelantikan ketua kampung cadangan daripada ADUN dan dibawa ke tindakan daerah. Ahli Parlimen tidak ada syor untuk memberi pandangan.

Begitu juga dalam garis panduan itu tercatat bahawa minit mesyuarat tidak disalinkan kepada Ahli Parlimen sebab kita juga mahu memantau bagi pihak Kerajaan Pusat tentang pekerjaan ketua kampung dan juga JKKK dari segi pembangunan, keselamatan dan juga perpaduan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Tiki Lafe: Terima kasih. Selain daripada apa yang saya telah sebutkan tadi memang dari segi pemantauan dan sebagainya, kita memerlukan kerjasama bukan sahaja daripada kerajaan negeri tetapi juga daripada Wakil Rakyat dan juga pejabat daerah. Oleh kerana itulah kita sekarang masih lagi mengkaji sistem ini sama ada berkesan untuk meningkatkan prestasi pemimpin-pemimpin akar umbi ini dalam usaha kita membangunkan kawasan luar bandar, seperti mana yang pernah saya sebutkan di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa skim yang telah diperkenalkan ini masih lagi dalam tahap *pilot* atau ujian, dan kita akan mengkaji pada tahun hadapan iaitu 2007, ini untuk dua tahun sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Putatan telah membahaskan isu mengenai penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak. Kementerian ini menerima amanat dan tanggungjawab daripada kerajaan untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak sama juga seperti penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah yang lain sebagai salah satu kaedah

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya pun ada bahas itu.

Datuk Dr. Tiki Lafe: Terima kasih mungkin tidak direkodkan. Pegawai sila ambil perhatian.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Tiki Lafe: Seperti mana penubuhan lembaga wilayah yang lain sebagai salah satu kaedah mencapai teras ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu untuk mencapai keseimbangan pembangunan di antara luar bandar dan bandar dan di antara wilayah membangun dengan wilayah kurang membangun. Lembaga kemajuan wilayah yang dicadangkan di Sabah dan Sarawak akan:

- (i) diterajui oleh Kerajaan Persekutuan melalui sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah berpandukan kepada akta penubuhannya;
- (ii) beroperasi di dalam kawasan yang diwartakan; dan
- (iii) melaksanakan program dan projek pembangunan luar bandar.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Datuk Dr. Tiki Lafe: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perwujudan Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah seperti mana yang saya pernah maklumkan di dalam Dewan Yang Mulia ini dahulu, Kerajaan Negeri Sabah telah memaklumkan melalui suratnya bertarikh 12 Julai 2006 bahawa cadangan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah tidak dapat dipersetujui...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat!

Datuk Dr. Tiki Lafe: Saya kena habiskan ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Dr. Tiki Lafe: ...Daripada prinsipnya kerana alasan-alasan berikut:

- (i) adalah jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang sedia ada berupaya melaksanakan program-program pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan di kawasan tersebut serta di kawasan-kawasan lain di negeri Sabah;
- (ii) adalah Kerajaan Persekutuan melalui mekanisme yang sedia wujud boleh merancang dan menyalurkan peruntukan kepada jabatan dan agensi tersebut bagi meningkatkan lagi pembangunan di kawasan yang dimaksudkan; dan
- (iii) pendekatan membasmi kemiskinan di negeri Sabah haruslah bersifat setempat ataupun *insitu* memandangkan wujudnya kemiskinan di merata daerah di nama Sabah.

Ya, Yang Berhormat Jasin. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Hasrat kementerian memang cantik tetapi sedarkah tidak kementerian bahawa kementerian ini adalah salah satu kementerian yang tidak ada pejabat di negeri-negeri. Semua daripada ibu pejabat di Putrajaya. Yang di negeri-negeri tidak ada.

Yang saya minta adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan pejabat-pejabat di peringkat negeri supaya penyelarasan projek-projek yang hendak dilaksanakan ini dapat jalan dengan cepat. Ini hanya menumpang-numpang, melalui-melalui kementerian-kementerian lain dan pejabat-pejabat lain yang mana lambat. Setuju atau tidak, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekaligus Yang Berhormat? Saya betul-betul dukacitalah dan kecewa dengan tindakan pihak sebelah kerajaan negeri yang telah menidakkan pengujudan agensi wilayah ini. Saya tidak fahamlah. Kalau mereka ada perancangan untuk menentukan menaik taraf masyarakat luar bandar ini tetapi Kerajaan Persekutuan melalui kementerian seharusnya mengambil sikap yang tegas, mencari jalan yang lain untuk membantu mempertingkatkan ekonomi masyarakat luar bandar terutama sekali di luar bandar.

Sebab ini merupakan satu agensi yang pada saya boleh meningkatkan taraf ekonomi bumiputera di luar bandar tetapi saya tidak tahu atas dasar apa dan kita juga tidak boleh melakukan apa-apa. Dan kita minta kementerian ini tidak berputus asa dan merencanakan program-program yang lain kalau boleh *direct* melalui *parliament to parliament*. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Tiki Lafe: *Some more?*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Beluran, Beluran.

Datuk Dr. Tiki Lafe: Beluran.

Tuan Yang di-Pertua: Beluran, sila.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bercakap hari itu tentang perkara ini. Saya rasa kementerian tidak boleh berhenti untuk tidak menyalurkan peruntukan. Saya minta agar kementerian ini mewujudkan mekanisme yang lain. Kalau dalam bentuk Lembaga Pembangunan Wilayah ini *the other second thought*, ada pemikiran lain di pihak kerajaan negeri dan KKLW. Kementerian harus melihat daripada perspektif kerajaan negeri itu untuk merancang mewujudkan mekanisme yang lain. Kalau benar ada duit untuk disalurkan untuk membantu masyarakat luar bandar, kementerian tidak boleh harus berhenti, tidak boleh berhenti untuk tidak menyalurkan peruntukan, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada peruntukan.

Akan tetapi kita harus melihat mekanisme yang lain untuk membantu masyarakat luar bandar. Surat kerajaan negeri telah jelas menyatakan bahawa kewujudan kemiskinan di Sabah merata-rata tidak seperti yang berlaku di Semenanjung ini. Ianya di sini memang nampak di mana sebab itu pendekatan RDW, Lembaga Pembangunan Wilayah sesuai untuk merangsang pertumbuhan kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti tetapi di Sabah, ianya menyeluruh, mungkin pendekatan Lembaga Pembangunan Wilayah itu seperti perspektif kerajaan negeri harus dikaji oleh kementerian. Kalau ada duit salur duit, jangan berhentikan duit itu kerana matlamatnya adalah untuk membantu masyarakat luar bandar. Apa juga mekanismenya Tuan Yang di-Pertua, apa juga mekanismenya, ianya harus dilaksanakan oleh kementerian. Okey, terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ini usul saya bawa, pertanyaan saya dalam perbahasan iaitu Tuan Yang di-Pertua, adalah adakah kerajaan negeri bersedia menerima cadangan yang dibentangkan dalam RMK-9 ini yang memang sudah ada tetapi yang ketara sekali wilayah utara, wilayah timur, wilayah selatan sudah pun diterajui oleh Sime Darby, Petronas dan sebagainya. Sabah dan Sarawak macam ditolak seolah-olah ditolak oleh kerajaan negeri yang menyatakan sebab-sebab, yang tiga sebab yang mereka sudah kementerian yang khas seperti kementerian Yang Berhormat dan jabatan yang sama dan juga jabatan-jabatan besar yang sedia wujud di Sabah.

Jadi ini agak berlainan Tuan Yang di-Pertua, agak berlainan, konsep ini lain. Adakah kementerian macam *give-up*, mengalah dengan cadangan ini. Kalau ada duit salurkan dengan peruntukan yang lain, ini khas untuk RDA.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Salur kepada wakil-wakil rakyat sahaja.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Salurkan kepada Kinabatangan, Putatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik-baik. Yang Berhormat Menteri sila jawab.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua. Persoalan di sini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah pertama dalam perbahasan saya sudah tanya. Penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah sudah pun masuk dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan dan kita sudah lulus di Dewan yang mulia ini. Persoalannya ialah apabila ianya ditolak, dan tidak dilaksanakan, apakah ini menghina Parlimen, apakah ini satu *contempt of Parliament*? Itu persoalan kita kena jawab. Dan kalau tidak dilaksanakan, apa akibat nanti, adakan sidang khas Parlimen untuk mengeluarkan paragraf itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini menghina Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Itu persoalan pertama, perlu dijawab. Yang kedua, pihak kementerian harus membezakan dua perkara iaitu pembangunan luar bandar dan pembangunan wilayah, itu dua perkara dalam konteks negara kita Malaysia. Apabila kita membincangkan tentang pembangunan wilayah, kita menyatakan tentang perkataan digunakan oleh Yang Dipertuan Agong dalam Titah Baginda iaitu pertumbuhan, *economic growth*. Jadi apabila kita mewujudkan RDA ini, Lembaga Kemajuan Wilayah ini, kita menubuhkan pusat-pusat pertumbuhan, *growth center* dan kita kenalkan jentera pertumbuhan, *engine of growth* dalam tempat-tempat tertentu.

Kalau pembangunan luar bandar lain, konsep ini kita kena lihat. Dan dalam jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam persidangan ini bandar mengatakan bahawa strategi kita untuk merapatkan jurang pembangunan wilayah di negara ini ialah untuk menubuhkan pusat-pusat pertumbuhan. Persoalan dia sekarang, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, kalau Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah ini tidak dilaksanakan, apakah strategi untuk melaksanakan pusat-pusat pertumbuhan - *growths centers* di negeri Sabah, bagaimana?

Dan soalan yang terakhir ialah bagaimanakah perenggan dalam buku, dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan itu telah ditulis tanpa perbincangan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Berhormat Ketua Menteri negeri Sabah? Bagaimanakah itu? Saya ingin bertanya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah. Banyak soalan itu Yang Berhormat, sila jawab.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin kepada kementerian dan juga nasib rakyat kita di kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan juga Sarawak. Tadi Yang Berhormat bagi Jasin telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan ketiadaan agensi Jabatan Kementerian di negeri-negeri. Sebenarnya kita mempunyai agensi iaitu KEMAS, kita juga mempunyai agensi FELCRA, RISDA, banyak sebenarnya tetapi oleh kerana setakat ini kita telah menggunakan perkhidmatan agensi-agensi kerajaan negeri termasuklah Jabatan Kerja Raya, JPS dan juga agensi-agensi yang saya sebutkan tadi untuk melaksanakan program dan juga projek di peringkat negeri. Dan juga telah kita dapati bahawa apa yang mereka telah lakukan adalah memuaskan, kita telah teruskan pencarian ini.

Namun demikian, baru-baru ini kementerian dalam usaha kita untuk menyahut seruan, pandangan, teguran dan juga hasrat Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak-pihak pemimpin akar umbi, pihak kementerian telah menempatkan pegawai-pegawai pemantau sebagai permulaan di peringkat negeri. Dan juga kita telah menubuhkan satu unit teknikal di peringkat kementerian yang kita harap dapat menolong kementerian dalam rancangan pelaksanaan penyelarasan dan juga pemantauan projek-projek kita. Sekiranya perlu nanti, kementerian akan mencari jalan bagaimana kita menubuhkan agensi-agensi selain daripada apa yang saya sebutkan tadi di peringkat negeri supaya kita dapat meningkatkan lagi prestasi pelaksanaan program dan juga projek kita, itu satu.

Yang kedua, daripada Ahli Yang Berhormat daripada Sabah tadi. Sebenarnya saya akan sampai ke situ, kementerian selain daripada surat yang telah saya sebutkan tadi, kerajaan negeri telah mencadangkan pendekatan yang baru iaitu *Integrated Rural Development Project* atau IRDP melalui penubuhan Jawatankuasa Bertindak Bersama kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan sebagai alternatif kepada penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah. Untuk makluman ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, mekanisme ini telah pun wujud melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Projek Pembangunan RMK-9, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang dipengerusikan oleh timbalan menteri di mana ahli-ahlinya turut disertai oleh wakil kerajaan negeri dan juga wakil daripada JPPS negeri Sabah ataupun BPN.

Sungguhpun kerajaan negeri Sabah tidak bersetuju dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah, kementerian tetap komited bagi membela nasib rakyat Sabah.

Dan ini dapat dilihat dengan peruntukan besar untuk negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM1.7 bilion. Mengenai Lembaga Wilayah Sarawak pula, pada masa ini kawasan-kawasan...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Belum lagi habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak menjawab soalan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya minta penjelasan tentang *integrated development* yang dicadangkan oleh kerajaan negeri. Apa pendapat KKLW terhadap perkara itu? *Integrated* cadangan, mekanisme cadangan oleh kerajaan negeri. Apa pendapat, apa keputusan, apa pandangan kementerian terhadap cadangan kerajaan negeri?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Ya, saya akan sebut bila datang kepada perenggan yang menyebut tentang apa yang kita sedang buat, apa yang kita akan buat. Memang pada peringkat ini kita sedang berbincang tetapi belum ada keputusan lagi. Sebenarnya pada 18 hari bulan yang baru sahaja ini, Yang Berhormat Menteri telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah di Kota Kinabalu tetapi setakat ini kita belum lagi dapat maklumat tentang apa yang telah dibincangkan. Mungkin pada dua, tiga hari ini atau minggu depan kita akan sebut di Dewan inilah. Okey?

Tuan Yang di-Pertua: Ada?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Jadi memang kita akan teruskan walaupun kerajaan negeri mengatakan mereka tidak bersedia atau belum lagi bersedia, kita akan teruskan, kementerian akan teruskan oleh kerana kementerian sudah komited.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tak...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua selaku Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidak menghina Parlimenkah apabila dia tolak sebab kita sudah lulus di Dewan Rakyat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Itu saya tidak boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Datuk Timbalan Menteri, jadi bererti tidak ada soal penolakan itu sebagai penghalang kerana sekarang ini Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri pun berbincang untuk melaksanakan satu konsep mekanisme yang baru. Jadi bererti tidak ada. Soalnya ada duit itu yang telah diperuntukkan selain daripada yang disalurkan melalui KKLW yang khusus untuk permohonan wilayah itu harus disalurkan melalui pendekatan dan mekanisme yang difikirkan bersama oleh kerajaan negeri dengan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, tambah sedikit. Oleh kerana kita lihat, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang mana hendak bagi?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Kita sudah lihat wilayah utara...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mana satu hendak bagi, Yang Berhormat bagi Bintulu ke Putatan?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Bagi Yang Berhormat bagi Putatan dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Putatan dulu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Wilayah utara, wilayah selatan, wilayah timur diterajui oleh syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan. Mengapa kementerian tidak boleh bercadang serupa dengan itu di Sabah dan Sarawak. Sila, minta penjelasan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, penubuhan sesebuah wilayah di Sabah dan Sarawak dan juga di negeri-negeri lain di Semenanjung ini juga memerlukan persetujuan kerajaan negeri oleh kerana isu tanah merupakan isu kerajaan negeri. Jadi kerajaan negeri perlu dirujuk untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi dan juga berdaya maju untuk dibangunkan supaya objektif pembangunan wilayah iaitu untuk menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi di antara bandar dan luar bandar dan juga di antara wilayah dapat kita capai dan pihak kementerian juga sentiasa meneliti cadangan kawasan yang telah dicadangkan untuk penubuhan wilayah ini. Seperti mana yang saya sebutkan tadi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sini.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini hasratnya sama antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Ya, sama.

Tuan Yang di-Pertua: Tetap mekanismenya berbeza.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Berlainan, berbeza sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh itu mekanisme ini hendaklah diselaraskan, betul?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Yes, betul... *[Disampuk]* Ya, Yang Berhormat bagi Bintulu, ada apa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi siapa-siapa antara kita sudah sebut masalah... *[Disampuk]* Sarawak lebih kurang sama... *[Ketawa]* Akan tetapi sini saya tidak tahulah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak, pegawai daripada kita punya kementerian pun ada kelemahan juga. Saya tahu pegawai itu nama Saudara Yusof ke, yang menjaga naik taraf jalan ini semua, ada masalah juga. Apa yang menteri sudah luluskan, dia tidak jalankan juga, tidak dilaksanakan juga. Berapa kali sudah lulus, enam hingga tujuh kali lulus, tidak jalan. Akhir sekali akan dilaksanakan tahun 2005, atas itu jalan Kampung Hilir tetapi sampai sekarang memang *hilly* lah, tidak ada, tidak jalan!

Jadi ini satu masalah. Saya fikir pegawai daripada kita punya ketua jabatan itu tidak ambil perhatian dan tindakan yang serius, macam mana menteri punya kelulusan pun dia tidak mahu ikut. Tadi macam mana lagi siapa-siapa tadi, kita semua ini, masalah umum punya, macam mana boleh selesai? Minta penjelasan. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi terima kasihlah Yang Berhormat bagi Bintulu kerana membangkitkan isu ini tetapi saya rasa tidaklah begitu adil kepada pegawai, lebih-lebih lagi kalau kita menyebut namanya. Namun demikian saya akan bawa perkara ini kepada kementerian dan juga kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana boleh tidak adil! Berapa kali kita sudah jumpa? Dia tidak mengaku. Macam mana tidak adil?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak apa.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Yang saya sebut, sepatutnya Yang Berhormat bagi Bintulu tidaklah sebut nama.

Oleh kerana tidak adil kepada beliau oleh kerana beliau tidak boleh menjawab dan saya perlu bawa perkara ini kepada kementerian untuk membuat siasatan bagi menentukan sama ada apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu ini betul atau tidak dan saya berharap Yang Berhormat bagi Bintulu bersabarlah. Kita akan cuba, ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Macam mana hendak sabar? Sudah berapa tahun dah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Biarkan saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biarkan menteri menjawab.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Beluran supaya Kerajaan Persekutuan berbincang dengan kerajaan negeri untuk mewujudkan mekanisme yang boleh membantu membangunkan masyarakat luar bandar di Sabah. Suka dijelaskan bahawa kementerian ini akan meneruskan mekanisme yang tiada dengan memperkukuhkan jabatan dan agensi di bawah kementerian seperti KEMAS, FELCRA Berhad, Lembaga Industri Getah Sabah bagi meningkatkan lagi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang semua kena kemaslah!

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Jadi selain daripada itu, mesyuarat jawatankuasa penyelarasan projek pembangunan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri, yang turut disertai oleh wakil-wakil kerajaan negeri akan terus memperkasakan lagi pembangunan rakyat di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat meminta supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Lembaga Industri Getah Sabah..

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: ...Mengagihkan secara berimbang faedah....

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: ...Ataupun manfaat projek-projek yang akan dilaksanakan, khususnya kepada golongan miskin tegar.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa lagi..., boleh?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Itu daripada Tuaran itu.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya tahu, tetapi ini....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Okey, okey.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ekoran daripada pernyataan Yang Berhormat tadi, bahawa kerajaan negeri akan meneruskan mekanisme yang sama, khususnya dari segi mengenal pasti masalah-masalah penduduk luar bandar yang timbul. Saya mahu tanya dalam satu perkara yang khusus iaitu dalam soal Projek Jalan Luar Bandar atau JLB. Setiap tahun pada tahun ini kita bagi RM100 juta. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, lebih kurang RM500 juta. Dijangkakan yang selesai untuk diturap ialah lebih kurang 600 kilometer. Yang kita perlu turap ialah lebih kurang lebih 4,000 kilometer di seluruh negeri Sabah.

Kita akan memerlukan masa lebih kurang 46 tahun lagi. Jadi adakah mekanisme Yang Berhormat beritahu tadi boleh menepati sasaran iaitu dalam masa 14 tahun dari sekarang, Wawasan 2020, semua jalan JKR di Sabah itu selesai. Sebab apa yang kita perlukan sekarang ialah duit peruntukan untuk menurap ini hanya daripada kementerian Yang Berhormat, tidak ada tempat lain lagi.

Kerajaan negeri memang peruntukan dia sedikit. Jadi, dapatkah mekanisme ini melepasi hal ini supaya kita dapat capai matlamat kita untuk mendapatkan peruntukan sebanyak RM1 bilion dalam setahun dalam masa 14 tahun ini untuk tujuan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun saya bersetuju kepada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi tetapi saya yakin kementerian yakin sekiranya semua pihak bekerjasama, termasuklah agensi di peringkat negeri bekerjasama. Satu, untuk mengenal pasti projek-projek yang perlu dinaik taraf dilaksanakan. Kedua, memastikan supaya semua projek itu dapat dilaksanakan dalam masa yang ditentukan, tidak seperti sekarang.

Ketiga, Ahli-ahli Yang Berhormat juga menolong kementerian dalam memberi senarai projek dan sebagainya khususnya jalan luar bandar. Saya pasti sasaran ataupun *target* kita dapat kita capai walaupun dalam masa yang agak lama, oleh kerana kita pun sedia maklum kita mempunyai peruntukan yang terhad bagi melaksanakan projek-projek ini. Dan selain daripada kementerian ini kita juga mempunyai sumber kewangan peruntukan yang lain bagi melaksanakan projek-projek jalan di negeri Sabah, dan juga negeri-negeri lain iaitu daripada JKR daripada JPS dan juga daripada agensi seperti FELCRA Berhad yang juga menolong kementerian, jabatan dengan peruntukan mereka sendiri bagi melaksanakan projek-projek di kawasan luar bandar.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Persoalannya adalah sama ada kita bekerjasama khususnya agensi-agensi yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerana sebelum ini memang kementerian menghadapi banyak masalah bukan sahaja daripada agensi, tetapi juga daripada masyarakat tempatan yang telah memperkenalkan ataupun membuat permintaan syarat dan sebagainya sehingga ada projek jalan khususnya tidak dapat kita jalankan dalam masa yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terakhir.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Lagi?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita terima..., soal peruntukan terhad barangkali tidak sampai RM1 bilion dalam setahun, tetapi kenyataan Yang Berhormat tadi menyatakan kalau dapat bekerjasama dengan semua pihak termasuk kerajaan negeri. Inilah perkara pokoknya. Jadi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ditubuhkan satu *high power committee* di peringkat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi kalau ada perkara yang tidak dapat kerjasama dengan kerajaan negeri ini, itu cerita lama. Kita sudah selesaikan, kita kerajaan yang sama. Bagaimana kita hendak dapat kerjasama. Sebagai contoh yang senarai tadi, kita sudah bagi senarai daripada JKR dihantar ke EPU negeri, EPU negeri kepada EPU Persekutuan akhirnya akan pergi kementerian Yang Berhormat. Jadi soal sama ada senarai sampai atau tidak, tidak timbul. Saya fikir semua, seluruh 1,000 batang jalan JKR negeri yang perlu diturap, saya fikir semua senarai sudah ada. Yang penting peruntukan sahaja.

Jadi dalam soal ini Yang Berhormat, kalau soal-soal perlu dinyatakan kepada kami Ahli Parlimen mana perkara-perkara yang tidak dapat selesai, tidak dapat kerjasama kerana perkara ini patut kita selesaikan dan soal kerjasama ini hanya soal hubungan manusia, tapi pada masa yang sama soal peruntukan terhad itu kita perlukan diberi keutamaan. Perlu diberi keutamaan sebab kalau tidak Wawasan 2020 tiada erti, 14 tahun daripada sekarang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, cukuplah itu.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih di atas sokongan dan juga pandangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi Yang Berhormat?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Adalah. Yang Berhormat bagi Kudat minta supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Lembaga Industri Getah Sabah mengagihkan secara seimbang faedah dan juga manfaat projek-projek yang akan dilaksanakan khususnya kepada golongan miskin tegar.

Jadi kementerian melalui Lembaga Industri Getah Sabah telah, sedang dan akan terus membantu memajukan kumpulan miskin di Sabah melalui program-program peningkatan penempatan pekebun kecil, pemindahan teknologi baru dan juga pengetahuan serta penyediaan sistem penghantaran yang dapat memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat pekebun kecil getah di negeri Sabah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini telah juga disebut oleh Yang Berhormat Menteri Perladangan dan Komoditi tadi, saya tidak perlulah sebut kerana data-datanya sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Selain daripada itu, Yang Berhormat bagi Tenom mencadangkan agar pihak berwajib seperti Lembaga Getah Sabah menyelaras harga getah, memantau penggunaan penimbang getah, serta penggunaan orang tengah dalam penjualan getah dan juga membekalkan benih getah yang bermutu kepada pekebun kecil di Sabah. Perkara ini juga telah disebut dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan oleh kerana itu saya tidak bercadang untuk menyebut lagi...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: ...Namun hanya hendak menyebut bahawa semua benih getah yang dibekalkan oleh Lembaga Industri Getah Sabah kepada pekebun kecil getah di Sabah adalah benih getah yang bermutu, yang dibekalkan kepada LIGH oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM). Buat masa ini klon lateks balak merupakan klon terbaik yang digunakan. Klon ini bukan sahaja mempunyai keluaran susu getah yang tinggi tetapi ia cepat membesar untuk membolehkan kayu getah digunakan untuk industri perkapayan khususnya pembuatan perabot. Ya, Yang Berhormat Tuaran, ada lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seolah-olah Yang Berhormat mahu melepaskan tangan dalam soal hal pekebun kecil Lembaga Industri Getah. Pada tahun lepas kementerian Yang Berhormat memberi RM11 juta kepada Lembaga Industri Getah Negeri Sabah. Walaupun agensi kerajaan negeri tetapi kalau negeri Sabah soal pekebun kecil ini sahajalah, kalau di Semenanjung RISDA.

Oleh sebab itu kementerian Yang Berhormat tidak boleh lepas tangan. Kalau dalam soal harga ini kementerian Yang Berhormat harus berbincang dengan kepimpinan dan pengurusan Lembaga Industri Getah sebab bermacam-macam perkara telah berlaku, dan persoalan pekebun-pekebun kecil di Sabah ialah apabila satu ketika harga getah sekilo di Sabah RM4, di Sarawak RM5, di sini RM6 kita juga sengsara memberi penjelasan kenapa itu, dan di Sabah ini pembelinya hanya Lembaga Industri Getah dan sekali lagi pihak Yang Berhormat harus berbincang dengan pihak yang menerima peruntukan itu yang RM11 juta itu. Tidak boleh mengatakan ini hal dia kita bagi duit dia punya hal. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Betulkah lepas tangan?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Yang Berhormat mendapat salah sangka. Untuk makluman Yang Berhormat bagi industri getah di Sabah, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melaksanakan ataupun merasmikan satu projek khas di bawah kementerian, iaitu projek tanaman baru getah seluas 10,000 hektar di Semenanjung Bengkoka, Pitas bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil di Sabah, di mana pekebun kecil yang mengusahakan tanah keluasan empat hektar boleh mendapat hasil sebanyak RM1,700 hingga RM2,000 sebulan dengan harga semasa.

Jadi berkenaan dengan harga getah tadi memang kementerian dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sedang ataupun sentiasa berbincang tentang harga getah. Memang kita tahu masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil ini.

Namun demikian Lembaga Industri Getah Sabah merupakan agensi unggul yang membeli getah daripada pekebun kecil. Jadi Yang Berhormat bagi Maran membahaskan isu mengenai kewujudan agensi pembangunan wilayah yang masih relevan khususnya negeri Pahang sebuah negeri yang agak besar. Oleh itu, beliau berpendapat wajarlah agensi wilayah yang telah dibubarkan seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ataupun (DARA) diwujudkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, perwujudan semula agensi wilayah yang telah dibubarkan seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara adalah merupakan perkara yang berkaitan dengan dasar kerajaan. Buat pengetahuan Yang Berhormat, pada 19 September 2006 yang lalu kerajaan negeri yang diketuai oleh timbalan menteri besarnya telah memulakan perbincangan dengan kementerian mengenai pembangunan di kawasan bekas Wilayah Jengka dan DARA. Justeru harapan dan juga hasrat Yang Berhormat mengenai perkara ini kita harap akan ditangani dan dibincangkan antara kementerian dan kerajaan negeri.

Apa yang kita harapkan ialah walau apa pun bentuk yang bakal dipersetujui nanti, kita akan memastikan pembangunan di kedua-dua kawasan ini tetap akan berjalan dan nasib rakyat di kawasan tersebut terbelah.

Yang Berhormat bagi Pensiangan membahaskan isu mengenai pembelaan rakyat miskin melalui pembangunan tanah memandangkan banyak kawasan tanah luar bandar dan pendalaman yang boleh dimajukan. Oleh itu, agensi kerajaan perlu campur tangan dengan kerajaan negeri dalam usaha memajukan tanah luar bandar dan pendalaman tersebut.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Untuk makluman Yang Berhormat, agensi pembangunan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Isu awak?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sikit sahaja Timbalan Menteri. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kementerian kerana kita nampak yang positif dari segi hendak mengadakan semula agensi pembangunan wilayah bagi Pahang ini. Cuma dalam ingatan saya semasa cadangan pembubaran dahulu, kerajaan telah berjanji supaya apabila ketiga agensi ini ditutup, sepatutnya tidak ditutup dahulu.

Kerajaan menjanjikan supaya peruntukan yang dulunya dibagikan kepada agensi-agensi pembangunan wilayah ini disalurkan kepada agensi-agensi yang berkaitan. Sama ada Pertanian, JKR dan sebagainya. Saya minta pandangan Yang Berhormat apakah, kalau boleh saya hendak mencadangkan supaya kerajaan, kementerian melihat balik apa yang dijanjikan dulu oleh kerajaan supaya dapat menambahkan peruntukkan yang dulunya disalurkan kepada agensi tersebut, disalurkan balik kepada agensi-agensi yang berkaitan bagi membolehkan peruntukkan tersebut kita gunakan untuk menjaga, membangunkan balik, menyelenggarakan program-program dan juga projek-projek yang berada di kawasan pembangunan wilayah berkenaan. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sedar bahawa ada persetujuan dulu semasa kedua-dua Lembaga Wilayah ini dibubarkan dan untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, kementerian masih lagi menyalurkan peruntukkan-peruntukkan bagi penyelenggaraan piranti sosial yang ada di dalam dua kawasan ini tetapi jumlahnya itu berbeza-beza mengikut permohonan, permintaan daripada kedua-dua lembaga ini tetapi jumlah ataupun butiran yang lebih terperinci saya akan beri kepada Yang Berhormat, okey?

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, agensi-agensi pembangunan tanah di kawasan atau pun di bawah kementerian telah melaksanakan program-program pembangunan serta pelbagai program sampingan dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar bagi mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

Sebagai contoh di negeri Sabah, program pembasmian kemiskinan di laksanakan melalui projek khas tanaman baru getah seperti mana yang saya sebutkan tadi, dan oleh itu kementerian berharap dengan adanya projek seperti ini, kadar kemiskinan di kalangan peserta yang mengusahakan tanah dapat dikurangkan. Selain daripada itu, agensi-agensi kementerian juga menjalinkan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri sebagai contoh, FELCRA Berhad menjalankan program pembangunan tanah di atas tanah milik kerajaan negeri bagi pihak kerajaan negeri.

Setelah projek-projek ini selesai dibangunkan, FELCRA Berhad akan menguruskannya dengan peserta-peserta yang dipilih oleh kerajaan negeri dan peserta-peserta ini akan mendapat upah hasil kerja di ladang dan dividen hasil daripada projek-projek tersebut dan ini akan dapat meningkatkan lagi pendapatan mereka. Selain daripada itu, mereka juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti perkhidmatan seperti bekalan input perladangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sepanggar membangkitkan isu mengenai jalan luar bandar yang telah disebutkan tadi di Sabah berjumlah enam batang jalan yang belum disiapkan terutama dari Kokol ke Poring, Natai dan lain-lain. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM428.83 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program jalan luar bandar di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM44.6 juta telah diagihkan bagi pelaksanaan projek jalan luar bandar tahun 2006 bagi negeri Sabah.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kawasan Parlimen Sepanggar telah diperuntukkan sejumlah RM44.5 juta bagi pelaksanaan dua projek jalan luar bandar iaitu jalan Kokol ke Poring-Poring dan jalan Natai-Tebongan yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 18km dan 7.1km dengan kos masing-masing berjumlah RM36 juta dan RM8.5 juta. Untuk maklumat Yang Berhormat, pada masa ini kerja reka bentuk sedang dijalankan dan apabila kerja tersebut selesai, pelaksanaan projek berkenaan dijangka dapat dimulakan pada tahun hadapan.

Bagi projek-projek lain yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat, kementerian akan menyenaraikan semula permohonan-permohonan projek tersebut semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan untuk dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Yang Berhormat bagi Kepong. Ini sahabat saya dari Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ada waris saya di luar bandar juga. Jangan silap, ha, jangan silap. Daripada RM3.4 bilion untuk bajet ini, bajet tahun depan itu saya nampak ada RM780 juta untuk jalan-jalan di luar bandar. Apakah terjadi dengan peruntukan ini? Saya ingat itu yang disebutkan hanya daripada Rancangan Malaysia Kesembilan dan di sini lebih banyak daripada itu RM780 juta Tuan Yang di-Pertua. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat menerangkan apa terjadi dengan peruntukan ini?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan merapu ini RM780 juta itu banyak itu bukan main. Tak pakai lagi, itu untuk tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Biar menteri jawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak pakai lagi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Biar menteri cuba jawab. Yang Berhormat berapa lama lagi boleh agaknya?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Bagi saya mungkin kalau tidak ada yang mencelah, tujuh minit. Terima kasih sahabat saya daripada Kepong. Saya di sini tidak ada data yang terperinci tapi dekat luar saya akan berikan secara bertulis ya.

Yang Berhormat bagi Kudat juga telah membangkitkan isu mengenai jalan di kawasan Parlimen Kudat yang perlu diperbaiki. Jumlah peruntukkan Rancangan Malaysia Kesembilan yang disediakan sebanyak RM500 juta adalah tidak mencukupi dan mencadangkan supaya kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah seperti yang saya sebut ini. Ini juga telah ditimbulkan oleh sahabat saya daripada Tuaran tadi.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM40.5 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan tiga projek luar bandar di kawasan Parlimen Kudat di bawah RMK-9 iaitu Jalan Karakit Limbuak Laksian-Pulau Banggi sepanjang 18km bernilai RM30 juta. Jalan Bawan-Gazu-Kudat sepanjang 2.5km bernilai RM3.5 juta. Jalan Kampung Genangan-Kampung Lotong-Kampung Tengumal Laut sepanjang 9.5km bernilai RM7 juta. Buat masa ini, kerja-kerja reka bentuk bagi ketiga-tiga batang jalan ini sedang dijalankan dan apabila kerja tersebut selesai, pelaksanaan projek ini dapat dimulakan pada tahun yang akan datang.

Yang Berhormat bagi Sepangar Tuan Yang di-Pertua juga telah membahaskan isu bekalan air luar bandar. Bekalan air bersih tetapi tidak dapat dibekalkan secara konsisten. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, masalah bekalan air luar bandar negeri Sabah masih tidak dapat dibekalkan secara konsisten disebabkan kapasiti air yang sedikit dan juga bilangan loji yang tidak mencukupi. Untuk tujuan tersebut, dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan, pihak kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk menaik taraf beberapa buah loji untuk mengatasi masalah bekalan air luar bandar yang tidak konsisten dengan harapan pembinaan loji-loji tersebut dapat membekalkan air kepada penduduk luar bandar negeri Sabah.

Justeru itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah RM203.13 juta diperuntukkan bagi projek bekalan air luar bandar iaitu sistem rektifikasi RM19.99 juta bagi melaksanakan projek bekalan air sistem alternatif dan RM155 juta bagi melaksanakan projek membina dan juga menaik taraf loji bagi negeri Sabah.

Yang Berhormat bagi Sepangar turut membangkitkan isu mengenai bekalan elektrik luar bandar. Di kawasan Timur Selatan grid negeri Sabah yang mencadangkan supaya pendawaian di kawasan tersebut dapat disediakan dengan lebih sempurna kerana sering berlaku bekalan elektrik terputus. Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan dan pengurusan talian gred utama iaitu *mainline* dengan izin, negeri Sabah adalah dalam bidang kuasa pihak berkuasa elektrik negeri iaitu Sabah Electricity Sdn. Bhd.. Manakala kementerian pula hanya membuat penyambungan talian penghantaran iaitu *distribution line* dengan izin, 33 kilo volt (KV) dan ke bawah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua..

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: ...Kepada kawasan-kawasan luar bandar yang telah mempunyai talian grid utama, SESB.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh saya tanya soalan?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Selepas ini ya. Jadi kerajaan amat prihatin terhadap masalah semua penduduk di kawasan luar bandar yang belum mendapat kemudahan bekalan elektrik. Dengan sebab itu di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar berjumlah RM1,025 juta dan untuk negeri Sabah telah diluluskan peruntukan sebanyak RM411.25 juta iaitu meliputi sebanyak 40.12% dari keseluruhan jumlah peruntukan seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya saya pun hendak tanya soal jumlah peruntukan untuk bekalan elektrik luar bandar tadi. Saya difahamkan ada sedikit masalah dari segi melaksanakan 400 lebih juta tadi itu. Ini dilaksanakan melalui SESB dan saya difahamkan ada masalah di antara SESB dengan pihak kementerian Yang Berhormat.

Melaksanakan ini sebab pada tahun ini tempat-tempat yang sudah diluluskan belum lagi bermula kerja. Ini sudah bulan September dan di kawasan sudah lima kampung yang diluluskan belum lagi ada tanda-tanda pelaksanaan. Ini sudah bulan September. Jadi saya ingin tahu apa masalah? Ini bukan Sepanggar sahaja, tetapi untuk seluruh Sabah, apa masalah dia?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh dapat jawab ini dan terus gulung.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Saya tidak mempunyai maklumat tentang masalah yang dihadapi. Oleh sebab mengikut rekod kementerian walaupun lambat sedikit kita yakin semua projek khususnya projek RES ataupun bekalan elektrik luar bandar dapat dilaksanakan dalam tahun ini sampai setengah tahun yang akan datang, okey? Jadi, seterusnya Tuan Yang di-Pertua dari segi keutamaan pemilihan kampung untuk mendapat RES ini ia diselaraskan bersama-sama dengan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah atau PPS, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah dan *Sabah Electricity Board*.

Jadi ini bagi memastikan agihan projek dibuat secara seimbang antara kawasan serta mempunyai punca bekalan yang mencukupi dari talian utama Sabah Electricity Sdn. Bhd. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini Kementerian Kewangan telah pun meluluskan projek bekalan elektrik luar bandar talian grid negeri Sabah bernilai RM100 juta untuk dilaksanakan terlebih dahulu bagi tempoh 2006 hingga 2007. Itu menjawab sebahagian daripada soalan Yang Berhormat tadi. Jadi pada masa ini juga kementerian sedang dalam peringkat akhir memuktamadkan pemilihan senarai kampung bersama-sama Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah dengan kerjasama SPSB.

Yang Berhormat bagi Batu Sapi yang membahaskan isu mengenai senarai projek pembangunan untuk kawasan Parlimen yang masih belum dimaklum oleh kerajaan iaitu Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang turut membangkitkan isu bekalan asas seperti bekalan air dan elektrik yang tidak mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga kementerian dari semasa ke semasa menerima permohonan projek baru bekalan elektrik dan air sama ada daripada individu, JKK, pemimpin tempatan mahupun agensi kerajaan di peringkat negeri.

Berdasarkan permohonan ini kementerian akan bekerjasama dengan kerajaan negeri melalui Pejabat Pembangunan Negeri dan Jabatan Pembangunan Persekutuan untuk menyenaraikan projek mengikut keutamaan berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Dalam hal ini tumpuan diberi kepada negeri-negeri yang masih ketinggalan dari segi liputan bekalan elektrik dan air khususnya negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pahang. Dari segi pemantauan projek, kementerian mengadakan mesyuarat pemantauan secara berkala bersama agensi-agensi yang berkaitan di samping pemantauan secara berterusan oleh pegawai pemantau kementerian yang ditempatkan di setiap negeri. Yang Berhormat bagi Tenom..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nak sambung esok kah ataupun nak..?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Tak, sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, gulung sekarang.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Yang Berhormat bagi Tenom membangkitkan terhadap terdapatnya paip-paip graviti dan air perigi yang usang dan memerlukan penyelenggaraan serta menaik taraf. Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian akan mengambil perhatian akan saranan Yang Berhormat untuk menggantikan paip-paip graviti dan juga air perigi yang telah usang dengan membuat penyelenggaraan serta menaik taraf kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Bajet 2007 yang menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Saya berjanji bahawa perkara yang telah disentuh dan dibangkitkan akan diambil perhatian serius oleh kementerian ini. Bagi perkara-perkara lain yang telah disentuh oleh ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi tidak dapat menjawab atau tidak sempat dijawab, kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan susulan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat di Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, 21 September, hari Khamis esok dan akan dimulakan dengan soal jawab lisan dan selepas itu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan mula menjawab.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.36 malam.